

**PARLIMEN KEDUA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 6</b>	<b>Selasa</b>	<b>26 April 2011</b>
---------------	---------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn</i>	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 50)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator*  
– *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz  
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

32. Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
33. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
57. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
61. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
62. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
63. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani Haji Sulaiman

**Petugas-Petugas Penyata Rasmi (*Hansard*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Selasa, 26 April 2011

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian bagi memastikan pemaju-pemaju perumahan membina lebih banyak rumah mampu milik oleh golongan berpendapatan sederhana di dalam kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab bersekali pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar pada tarikh yang sama kerana ianya menyentuh isu yang sama iaitu keperluan perumahan di kawasan bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin terhadap keperluan perumahan rakyat terutama sekali golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Melalui Dasar Perumahan Negara (DRN), kerajaan mempunyai matlamat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi melengkapkan kemapanan hidup rakyat. Dalam melaksanakan suatu projek perumahan, pemaju swasta akan menjalankan kajian pasaran terlebih dahulu. Selain daripada itu, faktor penawaran dan perkhidmatan turut menjadi faktor penting kepada pemaju sebelum melaksanakan sesuatu projek.

Namun demikian, bagi memenuhi permintaan rumah mampu milik yang tinggi di kawasan kepadatan yang tinggi, kerajaan juga mengguna pakai konsep *public private partnership* (PPP) bagi membangunkan tanah yang dimiliki Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman, konsep ini sedang diguna pakai bagi membangun semua perumahan awam di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) oleh pemaju swasta. Kerajaan-kerajaan negeri juga digalakkan untuk membangunkan tanah yang dimiliki bagi tujuan penyediaan rumah-rumah mampu milik.

Selain daripada itu, Skim Rumah Pertamaku yang telah dilaksanakan oleh Cagamas Berhad juga merupakan satu lagi inisiatif bagi meningkatkan kadar pemilikan rumah di kalangan golongan yang berpendapatan sederhana di Lembah Klang. Inisiatif ini juga menawarkan jaminan kerajaan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi harga rumah di bawah RM220,000.

Ini bermakna, melalui skim ini, pemilik rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan boleh mendapat pinjaman 100 peratus tanpa perlu mengeluarkan 10 peratus wang pendahuluan seperti amalan lazim.

Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama kerajaan negeri telah mengenal pasti lokasi mengikut keperluan pelaksanaan projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga kini, sebanyak 83,376 unit dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 63,166 unit telah disiapkan, sementara 15,800 unit dalam pembinaan dan 440 unit dalam perancangan yang akan dimulakan pembinaannya selewat-lewatnya pada bulan Julai 2011. Terima kasih.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah sudi menjawab tadi. Saya ucapkan terima kasih juga kepada kerajaan kerana telah banyak menubuhkan atau membina rumah-rumah kos rendah ini. Saya hendak menarik perhatian kementerian. Adakah kementerian tahu bahawa banyak juga rumah-rumah kos rendah ini dibina di kawasan yang tidak strategik, di mana tidak ada kemudahan ataupun perkhidmatan awam mahupun jauh daripada tempat-tempat kerja? Saya mahu tahu, apakah pendekatan alternatif kementerian untuk mengatasi kemelut lambakan rumah murah yang tidak terjual di kawasan-kawasan tidak strategik ini?

Apakah kementerian bercadang hendak mengguna pakai formula lain seperti mengambil kira jumlah pendapatan isi rumah, tanggungan seperti bilangan anak sama ada ibu dan bapa ataupun orang OKU duduk bersama bakal pembeli dan tanggungan pasif lain yang turut melibatkan perbelanjaan bulanan di dalam kriteria golongan yang layak membeli rumah kos rendah? Juga, sejauh mana inti pati pelan transformasi NKRA dan juga MBE yang kita tahu seperti objektif kelima NKRA itu yang turut memperuntukkan konsep 1Keluarga 1Rumah ini dapat direalisasikan?

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang pertama kenapa ataupun ada pihak pemaju ataupun pihak kerajaan. Ini disebabkan kebiasaannya rumah-rumah kos rendah terutama sekali rumah-rumah PPR ini adalah dibina oleh kerajaan. Akan tetapi setakat yang saya ketahui, jika sekiranya dibina oleh kerajaan sama ada kerajaan negeri ataupun melalui kementerian saya yang mana kajian lebih awal tentang lokasi –sama ada lokasi itu mempunyai prasarana misalnya jalan raya, elektrik, air dan sebagainya. Kita tidak akan membina rumah-rumah kos rendah ini ataupun rumah-rumah PPR ini di kawasan-kawasan yang terpencil. Ini kerana kita tahu bahawa ianya tidak akan dibeli ataupun disewa oleh orang yang ingin ataupun orang yang layak untuk menyewa.

■1010

Bagi soalan yang kedua, sama ada kerajaan menentukan kriteria tentang pembeli rumah kos rendah, tentang pendapatan isi rumah, berapa ramai yang tinggal termasuklah juga OKU dan sebagainya. Kita hanya berdasarkan kepada kelayakan.

Jika sekiranya pembeli-pembeli ataupun penyewa-penyewa ini pendapatannya kurang daripada RM2,500 maka mereka itu layak, sama ada dia ada mempunyai beberapa orang OKU ataupun apa sahaja di dalam rumah itu, kriteria kita hanya berdasarkan kepada pendapatannya iaitu RM2,500 ke bawah.

Kalau itulah kriteria yang ada pada penyewa ataupun pembeli maka dia layak untuk memiliki rumah tersebut dan ada juga kriteria-kriteria yang lain, yang mana antaranya ialah memang orang itu bermastautin, keutamaan kita berikan kepada orang yang bermastautin. Keduaanya, orang yang tinggal di setinggan yang kita telah pindah, rumah mereka telah dirobohkan oleh kerajaan ataupun melibatkan projek kerajaan. Maka orang-orang inilah sebenarnya yang layak diberikan keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah PPR ataupun rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu *design* yang lebih cantik, kemas dalam membina rumah PPR pada masa akan datang, yang kini dilihat sebagai kotak dengan izin, *pigeon-hole* yang mencerminkan kepadatan penduduk di sesuatu tempat yang kecil tanpa mengira densiti populasi yang sihat. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang pada masa kini kita akan melihat reka bentuk yang sesuai, reka bentuk yang kelihatan seolah-olah ianya bukan rumah murah sebab kita tidak mahu persepsi masyarakat sentiasa menghantui masyarakat bahawa asal tinggal di rumah murah ini, orang ini memang orang miskin. Kita mahu supaya walaupun mereka ini adalah berpendapatan rendah tetapi dari segi *design* dan reka bentuknya adalah reka bentuk yang seolah-olah ia bukan tinggal di rumah kos rendah. Kita juga menyediakan pelbagai kemudahan landskap dan taman permainan kanak-kanak di bawah ataupun di sekeliling kawasan rumah kos rendah.

Jadi, ini di antara pendekatan-pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan. Saya ingin menambah juga bahawa sekarang ini kita masih lagi meneruskan usaha kita untuk membina rumah PPR di seluruh negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, banyak permintaan daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk memenuhi keperluan yang diminta oleh rakyat di negeri-negeri.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga akan dapat membantu kementerian saya apabila kita melaksanakan di peringkat negeri, pertamanya saya ingin cuba minta ialah supaya kita cuba dapat kerajaan negeri membantu tentang soal penyediaan tapak ataupun tanah yang sesuai bagi kita membina rumah kos rendah atau rumah PPR di seluruh negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak mengemukakan soalan tambahan saya ialah, yang pertama sekali berkait dengan sejauh manakah penguatkuasaan oleh pihak kementerian khususnya dalam memastikan pembinaan rumah mampu milik ataupun lebih jauh sedikit ialah rumah kos rendah yang sebelum ini saya difahamkan ada suatu peraturan yang menegaskan sekian *percentage* mohon izin Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi suatu kewajipan kepada pemaju perumahan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah selain daripada pembinaan serta pertambahan bilangan rumah mampu milik, apakah kerajaan bercadang untuk memastikan harga rumah mampu milik itu kerana kita lihat daripada jawapan kerajaan sendiri bahawa kebelakangan ini pegawai kerajaan yang bankrap akibat daripada pinjaman perumahan. Pada tahun 2010 mencecah angka lebih daripada 3,000 orang yang bankrap kerana pinjaman perumahan dan tahun ini sahaja setakat Mac 1,022 orang yang bankrap kerana pinjaman perumahan.

Apakah kerajaan akan mengambil suatu langkah yang lebih konkrit bagi memastikan bahawa bukan sahaja bilangan rumah tetapi harga rumah yang mampu dibayar oleh rakyat kita ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi soalan pertama, di mana pihak swasta kita minta supaya apabila mereka mengemukakan cadangan pemajuan maka ada 30 peratus diperuntukkan kepada bumiputera tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa kawalan itu bukan dibuat oleh kementerian saya. Kawalan itu dibuat oleh kerajaan negeri, di mana kerajaan negeri memperuntukkan supaya 30 peratus projek perumahan yang dibina oleh pihak swasta akan dibina iaitu rumah murah atau rumah mampu dimiliki oleh orang yang berpendapatan rendah.

Jadi tidak ada kawalan dari kementerian saya dan kita hanya mengeluarkan lesen dan apabila lesen dikeluarkan kerana berdasarkan kepada rekomendasi daripada pihak PBT dan juga kerajaan negeri maka kita tidak ada halangan untuk mengeluarkan lesen pemajuan.

Bagi soalan yang kedua, bagaimana kerajaan kontrol harga rumah ataupun *price* kepada rumah mampu milik. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2010 bahawa harga sederhana tidak lebih daripada 220,000 yang akan boleh dimiliki dan boleh dibeli oleh mereka yang berpendapatan sederhana RM3,000 ke bawah iaitu kakitangan ataupun anggota perkhidmatan awam yang berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Adalah disebutkan tadi bahawa ramai pegawai kerajaan ataupun kakitangan perkhidmatan awam yang telah bankrap. Saya percaya dalam suatu skim pinjaman, ia mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Pendapatannya begini, pinjamannya berapa yang boleh diperolehi. Ia sudah ada garis panduan dan *guidelines*. Kalau sekiranya pihak bank memberikan pinjaman lebih daripada kemampuan yang dibuat oleh pegawai kerajaan maka ini di antara penyebab mungkin juga pegawai kerajaan itu akan bankrap.

Akan tetapi ini mungkin di antaranya kecuaiian peminjam itu sendiri. Mungkin kerana dia tidak mengindahkan tentang pinjamannya, mungkin pinjaman ini sebagai pinjaman *private* dan bukan pinjaman yang diluluskan oleh kerajaan.

Kalau diluluskan oleh kerajaan, tidak mungkin pegawai kerajaan itu akan menjadi bankrap sebabnya kerajaan telah pun akan memotong gajinya setiap bulan untuk membayar pinjaman perumahan seperti yang ada di pihak kerajaan sekarang ini. Terima kasih.

**2. Puan Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah purata kos yang ditanggung oleh kementerian bagi seorang pelatih di pusat serenti, jumlah pelatih di Pusat Serenti di seluruh negara serta keberkesanan sistem di pusat-pusat serenti tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit yang telah mengemukakan soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, jumlah purata kos yang ditanggung oleh kementerian bagi seorang penghuni di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik ataupun PUSPEN adalah sebanyak RM19.77 sehari ataupun RM593.10 bagi sebulan. Perbelanjaan ini adalah merangkumi perbelanjaan makan dan minum, emolumen kakitangan dan perkhidmatan serta bekalan.

■ **1020**

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jumlah pelatih di pusat serenti di seluruh negara pula mengikut statistik pada 31 Mac 2011 menunjukkan seramai 5,441 orang yang mana mereka ini sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah.

Berkaitan dengan program-program pemulihan di PUSPEN, didapati keseluruhannya 60 peratus daripada penghuni-penghuni yang menjalani program rawatan dan pemulihan di PUSPEN berjaya dipulihkan. Walau bagaimanapun terdapat juga bekas-bekas penghuni yang tidak dapat mengekalkan kepulihan atau menagih semula ketika menjalani Program Pengawasan Dalam Komuniti.

Proses pemulihan seseorang penagih adalah memakan masa yang panjang dan penagihan dianggap sebagai *chronic relapsing disease* dengan izin. Sesungguhnya demikian, sepanjang tahun 2010 menunjukkan seramai 12,397 orang ataupun 60.5 peratus daripada 20,502 orang kes-kes pengawasan yang tamat tempoh pengawasannya pada tahun tersebut telah berjaya membebaskan diri mereka daripada penagihan dadah. Manakala sejumlah 7,735 orang atau 37.7 peratus telah menagih semula dan 370 orang atau 1.8 peratus telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di antara program-program rawatan dan pemulihan yang dijalankan di PUSPEN adalah seperti berikut:

- (i) terapi – melalui aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling serta penubuhan kumpulan sokongan bantu keluarga atau dengan izin, *family association* di PUSPEN;

- (ii) pendidikan latihan dan vokasional dalam pelbagai bidang kemahiran kepada penghuni PUSPEN seperti kursus automotif, kursus kenderaan motor, kursus seni bina serta kursus-kursus lain dengan kerjasama GIATMARA Malaysia semasa menjalankan program di PUSPEN;
- (iii) program sukan dan riadah bagi meningkatkan tahap disiplin kemahiran dan kesihatan di kalangan penghuni-penghuni;
- (iv) kumpulan bimbingan rakan sebaya yang dianggotai oleh bekas-bekas penagih dadah untuk membantu usaha-usaha pemulihan di dalam PUSPEN;
- (v) program rawatan perubatan dan kesihatan yang meliputi aktiviti pemeriksaan kesihatan, pendidikan kesihatan melalui ceramah, brosur dan pameran dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vi) pendidikan agama dan moral untuk penghuni-penghuni daripada pelbagai kaum bagi membantu membentuk moral dan memantapkan aspek kerohanian penghuni dalam menghadapi masalah ketagihan;
- (vii) program pendidikan sivil dan tatanegara disediakan untuk menjadikan penghuni PUSPEN seorang individu yang produktif dan berguna kepada keluarga serta negara; dan
- (viii) program integrasi semula dalam masyarakat. Melalui program seperti khidmat masyarakat yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong, mengecat rumah OKU atau orang tua dan membersihkan kubur bagi membantu penghuni mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat apabila mereka keluar daripada PUSPEN.

Terima kasih.

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah menjawab sebahagian daripada soalan tambahan saya. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya dan mahu penjelasan.

Pusat serenti ini dikatakan telah diberi penjenamaan semula dipanggil PUSPEN, sama ada betul atau tidak. Pertamanya, di pusat serenti penagih yang masuk itu adalah dengan Perintah Mahkamah. Selainnya dimaklumkan ada pusat rawatan berbentuk harian di mana mereka boleh datang rawat dan pulang.

Jadi kepada rawatan harian ini, apakah program untuk mereka sama ada berkesan ataupun tidak dan juga di dalam pusat serenti sendiri, banyak aduan mengatakan bahawa keadaan di dalam pusat serenti ini tidak selesa dan telah menimbulkan banyak keresahan di kalangan keluarga dan juga pelatih-pelatih itu sendiri. Maka terjadilah berbagai-bagai perkara seperti kebakaran, membakar pusat serenti itu dan rusuhan.

Memandangkan jumlahnya begitu tinggi, daripada jawapan kepada soalan pada hari Ahad, jumlah untuk program rawatan dan pemulihan ialah 95 juta, program pencegahan tadi 66 juta...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan. Tidak payah huraikan lagi.

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** Soalannya, apakah ada langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan pusat-pusat serenti? Satu lagi soalan iaitu yang dimaksudkan di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi 20,502 orang, adakah itu di dalam pusat serenti atau rawatan harian atau ada lagi angka-angka yang mungkin kita tidak tahu yang dikira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan penjenamaan semula pusat serenti ini, memang daripada segi nama telah diubah. Dahulu pusat serenti. Jadi seolah-olah tidak memberi imej yang begitu baik kepada proses pemulihan penagih-penagih ini. Jadi oleh sebab itulah kita telah menjenamakan semula PUSPEN, pusat serenti.

Berkaitan dengan program harian, program harian ini Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini AADK telah menubuhkan satu klinik yang dipanggil *Cure and Care* (C&C 1Malaysia) yang mana mengikut daripada tindakan ataupun asas dalam kita melaksanakan Klinik *Cure and Care* ini adalah berasaskan daripada tindakan mengambil beberapa rawatan yang boleh diperolehi oleh penagih-penagih dadah. Sama ada ia dimasukkan sebagai *inpatient* ataupun *outpatient*. Jadi kalau misalannya *outpatient* di mana sebelum seseorang penagih itu datang, ini merupakan secara sukarela. Maka ia akan diuji dahulu. Jikalau ia tidak begitu berat, maka ia dianggap sebagai *outpatient* dan mendapat rawatan dari semasa ke semasa untuk mendaftar di pusat PUSPEN bagi melaksanakan program-program rawatan. Bagi program-program untuk penagih-penagih *inpatient* atau penagih sebagai *residence* di pusat Klinik *Cure and Care* ini di mana ia ada beberapa pakej yang boleh dibuat terhadap penagih-penagih ini.

Di bawah program ini, daripada segi perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan rawatan ini adalah berasaskan daripada pengisiannya yang mengandungi asas berkaitan dengan kepulihan awal mereka, pencegahan *relapse*, terapi kekeluargaan dan juga kelompok sokongan sosial yang mana ini memerlukan mereka duduk di dalam Klinik *Cure and Care* ini. Pada masa mereka berada di dalam Klinik *Cure and Care* ini, maka mereka akan dirawat melalui proses-proses yang hala tujunya seperti saya nyatakan tadi adalah berkaitan dengan kepulihan, pencegahan *relapse* dan juga berkaitan dengan kekeluargaan. Dengan penerapan program-program inilah, kalau keadaannya tidak begitu parah ia boleh dirawat dalam satu bulan. Selepas itu mereka dikeluarkan daripada Pusat *Cure and Care* ini.

#### ■1030

Keadaan pusat serenti yang dikatakan tidak begitu selesa. Jadi, ini merupakan satu pusat di mana kita menahan pihak-pihak penagih dadah yang mana kita dari semasa ke semasa sentiasa untuk memperbaiki keadaan pusat serenti ini supaya apa yang kita hendak lihat bahawa proses pemulihan penagih-penagih ini dapat kita laksanakan dengan begitu baik dan lancar.

Walau bagaimanapun, berkaitan dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator tadi bahawa ada terdapat kebakaran yang berlaku. Ini adalah disebabkan ada setengah Pusat Serenti di mana penagih-penagih yang dimasukkan ke pusat serenti ini adalah merupakan penagih yang mempunyai sejarah yang dari latar belakangnya daripada segi rekod yang kurang baik. Jadi, mereka inilah yang sentiasa mempengaruhi rakan-rakan yang ada di dalam pusat serenti ini dan inilah yang menyebabkan boleh berlakunya keadaan seperti rusuhan atau membakar tempat ini. Walau bagaimanapun, kes ini adalah merupakan kes yang *isolated*, maknanya cuma dalam sekali atau dua kali pernah berlaku tetapi walaupun dua kali pernah berlaku, jaraknya begitu jauh.

Berkaitan dengan angka yang saya nyatakan tadi berkaitan dengan 2,502 orang kes. Ini merupakan kes pengawasan yang mana ia merupakan penagih-penagih yang telah dipulihkan dan selepas proses pemulihan dibuat, maka mereka penagih-penagih yang dipulihkan ini diletakkan di bawah pemulihan selama dua tahun. Jadi, yang 2,502 orang ini adalah orang OKP ataupun orang pengawasan. Jadi bukan penagih-penagih dadah ini.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah yang pertamanya, jumlah pelatih ataupun penagih dadah yang masuk pusat serenti ini 20,000 lebih. Kita percaya jumlah penagih yang sebenarnya di dalam negara kita adalah lebih banyak daripada itu. Sekarang ini saya difahamkan ada pusat pemulihan yang dikendalikan oleh pihak swasta, salah satunya di Kedah dan saya pun tidak melawat lagi, di Kuala Nerang yang bernama Inabah, yang menjalankan pemulihan secara Islam. Dia tidak menggunakan *drug* dan sebagainya. Mengguna kaedah pendekatan Islam dan dikhabarkan ianya cukup berkesan. Begitu juga suatu pusat pemulihan lagi di Kelantan yang bernama Baitul Taubah di Kelantan dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sendiri dan menggunakan pendekatan secara Islam dan dikhabarkan berjaya. Dia tidak panggil pelatih. Dia panggil anak bina.

Jadi, pertanyaan saya yang pertama, adakah kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan kaedah perubatan Islam bagi menjalankan pemulihan kepada penagih-penagih dadah ini dan yang keduanya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk membantu pusat rawatan swasta yang mana mereka ini telah membantu kerajaan bagi pemulihan dadah. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan penagihan dadah sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa penagihan dadah ini adalah merupakan *is a chronic relapsing case disease*. Jadi, maknanya dalam proses pemulihan ini walau bagaimanapun kita terdapat ada *relapsing* dalam kes-kes ini.

Sehubungan dengan apa tindakan yang telah kita ambil, bukan sahaja apa yang telah saya nyatakan tadi bahawa kita ada juga menerapkan program pendidikan agama dan moral kepada mereka ini. Selain daripada itu, kita juga ada melibatkan NGO-NGO yang mana terlibat daripada pihak-pihak yang ada kemahiran dalam agama, dalam pemulihan melalui komuniti.

Maka, pihak AADK juga menggunakan melalui persatuan-persatuan yang menggunakan pendekatan secara Islam ini. Jadi, bagi AADK, kita apa jua bentuk yang boleh memberi kebaikan kepada penagih untuk pemulihan, kita akan menggunakannya.

**3. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, dengan bertambahnya pembekal perkhidmatan internet meliputi kawasan yang sama, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan perkhidmatan internet jalur-lebar diperluaskan ke seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap nasib rakyat Malaysia yang mungkin tertinggal dari menikmati perkhidmatan jalur-lebar. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat sebanyak sepuluh syarikat utama yang menyediakan perkhidmatan internet jalur-lebar menggunakan teknologi berwayar dan tanpa wayar. Berdasarkan liputan jalur-lebar yang sedia ada, Malaysia telah mencapai penembusan jalur-lebar isi rumah sebanyak 57.9 peratus atau 3.84 juta isi rumah.

Tidak dinafikan bahawa penyediaan perkhidmatan jalur-lebar lebih tertumpu di kawasan bandar kerana terdapat kesedaran dan permintaan yang tinggi daripada penduduk dan syarikat-syarikat perniagaan. Walau bagaimanapun, penyediaan perkhidmatan jalur-lebar di pinggir dan di luar bandar sentiasa diberi penekanan. Pihak kementerian dan SKMM telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan jalur-lebar serta memberi kesedaran dan merangsang permintaan terhadap kepentingan jalur-lebar.

Antara inisiatif yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian di seluruh negara ialah pelaksanaan pusat jalur-lebar komuniti atau PJK, pusat kampung tanpa wayar dan pemberian komputer riba di bawah projek komputer 1Malaysia. Selain dari itu, di bawah Pelan Transformasi Ekonomi, pihak kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkenaan juga sedang melaksanakan sepuluh projek permulaan berkaitan kandungan komunikasi dan infrastruktur bagi mempercepatkan lagi penyediaan jalur-lebar ke seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Kita sedia maklum penggunaan internet ini sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Umpamanya, rakyat Malaysia berbelanja sebanyak RM1.8 bilion secara *online* bagi pembelian produk dan perkhidmatan sepanjang tahun 2010.

Soalan-soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian mempunyai jawatankuasa penilai bagi memastikan setiap pembekal perkhidmatan internet benar-benar melaksanakan program peluasan internet secara efektif terutamanya di kawasan bandar di Sarawak misalnya. Soalan kedua ialah awal Januari 2010 kementerian ada membuat kenyataan bahawa menyasarkan untuk membuka 43 pusat jalur-lebar di seluruh negara dalam tempoh dua tahun.

**■1040**

Jadi saya hendak tahu di manakah lokasi dan maksud yang dikatakan pusat-pusat jalur lebar ini. Apakah hanya tertumpu di perpustakaan desa atau di sekolah atau pusat perkhidmatan masyarakat, mohon penjelasan. Akhir sekali saya mohon tahu mengapa masih wujud isyarat atau signal dengan izin yang tidak memuaskan bagi penggunaan Internet jalur lebar di bandar-bandar besar di Lembah Kelang ini. Apa masalah dan faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku, mohon penjelasan, terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator bertanya sebenarnya tiga pertanyaan. Saya ingin menjawab pertanyaan yang kedua dahulu iaitu berkenaan dengan pusat jalur lebar. Pusat jalur lebar bukan sahaja tertumpu di sesuatu tempat atau di sesuatu pejabat namun ianya adalah tersebar luas di seluruh negara. Misalnya semua pejabat penerangan dijadikan pusat jalur lebar mini dan begitu juga di semua daerah diadakan pusat jalur lebar komuniti atau PJK.

Keseluruhannya sebenarnya pada masa kini terdapat lebih 2,400 pusat jalur lebar di seluruh negara dan semua sekolah menengah akan dijadikan pusat jalur lebar dan sebenarnya cadangan pada awal tahun ini adalah untuk menyediakan 3,100 kampung tanpa wayar dan pada masa kini terdapat 86 buah kampung tanpa wayar yang telah wujud dan beroperasi. Di Sarawak sahaja kerana pilihan raya kita mempercepatkan pelaksanaan di Sarawak, maka Dewan Sarawak sahaja kita dapat 78 buah kampung tanpa wayar. Ini tidak termasuk pusat-pusat jalur lebar yang sedia ada.

Yang Berhormat, berkenaan dengan kualiti layaran *internet*, memang betul apa Yang Berhormat katakan tadi iaitu di banyak tempat terdapat kualiti yang tidak memuaskan. Lebih-lebih lagi terdapat ramai pengguna *internet*, maka jalur lebar ini adalah satu-satunya yang boleh diibaratkan sebagai sebatang jalan dan sekiranya pesat penggunaan, maka kelajuannya ada berkurangan. Oleh yang demikian, memang dalam perhatian kementerian untuk mengawal supaya pemberi-pemberi perkhidmatan akan sentiasa mengawal kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh mereka.

Dan kita secara tidak langsung iaitu melalui SKMM sentiasa berbincang dengan pemberi-pemberi perkhidmatan dan menegur di mana perkhidmatan mereka terdapat tidak memuaskan. Ini secara sedikit sebanyak kementerian menilai perkhidmatan yang disediakan oleh pemberi-pemberi perkhidmatan dan berkenaan dengan adakah tidak kerajaan mengetahui berkenaan dengan pembelian *online* iaitu adalah dari segi pembelian itu adalah bidang kuasa kementerian lain, namun perkhidmatan untuk kegunaan oleh pembeli-pembeli *online* ini adalah dijaga dan sentiasa dipantau oleh kementerian. Terima kasih.

**4. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang menawarkan bantuan secara khidmat guaman percuma kepada warganegara yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan mampu menegakkan kedaulatan undang-undang seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat senator Puan Hajah Zainun atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan sentiasa memastikan bahawa kedaulatan undang-undang di negara ini dipelihara dan ditegakkan.

Sejajar dengan hasrat tersebut, kerajaan secara kerjasama pintar dengan Majlis Peguam Malaysia telah menubuhkan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ataupun dikenali sebagai YBGK pada 25 Januari tahun ini dengan tujuan untuk memberikan bantuan guaman dan khidmat nasihat percuma kepada mana-mana sahaja warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan guaman dalam perkara jenayah kecuali bagi kesalahan yang membawa hukuman mati di peringkat tangkapan, reman ataupun tahanan dan permohonan ikat jamin. Pada masa ini mereka yang berpendapat kurang daripada RM25,000 setahun layak dipertimbangkan untuk menerima perkhidmatan YBGK.

Dengan tertubuhkan YBGK semua warganegara mendapat jaminan mengenai hak seseorang yang ditangkap untuk dibela oleh peguam. Jaminan ini adalah selaras dengan fasal (3), Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut; *“Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-asalan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya”*. Jaminan mengenai hak orang yang ditangkap untuk diwakili dan dibela oleh peguam juga merupakan jaminan di bawah seksyen 255 Kanun Tatacara Jenayah.

Perkara ini telah ditekankan oleh Hakim Hashim Yeop A. Sani dalam kes *Ooi Ah Phua v Officer-in-Charge Criminal Investigation*, Kedah/Perlis [1975] 1 MLJ 93 seperti yang berikut; *“To begin with it should be noted that Article 5(3) of our Constitution does not introduce an entirely new right but merely re-states a right which has existed in some form before the Constitution. Section 255 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap. 6) and section 250 of the Criminal Procedure Code (SS Cap. 21) already granted to, “every person accuse before any criminal court”, the right to be defended by an advocate. Article 5(3) of our Constitutions now guarantees this right and at the same time has converted it into a constitutional provisions”*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berhubung dengan hak tersebut Hakim Edgar Joseph Jr dalam kes *Sim Kee Guan v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 382 menyatakan antara lain bahawa, *“It is obvious from the constitutional and codified provisions aforesaid that the right to consult and be defended is a right of the person arrested...”*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1050

Oleh itu, prinsip kedaulatan undang-undang yang menegaskan mengenai hak kesamarataan di sisi undang-undang serta perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang dengan tidak mengambil kira status ataupun darjat dapat ditegakkan selaras dengan Fasal (1) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

Ia menyatakan bahawa, “Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”, dengan perwakilan dan pembelaan yang wajar serta perbicaraan yang adil, kedaulatan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara akan dapat terus ditegakkan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang membantu dari segi kewangan dan sebagainya kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang melangkaui sejarah sebagaimana negara pertama di rantau ini yang menawarkan khidmat guaman percuma kepada warganegara berpendapatan rendah. Soalan tambahan saya, apakah sebenarnya perbezaan dari segi fungsi dan peranannya antara Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ini dengan Biro Bantuan Guaman (BBG) yang ditubuhkan kerajaan semenjak 1970 lagi?

Sejauh manakah khidmat guaman percuma di bawah YBGK ini meliputi kes-kes juvana yang semakin meningkat semenjak kebelakangan ini dan apakah YBGK bercadang memberi khidmat peguam meliputi kes-kes bukan jenayah serta, berapakah bilangan peguam yang turut serta bersama Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) ini di seluruh negara dan sejauh manakah kerajaan dapat memastikan komitmen peguam-peguam ini memandangkan mereka juga terpaksa mencapai KPI masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini yang melibatkan begitu banyak isu yang saya akan cuba menjawab.

Pertamanya mengenai perbezaan antara Jabatan Bantuan Guaman dan juga YBGK ini. Jabatan Bantuan Guaman yang sebenarnya adalah dikendalikan oleh pihak negeri, manakala Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ini adalah untuk seluruh negara. Perbezaannya sebelum ini ialah di mana mengenai kualifikasi seseorang pemohon untuk mendapatkan bantuan. Buat setakat ini di bawah YBGK, seseorang yang berpendapatan tidak melebihi RM25,000 akan dapat bantuan guaman apabila mereka telah pun dihadapkan ke mahkamah. Akan tetapi Jabatan Bantuan Guaman juga memberi bantuan di mana pendapatan itu tidak melebihi daripada RM30,000. Di bawah YBGK, sekiranya pendapatan itu di antara RM26,000 sehingga RM36,000, bantuan juga akan diberikan tetapi buat setakat ini belum lagi dirangka oleh pihak lembaga pengarah tetapi akan juga kena bayar beberapa ratus ringgit. Akan tetapi di bawah bantuan Jabatan Bantuan Guaman, yang berkenaan itu kena bayar RM300 sekiranya pendapatan mereka tidak melebihi daripada RM30,000.

Mengenai berapa bilangan peguam yang telah pun ada dalam YBGK ini, saya difahamkan bahawa Majlis Peguam telah pun meletakkan *membership* tidak kurang daripada seribu peguam di seluruh negara yang akan memberi perkhidmatan secara pelantikan daripada pihak YBGK.

Penubuhan ini telah pun dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Peguam Negara bersama-sama dengan Presiden Majlis Peguam Malaysia dan juga dengan pihak-pihak persatuan daripada Persatuan Guaman Sarawak dan juga Persatuan Guaman daripada Sabah termasuk juga pihak-pihak NGO. Akan tetapi saya difahamkan pihak NGO belum lagi dilantik untuk dijadikan ahli lembaga ini. Ini adalah satu kemajuan yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa semua rakyat yang terlibat dalam golongan ini diberikan bantuan guaman secara percuma. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan isu ini. Kita difahamkan bahawa khidmat untuk kes-kes melibatkan harta sepencarian dan harta pusaka tidak akan diberikan oleh pihak Jabatan Khidmat Guaman ataupun Yayasan Bantuan Guaman ini kerana dikatakan mereka mempunyai harta. Dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula isu berkenaan dengan tidak boleh kita mewakili mana-mana orang yang mempunyai tuntutan terhadap harta sepencarian dan juga harta pusaka kerana kita faham bahawa walaupun mereka mempunyai harta pusaka, tetapi pendapatan mereka sendiri masih lagi di bawah paras RM2,000. Itu yang pertama.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu unit di bawah yaysan ini ataupun di bawah jabatan bagi memberikan khidmat khususnya untuk guaman syarie bagi warganegara asing kerana mereka ini tidak akan boleh diwakili oleh peguam daripada negara mereka, tetapi hanya boleh diwakili oleh peguam syarie sahaja dan pendapatan mereka kebanyakannya kurang daripada RM2,000.

Adakah pihak kerajaan bercadang untuk meminda atau membuat satu unit khusus bagi memastikan masalah rumah tangga melibatkan kes syarie antara warga asing dengan rakyat Malaysia ini diselesaikan melalui biro ataupun yaysan ini. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz atas soalan tambahan ini. Pertamanya ialah objektif penubuhan YBGK adalah untuk memberikan bantuan guaman dalam perkara jenayah sahaja kepada pihak golongan yang berkenaan. Jadi mengenai mereka yang terlibat dengan perbicaraan dalam kes-kes pusaka dan semuanya, ini tidak termasuk dalam objektif YBGK. Selain daripada itu, bantuan ini juga diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Jadi warga daripada negara lain tidak akan dapat bantuan daripada YBGK, tetapi warga asing yang terlibat dalam kes-kes seperti kes di mana hukumannya adalah hukuman gantung, mereka akan diberikan perkhidmatan melalui *assign council* daripada mahkamah kerana mereka yang menghadapi perbicaraan dalam seksyen 302, *Penal Code* ataupun menghadapi seksyen 39A, Akta Dadah Berbahaya, mereka boleh di *assign council* oleh pihak mahkamah. Itu hanya kepada warga asing sahaja yang terlibat dalam kes-kes seperti yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

5. **Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Menteri Kesihatan menyatakan, kebelakangan ini semakin banyak produk kesihatan dan kosmetik terdapat di pasaran atau melalui jualan langsung. Adakah kementerian membuat pemantauan dan pemeriksaan terperinci ke atas kandungan bahan-bahan yang digunakan, kualitinya dan sukatannya mengikut peraturan, agar tidak memudaratkan kesihatan pengguna.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia produk-produk *supplement* kesihatan dan kosmetik adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952, Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (Semakan) 2009. Semua produk *supplement* kesihatan yang dipasarkan di Malaysia perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah atau PBKD manakala produk kosmetik perlu melalui prosedur notifikasi sebelum ianya boleh dikilangkan, diimport atau dijual.

#### ■1100

Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan atau BPFK Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Program Pengawasan Kualiti Produk Berdaftar dan Kosmetik Bernotifikasi bagi memastikan produk suplemen kesihatan dan kosmetik yang berada di pasaran adalah berkualiti dan selamat kepada pengguna. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah program ini antaranya adalah pensampelan dan pengujian produk. Sampel produk kesihatan dan kosmetik diambil dari premis syarikat atau pasaran untuk ujian kualiti bagi memastikan produk tersebut mematuhi piawaian kualiti yang ditetapkan.

Pada tahun 2009 dan tahun 2010, sebanyak 2,531 dan 2,897 sampel produk telah diambil untuk pemantauan. Ini termasuk produk-produk yang dikilangkan untuk jualan langsung. Semakan label dan tuntutan produk juga dijalankan bagi memastikan label dan tuntutan produk mematuhi keperluan pelabelan yang telah ditetapkan. Penyaringan maklumat dan formulasi produk kosmetik dijalankan bagi memastikan ia bebas daripada bahan terlarang dan semua bahan yang digunakan adalah dalam had yang dibenarkan. Di samping itu, pemantauan kesan *adverse* akibat penggunaan produk kesihatan dan kosmetik dilakukan bagi memastikan tahap keselamatan produk ke atas pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan relatif seperti amaran atau pembatalan pendaftaran produk dan pembatalan notifikasi kosmetik akan dikenakan terhadap produk-produk yang gagal mematuhi keperluan yang ditetapkan. Susulan daripada pembatalan pendaftaran produk, suplemen kesihatan dan notifikasi kosmetik, syarikat pemegang pendaftaran produk dan notifikasi bertanggungjawab membuat tindakan panggil semula semua produk terlibat daripada pasaran dan melupuskannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklumat mengenai produk yang telah dibatalkan pendaftaran dan notifikasi kan dimaklumkan kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar atau dipaparkan di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi iaitu [www.farmasi.gov.my](http://www.farmasi.gov.my) dan BPFK iaitu [www.bpfk.gov.my](http://www.bpfk.gov.my) dan orang ramai digalakkan untuk membuat aduan jika terdapat sebarang keraguan terhadap kualiti dan keselamatan produk suplemen kesihatan dan kosmetik yang digunakan untuk tindakan *regulatory* selanjutnya. Terima kasih.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ingin mahu bertanya tentang kebelakangan ini masih terdapat produk kosmetik yang mengandungi bahan yang telah diharamkannya penggunaannya iaitu *hydroquinone* kalau tidak salah saya. Ia masih lagi terdapat. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk produk-produk farmaseutikal yang haram digunakan ya. Izinkan saya untuk menerangkan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya semasa proses pendaftaran produk, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewajibkan setiap pemegang pendaftaran produk memberikan maklumat Yang Berhormat ya berkaitan pengilangan ubat dan mengisytiharkan pada label ubat sekiranya ada bahan seperti *magnesium steroid* ya dengan izin, contohnya gliserin ataupun gelatin daripada sumber haiwan yang digunakan semasa proses pengilangan ubat tersebut Yang Berhormat. Diharapkan dengan adanya deklarasi sumber ini, orang awam akan dapat menilai dan juga membuat pilihan untuk membaca label produk tersebut sebelum membeli sesetengah produk.

Untuk tambahan Yang Berhormat, pada masa yang sama, sebenarnya kementerian saya ingin menjelaskan membenarkan penggunaan logo Halal yang dikeluarkan dan diperakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ataupun JAKIM untuk ubat kategori suplemen kesihatan, ubat tradisional, dan produk kosmetik. Pada masa yang sama Yang Berhormat, kementerian bersedia untuk mengkaji keperluan dalam membenarkan penggunaan logo Halal untuk ubat kategori lain. Ini untuk pengetahuan Yang Berhormat ya.

Untuk menjawab secara jelas mengenai persoalan yang dibangkitkan sebentar tadi, izinkan saya mengatakan di sini bahawa kementerian menguatkuasakan keperluan pengisytiharan dan juga pelabelan bahan-bahan yang berasal daripada sumber haiwan ya pada semua ubat yang berdaftar dan pendaftaran sesuatu ubat boleh digantung atau pun dibatalkan Yang Berhormat sekiranya pemegang pendaftaran gagal memenuhi keperluan dan memberikan maklumat palsu mengenai kandungan ubat dan kapsul yang telah digunakan. Selain daripada tuntutan agama, maklumat sumber haiwan adalah penting untuk mereka yang mempunyai alahan ya Yang Berhormat. Contohnya alahan kepada makanan laut dan pengguna serta pesakit selalunya kita nasihatkan supaya membaca label sebelum membeli produk untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, kita masih dapat melihat banyak produk kesihatan yang dijual di pasaran tidak mempunyai kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Jadi, apakah dasar kementerian terhadap pengguna apabila mereka menggunakan produk sebegini dan nyatakan juga usaha kementerian dalam menangani masalah sedemikian supaya rakyat sedar bahawa setiap produk itu haruslah mempunyai kelulusan Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dasar kementerian Kesihatan adalah untuk memastikan semua produk-produk yang dipasarkan dalam negara kita adalah produk-produk yang mendaftarkan dengan Kementerian Kesihatan. Sudah tentu untuk produk-produk ini kementerian memastikan bukan sahaja produk-produk ini didaftarkan tetapi produk-produk ini mestilah produk-produk yang berkualiti, selamat, dan berkesan kepada pengguna yang menggunakannya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak Kementerian Kesihatan menggalakkan masyarakat khususnya rakyat kita untuk sedar ya bahawa setiap produk yang digunakan itu sebenarnya telah berdaftar melalui notifikasi di dalam ubat-ubatan yang dipasarkan tersebut. Selain menguatkuasakan peraturan serta undang-undang yang terlibat, kementerian juga menjalankan aktiviti promosi dan meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna mengenai kewujudan ubat-ubat di pasaran kita pada ketika ini.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan Yang Berhormat untuk pengetahuan termasuklah ceramah-ceramah dan pameran contohnya seperti ceramah *Quality Used of Medicine* dengan izin, kepada pengguna dan pengguna juga boleh mendapatkan maklumat di laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my) atau pun [www.farmasi.gov.my](http://www.farmasi.gov.my) sesawang [www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my) juga boleh digunakan sebagai rujukan pengguna kita di negara ini. Ceramah-ceramah yang dijalankan Yang Berhormat meliputi pengguna-pengguna di peringkat sekolah dan juga di pengajian tinggi IPTA dan IPTS. Pada tahun 2010 sahaja sebanyak 381 ceramah 512 pameran telah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan tambahan itu kita juga sering mengadakan dialog di antara kementerian dengan pihak media untuk meningkatkan kesedaran media supaya tidak menerbitkan artikel yang mungkin mengelirukan pengguna.

#### ■1110

Untuk tambahan Yang Berhormat kepada persoalan yang diajukan, suka saya berkongsi di sini bahawa tindakan juga telah diambil secara proaktif oleh Kementerian Kesihatan di mana pada tahun lepas kita telah menarik balik notifikasi kepada 12 produk kosmetik. Di samping itu, pihak kementerian juga telah menarik balik empat lesen pengilang yang telah melakukan kesalahan mencampur palsu ubat-ubatan ataupun produk mereka. Di peringkat pendakwaan, kita telah membawa sebanyak 689 kes ke mahkamah disebabkan oleh kesalahan-kesalahan yang pelbagai yang melibatkan produk-produk farmaseutikal di negara kita.

Dari segi rampasan, pihak kementerian telah merampas barang-barang yang tidak berdaftar sejumlah 21.5 juta sahaja pada tahun lepas.

Inilah antara tindakan-tindakan tegas yang dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan produk-produk kesihatan yang ada di pasaran negara kita adalah produk-produk yang selamat dan berkesan untuk penggunaan pengguna-pengguna kita di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah pemantauan kerajaan terhadap sektor import eksport sehinggakan keluar masuk barangan tidak dapat dikesan yang mungkin barangan itu tersenarai di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 yang boleh mengancam keselamatan negara.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini pada 6 Mei yang lalu telah meluluskan Akta Perdagangan Strategik 2010 dan akta ini telah digazetkan pada 10 Jun tahun lalu dan ianya telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Akta ini ialah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap satu resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Resolusi 1540 yang telah pun diluluskan pada April 2004.

Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu ini dilaksanakan berikutan risiko yang berbangkit daripada percambahan senjata pemusnah besar-besaran ataupun dengan izin, *weapons of mass destruction* serta bahaya yang timbul daripada pembangunan dan penggunaan teknologi dan senjata sedemikian secara tidak bertanggungjawab. Selepas serangan 11 September 2001, terdapat kebimbangan bahawa pihak penganas mungkin akan giat berusaha untuk mendapatkan senjata sedemikian. Begitu juga dengan keganasan di merata dunia. Itu latar belakang kenapa akta ini diperkenalkan.

Akta ini memperuntukkan antara lain kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barangan strategik sama ada tersenarai ataupun tidak, aktiviti yang berkaitan serta teknologi yang boleh menyebabkan percambahan senjata pemusnah besar-besaran. Kawalan ini akan dilaksanakan melalui pengeluaran permit kepada aktiviti eksport, import dan juga dengan izin, *transshipment*. Akta ini ada konsisten dengan agenda keselamatan negara dan obligasi antarabangsa. Dalam melaksanakan akta ini, Malaysia akan memastikan penguatkuasaan yang ketat dibuat berasaskan kepada penalti yang berat seperti mana yang diperuntukkan di dalam akta.

Walau bagaimanapun, MITI akan turut memastikan akta ini dilaksanakan tanpa menjejaskan aktiviti perdagangan negara terutamanya eksport serta aktiviti pelabuhan sebagai hab transit dan *transshipment* dirantau ini. MITI berpegang kepada prinsip bahawa pelaksanaan SGA akta ini harusnya memberi tumpuan kepada fasilitasi ataupun kemudahan perdagangan antarabangsa dan bukannya untuk menubuhkan halangan ataupun sekatan. Antara faedah dengan pelaksanaan ke atas akta ini ialah:

- (i) meningkatkan imej Malaysia serta keyakinan pelabur untuk melabur di negara kita;
- (ii) memudahkan urusan eksport barangan teknologi tinggi daripada Malaysia;
- (iii) melindungi negara dan pengeksport Malaysia daripada dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab; dan
- (iv) membolehkan Malaysia menyumbang kepada kestabilan dan keamanan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan akta ini, MITI dan tiga agensi yang lain iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Bahagian Perkhidmatan Farmaseutikal dan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan permit. MITI juga bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Multimedia Commission* dalam melaksanakan penguatkuasaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemantauan eksport barangan strategik di bawah akta ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merupakan Menteri yang bertanggungjawab terhadap akta ini dan berkuat kuasa melantik pengawal serta Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik untuk mentadbir akta ini. Pengawal sudah pun dilantik dan pejabatnya di MITI dan kami bekerjasama rapat dengan jabatan lain termasuklah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana akta ini adalah penting dan baru dilaksanakan, maka pihak MITI telah melaksanakan beberapa *outreach program* untuk menghebahkan akta ini kepada orang ramai supaya mereka memahami kandungan akta iaitu perlunya diambil permit dan juga penalti-penalti yang dikenakan sekiranya tidak mematuhi akta tersebut. Setakat ini lebih kira-kira 60 program *outreach* telah pun diadakan kepada syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia termasuk juga kepada perusahaan kecil dan sederhana. Langkah ini penting untuk meningkatkan kesedaran sektor korporat tentang keperluan untuk mematuhi akta ini dan juga untuk memaklumkan mereka tentang penalti yang berat yang dikenakan sekiranya melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Dengan adanya akta ini, kita yakin Malaysia akan tidak digunakan sebagai pangkalan ataupun sebagai tempat transit untuk mengeksport ataupun mengimport barang-barang yang dianggap sebagai strategik.

Sebagai makluman seterusnya kepada Ahli Yang Berhormat, terdapat 11 kategori barangan strategik dalam akta ini termasuklah barang ketenteraan, perkakas nuklear, elektronik komputer, telekomunikasi, sensor dan laser, aeroangkasa dan lain-lain. Sebelas semuanya kategori yang dimasukkan di bawah barangan strategik di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan kepada soalan saya. Soalan tambahan saya ini lebih kepada pelesenan dan penguatkuasaan yang mana banyak agensi yang bukan sahaja di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, malah di bawah Kementerian Dalam Negeri juga terlibat. Pertama ialah setakat akta ini dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun ini, bagaimanakah sambutan daripada syarikat-syarikat tempatan dari segi permohonan permit atau lesen untuk mengeksport barang-barang yang dikategorikan di bawah barangan strategik ini tadi?

Kedua ialah sejak akta ini juga dikuatkuasakan, ada beberapa kes yang barangkali telah dibuat pemantauan dan juga tangkapan. Antara yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya percaya Yang Berhormat Menteri juga tahu hal ini di mana sebuah kapal yang membawa peralatan senjata telah ditahan dan merampas dua kontena yang memuatkan peralatan membuat senjata pemusnah di Pelabuhan Utara, Klang pada 8 Mac yang lalu. Kes ini senyap begitu sahaja, tidak ada laporan selanjutnya dalam media. Itu yang saya hendak tahu kalau ada maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad bin Yusop. Dua soalan. Pertama, sambutan pada akta ini khususnya daripada syarikat-syarikat tempatan.

■1120

Kedua, perkembangan ataupun kemajuan kes yang dilaporkan oleh media bulan Mac. Bahagian pertama berkaitan sambutan. Kami telah – seperti yang saya sebutkan tadi mengadakan kira-kira 60 program untuk berjumpa secara berkumpulan dengan syarikat-syarikat dalam dan luar negara termasuk Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS). Sambutannya amatlah menggalakkan. Setakat ini 52 syarikat, mengikut peraturannya syarikat-syarikat hendaklah berdaftar.

Kalau mereka hendak eksport ataupun mengimport barangan yang tergolong dalam 11 kategori tersebut, yang saya sebutkan tadi mereka perlu mendaftar. Setakat ini 52 syarikat telah pun berdaftar dan pendaftarannya boleh dibuat secara *online* ataupun manual pada peringkat awalnya. Cuma *online*, akan tetapi pihak MITI telah pun membolehkan, membenarkan syarikat juga membuat pendaftaran secara manual.

Jadi, 52 syarikat telah pun mendaftar dan sebenarnya empat syarikat telah pun diluluskan permit untuk eksport. Daripada empat syarikat ini satu merupakan syarikat tempatan, tiga syarikat multinasional, satu tempatan yang menjalin hubungan dengan pelabur asing. Jadi, sambutannya baik, tidak ada masalah tahap kefahamannya. Walaupun belum sepenuhnya, akan tetapi kita yakin menjelang hujung tahun ini kebanyakan firma, syarikat akan mengetahui kandungan akta ini, perlunya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Keduanya, berkaitan dengan kes yang dilaporkan dalam media. Ini berlaku pada awal bulan Mac tahun ini. Oleh kerana perkara ini masih dalam siasatan maka adalah tidak wajar untuk dihebahkan hasilnya dari semasa ke semasa kerana ini sub judice.

Akan tetapi saya hendak beri jaminan bahawa pihak kerajaan dan agensi-agensi penguat kuasanya akan menjalankan siasatan dengan teliti, dengan rapi untuk memastikan bahawa kita berlaku adil kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi, sebagai menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad tadi, kes ini masih lagi dalam siasatan dan adalah tidak wajar untuk kita menghebahkan hasil siasatan kerana belum selesai lagi, belum muktamad terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya memang puas hati. Saya faham soalan ini mengandungi dua bidang ataupun dua bahagian. Satu berkenaan sistem kawalan dan satu lagi ialah mengenai Akta Perdagangan Strategik 2010 yang dikaitkan dengan sistem kawalan yang difikirkan ataupun yang dianggap agak lemah.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri bahawa kelemahan sistem kawalan ini bukan sahaja menjangkau akta yang disebutkan tadi, akan tetapi juga secara menyeluruh meliputi bidang ekonomi, mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Jadi soalan saya yang pertama ialah, diakui kelemahan tersebut, berapakah jika kita nilai kan dalam ringgit Malaysia, berapakah anggaran kehilangan dari segi hasil kerajaan khususnya cukai kastam akibat kelemahan sistem kawalan ini termasuklah antara lain *transfer pricing* dengan izin, penyeludupan, *under declaration* dan sebagainya? Jadi, saya ingin tahulah kalau dapat anggaran diberikan.

Keduanya ialah, untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut dari sudut ekonomi dan dari segi keselamatan negara apakah usaha-usaha baru. Kalau boleh ala *Blue Ocean Strategy* yang sedang dirangka, yang baru dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut agar kehilangan cukai yang saya tanyakan tadi dapat diselamatkan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil negara yang sekarang dianggarkan kira-kira RM160 bilion. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar. Saya jawab bagi pihak kerajaan, bukan bagi pihak MITI kerana soalan ini luas berkaitan dengan *under declaration*, berkaitan dengan *Blue Ocean Strategy*, pendekatan baru untuk membanteras gejala-gejala yang tidak sihat yang dilaporkan melalui media.

Secara umumnya kita memandang serius perkara ini dan langkah-langkah telah pun diumumkan oleh pihak berkenaan untuk mengatasi masalah *under declaration* yang dilaporkan dalam media. Saya ingin memberi jaminan di Dewan yang mulia ini kerajaan memandang serius dan ini penting dalam konteks bukan sahaja untuk membanteras penyelewengan akan tetapi juga untuk meningkatkan hasil negara. Itu umumnya.

Secara spesifik saya – Yang Berhormat Datuk Akbar tanya berapa kehilangan hasil. Ini melibatkan Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam dan lain-lain pihak. Saya tidak dapat menjawabnya. Cumanya saya ingin maklumkan bahawa jumlah perdagangan Malaysia tahun lepas ialah RM1.16 trilion. Itu jumlah perdagangan, RM1.16 trilion.

Kita jangka, kita menganggarkan kira-kira 10 peratus hingga 15 peratus daripada jumlah tersebut melibatkan barangan yang termasuk dalam bidang kuasa kata ini. Barangan ini... sebelas kategori tersebut, barangan ketenteraan, nuklear.

Secara umumnya melibatkan *dual purpose* yang barangan yang boleh digunakan untuk tujuan *civilian*, awam dan juga untuk tujuan tentera. Jadi, ini ada kaitan mungkin dengan soalan Yang Berhormat Datuk Akbar, kira-kira 10 peratus hingga 15 peratus secara keseluruhan eksport perdagangan negara adalah di bawah akta ini. Kita sedia maklum bahawa minyak, LNG dan lainnya, kelapa sawit itu tidak ada kaitan dengan ketenteraan. Jadi, itulah anggarannya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof Husin.

**7. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan apabila kajian menggunakan kaedah bioteknologi terkini menunjukkan 15 peratus produk yang dibungkus dengan kapsul gelatin diperolehi daripada sumber khinzir.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahaim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Soalan ini saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa telah disentuh banyak jawapannya oleh Timbalan Menteri Kesihatan sebentar tadi. Oleh sebab dia ada kena mengena dengan farmaseutikal.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) amat memandang serius mengenai produk farmaseutikal yang dibungkus dengan gelatin positif DNA babi. Ini sebab takut keliru Tuan Yang di-Pertua, DNA ini untuk babi. Oleh itu pada tahun ini, JAKIM telah memperkenalkan standard bagi farmaseutikal halal MS2424 2011 yang membolehkan syarikat farmaseutikal dari Malaysia memohon sijil bagi produk mereka.

Standard ini dibangunkan bersama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti mana Jabatan Standard Malaysia, SIRIM dan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan ringkasnya, BPFK. Sehingga kini sebanyak 141 buah syarikat farmaseutikal yang telah mendapat sijil halal bagi produk mereka. Umat Islam seluruhnya di saran dan diseru supaya membeli produk-produk farmaseutikal yang telah mendapat sijil halal ataupun dengan terus membuat semakan melalui laman web JAKIM, [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Pada masa ini tiada undang-undang yang digunakan yang boleh menyekat penjualan produk-produk di pasaran yang tidak menggunakan logo halal. Bagi JAKIM kita mempunyai autoriti untuk mengambil tindakan terhadap – untuk tidak dapat mengambil tindakan terhadap produk-produk tersebut. Tindakan ini hanya boleh diambil oleh JAKIM sekiranya produk-produk berkenaan mempunyai tanda logo halal atau apa-apa yang membawa maksud yang sama.

Walau bagaimanapun, di bawah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, setiap produk yang perlu diisytiharkan sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebentar tadi, pada labelnya perlu mengisytiharkan sumber halal yang telah digunakan termasuk bahan-bahan haram seperti mana babi.

Sehubungan itu, pengguna perlulah peka, waspada dalam mendapat ubat-ubatan farmaseutikal, *supplement* kesihatan dan ubat tradisional. Pengguna haruslah merujuk kepada pihak berautoriti seperti mana JAKIM sebagai yang saya sebutkan tadi dalam laman webnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapat maklumat lanjut. Pengguna juga disarankan agar mengutamakan produk-produk tersebut bersumberkan halal dan mendapat pengesahan halal serta selamat digunakan.

JAKIM sentiasa bekerjasama dengan lebih berat dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia dalam isu hal yang berkaitan dengan produk-produk farmaseutikal dan JAKIM akan hanya mengumumkan produk yang telah dapat pensijilan halal daripada JAKIM bagi produk farmaseutikal, *supplement* kesihatan dan ubat tradisional di laman web JAKIM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad, soalan tambahan.

■ 1130

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini saya kemukakan apabila Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi setelah membuat kajian menyebut bahawa 15 peratus bahan-bahan ini yang berada di pasaran mengandungi gelatin daripada babi dan ia sudah tentulah sedikit sebanyak termakan kepada orang-orang Islam yang jelas babi adalah haram. Jikalau tidak haram saya pun teringin tetapi benda haram. Tidak boleh makan.

Jadi masalahnya masyarakat kita hendak buka laman web, hendak rujuk di sana-sini terutama kapsul ini yang digunakan dalam mengisi serbuk-serbuk ubat tradisional yang berleluasa dalam negara kita sekarang ini. Saya difahamkan pada tahun lalu pihak USIM telah membuat, mencipta alat khas yang dipanggil kit khas boleh mengesan walaupun bahan gelatin itu ada tiga peratus dia boleh tahu kata ini mengandungi babi. Begitu juga UPM dengan kerjasama Institut Makanan Malaysia mencipta alat yang boleh mengesan bahan-bahan tersebut.

Jadi pertanyaan tambahan saya, adakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk berusaha sama dengan USIM dan UPM supaya alat-alat ini boleh dikembangkan supaya penggunaannya berleluasa boleh digunakan secara besar-besaran oleh masyarakat. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Sememangnya bukan hanya kerajaan sama ada bercadang ataupun tidak, bahkan sebenarnya kerajaan daripada awal bekerjasama dengan pihak UPM dan juga termasuk USIM. Bahkan untuk UPM telah dijadikan sebagai satu medan untuk makmal bagi pihak JAKIM mendapat maklumat daripada sumber-sumber barangan yang ingin memohon bagi mendapat sijil halal bagi pihak JAKIM. Jadi memang *lab* kita ada di UPM untuk tujuan mendapat pengesahan halal dan sebagainya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bahkan sebenarnya kita, kerajaan juga telah memberikan pengistilahan bahkan memberikan anugerah inovasi Islam kepada UPM yang telah mencipta kit ataupun peralatan untuk mengenal pasti bahan yang terdapat di dalam kandungan ubat-ubatan ataupun farmaseutikal ataupun dalam bentuk makanan dalam ada unsur-unsur babi yang tidak dibenarkan ini. Memang dalam konteks kerjasama ini kita sentiasa bergerak erat, berjalan bersama bahkan untuk pertama kali tahun yang lalu dan tahun ini dan akan berterusan kita ada dia panggil Pameran Pengguna Islam dan termasuklah mereka yang mengambil bahagian ini UPM dan juga termasuk daripada USIM.

Selain daripada itu juga kita juga mengusahakan supaya selain sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebentar tadi bahawa bagi produk-produk yang mereka tidak memohon untuk mendapat sijil halal tetapi dia perlukan juga untuk mempamerkan bahan-bahan kandungan atau *ingredient* dengan izin, di dalam di atas kertas ataupun di kotak di pelabelan *sample* barang mereka itu disebutkan bahan-bahan campuran. Cuma saya faham Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin sebab memang kita pun sendiri hendak baca yang itu mungkin kadang-kadang dengan tidak perasan dan dia menggunakan dia punya kalimah sains dia sebab dia akan letak di situ dengan perkataan *DNA Porcine* dengan izin. Itu maknanya dia ada bahan yang bersumberkan daripada unsur tidak halal daripada babi.

Jadi kalau Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin nampak di situ tulis *Porcine* itu, itu *confirm* babi sudah. Jadi yang itu tidak dibenarkan dan buat masa sekarang dalam akta yang sedia ada kita tidak boleh menahan produk tersebut kerana jualannya kepada market yang terbuka tetapi bagi yang telah mendapat sijil halal saya sebutkan tadi ada 141 produk-produk bahan farmaseutikal yang telah mendapat sijil halal yang ini kita boleh pantau kalau dia menggunakan sumber yang tidak halal tetapi dia tuliskan dengan label halal, kita boleh ambil tindakan.

Akan tetapi bagi yang tidak memohon kita masih lagi mengusahakan, mengajak dan saya bersetuju Yang Berhormat Senator sebutkan tadi ada 15 peratus yang masih lagi menggunakan sumber-sumber yang tidak halal tadi dan kita mengusahakan supaya kita meningkatkan, mempergiatkan maklumat kepada rakyat, orang ramai tentang bahan-bahan yang telah mendapat sijil halal dan ini kami uar-uarkan melalui laman web JAKIM sebagaimana saya sebutkan. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana kita telah pun menyedari bahawa terdapat 15 peratus produk hasil gelatin babi ini telah digunakan oleh rakyat Malaysia. Apakah fatwa dan kaedah yang telah dikenal pasti oleh pihak JAKIM khususnya bagi pengguna bagi menyamak setelah mereka menggunakan ataupun memegang kapsul gelatin ini?

Kedua, sekiranya untuk mungkin barangan elektrik kita ada SIRIM yang memang bila lulus SIRIM makna lulus segala-galanya. Di Malaysia ini di bawah kaedah sekarang kita masih lagi menunggu Akta Halal kalau hendak buat.

Sekarang ini persoalannya berapa lama lagi yang kita perlu tunggu untuk dijadikan Akta Halal ini satu kenyataan kerana sudah sekarang 15 peratus mungkin *next time* 10 peratus jadi kita hendak tahu dia punya tahap perkembangan. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih kepada Senator Puan Hajah Mumtaz kepada soalan tadi yang terutamanya mengenai kaedah penyamakan untuk menyamaklah. Kaedah samak dia kekal sebagaimana yang kaedah biasa orang menyamak benda-benda yang termasuk dua sumber najis berat, najis yang disebut dengan *mughallazah* – najis berat kaedahnya tetap sama.

Untuk tujuan selain daripada menyamak untuk tujuan bila kita hendak bentangkan. Sebenarnya untuk tujuan pembentangan ini dia tidak hanya bergantung kepada kementerian saya untuk tujuan bagi penguatkuasaan untuk Akta Perihal Dagangan.

Sememangnya kita bekerjasama begitu dekat dengan beberapa kementerian khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan termasuk juga dengan pejabat AG untuk melahirkan suatu undang-undang. Akan tetapi untuk dalam masa yang sama kita menyusun lebih untuk kita mempercepatkan proses kita meminda Akta APD 1972 untuk supaya kita menyegerakan pindaan ini dan dapat dibentangkan.

Saya mengharapkan kalau dahulu saya sebutkan mungkin dalam Dewan sesi yang lepas dapat kita bentangkan tetapi oleh kerana kekangan penggiliran untuk pembentangan akta ini sebelum dapat pindaan APD tersebut dan saya mengharapkan dengan selesainya teknikal-teknikal yang lain pada sesi yang akan datang dapat dibentangkan untuk supaya ada satu peraturan yang lebih kukuh dan lebih kuat untuk supaya akta ini diperkemas. Jadi saya juga amat mengharapkan nanti kerjasama sebab dia tidak melibatkan pihak saya sendiri tetapi yang akan bentangkan KPDNKK dan dengan kerjasama pihak kerajaan, JAKIM, JPM dan termasuk juga pejabat AG untuk Peguam Negara untuk kita membawa perkembangan ini.

Keduanya saya sebutkan juga dahulu bahawa ada satu pindaan yang lebih menyeluruh iaitu bukan lagi sekadar pindaan, mewujudkan suatu Akta Halal yang berdiri dengan sendirinya. Akta ini sedang dalam proses saya tidak boleh bagi jaminan tempoh masa yang boleh dibawa ke Dewan tetapi proses sedang berjalan dengan giat, pihak LA dan juga pihak-pihak berwajib yang lain sedang memberi ketekunan yang begitu tinggi untuk dapat melahirkan bagi supaya akta ini dapat berdiri dengan sendirinya iaitu Akta Halal sendiri. Terima kasih.

▪ 1140

**8. Datuk Paul Kong Sing Chu** minta Menteri Pelajaran menyatakan, keputusan peperiksaan SPM 2010 baru sahaja diumumkan pada 24 Mac 2011. Secara keseluruhannya, keputusan menunjukkan peningkatan di mana 9,239 pelajar dari 467,970 atau 1.97 peratus telah mendapat A dalam kesemua mata pelajaran mereka. Apakah peratusan pelajar tingkatan 5 yang telah mendapat A atau A1 dari tahun 1970-2010 dan mengapa begitu ramai pelajar telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, keputusan cemerlang yang dicapai oleh murid-murid di peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun telah menunjukkan bahawa sistem pendidikan pada masa ini sentiasa bertambah baik dan berkualiti. Pencapaian cemerlang ini turut diperakui oleh UNESCO yang mengiktiraf kejayaan Malaysia dalam bidang pendidikan.

■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2009 sistem penggredan SPM telah diubah daripada 1A, 2A, 3B, 4B, 5C, 6C, 7D, 8E, dan 9G kepada A+, A, A-, B+, B, C+, C, dan D, E dan G. Oleh itu, saya akan memberikan data bermula dari tahun 2006 ke tahun 2010 sebagai perbandingan.

Pada tahun 2006 - seramai 4,310 orang yang mendapat semua A bagi mata pelajaran iaitu 1.21 peratus. Pada tahun 2007 - seramai 5,060 orang yang mendapat semua A iaitu 1.33 peratus. Tahun 2008 - seramai 6,277 orang pelajar yang mendapat semua A iaitu 1.64 peratus. Tahun 2009 - seramai 7,987 orang pelajar iaitu 1.96 peratus. Pada tahun 2010 meningkat lagi iaitu kepada 9,239 orang pelajar yang mendapat semua A iaitu 2.28 peratus. Jika dilihat dari segi perbandingan kepada gred purata nasional SPM pada tahun 2007 ialah 5.6 peratus, tahun 2008 - 5.5 peratus, tahun 2009 ialah 5.34 peratus dan tahun 2010 memperlihatkan peningkatan kepada 5.19 peratus.

Bagi jawapan bahagian kedua, faktor yang menyumbang kejayaan calon-calon tersebut termasuklah:

- (i) dasar menghadkan jumlah maksimum 10 mata pelajaran dan penambahan dua mata pelajaran tambahan dalam peperiksaan SPM yang mula dilaksanakan pada tahun 2010. Dasar ini membolehkan calon-calon memberikan lebih tumpuan kepada mata pelajaran yang diambil;
- (ii) insentif kepada pengetua dan guru-guru bagi sekolah-sekolah yang mencapai keputusan cemerlang sama ada melalui 'New Deal' ataupun SPT telah membawa kesan kepada daya saing sekolah-sekolah untuk melonjakkan kecemerlangan;
- (iii) kesedaran ibu bapa dalam meningkatkan kecemerlangan anak-anak mereka di samping kerjasama erat PIBG yang sentiasa bertambah demi untuk kecemerlangan pelajar-pelajar;
- (iv) kemudahan untuk mengakses dan mendapatkan maklumat dan bahan rujukan di pasaran dan laman sesawang;
- (v) pewujudan lawatan guru-guru cemerlang yang bertujuan untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran sentiasa berada di tahap yang tinggi dan berkualiti; dan

- (vi) komitmen Kementerian Pelajaran untuk terus meningkatkan kualiti guru yang semakin meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan SPM 2010 menunjukkan 363 orang ataupun 0.08 peratus daripada jumlah keseluruhan calon berjaya mendapat gred cemerlang tertinggi iaitu A+. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih terlalu kecil dibandingkan dengan bilangan calon yang gagal semua mata pelajaran seramai 2,773 orang ataupun 0.69 peratus. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua soalan ringkas, minta penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, saya hendak tanya, apakah nilai angka untuk setiap pangkat abjad umpamanya A: 90-100, B: 70-80 dan seumpamanya? Jadi, saya hendak tahu nilai angka yang diberikan kepada setiap pangkat abjad dan adakah nilai angka itu kekal setiap tahun atau melalui proses fluktuasi. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Sebagai contoh Yang Berhormat, kalau A+ ini 98 ke atas dan sudah tentu ia akan kekal iaitu penggredan baru iaitu pada tahun 2009 dan 2010 ini memang kekal dan kita tidak akan ubah, ia akan kekal. Itu adalah cukup jelas ia tidak akan berubah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** A, B, C, D? Saya minta nilai angka untuk setiap pangkat abjad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya akan beri jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.” **[25**

***April 2011]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menyambung. Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]:** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Jenama PKS, antara lain seperti berikut:

- (i) persidangan, bengkel kesedaran dan latihan;
- (ii) *Branding Innovation Centre*, dengan izin, atau BIC iaitu Pusat Inovasi dan Penjenamaan;
- (iii) galeri pembungkusan dan penjenamaan bergerak. Galeri ini yang merupakan sebuah bas yang diubahsuai, mempamerkan sampel-sampel dan bahan-bahan yang sesuai dan menarik untuk pembungkusan produk. Melalui galeri ini, PKS di luar bandar dapat meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan pembungkusan dan penjenamaan produk.

Pada tahun 2010 sebanyak 20 sesi telah diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia dan seramai 2,938 PKS telah mendapat manfaat daripada galeri ini. Pada tahun 2011, *Branding and Packaging Mobile Gallery Beyond Awareness 2011*, dengan izin, akan diadakan selama dua hari bagi setiap lokasi supaya topik-topik berkenaan penjenamaan dan pembungkusan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, *help desk* dan *information booth*, dengan izin, juga akan dikendalikan oleh agensi-agensi yang terlibat semasa penganjuran program supaya khidmat nasihat secara individu dapat diberikan kepada PKS yang hadir; dan

- (iv) pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*, dengan izin. SME Corp. Malaysia juga dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan skim pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* bertujuan untuk menonjolkan kualiti, kecemerlangan dan keunggulan produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia. Sehingga April 2011, sebanyak 47 permohonan telah diterima dan 20 syarikat telah dianugerahkan dengan pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*.

Syarikat yang telah mendapat pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* ini akan mendapat beberapa insentif seperti mendapat keistimewaan dalam liputan media, memudahkan syarikat menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa dan jemputan bagi menyertai latihan khusus yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia atau agensi lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat ingin mengetahui jumlah FDI bagi suku pertama 2011 berbanding dengan suku yang sama tahun 2010.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah FDI yang diluluskan bagi sektor perkilangan bagi tempoh Januari hingga Februari 2011 adalah sebanyak RM2.4 bilion manakala bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 adalah sebanyak RM2.9 bilion. Data FDI untuk bulan Mac 2011 masih belum dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri.

Bagi keseluruhan tahun 2011 jumlah pelaburan yang dijangka akan diluluskan bagi sektor perkilangan iaitu kedua-duanya FDI dan DDI oleh MIDA adalah sebanyak RM55 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2010 jumlah FDI sebenar berasaskan imbalan pembayaran atau *balance of payment*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan dilaporkan oleh UNCTAD adalah sebanyak RM27.6 bilion bersamaan USD9 bilion.

Walaupun penggalakan akan terus diberi kepada FDI namun tumpuan juga diberikan bagi menggalakkan pelaburan domestik bagi tahun 2011 berasaskan Program Transformasi Ekonomi atau ETP, sasaran DDI adalah 73 peratus daripada keseluruhan pelaburan swasta. Maksud DDI adalah pelaburan langsung domestik.

■1150

Yang Berhormat juga ingin mengetahui tentang rakan dagang antarabangsa yang utama buat masa ini dan memohon penjelasan jumlah prestasi nilai dagangan Malaysia dengan negara Jepun yang teruk dilanda bencana alam baru-baru ini. Perkara yang sama juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat rakan dagang utama Malaysia pada tahun 2010 adalah China, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat, Thailand, Korea, Indonesia, Hong Kong, Taiwan dan Jerman.

Manakala bagi isu berkaitan perdagangan dengan negara Jepun. Jepun merupakan rakan perdagangan Malaysia terpenting di rantau Asia. Hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan Jepun adalah berprestasi baik. Dalam tempoh 2006 hingga 2010 perdagangan Malaysia dan Jepun telah mencatatkan purata peningkatan tahunan sebanyak 3.2 peratus. Pada 2010 secara keseluruhan Jepun merupakan rakan dagangan dan destinasi eksport yang ketiga terbesar Malaysia serta merupakan sumber import terbesar Malaysia.

Jumlah dagangan Malaysia dan Jepun bernilai RM132.8 bilion meningkat 23.3 peratus berbanding RM107.7 bilion pada tahun 2009. Dalam tahun 2010, eksport ke Jepun mencecah RM66.3 bilion manakala import bernilai RM66.5 bilion.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2011 eksport Malaysia ke Jepun adalah RM12.3 bilion, manakala import bernilai RM10.3 bilion meningkat sebanyak 12.4 peratus berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2010.

Antara eksport utama Malaysia ke Jepun adalah gas asli cecair (LNG), petroleum mentah, alat penerima televisyen, kayu-kayan dan semikonduktor. Gempa bumi dan tsunami yang melanda Jepun sedikit sebanyak memberi kesan ke atas aktiviti ekonomi dan perdagangan Malaysia. Secara umumnya masih terlalu awal untuk menilai impak sebenar bencana ini, walau bagaimanapun perdagangan Malaysia dengan Jepun sedikit sebanyak akan terjejas berikutan kesan bencana alam yang melanda Jepun.

Prestasi perdagangan Malaysia khususnya berkaitan bahan binaan dijangka akan bertambah baik memandangkan Kerajaan Jepun sedang dalam proses membina semula infrastruktur yang rosak di kawasan yang terjejas. Industri-industri tempatan yang mempunyai peluang untuk meningkatkan eksport ke Jepun adalah produk kayu, khususnya papan lapis dan produk getah. Permintaan ke atas produk kayu dijangka meningkat hasil daripada pembangunan semula kawasan yang terjejas teruk. Manakala produk getah untuk aktiviti menyelamat dalam bidang kesihatan.

Menurut Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun, sebanyak 246,606 bangunan mengalami kemusnahan di wilayah yang terjejas dan kementerian tersebut mensasarkan untuk menyiapkan 60,000 rumah sementara pada akhir Jun 2011. Kerajaan Jepun akan meluluskan bajet tambahan sebanyak RM147 bilion bersamaan 4 trilion Yen bagi membangunkan semula wilayah tersebut. Malaysia merupakan pembekal utama bagi produk kayu, batu-batan dan jubin atau *tiles* ke Jepun dan Malaysia dilihat mempunyai peluang untuk meningkatkan jumlah eksport produk-produk tersebut.

Sementara itu industri petrokimia Malaysia akan menerima manfaat jangka pendek dengan penutupan empat buah kilang petrokimia yang mengeluarkan *naphtha cracker* dengan izin di Jepun, dan beberapa lagi kilang yang terpaksa beroperasi dengan kapasiti yang rendah. Oleh yang demikian industri petrokimia Malaysia mempunyai peluang yang lebih baik untuk meningkatkan eksport ke pasaran Jepun dan antarabangsa bagi mengambil alih pasaran tersebut berikutan penutupan kilang-kilang berkenaan. Kementerian ini akan memantau perkembangan di Jepun dan menilai impaknya kepada kepentingan ekonomi Malaysia dengan mengambil kira maklumat yang dikumpulkan daripada industri tempatan dan pengeksport.

Sekian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Segala teguran...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Sebelum habis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya suka membangkitkan perkara yang sebenarnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Akan tetapi sebab tidak sempat semalam saya hendak bangkitkan hari inilah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan kerajaan untuk mempromosikan barangan pembuatan Malaysia dieksport ke luar negara kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat perkhidmatan untuk membuka cawangan-cawangan di negara-negara asing. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada menyediakan peruntukan iaitu *launching grant* kepada syarikat-syarikat untuk maksud ini. Akan tetapi salah satu daripada syaratnya ialah syarikat berkenaan mesti mempunyai ataupun mesti ada *trademark* syarikat yang berkenaan ini.

Dalam pengalaman saya apabila saya membuka syarikat di Shenzhen negeri China, dalam tahun 2006 dan membuat permohonan untuk *launching grant* ini dalam tahun 2007. Saya diberitahu bahawa saya kena *trademark* syarikat saya yang telah berniaga selama 35 tahun di negara ini. Akan tetapi apabila saya mohon *trademark* ini pada 24 Januari 2007, sampai sekarang saya tidak dapat *trademark* itu iaitu lebih daripada empat tahun. Hanya semalam sahaja saya dipanggil untuk ataupun peguam saya dipanggil untuk kononnya perbicaraanlah *some form of inquiry*, itu pun belum tahu lagi dapat. Saya tahu bahawa *trademark* ini adalah di luar bidang tugas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Apa yang hendak saya beritahunya apabila saya mohon *trademark* ini di Hong Kong...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh ringkas dan padatkan apa soalan itu supaya...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Ya, sekejap dua minit lagi. Apabila saya pohon di Hong Kong saya dapat *trademark* ini dalam masa enam bulan. Jadi komen yang saya hendaknya ialah kalaulah *trademark* ini dikehendaki dan kita kena ambil masa selama empat tahun pun tidak tahu dapat lagi bolehkah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya kita dapat *launching grant* ini kalau kita hendak berniaga di luar negara keperluan untuk *trademark* ini tidak payahlah. Kalaulah syarikat yang berkenaan dikatakan syarikat yang berwibawa. Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Jadi sebenarnya soal cap dagangan atau *trademark* ini memanglah benar seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ianya di bawah MyIPO yang dikelolakan oleh KPDNKK. Seperti yang biasa diamalkan proses pendaftaran cap dagangan biasanya mengambil masa di antara satu setengah tahun hingga dua tahun yang meliputi proses *trademark search* dan *filling*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya terdapat bantahan dari mana-mana pihak berhubung permohonan cap dagangan yang dikemukakan maka proses pendaftaran cap dagangan akan mengambil masa yang lebih lama atau ianya terus terbatal dan contoh bantahan seperti logo yang sama atau jenama yang sama. Jadi saya sebenarnya tidak pasti apa maklumat dan latar belakangnya mengenai permohonan tersebut. Memang bagi pihak kami di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menggalakkan supaya syarikat-syarikat tempatan khususnya yang menawarkan perkhidmatan berkembang di luar negara. Ini pun satu bentuk eksport dan tumpuan kami kepada sektor perkhidmatan ini.

**■1200**

Oleh sebab tumpuan kami kepada perkhidmatan, maka kita cuba meningkatkan eksport perkhidmatan ke luar negara. Jadi apa pun kalau boleh diizinkan Yang Berhormat, pihak MIITI akan cuba berhubung dengan KPDNKK untuk mencari penyelesaian yang sebaik mungkin tentang permohonan Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih,

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas selesainya kementerian yang berkenaan. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kita ada 16 kementerian yang kita terpaksa sudahi dan selesaikan pada hari ini dan kita sanggup pergi ke belah malam. Saya mohon kerjasama semua pihak untuk dapat kita bersama-sama menyelesaikan 16 campur 4, Jabatan Perdana Menteri ada empat bahagian so bermakna 20. Saya harap dapat diberi kerjasama untuk dapat kita selesaikan penggulangan ini pada hari ini.

Sekarang tanpa membuang masa, saya persilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dipersilakan Yang Berhormat.

**12.01 tgh.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau singkatannya MOSTI, mengucapkan ribuan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu di bawah kementerian ini semasa perbahasan Titah Diraja 2011 pada 18 hingga 21 April 2011. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Ng Fook Heng, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok telah membangkitkan isu mengenai pemprosesan *rare earth* di Gebeng. Ingin ditekankan di sini bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI hanya akan memberikan penjelasan isu ini daripada sudut saintifik sahaja.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, seperti mana yang telah saya jelaskan kepada Dewan dalam Sesi Jawab Lisan pada 20 April 2011, berdasarkan standard antarabangsa dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa ataupun singkatannya IAEA dan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), sisa sampingan yang bakal dihasilkan oleh Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. tidak ditakrifkan sebagai sisa nuklear atau sisa radioaktif, tetapi merupakan sisa industri yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi ataupun *radioactive material from natural origin*, dengan izin. Tahap keradioaktifan sisa sampingan yang bakal dihasilkan tersebut mempunyai tahap keradioaktifan yang sama atau menghampiri paras tanah biasa di Malaysia. Tiada penyebaran bahaya nuklear atau bahaya radioaktif seperti yang didakwa. Perlu juga dimaklumkan bahawa fakta sains telah menunjukkan bahawa tiada sebarang kesan diketahui yang dihasilkan oleh bahan radioaktif semula jadi ini.

Paras sinaran radiasi hasil daripada sisa tersebut adalah di bawah had yang telah ditetapkan dalam Akta 304 dan standard antarabangsa iaitu 1mSv setahun.

Pihak Lynas juga telah diarahkan untuk mengambil langkah-langkah selanjutnya bagi memastikan had ini tidak dilampaui. Tuan Yang di-Pertua, dakwaan berkenaan dengan masalah kesihatan iaitu penyakit kanser yang tinggi di kalangan orang awam sehingga menyebabkan kematian di Bukit Merah ekoran pemprosesan *rare earth* di situ adalah tidak tepat dan diperolehi daripada sumber-sumber yang tidak pasti kesahihannya. Untuk makluman, tahap keselamatan terkini di Bukit Merah, Perak terhadap pelupusan sisa *thoria* ataupun *thorium* dan bahan-bahan tercemar yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi adalah selamat, tidak membahayakan pekerja dan orang awam serta tidak mencemarkan alam sekitar.

Sepanjang projek pelupusan sisa *thorium* dan bahan-bahan tercemar yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi ini mula dijalankan daripada tahun 2003 di Bukit Merah, dan termasuklah sepanjang pelaksanaannya didapati tiada sebarang pencemaran, kemalangan atau insiden berlaku dan setakat ini LPTA ataupun Lembaga Pelesenan Tenaga Atom belum pernah menerima sebarang laporan berkenaan pekerja yang menghidap kanser atau sebarang masalah kesihatan yang boleh dikaitkan dengan sinaran radioaktif daripada aktiviti pelupusan tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti pelupusan sisa di Bukit Merah adalah terkawal sepenuhnya dan ia tidak mendatangkan sebarang masalah kesihatan terhadap pekerja yang terlibat dengan projek ini, apatah lagi untuk mendatangkan sebarang masalah kesihatan kepada orang awam sebagaimana dakwaan yang telah dibuat.

Walau bagaimanapun, ingin juga dimaklumkan di sini bahawa sisa yang akan dihasilkan oleh Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. mengandungi hanya 1 per 50 bahan radioaktif semula jadi berbanding dengan sisa bahan radioaktif semula jadi yang dihasilkan oleh syarikat *Asian Rare Earth* di Bukit Merah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab sama ada kajian terperinci kesan alam sekitar dilaksanakan, laporan *radiological impact assessment* atau RIA sebelum lesen penempatan tapak dan pembinaan, *sitting and construction* dengan izin, telah dilakukan di mana RIA ini merupakan sebahagian daripada kehendak *environmental impact assessment* ataupun EIA yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum sesuatu lesen itu dikeluarkan. EIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Pahang pada 15 Februari 2008 dan ia dilaksanakan mengikut standard yang telah ditetapkan seperti mana yang dikenakan kepada pelabur-pelabur lain jika ianya berkaitan. Walau bagaimanapun, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, memandangkan banyak pihak yang begitu prihatin dan mengambil berat mengenai isu ini, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI telah memutuskan untuk menubuhkan satu panel bebas yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan.

Lesen pra operasi tidak akan dikeluarkan sehingga kerajaan membuat keputusan berdasarkan laporan panel tersebut. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan, sokongan serta teguran kepada MOSTI dalam kami menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada MOSTI. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**Puan Chew Lee Giok:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat ada pertanyaankah?

**Puan Chew Lee Giok:** Ya ada sedikit, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lain kali bangun cepat sikit sebelum Timbalan Menteri sudah.

**Puan Chew Lee Giok:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, tak apalah. Saya beri peluang, silakan.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Timbalan Menteri, saya nak tanya tentang laporan itu, bilakah keputusan laporan itu boleh diperolehi dalam satu bulan atau dalam setengah tahun ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Keputusan berkaitan ini, pertama sekali kita kena tubuhkan panel yang dipersetujui dalam mesyuarat yang dikendalikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam *Economic Council*. Jadi bila kita nak melantik penasihat antarabangsa yang berkecuali dan *independent*, maka kita kena *scan* terlebih dahulu seluruh dunia dan kita menjangkakan proses ini akan mengambil masa dan keputusan akan hanya dapat diambil ataupun dimuktamadkan dalam tempoh setahun.

Bila mereka sudah membuat kajian, memberi pandangan serta membuat dialog dan sebagainya dan pandangan mereka akhirnya saya kira paling cepat pun setahun baru kita akan dapat keputusan keseluruhannya, sebab ianya akan melibatkan banyak perkara termasuklah mengenal pasti pakar-pakar di peringkat antarabangsa yang mempunyai kredibiliti yang boleh diterima oleh semua pihak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan kementerian kesebelas iaitu Kementerian Sumber Manusia dan Alam Sekitar. Dipersilakan.

**12.08 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru membangkitkan isu pengurusan dan pemantauan zoo di negara ini serta tindakan yang diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan pengurusan zoo dijalankan dengan telus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 atau Akta 76, tiada peruntukan khusus untuk memantau pengurusan zoo-zoo di negara ini. Menyedari akan kelemahan ini, kerajaan telah meluluskan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang mula dikuatkuasakan pada 28 Disember 2010 bagi menggantikan akta lama. Akta baru ini mengenakan kawalan yang ketat bagi setiap pihak yang ingin mengusahakan zoo.

**■1210**

Antara kelemahan Akta 76 adalah denda yang terlalu rendah yang tidak bersifat *deterrent* dalam membanteras jenayah berkaitan hidupan liar. Denda di bawah Akta 76 didapati tidak setimpal dengan nilai komersial dan estetik hidupan liar yang dilindungi di bawah akta tersebut. Sebagai contoh, penalti maksimum bagi kesalahan membunuh seekor harimau di bawah akta sedia ada adalah RM15,000 sahaja atau penjara tidak melebihi lima tahun berbanding dengan nilai komersialnya yang boleh menjangkau melebihi RM300,000.

Di bawah Akta 716 ini, kesalahan yang sama mengenakan denda minimum sebanyak RM100,000 dan maksimum RM500,000 dan penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Hukuman dan denda dalam Akta 716 ini menunjukkan komitmen kerajaan yang tinggi dalam menangani aktiviti jenayah hidupan liar ke arah memperbaiki imej negatif negara yang dilabel sebagai hab pada penyeludupan dan perdagangan haram hidupan liar di antarabangsa. Selain itu, di bawah Akta 716, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan agar pengusaha zoo menguruskan zoo dengan baik iaitu;

- (i) menetapkan peraturan dan garis panduan yang perlu dipenuhi sebelum permit mengendalikan zoo diberikan kepada pengusaha zoo. Sebagai contohnya, peraturan pengawalseliaan zoo 2010 menetapkan keperluan saiz golongan mengikut haiwan seperti burung, mamalia, reptilia dan kategori lain serta pemakanan, perkhidmatan veterinar dan kebajikan hidupan liar, dan;
- (ii) menubuhkan petugas khas pemantauan zoo bagi tujuan pemeriksaan zoo-zoo di Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, petugas khas ini terdiri daripada pegawai-pegawai PERHILITAN. Dalam hubungan ini, Jabatan PERHILITAN telah membuat pemeriksaan di Zoo Saleng telah menasihatkan zoo berkenaan agar tidak lagi melakukan aktiviti hibrid dan meningkatkan tahap kebajikan hidupan liar yang terdapat di zoo berkenaan.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok membangkitkan isu kewajaran pemberian lesen pemuliharaan burung kepada pengamal burung yang hanya mempunyai satu ekor burung atau dua ekor burung serta memohon kelonggaran bagi pemberian lesen pemuliharaan burung murai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 merupakan akta baru, pihak kementerian sentiasa terbuka pada pandangan dan ulasan semua pihak yang berkepentingan untuk menambah baik akta ini supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan kemas dan memenuhi objektif pemuliharaan biodiversiti di negara ini.

Sehubungan itu, kementerian telah mendapat maklum balas supaya beberapa spesies burung termasuk murai kampung diberikan kelonggaran supaya syarat pelesenan tidak dikenakan.

Kementerian buat masa ini dalam proses menyemak semula senarai hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan jika ada saintifik menunjukkan populasi burung-burung ini masih di tahap yang tidak terancam, kementerian akan menggugurkan syarat keperluan pelesenan ini. Walau bagaimana pun, kawalan eksport terhadap spesies burung-burung ini masih diperlukan melalui kaedah dan peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, membangkitkan masalah banjir di Perlis termasuk cadangan agar satu terowong seperti terowong SMART dibina bagi mengatasi masalah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian menyedari dan prihatin terhadap masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat di negeri Perlis. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menjalankan kerja menaik taraf Empangan Timah Tasoh fasa pertama sejak Rancangan Malaysia Kesembilan lagi. Komponen kerja utama ialah meningkatkan empangan utama dan empangan pelana. Kemajuan kerja terkini adalah 99 peratus dengan kos kontrak sebanyak RM86.9 juta.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, JPS telah membentangkan dua buah projek kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri iaitu:

- (i) projek lencongan banjir bagi Empangan Timah Tasoh dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM260 juta, dan;
- (ii) projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh fasa 2 dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM240 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga, di bawah *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh, JPS telah memohon sebanyak RM10 juta untuk projek lencongan banjir bagi Empangan Timah Tasoh dan sebanyak RM60 juta untuk projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh fasa 2. Pihak kerajaan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Senator untuk membina terowong bagi mengalirkan air limpahan terus ke laut. Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk membina terowong memandangkan setiap cadangan komponen-komponen tambatan banjir perlu mengambil kira kriteria-kriteria seperti topografi kawasan dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, membangkitkan masalah banjir di Lawas, Sarawak...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan mengenai banjir di Perlis. Apa yang menimbulkan masalah mengapa JPS apabila hujan turun, tahu hujan sudah banyak, air sudah melimpah di empangan, semasa itulah dia melepaskan air. Selepas melepaskan air itu, air mengalir ke Kangar dan sebagainya, melimpah tidak terhad. Sedangkan orang-orang di Kangar, di Kampung Bakau dan sebagainya, setiap kali air dilepaskan di Empangan Timah Tasoh, setiap kali itu banjir.

Apabila banjir, maklumlah, kesusahan harta benda dan sebagainya. Mengapakah JPS tidak mengambil satu formula ataupun pandangan daripada MADA? Contohnya, di Empangan Pedu, MADA di Kedah. Tadi saya bersembang dengan Timbalan Menterinya, Dato' Johari, dia kata dia ada nampak apabila hujan turun, bekalan air sudah melimpah, dia buka sedikit sebelum hujan itu hendak lebat. Mengapakah JPS tidak boleh ambil atau berkongsi sama pandangan MADA yang berada di Pedu, Kedah? Sekian. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kami menyambut baik tentang cadangan itu dan kita akan mengambil kira. Walau bagaimanapun, apa-apa pun juga cara kita untuk melepaskan air itu daripada empangan, apabila tidak ada banjir, sememangnya kita tidak melepaskan air oleh kerana tidak ada masalah yang timbul. Apabila banjir, empangan itu penuh dengan – kalau kita boleh simpankan semua air itu tanpa melimpah, maka itu satu cara bagi kita untuk mengelak berlakunya banjir. Akan tetapi kalau ia sudah melimpah, sememangnya kita perlahan-lahan keluarkan dan alirkan air itu daripada empangan. Cadangan Yang Berhormat kita ambil kira...

■1220

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma memohon sesungguhnya-sungguhnya di Dewan yang mulia ini untuk satu komponen yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu menyiapkan Empangan Timah Tasoh dan juga menambahkan peruntukan untuk menyiapkan secara total. Itu satu.

Kedua, oleh sebab Empangan Timah Tasoh berada dalam 27 meter, JPS tidak akan melepaskan air. Akan tetapi, apa yang berlaku ialah apabila sampai pada – banjir yang lepas Tuan Yang di-Pertua, bila 30.5 meter, pada masa itu empangan dibuka enam saluran sekali. Itu yang menyebabkan tiba-tiba banjir terus. Tidak dapat seorang pun melepaskan diri, semua tenggelam dan kerugian yang amat besar. Saya berharaplah, kita perlu berhati-hati untuk melepaskan air ini kerana pada 27 meter – kalau sudah 28 meter, kita sudah boleh buka dua lubang. Saya faham JPS tidak mahu lepas sebab takut air tidak cukup. Kita pun *consider* untuk minuman, tetapi petani minta bila sudah 28 meter, 29 meter, berilah 2 meter untuk petani menggunakan air tersebut. Ini teknikal sahaja. Kita tidak menyalahkan sesiapa dan jangan jadi sampai 30.5 meter kita buka sekali. Ia banjir secara mengejut dan semua orang rugi.

Kedua ialah banjir yang lepas. Ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banjir di Perlis Yang Berhormat, bukan?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Banjir di Perlislah ini?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Ya. Selepas lima bulan, banjir sekali lagi. Akan tetapi kali ini JPS memang rancak menggunakan pengalaman yang lepas dan *alhamdulillah*, banjir pun kita dapat atasi dengan baik. Terima kasih kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya sebentar tadi saya sudah bercakap berkaitan dengan pelan ini, perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah itu. Pertama ialah kita telah memohon peruntukan daripada kerajaan untuk menaik taraf Empangan Timah Tasoh. Untuk mengelakkan nanti kemudian banyak air di dalam empangan itu, maka kita juga mempunyai satu rancangan untuk membuat satu lengconan. Ini pun kita juga telah memberi asas-asas yang cukup kepada Kementerian Kewangan supaya kita mendapat peruntukan kewangan. Dalam tahun ini pun kita telah memohon lebih kurang RM10 juta untuk menjalankan kajian, *consultant service*.

Selain daripada itu, dari segi melepas air, saya percaya JPS ini tahu apa mereka buat. Kita juga memberi amaran kepada penduduk-penduduk kalau ada banjir. Selepas kita melepaskan air itu, kita juga memberi amaran kepada orang-orang kampung. Akan tetapi kadangkala sikap orang-orang kita ini apabila sahaja diberi amaran berkaitan dengan banjir, ada yang enggan untuk berpindah. Itulah mungkin akibatnya ada kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf membangkitkan masalah banjir di Lawas, Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian juga menyedari dan prihatin terhadap masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat di negeri Sarawak. Kawasan yang dinyatakan termasuk sebahagian Lapangan Terbang Lawas adalah kawasan tanah rendah dengan izin, *which is prone to flood* dan kawasan dataran banjir semula jadi. Apabila berlaku hujan lebat yang berterusan dari hulu Sungai Lawas, paras air sungai akan meningkat dan akan menenggelamkan kawasan tanah rendah berkenaan. Oleh itu, setiap pelaksanaan projek-projek tambatan adalah berdasarkan kepada keutamaan yang telah digariskan. Walau bagaimanapun, kementerian akan memohon peruntukan pada *rolling plan* yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh...

**Datuk Akbar bin Ali:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tidak mengapa. Saya habis dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Saya beri peluang. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menarik perhatian kepada jawapan Yang Berhormat pada 20 hari bulan lalu dan juga kepada soalan saya yang diberi jawapan bertulis yang saya lihat ada sedikit perbezaan. Ia berkenaan dengan penanaman pokok daripada 26 juta itu. Mengikut jawapan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sebanyak 8.5 juta pokok telah ditanam. Akan tetapi mengikut jawapan bertulis yang saya terima bagi soalan saya bernombor 17 pada 19 April, ia adalah sebanyak 6 juta. Jadi, ada perbezaan. Saya mohon tentang penjelasan itu.

Keduanya berkenaan dengan pemanasan dunia di mana mengikut jawapan pada hari yang sama, gas rumah hijau akan dikurangkan sehingga 40 peratus daripada keluaran negara kasar menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Saya juga lihat ada perbezaan. Ini kerana dahulu di Dewan yang mulia ini, dikatakan tahap tahun 2005 itu berdasarkan karbon dioksida, bukan GDP. Jadi saya mohon penjelasan berhubung perbezaan jawapan ini. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Boleh mohon juga sedikit laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sila teruskan.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan komen tadi. Pertamanya ialah saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan segera untuk memasukkan program tambatan banjir di Lawas yang berlaku setiap bulan daripada hujan di hulu itu kerana tindakan segera daripada pihak kementerian untuk mengambil tindakan di dalam projek tambatan banjir

Keduanya juga saya ingin – sebelum ini saya ada bangkitkan di dalam perbahasan tanya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tentang apa komen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bila ada pihak kementerian lain, Menteri daripada jabatan lain yang mengisytiharkan Miri sebagai *the cleanest city in the world* dengan izin, dan juga mengisytiharkan Kota Bharu sebagai *the dirtiest*. Apakah komen pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab persoalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator pertama itu. Ini tidak ada dikait di dalam perbahasan kita. Jadi kalau boleh, saya dengan Ahli Yang Berhormat boleh duduk bersama untuk berbincang perbezaan itu. Mungkin *figure* Yang Berhormat dapat itu ialah *figure* yang sudah lalu. Yang saya cakap itu mungkin yang terkini sekali. Kalau boleh kami akan berbincang nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat. Berundinglah. Berunding elok-elok.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Begitu juga dengan yang kedua itu, *because* beliau punya soalan itu, saya mohon maaf, tidak berapa jelas. Ini yang saya cakap tadi itu berkaitan dengan banjir di Lawas dan kawasan itu sememangnya kawasan *prone to flood*. Walau bagaimanapun, kita mencari jalan untuk mengatasi masalah itu. Kita prihatin terhadap masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja 2011 terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sekian.

■1230

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Kementerian Pelancongan.

**12.30 tgh.**

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa perbahasan Titah Diraja bagi Penggal Keempat Dewan Negara. Kementerian Pelancongan amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Antara isu-isu yang dibangkitkan semasa perbahasan Titah Diraja oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara kali ini adalah mengenai kontrak tender pengiklanan *Tourism Malaysia*, prestasi pelancongan dan hala tuju promosi pelancongan negara. Konsep "*Think Tourism and Act Tourism*", pembangunan prasarana pelancongan alam semula jadi dan masyarakat majmuk di Sarawak, pelancongan China dan penjana pendapatan penduduk luar bandar seperti melalui Program *Homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan dan kenyataan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah mengenai penganugerahan kontrak pengiklanan *Tourism Malaysia* 2011 sehingga 2013. Suka saya perelaskan di sini bahawa pemilihan agensi-agensi pengiklanan *Tourism Malaysia* dibuat setiap tiga tahun sekali berdasarkan sistem tender terbuka menggunakan tatacara pengurusan perolehan kerajaan secara tender, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan, Bilangan 5, Tahun 2007. Tatacara ini diguna pakai oleh kementerian yang terlibat di dalam pengurusan perolehan kerajaan secara tender.

Pemilihan agensi-agensi pengiklanan tersebut dilaksanakan mengikut tatacara perolehan kerajaan yang ditadbir urus baik, secara telus, terbuka, adil dan saksama menerusi empat jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Kewangan, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Lembaga Perolehan 'A' *Tourism Malaysia*. Dokumen tender yang dijual telah menyatakan secara terperinci mengenai aspek pematuhan teknikal dan pematuhan kewangan termasuk tempoh sah laku tawaran iaitu selama 180 hari atau enam bulan dari tarikh tutup tender.

Antara syarat yang telah dinyatakan di dalam dokumen tender ialah syarikat hendaklah mengemukakan cadangan kreatif di dalam bentuk salinan digital ataupun *softcopy* yang dimuatkan di dalam cakera padat dan salinan cetak ataupun *hardcopy*. Jawatankuasa Pembuka Tender memberikan nombor kod bagi setiap dokumen teknikal dan dokumen kewangan yang diterima daripada agensi-agensi pengiklanan. Kod ini diguna pakai pada sepanjang proses penilaian teknikal dan kewangan dan bukannya mengikut nama syarikat. Langkah ini adalah bagi mengelakkan sebarang unsur *favouritism* dan kronisme serta memastikan setiap penilaian dibuat secara telus, adil dan saksama.

Pada masa yang sama tiada ahli daripada Jawatankuasa Penilaian Kewangan, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Lembaga Perolehan 'A' menjadi Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender, oleh itu mereka tidak mengetahui mana-mana syarikat yang telah mengemukakan tawaran tender dan cadangan kreatif mereka. Ini juga bermakna wujudnya persaingan yang adil bagi semua agensi pengiklanan yang memasuki tawaran kelima-lima tender ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembentangan oleh agensi-agensi pengiklanan tersebut bukanlah sesuatu yang wajib dilaksanakan seperti mana yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam spesifikasi tender. Cadangan-cadangan kreatif per tender yang dihantar sepatutnya dapat menunjukkan kewibawaan dan kreativiti mereka di dalam bidang pengiklanan bagi membolehkan Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal memilih agensi-agensi pengiklanan yang berkeelayakan untuk dipertimbangkan seterusnya oleh Lembaga Perolehan 'A'.

Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang sememangnya berpengalaman dan mempunyai kepakaran di dalam bidang pengiklanan bagi pasaran-pasaran berkenaan. Di dalam hal ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal mendapati bahan-bahan yang dikemukakan oleh semua agensi pengiklanan berkenaan adalah mencukupi dan memadai untuk membolehkan mereka membuat sesuatu penilaian yang menyeluruh. Maka itu, agensi-agensi pengiklanan berkenaan tidak dipanggil untuk membuat pembentangan cadangan kreatif masing-masing.

Berhubung dengan tempoh masa yang diambil bagi menyiapkan penilaian terhadap kelima-lima tender berkenaan, saya ingin menegaskan bahawa tempoh masa itu masih di dalam tempoh sah laku iaitu tidak melebihi 180 hari seperti mana yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender. Oleh itu, pandangan Yang Berhormat akan Kementerian Kewangan campur tangan serta mengarahkan Kementerian Pelancongan tidak memanggil pembentangan serta *Tourism Malaysia* mengambil masa sehingga lapan bulan untuk memilih agensi-agensi pengiklanan tersebut adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di dalam pemilihan iklan *the best practice* dengan izin, ialah persembahan penender, orang yang tender dan juga sesi soal siasat dan perundingan, itu ialah *best practice* yang diamalkan di dalam sektor pengiklanan. Akan tetapi di dalam pemberian tender, kementerian tidak mengikut *best practise* yang diamalkan di dalam industri, kenapa? Itulah soalan saya, terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas pandangan itu, seperti mana yang saya telah sebutkan tadi bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal sudah pun mendapat cakera padat dan bahan-bahan yang lain untuk menilai sama ada persembahan melalui BMPs atau *Best Management Practice* itu perlu ataupun tidak kerana mereka ini adalah mereka yang berpengalaman dan juga *specialist* di dalam bidang tersebut.

Maka dengan penilaian daripada cakera padat pun jika mereka menilai ia sudah mencukupi, maka itulah pandangan mereka.

Ini kerana persembahan walaupun ia adalah memang *Best Management Practice* ataupun BMPs tetapi jika ia tidak dimestikan di dalam peraturan Perbendaharaan, itu terpulanglah kepada Jawatankuasa Teknikal yang menilainya melalui persembahan *hardcopy* ataupun *softcopy* juga, jika mereka menganggap itu memadai untuk membuat keputusan, itu telah pun mencukupi.

■ 1240

Terima kasih Yang Berhormat tetapi pandangan Yang Berhormat saya juga boleh ambil kiralah barangkali *best management practice* itu memang perlu bukan sahaja di dalam perkara ini tetapi perkara-perkara lain. Itu memang perlu kerana dunia sentiasa berubah. Oleh itu kita juga mahu buat keputusan seharusnya kadang-kadang mengubah jugalah fikiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung dan pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah mengenai prestasi pelancongan dan hala tuju promosi pelancongan negara. Sememangnya seluruh rakyat Malaysia berasa bangga apabila Malaysia pada tahun 2009 dinobatkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), sebagai negara kesembilan tertinggi di dunia dikunjungi oleh pelancong asing. Namun sehingga hari ini pihak UNWTO masih belum lagi membuat pengumuman mengenai kedudukan kedatangan pelancong sedunia bagi tahun 2010.

Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan yang mulia ini Malaysia telah berjaya mencapai matlamat jumlah kedatangan pelancong yang disasarkan pada 2010 dengan jumlah pelancong asing seramai 24.6 juta orang iaitu meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding 2009 dengan pendapatan yang diperolehi sebanyak RM56.5 bilion iaitu meningkat sebanyak 5.8 peratus.

Pencapaian ini menunjukkan prestasi yang positif dan memberangsangkan memandangkan ekonomi global yang telah dilanda krisis pada 2010. Untuk 2011 Kementerian Pelancongan mensasarkan kedatangan pelancong asing seramai 25.3 juta orang dengan penjana pendapatan sebanyak RM61 bilion. Dengan penggemblengan tenaga dan kerjasama erat semua pihak baik di peringkat negeri atau pusat termasuk 44 Pejabat Luar Negeri Tourism Malaysia yang sedia ada yang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai aktiviti pemasaran dan promosi pelancongan di pasaran masing-masing. Saya yakin dan percaya sasaran tersebut akan dapat dicapai.

Cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung mempromosikan produk sarang burung walid dalam risalah pelancongan, supaya para pelancong dari luar negara dapat mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini agar negara dapat memperoleh pencapaian daripadanya merupakan satu cadangan yang baik. Ia akan diambil maklum untuk tindakan seterusnya. Namun walaupun ianya begitu apa yang boleh tarik minat-minat pelancong daripada luar negara bukannya produk itu sendiri sarang burung walid.

Ini kerana kandungan sarang burung walid belum dipastikan oleh ahli-ahli saintis lagi. Apakah bahan-bahan kimia yang ada dalam situ yang boleh menyembuhkan kita dari pelbagai penyakit. Untuk menarik minat pelancong-pelancong asing di dalam perkara ini ialah gua di mana burung walid membuat sarang-sarang mereka di sana. Bagaimanakah sarang burung-burung walid itu dipungut seperti di Gua Niah di bahagian Miri di Sarawak. Kementerian Pelancongan dan *Tourism Malaysia* akan terus mengamalkan perbelanjaan yang berhemah dengan mengoptimumkan produktiviti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif baru untuk mempelbagaikan produk pelancongan supaya Malaysia dilihat sebagai destinasi yang menarik. Pihak pemain industri pelancongan juga seperti hotel turut membangun dan mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik secara sendiri tanpa bergantung kepada bahan promosi dari pihak Kementerian Pelancongan.

Walau bagaimanapun mereka sentiasa dibantu bagi membangunkan Pakej Pelancongan Domestik yang lebih kreatif dan berinovasi. Melalui seminar dan bengkel pelancongan selain dari bekalan risalah-risalah pelancongan domestik terbaru. Pada masa yang sama kerjasama dengan syarikat pengangkutan awam dalam mempromosi industri pelancongan domestik akan terus dipereratkan seperti penyebaran risalah dan iklan, di samping memberikan pelbagai kursus dan program latihan seperti Kursus Mesra Pelancong dan Kursus *Act Tourism* untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di kalangan kakitangan hadapan industri pelancongan ataupun *tourism front liners*, dengan izin. Kursus-kursus ini berjaya meningkatkan kesedaran dan kecekapan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti terhadap pelancongan, terutamanya dari segi kemahiran berkomunikasi, pengetahuan produk pelancongan, penjagaan imej dan penampilan diri, kebersihan serta pemanduan yang selamat dan berhemah yang bertindak selaku agen pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan dan komen Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah, mengenai kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi penarafan konsep *Think Tourism* dan *Act Tourism*. Kementerian Pelancongan telah menggunakan salah satu kaedah iaitu membangkitkan isu-isu yang melibatkan kepentingan industri pelancongan negara di Mesyuarat Majlis Negara, bagi Kerajaan Tempatan yang merupakan satu platform untuk mendapatkan kerjasama PBT bagi mengatasi masalah-masalah berhubung dengan kebersihan dan aspek penyelenggaraan dan keselamatan para pelancong.

Di samping itu Kementerian Pelancongan juga memperuntukkan juga sebanyak RM57.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melaksanakan 58 projek di seluruh negara yang melibatkan majlis perbandaran dan majlis daerah. Peruntukan tersebut digunakan untuk kerja-kerja pembersihan, menaik taraf landskap, mengecat semula bangunan sedia ada terutama tandas awam, penyelenggaraan laluan siar kaki, lampu hiasan, dataran dan tandas awam. Sebagai contohnya bagi Negeri Sembilan kementerian telah memperuntukkan RM3.7 juta kepada Majlis Perbandaran Seremban bagi kerja-kerja peningkatan kemudahan pelancongan sekitar bandar Seremban.

Sebanyak RM4.3 juta kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk kerja-kerja menaik taraf fasa bangunan di sepanjang Sungai Melaka dan sebanyak RM6 juta kepada Majlis Daerah Lawas untuk projek peningkatan kemudahan Dataran Bandar Lawas.

Dengan penyaluran peruntukan yang sedemikian Kementerian Pelancongan berharap untuk mendapatkan kerjasama dan komitmen PBT untuk menjaga semua kawasan pelancongan terutama kemudahan dan infrastruktur pelancongan yang telah dibangunkan supaya sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, ceria dan selamat untuk kepentingan para pelancong. Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajah...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya ucap terima kasih di atas penjelasan tadi dan juga pemberian peruntukan kepada Melaka khususnya. Cuma saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri hasil yang dijana oleh sektor pelancongan di peringkat negeri hampir keseluruhannya pulang balik kepada persekutuan dalam bentuk *service tax*, dengan izin, cukai *income tax* dan juga *corporate tax* dan seterusnya.

#### ■1250

Pendapatan yang sedikit yang diperolehi pihak PBT bukan kerajaan negeri hanyalah dalam bentuk cukai pintu. Jadi, di Melaka khususnya, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, kami hanya mendapat kira-kira RM6.5 bilion peruntukan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri Melaka pula melalui pelbagai usaha termasuk pelancongan telah memulangkan kembali kepada Persekutuan dua kali ganda iaitu RM13 bilion.

Jadi, kita mohonlah kalau boleh dengan ihsan Yang Berhormat Timbalan Menteri memanjangkan kepada menteri, merayu kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, tolonglah bagi lebih sedikit lagi supaya kita boleh beri bukan dua kali ganda tetapi tiga kali ganda selaras dengan idea ke-10 dalam RMK, ini kami bertindak sebagai sebuah syarikat yang mencari keuntungan lebih untuk Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Akbar. Pandangan Datuk Akbar tentang pendapatan itu perlunya cukai dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Namun walaupun demikian, Kerajaan Persekutuan juga memberi peruntukan kepada PBT bukan hanya daripada Kementerian Pelancongan tetapi daripada kementerian-kementerian yang lain juga. Selain daripada itu, terpulanglah kepada PBT tersebut untuk memohon lagi dan membuat cadangan untuk projek-projek yang sesuai bagi membangunkan prasarana pelancongan di negeri Melaka. Walaupun demikian, saya ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada saranan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg supaya kerajaan memberi penekanan kepada sektor pelancongan berkaitan dengan alam semula jadi, terutamanya di negeri Sarawak, suka saya perjelaskan di sini bahawa Kementerian Pelancongan telah pun memperuntukkan sebanyak RM48.1 juta bagi melaksanakan 27 projek ekopelancongan di negeri Sarawak.

Ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang melibatkan kerja-kerja pemasangan air bersih, pusat pelancongan, penyediaan denai, menaik taraf jambatan, wakaf, asrama dan sebagainya. Antara projek-projek utama yang telah dilaksanakan adalah di Taman Negara Gunung Mulu, Taman Negara Bako, Taman Negara Semilajau dan Taman Negara Logan Bunut. Di bawah *first rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh pula sebanyak RM1.5 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek ekopelancongan di Sarawak seperti peningkatan kemudahan ekopelancongan di Pusat Hidupan Liar Semonggoh, Taman Negara Kubah dan Taman Negara Semilajau, Bintulu, Sarawak. Penekanan tentang keunikan masyarakat majmuk di Sarawak di ketengahkan melalui program *homestay* yang setakat ini melibatkan 20 buah kampung sekitar Kuching, Lundu, Serian, Miri, Betong, Sibu dan Pedawan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, RM6 juta telah pun diperuntukkan untuk peningkatan kemudahan pelancongan tapak Pesta Kaur Mukah Fasa 1. Pesta Kaur yang diadakan setiap tahun dapat menonjolkan keunikan sambutan kesyukuran kaum Melanau di Sarawak dan merupakan salah satu acara yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing bagi menghayati keunikan masyarakat majmuk yang terdapat di Sarawak.

Pada tahun 2011, *Tourism Malaysia* akan mengadakan pelbagai aktiviti promosi termasuk menganjurkan *Mega Familiarisation* bagi seramai 80 peserta yang terdiri daripada wakil agensi pelancongan Belanda dan Belgium ke Sarawak. Antara destinasi yang diberi perhatian adalah kawasan ekopelancongan seperti Batang Ai, Mulu dan mungkin Pedawan sebab Pedawan kawasan saya sendiri. Saya sudah mengenal pasti produk-produk di situ dan juga mengiktiraf destinasi-destinasi di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali mengenai pelancong dari China yang membawa wang keluar negara. Kementerian Pelancongan ingin menegaskan di sini bahawa bagi warganegara China yang menyalahgunakan pas lawatan sosial ke Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri kerana mereka tidak merupakan pelancong yang tulen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, China adalah merupakan salah satu pasaran utama untuk industri pelancongan Malaysia.

Pada tahun 2010, Malaysia telah menerima 1.13 juta orang pelancong dari China dengan peningkatan sebanyak 10.8 peratus berbanding 1.2 juta orang dari China pada tahun 2009 dengan penjana pendapatan sebanyak RM3.13 bilion iaitu peningkatan 2.41 peratus berbanding RM2.78 bilion pada tahun 2009. Mengikut UNWTO juga, telah melaporkan bahawa bagi 2010, *outbound trip* oleh warga China telah meningkat sebanyak 21 peratus kepada 54 juta orang. China juga merupakan negara keempat tertinggi di dunia daripada segi perbelanjaan pelancong ataupun *tourist spent*.

Oleh itu, negara China merupakan salah satu pasaran utama bagi rantau ini. Perbelanjaan purata per kapita oleh pelancong dari China ke Malaysia telah meningkat kepada RM2,768.40 bagi 2010 berbanding RM2,729.60 bagi 2009 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus.

Bagi tahun 2011, Kementerian Pelancongan menyasarkan seramai 1.25 juta orang pelancong dari China akan melawat Malaysia dan dengan jangkaan sumbangan pendapatan sejumlah RM3.46 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali mengenai penajaan pendapatan penduduk luar bandar seperti melalui program *homestay* adalah dimaklumkan bahawa program ini merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk menarik ramai pelancong ke Malaysia dengan menawarkan satu bentuk pengalaman unik daripada aspek kebudayaan dan gaya hidup masyarakat kampung di samping dapat menambahkan pendapatan isi rumah serta taraf hidup masyarakat di luar bandar.

Pelaksanaan program ini dilihat terbukti memberi kesan yang positif terhadap industri pelancongan negara dan masyarakat luar bandar berdasarkan laporan prestasi *homestay* yang telah dicapai pada 2010. Jumlah pendapatan *homestay* pada tahun 2010 telah meningkat sebanyak 13.6 peratus iaitu RM12.4 juta berbanding RM10.9 juta pada 2009 manakala jumlah kedatangan pelancong ke *homestay* pada 2010 telah meningkat sebanyak 21.6 peratus iaitu 196,472 orang pelancong berbanding pada 2009 iaitu 161,561 orang pelancong.

Kementerian Pelancongan sentiasa berinovatif dan memperkembangkan serta meningkatkan lagi perkhidmatan *homestay* yang ditawarkan agar memenuhi kehendak para pelancong serta dapat meningkatkan hasil pendapatan masyarakat di luar bandar. Kita sedang membuat strategi untuk menggabungkan keunikan *homestay* ini di dalam program *Community Best Tourism* kerana *Community Best Tourism* adalah gambaran yang besar di mana banyak lagi aktiviti-aktiviti yang kita boleh gabungkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam sekarang menunjukkan tepat pukul 1 dan Dewan akan disambung semula jam 2.30 petang ini. Yang Berhormat boleh sambung selepas ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Kementerian Pelancongan untuk menyambung jawapan.

**2.33 ptg.**

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut tentang keterangkuman *homestay* dengan *Community-Based Tourism*. Oleh yang demikian, kementerian sentiasa membuat program dan juga strategi untuk meningkatkan pendapatan pengusaha *homestay*. Ini termasuk pewujudan perniagaan seperti pewujudan perniagaan tapak semeaian anak-anak pokok ataupun nurseri.

Keduanya, jika pelancong sudah hendak meninggalkan tempat *homestay* itu, kita galakkan pengusaha *homestay* untuk memberi pelancong satu peluang tanam pokok iaitu *Plant A Tree* yang kita namakan PAT oleh para pelancong yang mengunjungi *homestay*. Pelancong membeli pokok dari tapak semeaian anak-anak pokok untuk ditanam bagi Program PAT ini. Program ini mampu memberikan pendapatan sampingan kepada kawasan *homestay* kerajaan.

Ketiganya, kita juga bekerjasama dengan masyarakat Orang Asli bagi mewujudkan pakej lawatan sehari ke perkampungan Orang Asli. Begitu juga seperti di Sarawak, kita bekerjasama dengan masyarakat Penan supaya pelancong boleh melawat juga perkampungan masyarakat Penan di Sarawak. Dalam pakej seperti ini, para pelancong yang menginap di *homestay* yang berdekatan dengan perkampungan Orang Asli akan melawat serta mengalami sendiri aktiviti-aktiviti tradisional yang dilaksanakan oleh masyarakat di sana seperti mempelajari Tarian Sewang, menjerat haiwan, mempelajari masakan tradisional dan memburu dengan menggunakan sumpit. Akan tetapi saya nampak sumpit Orang Asli di sini pendek daripada sumpit masyarakat Penan di Sarawak. Sumpit masyarakat Penan memang panjang.

Pakej *homestay* juga menawarkan aktiviti-aktiviti seperti tarian tradisional, persembahan kebudayaan dan penjualan kraf tangan. Ini adalah usaha untuk meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha *homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian...

**Datuk Akbar bin Ali:** Bolehkah sedikit mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh?... Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sekejap ya. Akan diberikan perhatian oleh Kementerian Pelancongan bagi menambahbaikkan pelaksanaan semua program aktiviti dan acara pelancongan agar menghasilkan pulangan yang lebih tinggi dan dapat manfaat penduduk tempatan sejajar dengan Pelan Transformasi Pelancongan Negara bagi membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang berupaya menarik ketibaan seramai 36 juta pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hanya dua soalan kecil Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat gembira, usaha-usaha yang dibuat tentang *homestay* ini dalam konsep yang lebih besar iaitu *Community-Based Tourism*.

Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa konsep *homestay* itu pada masa ini sekarang sudah dengan izin Dewan, sudah 'diperkosa'. Maksudnya asal seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan tadi, ia lebih *rural base* menghayati kebudayaan dan sebagainya di dalam cara hidup. Akan tetapi sekarang *homestay* itu sudah pun diperkenalkan juga di bandar yang mana konsep *homestay* tidak ada tetapi perkataan *homestay* itu digunakan. Itulah maksud saya 'diperkosa'.

Keduanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan semua yang bersifat seperti yang selalu saya katakan, *the input side of the equation*, dengan izin. Mungkin untuk menaikkan imej kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah *outcomenya* atau impak usaha-usaha itu khusus berhubung dengan *homestay* tadi dari segi peningkatan pelancong yang datang. Keduanya yang lebih penting lagi ialah peningkatan pendapatan pengusaha-pengusaha *homestay* ekoran daripada segala input usaha yang diperkatakan tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat yang amat berminat dengan *homestay*. Bukan sahaja Yang Berhormat berminat dengan *homestay*, tetapi berminat untuk meningkatkan pendapatan rakyat di kawasan luar bandar. Itu adalah satu *approach* yang amat baik sekali. Saya bersetuju dengan *approach* Yang Berhormat ataupun pemikiran Yang Berhormat.

Untuk dua soalan itu, konsep *homestay* sudah 'diperkosakan'. Saya bersetuju bahawa di bandar tidak perlu konsep *homestay* digunakan. Ini kerana *homestay* di kawasan luar bandar didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan. Oleh itu kita sentiasa membantu dari segi promosi, latihan dan lain-lain. Akan tetapi tiba-tiba ada juga orang di bandar sudah menggunakan konsep ini yang tidak didaftarkan dengan kementerian.

■1440

Sebenarnya, kalau ada perundangan di dalam Akta Pelancongan kita memang anggapkan itu adalah tidak didaftarkan maka ianya *illegal* tetapi kita hanya berpandu dengan logo *homestay* yang diberi oleh kementerian apabila didaftar dan diluluskan dan logo *homestay* itulah menjadi peraturan. Mana yang tidak ada logo *homestay* itu maknanya itu adalah dianggap *illegal*, tidak betul ataupun tidak sah, tidak asli.

Yang kedua untuk menaik imej seperti peningkatan pendapatan rakyat di luar bandar. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat kalau kita lihat kehadiran pelancong ke *homestay* pada tahun 2009 berbanding dengan 2010 memang sudah pun meningkat. Pada tahun 2009 10.9 juta pelancong menginap di *homestay*. Pada tahun 2010 12.4 juta. Bermakna peningkatan 25.2 peratus. Pecahan di antara pelancong domestik dan luar negara pula pada tahun 2009 31,523 pelancong asing, tetapi tahun 2010 49,126 pelancong asing. Sudah pun meningkat. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi pendapatan RM10.9 juta pada tahun 2009 hingga ke RM12.4 juta pada tahun 2010 pendapatan sudah pun meningkat, tetapi bagi saya di dalam Kementerian Pelancongan itu belum mencukupi lagi.

Itulah sebabnya kita kena buat strategi yang berkesan untuk menaikkan pendapatan rakyat di kawasan luar bandar. Apatah lagi nanti kalau kerajaan sudah pun melaksanakan Model Ekonomi Baru, di mana Model Ekonomi Baru menyasarkan bahawa pendapatan rakyat di negara kita akan menjadi RM48,000 satu tahun. Maknanya RM4,000 satu bulan. Jadi bagaimanakah kita boleh buat strategi untuk meningkatkan pendapatan rakyat di kawasan luar bandar supaya boleh menjana pendapatan seperti itu. Sememangnya daripada sektor pelancongan termasuk *homestay*.

Itulah sebabnya saya katakan tadi membesarkan konsep dan juga bidang sebagai *community based tourism* supaya *homestay* iaitu industri *homestay touch point* sahaja tempat untuk menginap. Saya memang melawat *homestay* di mana-mana dan jika pakej yang mereka tawarkan tidak begitu berkesan, saya minta tukar pakej-pakej seperti itu supaya ianya boleh lebih berkesan lagi dan boleh menarik minat pelancong-pelancong asing. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** [Bangun]

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ir. Haji Zamri.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kementerian Pelancongan yang di hujung tadi sebenarnya saya hendak sebut adalah, kita hendak ucap terima kasih kerana telah membina Dataran di Pekan Lawas itu kawasan angkat saya di situ. Cuma saya hendak sebutkan apabila dibina *waterfront* di dataran Lawas itu dan juga bersekali dengan pembesaran *airport* yang saya hendak sebut, kerana tadi disebut oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagaimana mereka akan bina tebatan banjir. Saya harapkan *waterfront* ini juga mengambil kira *level* tebatan banjir yang akan dibuat di situ supaya selepas ini *waterfront* itu masih boleh berfungsi selepas tebatan banjir siap.

Yang keduanya, saya minta Kementerian Pelancongan juga mengkaji dan melihat kerana di kawasan itu ada satu produk yang cukup unik namanya tahai yang saya rasa tidak ada di tempat lain melainkan di situlah segi tiga antara Sabah, Brunei dan utara Sarawak itu. Mungkin boleh melihat kerana hasil laut ini yang kalau tidak dijadikan tahai itu nilai hanya RM2 satu kilo akhirnya meningkat kepada RM20. Mungkin sebagai produk pelancongan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Pertamanya banjir di Lawas. *Airport* Lawas ataupun Lapangan Terbang Lawas sememangnya selalu menghadapi banjir apabila hujan lebat dan air daripada hulu sungai mengalir hingga ke Lawas. Dia banjir sebab landasan itu memang rendah. Apa sahaja projek tebatan banjir yang kita buat memang susah untuk menangani banjir di situ jika Sungai Lawas itu sudah banjir. Yang penting ialah kita mesti memahami sekarang juga dengan perubahan iklim air laut pun *level* sudah meningkat. Di negara kita dari tahun 1960 hingga sekarang 18 sentimeter air laut sudah pun meningkat. Maknanya air sungai pun sudah meningkat. Tambah lagi dengan ada projek-projek pembangunan di hulu sungai.

Apabila sedimen ataupun tanah sudah pun tenggelam di landasan sungai ini memberi *displacement* dengan izin, kepada *level* air dalam sungai. Maknanya *displacement* ini akan memberi kesan kepada *level* air sungai ianya naik lagi ke dalam sungai. Oleh itu banjir. Jika ada banjir, sungai sudah banjir maknanya sememangnya tempat itu banjir lebih-lebih lagi macam di Lapangan Terbang Lawas.

Yang kedua, berkenaan dengan ikan tahai. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat ikan tahai tidak terdapat di mana-mana di Malaysia. Hanya didapati di Daerah Limbang dan di Daerah Lawas tetapi rasanya memang enak dan sedap. Itulah sebabnya sekarang harganya sudah meningkat. Sebab permintaan dari negara jiran seperti Brunei pun sudah banyak. Jadi itu kita tidak dapat elakkan. Siapa yang suka makan ikan tahai harganya sudah naik tapi rasanya enak, sedap. Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Mohammed Najeeb.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya menyentuh dua tiga perkara yang saya sentuh semasa perbahasan tetapi mungkin pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri terlepas pandang.

Yang pertama berhubung dengan cadangan saya supaya meningkatkan perbelanjaan dalam sektor pelancongan kerana kalau ikut daripada statistik 2008 hingga 2009 ia menurun perbelanjaannya, tetapi ketibaan pelancong meningkat. Yang terakhir ialah menurun hingga 54.1 juta pada 2010 sedangkan pelancong meningkat kepada 24.6. Jadi kita kena pertingkatkan perbelanjaan bagi menarik lebih ramai.

Yang kedua berhubung dengan pejabat *Tourism Malaysia* di 40 lokasi di seluruh dunia. Apakah prestasi setiap pejabat ini, adakah mereka ada *business model* tersendiri sebagai *marketing arms* untuk Malaysia sudah tentu mereka mesti diberi *business target* agar mereka beroperasi *effectively*, dengan izin.

Yang ketiga berhubung dengan sukan motor *F1* yang mana lesen akan tamat pada 2015. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana daripada segi perspektif pelancongan adakah ia menyumbang ke arah peningkatan pelancong dan kita mohon untuk disambung seterusnya untuk lima tahun lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Peningkatan perbelanjaan pelancongan cadangan yang baik Yang Berhormat. Saya memang setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Kita di dalam Kementerian Pelancongan, kita memang memohon untuk meningkatkan perbelanjaan supaya kita boleh membuat strategi, promosi dan misi jualan supaya lebih ramai lagi pelancong akan datang ke negara kita untuk meningkat tiap-tiap tahun. Sejak tahun 2000 hingga sekarang, peningkatan kehadiran pelancong ialah lebih kurang 9 peratus. Maknanya setiap tahun ada pertambahan.

■1450

Untuk soalan yang kedua peranan pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara. Pertama, pejabat-pejabat tersebut menguruskan misi galakan pelancongan ke bandar raya utama terutamanya bandar yang mempunyai penerbangan secara terus ke Malaysia. Misi ini mampu meningkatkan jaringan kerjasama antara pengusaha-pengusaha pelancongan di samping kerjasama untuk menambah jumlah ketibaan pelancong dari pasaran ke Malaysia.

Kedua menyertai pameran pelancongan utama bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia dan syarikat penerbangan untuk mempublikasikan dan menjual pakej pelancongan ke Malaysia.

Ketiga menganjurkan program-program promosi *consumer* seperti *Malaysia travel Fair* yang khusus untuk meningkatkan minat pelancong dan menjual pakej Malaysia kepada pelancong asing.

Keempat mempromosikan Malaysia melalui Internet dan media sosial iaitu *blog*, *facebook*, di samping kempen pengiklanan di dalam media cetak dan media elektronik di mana pejabat itu wujud. Itulah peranan Pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Akan tetapi soalan nombor tiga tadi saya tidak berapa jelas.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Sukan Motor *F1*.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sukan *F1*?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** *F1*. sebagai satu sumber penarikan pelancong di mana hari ini kita tahu ia akan ditamatkan pada 2015 agar kementerian menyarankan ianya diteruskan, disambung.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, sukan itu akan berakhir pada tahun 2015. Kita akan cadangkan supaya ianya terus diadakan. Sebab kita sudah nampak tarikan untuk pelancong-pelancong asing yang datang. Bersempena dengan itu juga kita mengadakan acara-acara yang tertentu. Apabila sudah masuk, kalau ada acara-acara lain lagi, lebih ramai lagi akan datang, itu sahaja.

Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tentang Kementerian Pelancongan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Kementerian Pertanian menjawab, saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan usul.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai peggulungan ke atas usul menjunjung kasih dibahas dan diputuskan dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu 27 April 2011.”

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan itu minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjawab.

**2.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Diraja yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja baru-baru ini. Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani amat menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah membangkitkan isu tentang dasar agro makanan dan jaminan-jaminan yang diberikan di bawah dasar agro makanan oleh yang membezakannya daripada jaminan daripada dasar pertanian negara ketiga yang dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar agro makanan masih mengekalkan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan sebagai salah satu daripada objektif utama terdapat beberapa tindakan pendekatan baru yang akan ambil di bawah dasar ini.

- (i) menumpukan peningkatan produktiviti di sepanjang rangkaian nilai berbanding pelupusan kapasiti bagi meningkatkan pengeluaran pertanian;
- (ii) mengambil pendekatan berasaskan rantaian nilai dengan memberi tumpuan kepada nilai ditambah berdaya saing dan kemapanan di sepanjang nilai berbanding pendekatan berasaskan kepada produk;
- (iii) menggalakkan syarikat peneraju untuk mengurusperdanakan keluaran *home garden* dan pekebun kecil di dalam rangkaian pengeluaran makanan komersial berskala besar melalui perladangan kontrak dan perkongsian bijak; dan
- (iv) meningkatkan peranan sektor awam dalam bidang khidmat sokongan penguatkuasaan bagi mengelakkan konflik kepentingan sekiranya kerajaan memainkan peranan sebagai peserta pasaran.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu membangkitkan isu meningkatkan tahap saradiri bagi beras dan bahan makanan yang lain di samping mengurangkan import bahan makanan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan tahap sara diri dalam pengeluaran beras per negara kepada tahap 70 peratus bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang dan bakinya akan dibuat melalui import. Berdasarkan kepada ketetapan tersebut, negara telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan mencatat SSL sebanyak 71.4 peratus bagi tahun 2010.

Namun kerajaan akan mengkaji semula ketetapan tersebut bagi mengambil kira faktor jaminan makanan dan perubahan cuaca. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengeluaran atau produktiviti di kawasan jelapang;
- (ii) meningkatkan keupayaan pengairan daripada sekali setahun kepada dua kali setahun dan daripada dua kali setahun kepada lima kali dalam masa dua tahun;
- (iii) menjamin kualiti melalui kaedah penentuan sebenar;
- (iv) mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuai melalui penggunaan teknologi terkini;
- (v) mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua 'IEDA' dan;
- (vi) membangunkan kawasan tanah sawah terbiar melalui program di bawah NKEA.

#### ■1500

Langkah-langkah yang tersebut yang sedang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan tahap sara diri bagi sayur-sayuran dan daging lembu pula telah diberi penekanan beberapa perkara iaitu:

- (i) perluasan kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan ternakan dengan membangunkan kawasan zon baru dan zon pengeluaran seperti tanaman kekal pengeluaran makanan dan kawasan tumpuan sasaran untuk ternakan serta mensyaratkan sebahagian atau 10 peratus daripada tanah untuk tujuan tanam;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan daya saing melalui pengalaman teknologi pengurusan pengeluaran yang cekap dengan mengurangkan kerosakan lepas tuai;
- (iii) menambah baik sistem pemasaran sayuran; dan
- (iv) pemberian insentif untuk pengusaha berteknologi tinggi.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengadakan program pembangunan tanah terbiar supaya tanah yang digunakan di tahap yang optimum untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan di dalam negara. Sejak tahun 2007, Jabatan Pertanian telah membangunkan tanah terbiar seluas 8,107.7 hektar yang melibatkan seramai 6,852 peserta Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan tanaman sayuran, nanas, tebu, tembikai, pisang, rozel, jagung dan buah-buahan seperti nangka dan lain-lain. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2010 adalah sebanyak 4,000 metrik tan bernilai RM3.9 juta, manakala jumlah pengeluaran daripada tahun 2007 hingga 2010 adalah sebanyak 30,000 metrik tan yang bernilai RM29.25 juta.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid juga telah meminta penjelasan kementerian mengenai statistik yang terdapat di dalam Perangkaan Agro Makanan 2010 yang dikeluarkan oleh pihak kementerian.

Ini iaitu pada tahun 2005, tahap sara diri beras negara terserlah pada 60.6 peratus tetapi pada tahun 2006 sehingga 2010 ianya berada di tahap kurang daripada 17 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada Buku Perangkaan Agro Makanan 2010 yang dikeluarkan oleh kementerian, tahap sara diri beras pada tahun 2005 ialah 80.6 peratus, tahap sara diri di dalam pengeluaran beras pada tahap 66.8 peratus pada tahun 2006 dan 72.7 peratus pada tahun 2007 dan 70.2 peratus pada tahun 2008, 70.4 peratus pada tahun 2009 dan 71.4 peratus pada tahun 2010.

Penurunan SSL pada tempoh tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan domestik iaitu pada kadar 44.5 peratus setahun berbanding dengan kadar pertumbuhan pengeluaran hanya pada kadar 2 peratus setahun. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bagi bahan makanan dan sentiasa meningkatkan tahap sara diri komoditi makanan utama negara supaya negara tidak terus bergantung pada bahan makanan yang diimport.

Walau bagaimanapun, beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan di dalam negara akan terus diimport bagi menampung keperluan bahan makanan ini. Ini disebabkan oleh faktor ketidaksesuaian iklim dan tidak ekonomik dikeluarkan di dalam negara kerana kos pengeluaran yang tinggi seperti komoditi bijirin, bahan makanan ternakan, buah-buahan dan juga sayur-sayuran beriklim sederhana.

Sehubungan dengan itu, bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat serta meningkatkan pendapatan golongan sasaran di negara, kementerian telah menggubal Dasar Agro Makanan bagi tempoh tahun 2011 sehingga tahun 2020. Di antara strategi yang akan dirangka di dalam Dasar Agro Makanan bagi tempoh 2011 hingga 2020 untuk menjamin bekalan makanan dalam negara adalah seperti berikut:

- (i) menerusi pelaksanaan projek berimpak besar;
- (ii) membangun tanah pertanian secara optimum;
- (iii) membangun sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh;
- (iv) menumpu penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan
- (v) meningkatkan penglibatan pihak swasta.

Pada masa ini, Dasar Agro Makanan sedang diselaraskan bersama dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebagai Dasar Pertanian Negara yang keempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah berjaya meningkatkan pengeluaran komoditi makanan untuk negara daripada 5.3 juta metrik tan pada tahun 2000 kepada 7.6 juta metrik tan pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7 peratus. Di antara komoditi yang menunjukkan pertumbuhan yang tinggi adalah daging kambing – 10.3 peratus, daging lembu – 10.1 peratus, susu – 8.7 peratus, agro kultur – 8.3 peratus, buah-buahan, daging ayam dan telur, sayur-sayuran mencatat pertumbuhan sederhana di antara 3 peratus hingga 7 peratus setahun.

Berhubung kerjasama di antara syarikat GLC yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bekerjasama dengan FELDA sebagai pemain utama di dalam Projek Gedung Makanan Negara. Semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berperanan untuk memberi bantuan teknikal untuk memastikan projek berjalan mengikut jadual.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad juga menyarankan...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan terutama berhubung dengan gedung makanan. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat di atas segala usaha tentang menambah makanan tadi, *despite all of those thing* dengan izin, import makanan telah meningkat dari RM11 bilion pada tahun 2000 kepada kira-kira RM30 bilion pada tahun lepas. Dalam konteks senario *global food supply* dengan izin, di mana semakin meruncing simpanan stok, contohnya jagung - hanya *last* kira-kira tujuh hari dan begitu juga dengan gandum – kalau tidak ada pertambahan makanan di Amerika, apakah kedudukan *food security* dengan izin, di negara kita pada masa ini dan bagi jangka masa sehingga tahun 2020? Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan jaminan kedudukan makanan di negara kita, memanglah setakat ini kita mempunyai perancangan yang cukup untuk menghadapi masa-masa yang akan datang. Umpamanya macam berkenaan dengan beras, dalam masa sepuluh tahun kita akan tumpu kepada 70 peratus sahaja pengeluaran dalam negara. Bermakna 30 peratus kita import. Walau bagaimanapun, oleh kerana perubahan cuaca dan sebagainya, kita akan mengubah dasar kita. Kita mungkin akan mengubah dasar ini supaya kita akan sampai kepada tahap sara diri. Umpamanya padi sekarang ini, kita sekarang sedang memperbaiki sistem pengairan kita di bawah NKEA iaitu MADA akan memainkan peranan. Begitu juga program-program lain seperti ternakan dan sebagainya yang telah kita tumpukan di bawah NKEA ini. Jadi, perkara-perkara ini sentiasalah diambil berat oleh kerajaan dengan program-program yang kita buat yang saya telah sebutkan tadi.

■1510

Akan tetapi walau bagaimanapun, ini adalah bergantung rapat kepada sikap dan petani-petani kitalah. Jadi, banyak program-program yang kita laksanakan. Kadang-kadang kita menghadapi masalah kerana sikap petani yang terpaksa kita ubah kerana ia juga akan mengambil masa kerana kalau kita lihat padi umpamanya, kawasan MADA, KADA dan sebagainya. Kebanyakan petani-petani kita telah berusia, *average* nya 60 tahun ke atas. Kalau orang Kedah kata “dah ranum”. So, sekarang ini kita mahu supaya sistem baru iaitu kita memperkenalkan sistem ladang. Ladang iaitu kita buat secara estet yang sedang kita kemukakan untuk rakyat di kawasan-kawasan ini. Jadi, banyak lagi program-program yang akan kita laksanakan supaya makanan untuk rakyat Malaysia untuk masa-masa yang tertentu akan dapat terjamin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** [*Bangun*]

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mohon mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di atas penjelasan daripada pihak kerajaan, saya cukup kagum dengan beberapa usaha untuk melonjakkan pertama sekali dari segi mempertahankan Dasar Pengeluaran Makanan Negara dan ada yang disebut bersabit dengan buah-buahan. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua untuk kerajaan memperjelaskan.

Saya rasa di antara beberapa perkara yang besar itu ada beberapa perkara yang agak kecil dan terpinggir sampai ke hari ini iaitu usaha dalam bidang pertanian untuk melonjakkan bidang pertanian ini ialah penanaman buah-buahan. Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang menimbulkan kesan secara khusus kepada *income* dengan izin, para petani ialah lambakan *over supplies* terutama sekali dari segi buah dokong dan juga buah rambutan. Apakah usaha yang lebih konkrit daripada kerajaan perkara ini merupakan *base* kepada setiap petani di peringkat akar umbi atau bawah. Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, berkenaan dengan buah-buahan inilah. Pertama sekali berkenaan dokong ya. Dokong ini, sikap kita atau petani kita oleh sebab biasa sahajalah. Umpamanya di tempat sayalah. Saya ambil contoh. Satu ketika dahulu, getah tidak ada harga. Jadi, orang semua tebang pokok getah, tanam tanaman lain termasuklah di tempat saya dia tanam limau bali. Akan tetapi sekarang ini limau bali harga tidak jadi. So, sekarang orang tebang limau bali dan tanam semula pokok getah kerana harga getah. Jadi, sikap-sikap seperti ini yang menyebabkan kita bermasalah iaitu tentang seperti saya katakan sebentar tadi, petani-petani kita yang perlu kita berikan penjelasan dan penerangan dari semasa ke semasa. Inilah peranan Yang Berhormat sebenarnya, menolong, masuk, dan beritahu kepada orang ramai berkenaan dengan perkara ini.

Begitu juga dengan buah-buahan. Saya tidak dapat nafi kadang-kadang ada juga berlaku di pihak pegawai-pegawai kita umpamanya seperti buah rambutan. Sekarang ini rambutan yang berharga iaitu rambutan yang dinamakan rambutan jenis buah 'anak sekolah'. Jadi, 'anak sekolah' namanya. Jadi, saya sendiri pun tidak tahu. Pada satu ketika dahulu, pada ketika saya sekolah bapa saya bawa saya pergi ke MAHA. Pada masa itu MAHA. Jadi kita belilah rambutan dengan bapa saya lebih kurang 12 pokok. Balik tanam dan pokok rambutan itu masih hidup sehingga sekaranglah, ada lagi.

Jadi, saya balik satu ketika kerana pada masa itu emak saya ada di rumah. Saya tanya emak saya, "*Kenapa buah ini tidak jual?*" Dia kata "*Tidak laku, orang tidak mahu beli.*" Jadi, saya tidak tahu sehinggalah saya jadi Timbalan Menteri Pertanian Industri, dan Asas Tani. Saya telefonlah pegawai FAMA tanya, "*Apa jadi pokok ini?*" Dia kata, "*Dato', rambutan yang ada rumah emak Dato' itu ialah buah rambutan jenis mudah lekang yang tidak ada harga sekarang,*" jadi emak saya mana tahu. Kerja mahu beritahu dia ialah pegawai pertanian kita yang patut beritahu kepada orang kampung bahawa jenis ini tidak sesuai lagi.

Sekarang ini kita perlu tanam jenis yang baik iaitu jenis yang ada *commercial value* lah. So, maknanya pokok-pokok ini kita tebang dan kita tanam baru.

Begitu juga durian. Durian di kampung saya dengan durian di Balik Pulau. Di Balik Pulau, durian yang ditanam sebiji sehingga RM30. Kalau RM30 di tempat saya, boleh beli satu beg besar. Jadi, maknanya durian saya itu ialah durian jenis 'singlet,' durian biji besar-besar dan kulitnya nipis. Akan tetapi perkara ini mestilah diberitahu oleh pegawai kita bahawa durian jenis ini tidak sesuai lagi. Seperti juga kelapa. Kelapa sekarang mestilah tanam kelapa matang. Kelapa yang jenis buah banyak. Akan tetapi kalau kita lihat di Tanjung Karang kelapa masih tinggi 100 kaki pun masih ada lagi. Kalau kita suruh beruk pun, beruk pun tidak boleh naik, gayat. Ia terlampau tinggi. Jadi, ini masalah.

Sebenarnya dalam pertanian ini banyak benda mahu kena buat. Kadang-kadang teknologi ada dan kepakaran tetapi tidak sampai ke bawah itu, bukan mudah. Mahu ubah *mind set* orang di kampung ini. Jadi, itu menyebabkan lambakan. Kadang-kadang kita tahu, pokok ini tidak sesuai. Pokok rambutan ini tidak sesuai, kita suruh mereka tebang, sayang mahu tebang. Jadi, itu masalah yang kita hadapi, lambakan dan sebagainya. Ini kerana kita telah berbagai-bagai. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat tolong kempen samalah ya.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad juga menyarankan apabila Dasar Pertanian Negara Keempat dilaksanakan, ianya harus dipantau dengan lebih teliti dan penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa. Yang Berhormat meminta penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai bilangan dialog ataupun perjumpaan-perjumpaan dengan persatuan peladang dan juga nelayan sepanjang tahun 2010. Memang banyak, beribu kali kita buat sebenarnya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, siri-siri yang kita telah buat, yang pertamanya siri Mesyuarat Fokus Grup, Mengubah Dasar Agro Makanan, Konvensyen Jaminan Bekalan Makanan kita buat sekali, *lab* perbincangan, strategi mengurangkan pergantungan sektor agro makanan terhadap pekerja asing sekali. Program Bertemu Nelayan 56 kali, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, sembilan kawasan kita buat, Hari Bertemu Pelanggan 86 kali, Mesyuarat Agung Persatuan Pertubuhan Peladang 289 kali, Persatuan Nelayan kita buat perjumpaan 258 kali. Sebenarnya banyak lagi yang kita telah buat iaitu untuk menjamin perkara ini, lawatan, perjumpaan, perbincangan dan dialog yang kita melaksanakan di kementerian ini dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah menyentuh tentang sama ada Pegawai Gred44 di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tahu apa itu Dasar pertanian. Sebagai contoh tentang kejahilan setengah-setengah kita tentang dasar yang patut kita ketahui ini. Bagi memastikan hala tuju dan garis yang didasarkan dalam Dasar Agro Makanan dan juga dasar-dasar kementerian. Kita sentiasa mengadakan taklimat, perjumpaan dan juga perjumpaan bulanan dan sebagainya supaya semua pegawai-pegawai kita faham tentang Dasar Pertanian.

Akan tetapi kita tahu juga ada juga pegawai-pegawai kita, apabila waktu-waktu atau keadaan-keadaan tertentu mereka tidak dapat memberi penjelasan. Kadang-kadang dia kata, “*Saya pun tidak setuju, tetapi apa boleh buat kita makan gaji.*” Jadi, ada juga seperti itu. Dalam ramai-ramai ini macam-macam, bukan? Akan tetapi walau bagaimanapun bagi kita, kita sentiasa memberi peringatan kursus dan sebagainya, perjumpaan dan seminar yang dibuat untuk pegawai-pegawai kerajaan.

Dato’ Sanusi kata dahululah, “*Pegawai di Malaysia ini, bangsa Melayu inilah yang paling banyak hadir,*” kursus ini macam-macam kursus yang kita hadir. Membasmi kemiskinan satu kertas kerja kita buat. Kertas kerja demi kertas kerja dan kalau kita ambil kertas kerja ini longgok sebelah Pulau Tuba, Pulau Tuba lebih kecil daripada kertas kerja. Akan tetapi rakyat masih miskin juga. Ini dasar kita.

#### ■1520

Kita buat kursus ini orang Melayu paling banyak sekali. Kursus JKK, kursus apa macam-macam lagi dasar kita serang kepada pegawai-pegawai. Pegawai turun dan terangkan kepada rakyat, rakyat macam-macam kita buat macam-macam cara yang kita buat. Jadi memang kita buat sepanjang masa. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanya mengenai pendidikan yang terperinci khususnya untuk mengurang kebergantungan kita kepada hasil iaitu kopi import. Sekarang kopi popular macam-macam kopi. Kopi pun ada 50 jenis kopi yang telah di *brand* baru, kan.

Kopi Tongkat Ali, kopi macam-macam Radix dan sebagainya banyak kopi. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan petani untuk mengusahakan tanaman kopi dengan menyediakan bantuan melalui insentif teknologi amalan pertanian baik. Pembangunan industri komuniti berpotensi dengan kadar bantuan RM3,000 bagi setiap hektar. Kopi yang banyak diperdagangkan di pasaran antarabangsa termasuk di Malaysia adalah jenis kopi Arabica. Manakala kopi yang banyak ditanam di negara ini terutama di Johor, di Selangor adalah jenis Liberica.

Sementara di Kedah pula jenis Robusta. Jadi dia lain-lainlah nama pun pelik kopi ini. Bagi kopi Robusta ada lima jenis baka baru yang telah dihasilkan bagi Liberica pula tujuh jenis bau yang kita telah hasilkan. Di samping baka-baka baru yang kita perkenalkan untuk menjamin pengeluaran teknologi pengeluaran lain juga telah dijana termasuklah pembajaan, pengurusan tanaman yang mantap untuk diguna oleh petani-petani di seluruh negara. Teknologi-teknologi yang dibangunkan menyokong untuk mengurangkan import kepada kedua komoditi tersebut. Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru mencadangkan agar kementerian mewujudkan...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon untuk mencelah.

**Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membenarkan saya untuk mencelah.

Dalam konteks ini, apabila sebut tentang bekalan kopi dan koko tadi yang saya hendak tahu secara jelasnya apakah *target* kerajaan untuk sasaran bagi kita menampung bekalan. Jadi kalau baru-baru ini diberitahu tentang RM5 bilion kita bergantung dekat luar sekarang ini ada usaha-usaha jadi dari segi *target* nya. Katakan tahun 2015, 2020 macam mana *target* kita untuk pengeluaran kopi dan juga pengeluaran koko itu dibuat di dalam negara dari bekalan. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Kita menggalakkan semua jenis kopi ini ditanam antara pokok-pokok lain dan dia boleh pelbagaikan. Jadi, sekarang ini dengan kajian-kajian benih baru dan sebagainya kita galakkan supaya kawasan-kawasan terutama sekali kawasan-kawasan tanah terbiar ini. Kawasan-kawasan tanah terbiar ini kita tengok di mana-mana pun banyak. Baru-baru ini bukan sahaja kopi, sebenarnya nanas pun boleh kita tanam. Macam dulunya nanas ditanam di Johor, sekarang ini Kedah sebolehnya boleh ditanam dengan nanas.

Jadi, begitu juga kopi kadang-kadang kalau dia tidak sesuai kerana cuaca dan sebagainya. Asal kajian-kajian yang kita buat sekarang ini ada berbagai-bagai klon baru yang kita boleh tanam dan sekarang ini kita perkenalkan dan melalui persatuan-persatuan peladang supaya kawasan-kawasan tertentu dan kita akan tentukan untuk ditanam kopi di kampung-kampung. Jadi Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru bangkit berkenaan dengan produk organik. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan pensijilan organik Malaysia bagi memastikan produk organik yang dikeluarkan oleh pengusaha mematuhi standard pensijilan organik antarabangsa.

Sejak dilancarkan pada tahun 2003 seluas 969 hektar telah diiktirafkan sebagai ladang organik yang melibatkan 42 pengusaha sehingga bulan April 2011 yang lepas. Jadi ada 42 orang pengusaha. Pemantauan produk organik iaitu di pasaran atau di pasar raya ialah di bawah Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat meminta penjelasan kerajaan bercadang memberi bonus dan bantuan kepada petani, pesawah dan pekebun kecil untuk membela nasib mereka. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum bercadang untuk memberi tunai kepada para petani, pesawah dan pekebun kecil di negara kita seperti yang diberi kepada golongan nelayan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelbagai bantuan kepada petani, pekebun kecil dan pesawah dalam membantu meningkatkan pendapatan dan ekonomi mereka dan di antaranya ialah:

- (i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Skim Harga Subsidi Padi;
- (iii) geran perbadanan dan bantuan peralatan di bawah Program Pembangunan Industri Asas Tani; dan
- (iv) pemasaran melalui rantaian Pasar Tani.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung membangkit tentang isu buah naga yang telah ditanam oleh petani di Sarawak yang telah diserang oleh penyakit baru-baru ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, terdapat dua jenis patogen yang menyerang tanaman buah naga di negara kita. Pertama ialah kulat dan yang kedua ialah bakteria. Dalam sistem penanaman terbuka di ladang jika berlaku hujan yang berpanjangan, keadaan di sekitar akan menjadi lembap. Keadaan ini menggalakkan pertumbuhan kulat. Permulaannya jangkitan berlaku disebabkan oleh kulat. Simptom jangkitan ini ialah berbintik-bintik dan dahan buah naga dan juga pada buah.

Jika keadaan semakin serius, bakteria pula akan berjangkit kerana serangan kulat tadi telah membuka ruang bagi bakteria masuk ke dalam pokok. Jangkitan bakteria akan menyebabkan dahan menjadi busuk dan berair. Jika di biar lama-kelamaan seluruh dahan busuk dan pokok akan matilah. Untuk mengawal jangkitan bakteria pada tanaman buah-buahan naga terlebih dahulu penyakit kulat perlu dikawal kerana kulat adalah agen yang memulakan jangkitan. Pengawalan penyakit kulat boleh dilakukan menggunakan racun kulat. Akan tetapi, oleh kerana dahan buah naga disalutkan dengan lapisan lilin, semburan racun kulat sahaja tidak akan memberi kesan.

Oleh itu, petani perlu menggunakan bahan pelekat untuk mendapat kesan kepada rawatan yang dibuat. Selain daripada itu, penggunaan struktur pelindungan hujan iaitu *green house* iaitu pokok yang ditanam di dalam *green house* inilah yang akan dapat menjadi selamat daripada ancaman daripada kulat dan juga bakteria ini. Yang Berhormat juga membangkit tentang produk pertanian seperti buah-buahan. Antara lain usaha untuk mengukuhkan produk buah-buahan ialah melalui penghasilan industri hiliran daripada buah-buahan melalui teknologi pemprosesan dan penyelidikan yang berterusan. Sehubungan dengan itu, MARDI telah membangunkan teknologi-teknologi yang relevan.

Di antaranya ialah pemprosesan minuman dan pemprosesan hiliran. Buah-buahan yang diproses secara minimum merupakan produk segar dalam bentuk sedia untuk dimakan dan disediakan untuk pelbagai bentuk menurut kehendak pasaran dan pengguna. Produk-produk seperti durian, nanas dan nangka telah berjaya di eksport ke negara luar seperti Singapura, Belanda, Switzerland dan Belgium. Bagi produk hiliran pula buah-buahan seperti durian, cempedak, dokong dan rambutan boleh diproses untuk dijadikan produk seperti jem, kordial, halwa, sirap, sos dan sebagainya.

■1530

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid Ahmad membangkitkan tentang kurangnya penglibatan belia di dalam bidang pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan kepada generasi baru khasnya pada belia lapisan sekolah. Selain daripada itu latihan berpakej dilaksanakan kepada siswazah lepasan pelatih untuk menggalakkan belia menceburi bidang pertanian sebagai usahawan.

Yang Berhormat Datuk Akbar Ali telah membangkitkan tentang isu penggunaan bioteknologi untuk produk sampingan perikanan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perikanan ada melaksanakan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi Malaysia dalam melaksanakan R&D bioteknologi produk sampingan perikanan seperti kulit ikan dan udang, perut ikan dan tulang ikan.

Kajian yang dijalankan adalah bagi mengenal pasti produk bernilai tinggi yang boleh diekstrak seterusnya mendapat kaedah yang *economical* serta mampu untuk dikomersialkan. Sememangnya kulit, tulang dan kepala ikan boleh diproses untuk diekstrak gelatin. Walau bagaimanapun untuk mewujudkan industri gelatin, beberapa faktor seperti bekalan yang mencukupi, keseragaman bahan mentah dan pulangan tinggi daripada bahan mentah perlu dipastikan sebelum dapat dikomersialkan.

Dia tidak cukup Datuk. Ikan – kepala ikan hendak buat itu tidak ada. Tidak banyak. Jadi, kita kena tengok sama ada kalau kita buat, boleh buat tetapi *supply* tidak cukup. Jadi, ini masalahnya. Akan tetapi terima kasihlah Datuk. Isu yang berikutnya adalah yang dibangkitkan oleh Senator Tuan Mohd. Khalid Ahmad...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon saya mencelah Dato'...

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Izinkan saya. Terima kasih di atas penjelasan tadi. Saya rasa Dato', kalau kita lihat *total tonnage the landing of fishes*, dengan izin, campur dengan *imported fishes*, saya jangka cukup kalau dikatakan secara *macro commercial value* nya. Cuma kita tidak perlu *reinvent the wheel*, dengan izin. Kita boleh contohnya, mengadakan *smart partnership* dengan pihak Taiwan. Oleh sebab mereka sudah pun menikmati pendapatan yang tinggi di kalangan penternak ikan dia berdasarkan kemudahan terbaru yang dikatakan *biotech* tadi. Ini kerana sisik ikan pun contohnya, boleh dibuat untuk kosmetik.

Jadi, telah terbukti di sana dengan menggunakan bahan-bahan yang dikatakan sisa pada peringkat kita sekarang, *waste* itu, boleh *diconvert* kepada *wealth*, pendapatan akan meningkat antara 20 ke 35 peratus. Saya rasa pegawai-pegawai kita bukan mencari alasan-alasan kenapa tidak boleh tetapi mengadakan anjakan paradigma bagaimana ia boleh jadi boleh di bawah konsep Malaysia Boleh. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, memang boleh. Saya terangkan ini pada keseluruhannya. Akan tetapi ada juga syarikat-syarikat yang buat seumpamanya. Ada satu syarikat tilapia iaitu sebuah syarikat yang memelihara ikan, ternakan ikan di Temegoh. Dia *harvest*. Satu hari 15 tan ikan tilapia. Ikan tilapia ini diproses untuk dibuat filet dan dieksport ke US.

Syarikat ini ada menggunakan kulit ikan tilapia ini untuk dibuat gelatin. Akan tetapi kerana ia banyak *supply*, *consistent*, dia boleh buat. Bukan kata tidak ada, ada. Akan tetapi setakat ini kejayaannya tidak lagi boleh kita banggakan.

Akan tetapi sudah ada. Ini yang kita buat di Pulau Pinang. Ada. Syarikat ini pada akhir tahun ini ia akan *harvest* lebih kurang dia punya *target* 20 tan satu hari, satu hari! *One day*.

Selepas itu dia punya *target* sampai 100 tan satu hari. *So*, saya rasa bila produk dia mencukupi saya rasa benda ini boleh buat. Bukan tidak ada, ada Yang Berhormat, ada. Akan tetapi kalau kita macam di Jepun lain. Pasal dia industri ikan tuna, dia ada ikan paus. Kalau ikan paus, tengok tulang ikan paus bukan main banyak Yang Berhormat. Akan tetapi hendak banding ikan tilapia ini dengan ikan paus lain.

*So*, macam di Jepun buat, Jepun boleh buat pasal dia ikan paus. Kita orang kita hendak tangkap ikan paus tidak boleh. Itu masalahnya. Akan tetapi walau bagaimanapun benda ini dibuat, masih kita buat dan kita menggalakkan perkara-perkara seperti ini. Oleh kerana ianya memberi penambah pendapatan kepada petani kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid Ahmad, ini banyak betul. Senator ini memang minat pertanian. Memohon penjelasan sehingga kini berapakah jumlah usahawan tani Bumiputera yang berdaya saing yang berjaya menghasilkan program Teras terutama kawasan luar bandar. Adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan jenis ternakan yang melibatkan ternakan yang berimpak tinggi seperti burung walit. Burung walit sebenarnya bukan ternakan. Burung walit dia tidak masuk di dalam - di *classified* kan dia bebas. Kita tidak bela burung walit. Orang Perlis bela tidak tahulah kan. Kita tidak ada orang bela.

Skim transformasi usahawan sektor ternakan teras...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Beri laluan Yang Berhormat.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ha.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Burung walit ini kalau kita tengok banyak sangat kalau tengok di kedai-kedai. Bukan di Perlis sahaja. Di sebelah Kedah pun, di belah-belah pantai, tidak pantai pun cukup banyak. Bagaimanakah hendak kawal depa ini. Di bawah kementerian mana, perlesenkah? Ada *effect* pada orang ramaikah macam mana? Cukup banyak. Kalau tengok di belah-belah tepi pantai cukup banyak. Bukan di Perlis, Kedah pun sama juga... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Burung walit memang banyak. Jadi, saya pun risau sekarang ini pasal kawasan bandar pun depa dok buat burung- kawasan. Dulu kita cukup banyak kawasan padi. Sekarang ini kawasan padi pun depa sudah tanam – depa sudah buat rumah burung walit ini.

Akan tetapi ada juga yang buat rumah ini, untuk burung walit masuk ini, ada juga yang buat akan tetapi burung tidak mai... *[Ketawa]* Buat elok. Saya pergi tengok, ada buat, bukan main cantik tetapi burung tidak mai. Burung pun dia pandai juga. Dia tengok rumah mana yang elok. Akan tetapi kita - benda ini kita tidak boleh kawal. Pasal burung ini dia datang sendirilah. Akan tetapi setakat hari ini belum ada lagi kompelin katakan burung walit ini mendatangkan penyakit, tidak ada. Belum ada. Tidak ada. Akan tetapi dia bising. Bising itu mungkin. Akan tetapi kalau penyakit setakat ini belum ada. Belum ada kompelin lagi, belum ada kes-kes tertentulah. Tidak ada lagi. Sama ada selesema burung atau apa, tidak ada lagi, belum ada lagi.

Skim Teras diwujudkan untuk merangsangkan pertumbuhan industri ternakan yang mantap dengan memberi bantuan induk dan penjantan bagi penternak lembu dan kambing kepada peserta Teras. Sehingga kini sebanyak 50,471 ekor kambing dan 34,282 ekor lembu yang telah diagihkan kepada 1,009 penternak kambing dan 1,714 penternak lembu di seluruh negara. Pengagihan lembu di bawah skim ini hanya meliputi ternakan ruminan seperti lembu dan kambing. Kementerian tidak bercadang untuk meluaskan skop, jenis ternakan ini kepada bawah Skim Teras di dalam industri burung walit ini. Belum ada lagi. Walau bagaimanapun, kita menyediakan beberapa cara untuk menolong mereka-mereka yang mengusahakan burung walit iaitu:

- (i) kita menyediakan garis panduan pembangunan industri burung walit. Ini sudah kita buat baru-baru ini dan kita boleh jual dan boleh didapati di kebanyakan kementerian;
- (ii) menjalankan pelbagai kursus berkaitan dengan penternakan dan memproses sarang burung walit;
- (iii) menyediakan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha melalui Agro Bank. Jadi, boleh pinjam dari Agro Bank, SME Bank dan juga daripada TEKUN Nasional; dan
- (iv) memberi perkhidmatan nasihat dan bimbingan kepada mereka-mereka yang berminatlah.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad bin Yusop membangkitkan mengenai dana seperti *fund for food* yang tidak dipinjam oleh petani kerana tidak ada maklumat tentang wujudnya dana tersebut.

#### ■1540

Untuk makluman Yang Berhormat, Agro Bank menguruskan sebanyak 12 skim dana kerajaan untuk pembiayaan projek-projek berkaitan dengan pertanian meliputi perbelanjaan, modal kerja, infrastruktur, untuk semua aktiviti pertanian yang merangkumi pengeluaran, pemprosesan, pembuatan, perkhidmatan dan pemasaran. Jumlah dana yang diperuntukkan untuk satu-satu skim adalah berlainan dan peruntukan untuk *fund for food*, Tabung untuk makanan adalah yang terbesar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu daripada tahun 2006 hingga 2010 Agro Bank telah menerima peruntukan sejumlah RM1.3 bilion untuk *fund for food* berbanding dengan 11 dana lain yang berjumlah RM1.1 bilion. Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai dana ini, kerajaan termasuk 3F ini, Agro Bank menyiarkan iklan melalui media cetak, media elektronik dan media baru daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad Hussin daripada Perlis mencadangkan harga padi dinaikkan daripada RM750 kepada RM1,000 satu metrik tan bagi membantu golongan petani dan memberi insentif sebanyak RM200 bagi setiap petani sebagaimana yang diberi kepada nelayan.

Untuk makluman Yang Berhormat harga belian padi adalah mengikut harga pasaran di sesuatu kawasan. Harga yang tinggi adalah dinikmati oleh petani sekiranya padi yang dijual mencapai kualiti yang ditentukan.

Ini adalah kerana kualiti padi yang dikeluarkan di setiap kawasan berbeza disebabkan faktor-faktor seperti sistem pengairan, penjagaan, penggunaan bahan input pertanian dan sebagainya. Oleh sebab itu baru-baru ini mereka buat penunjuk perasaan di tempat saya. Dia kata padi kawasan Yang Berhormat Menteri harga sekian-sekian, RM1,200 kalau tidak silap saya. Padi kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri RM1,000 berbeza. Jadi kawasan Yang Berhormat Menteri lebih kenapa kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak lebih? Padahal kawasan MADA.

Akan tetapi sebenarnya harga padi ini bergantung kepada keadaan padi itu, kawasan padi. Padi di Selangor ini ialah padi dia punya padi itu lebih elok. Padi dia lebih elok sebab itu harga dia lebih elok. Harga dia lebih baik daripada padi di kawasan-kawasan Kedah kerana padi di kawasan Selangor ini dibuat secara estet dan pengurusan dia lebih baik dan sebagainya berbanding juga padi di Kelantan dan sebagainya. Padi di sini lebih cantik kerana dia buat sistem yang lebih baik, penjagaan yang lebih. Macam di Kedah dia ada sistem 3T – tanam, tinggal, tuai. Bila jadi macam ini tidak boleh dapat harga yang baiklah. Jadi sebab itu harga padi di sesuatu tempat itu berbeza bukan kerana kawasan Yang Berhormat Menteri. Mungkin kalau Yang Berhormat Menteri duduk di tempat saya di Kedah pun harga dia macam itu. Jikalau Yang Berhormat Menteri Pertanian daripada Kelantan pun dulu harga Tok Pa di Kelantan dengan harga di Kedah lain. Waktu itu harga padi di kawasan Yang Berhormat Menteri rendah daripada kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kebetulan sahaja Tok Pa pada masa itu Menteri daripada Kelantan. Akan tetapi harga padi di Kelantan rendah daripada di Kedah dan di Selangor. Ha! Jadi macam itu macam mana, kenapa pula macam itu?

Jadi padi ini bergantung pada keadaan bukan kerana Yang Berhormat Menteri dia atau Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini orang kalau bukan kitalah duduk melawak main di padang.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat sedikit sahaja.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ha, boleh.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Boleh ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggilah sebab ini *core subject* untuk rakyat Malaysia. Inilah manusia yang kita hendak kena angkat sanjung, petani. Yang lain pun kita sanjung tetapi ini pertama dia beri kita makan. Saya hendak tanya di sini dasar satu hektar, 10 metrik tan, bagaimana keadaan semasa kejayaannya kalau ada halangan apa? Oleh sebab ini satu faktor kalau tidak naik harga padi pun dia dapat sebagai pertambahan.

Kedua, tentang SUBUR itu saya minta walaupun saya tidak tanya, minta tolong jelaskan kalau dapat diadakan saya ingat 43,500 keluarga akan mendapat manfaat dan ini bonus untuk kerajaan. Kemudian tentang tidak dibenarkan tanam padi wangi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mencelah jangan terlalu panjang ya. Kemudian lagi, apa lagi sebab kita ada 14 kementerian lagi untuk menjawab. Sebelum detik 12 malam, kita terpaksa berhenti. Saya minta kerjasama Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Ya, terima kasih. Yang ini penting sebab itu kita jangan import lagi daripada Thailand dan seterusnya untuk meningkat bagi memantapkan petani luar bandar ini kita Kempen Bumi Hijau. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat bertanya banyak sangat Yang Berhormat. Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, jadi berkenaan dengan 10 tan ini saya kata tadilah 10 tan ini dia di Selangor ada buat. Pertama kita kena buat pertama sekali kena ada sistem. Sistem iaitu kita mesti buat secara ladang. Kita mesti buat estet padi kerana kalau kita tidak buat estet padi, petani ini kadang-kadang MADA, Yang Berhormat duduk kawasan MADA.

Kadang-kadang bila MADA beritahu kata padi kita air MADA akan lepas pada katakanlah 10 Mei. Jadi air masuk 10 Mei, ada petani pada waktu ketika itu duduk makanan kenduri di Kuala Lumpur, orang lain sudah bajak sawah dah. Akan tetapi kawan kita tidak buat apa pun. Selepas pergi melawat menantu di Kuala Lumpur selepas itu lajak lagilah alang-alang sudah datang dah lajak pergi ke Johor pula. Jadi balik orang dah tanam, dia duduk dalam perjalanan baru hendak balik. Jadi bila orang sudah semai orang sudah masuk, dia baru hendak bajak. Inilah sikap petani yang menyebabkan kita tidak boleh, tidak sampai tahap 10 tan itu.

Jadi sebab itu kita galakkan di antaranya ialah kerana sikap tadi. Kedua adalah kerana sistem yang digunakan dan ketiga amalan. Yang ada 3T pun ramai lagi. Selepas itu satu lagi yang tanam padi ini kebanyakannya *part time*, cikgu. Cikgu jadi tanam padi. Cikgu beli bendang, tanam padi dia pergi mengajar, selepas itu harap orang. Petani yang berjaya 10 tan ini ialah petani yang *full time* petani yang hari-hari duduk di bendang. Dia pergi ke sawah hari-hari, dia duduk di sawah dia, dia *full time* petani yang itu yang dapat 10 tan. Akan tetapi yang *part time* ini tidak dapat. Jadi banyak lagi perkara-perkara yang menyebabkan kita gagal mendapat 10 tan.

Walau bagaimanapun di kawasan MADA kita sudah naik sampai 6.5 tan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua dalam Dewan ini, sebenarnya teknologi kita, kita lebih baik daripada Thailand. Saya pergi ke Thailand bersama-sama dengan pegawai-pegawai MADA dengan pegawai pertanian pergi ke Suphan Buri dengan Kanchanaburi melihat dia punya *rice research centre* bawa dengan pegawai-pegawai saya MARDI dan MADA. Akan tetapi sistem yang dia guna, dia punya baja, benih dia kita lebih baik. Dia punya pengeluaran nasional untuk negara 2.7, kita 3.3 kita lebih daripada dia.

Akan tetapi Thailand ini dia boleh eksport kerana kawasan dia luas. Kawasan tanam padi dia luas. Dia tidak ada..., *arrogation* dia tidak ada macam kita. Padi dia lebih tidak banyak tetapi kawasan dia luas, itu yang dia boleh eksport. Namun kalau kira dari segi kualiti padi, dari segi teknologi dia, kita lebih dari mereka melainkan kita punya kawasan itu kecil. Jikalau macam saya pergi ke Suphan Buri itu, Suphan Buri sahaja di satu *province* itu kawasan jelapang dia itu lebih mengatasi seluruh jelapang-jelapang padi yang ada di negara kita. Dia luas sebab itu dia boleh eksport. Mengenai beras wangi itu, beras wangi ini mungkin tidak sesuai ditanam di sini. Tidak sesuai, kita hanya tanam benda yang sesuai. Sebenarnya beras kita lebih baik daripada beras mereka, setanding dengan beras mereka.

Jadi berkenaan dengan hendak bagi duit RM200 dengan nelayan itu tidak sama. Musim tengkujuh nelayan tidak boleh pergi ke laut. Nelayan tidak boleh pergi ke laut macam di Kelantan dan Terengganu nelayan tidak boleh pergi ke laut. Akan tetapi kalau waktu bencana iaitu ketika nelayan tidak boleh pergi ke laut ke tidak bagi dah. Tidak ada apa, mereka tidak ada. Saya biasa ikut nelayan ke laut daripada pagi sampai ke malam, sampai ke esok pagi dapat ikan enam - tujuh ekor sahaja. Oleh sebab itu kalau orang rumah saya pergi ke market hendak beli ikan tidak pernah tawar. Jikalau dia kata RM10, RM10 lah beli kerana saya tahu azab nelayan bukan senang dia tidak sama dengan petani.

■1550

Petani ini kalau berlaku banjir, baru-baru ini berlaku banjir satu hektar kita beri RM876 itu padi. Jadi waktu bencana pun mereka dapat waktu lain pun dapat. Jadi tidak boleh sama dengan nelayan kerana nelayan ini dia lain. Sebenarnya pertanian ini, untuk padi ini memanglah berbagai-bagai cara kita buat dari benihnya, *matching grant* kita beri, benih baja dan macam-macam kita buat.

Jadi itulah sahaja yang saya dapat beri penjelasan kepada Yang Berhormat. Berkenaan SUBUR sudah sebut tadi, SUBUR ini di peringkat pelaksanaan terakhir. Semua nama sudah *ready*, kita hantar pergi ke jabatan untuk mendapatkan *endorsement* daripada pihak ICU. Senarai *list* itu akan keluar dan kita akan laksanakan. Akan tetapi kali ini kita pakai dua *list*, satu e-kasih dan satu lagi *list* N3P ini iaitu *list* daripada jawatankuasa di peringkat pertanian. Jadi *dual list* kerana kalau bawa e-kasih itu tidak menyeluruh. So, sekarang ini di peringkat pelaksanaan akan dikeluarkan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih. Banyak lagi kementerian-kementerian lain...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit berkenaan padi dan beras ini. Kita dimaklumkan dalam akhbar hari ini bahawa Kementerian Kesihatan akan mengharamkan sesetengah makanan di dalam sekolah.

Jadi saya ingin tanya kepada pihak kementerian dalam perbincangan untuk Kabinet, bagaimana tentang penentuan polisi dan pola pemakanan negara kerana kita dimaklumkan di dalam akhbar hari ini, mihun, kuetiau dan mi boleh di makan setiap hari di sekolah, tetapi nasi goreng dan nasi lemak hanya dua kali seminggu. Saya hendak tanya komen daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkenaan dengan polisi dan pola pemakanan negara adakah kita akan berubah daripada nasi ke gandum sekarang. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, saya tentang itu saya tidak boleh jawab. Kementerian saya tanam padi sahaja. Jadi buat nasi lemak ini orang lain... *[Ketawa]* Mihun dan semua itu cerita orang lain. Kementerian saya tanam padi dan kalau Yang Berhormat hendak tanya pasal padi boleh, tetapi kalau pasal boleh atau tidak boleh makan mihun itu saya tidak boleh kerana saya pun tidak ada kepakaran dalam bidang itu dan hendak buat komen.

Jadi saya hendak ucapkan terima kasih. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Jadi kita harap dan berdoa supaya sektor pertanian dalam negara kita ini dapat memberi pulangan yang baik kepada rakyat di negara kita ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ya kerana memberi jawapan hampir sejam sebab ramai sangat Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah. Minta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk menjawab.

**3.52 ptg.**

**Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]:** *Bismillaahir Rahaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbahasan Titah Diraja, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kedua Belas, Dewan Negara 2011 kali ini. Seterusnya izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut perkara-perkara berikut:

- (i) perkampungan KadazanDusun dan Murut di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (ii) pembangunan Flat San Peng;
- (iii) pemindahan pekerja-pekerja ladang Bukit Jalil;
- (iv) mengenai masalah miskin bandar; dan
- (v) tidak mengutamakan bahasa kebangsaan di sesetengah papan iklan, papan tanda, nama kedai, nama taman-taman perumahan dan nama bangunan dalam kawasan Kuala Lumpur ataupun naungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap telah membangkitkan isu mengenai Labuan Corporation menolak permintaan rakyat daripada masyarakat KadazanDusun dan Murut di Labuan untuk mewujudkan satu perkampungan bagi masyarakat tersebut di Labuan dan juga melantik seorang ketua kampung mengikut adat istiadat masyarakat tersebut memandangkan kaum-kaum lain sudah mempunyai perkampungan masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Labuan tidak dapat melaksanakan perwujudan kampung kaum Pasok Momogun KadazanDusun Murut di Wilayah Persekutuan Labuan kerana tiada dasar kerajaan menubuhkan sebuah perkampungan berdasarkan pada satu kaum. Perbadanan Labuan juga telah mempertimbangkan permohonan tersebut berdasarkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh Ketua Bahagian UPKO Labuan di Mesyuarat Majlis Penasihat Perbadanan Labuan bilangan 2/2010.

Perbadanan Labuan mendapati kewujudan perkampungan KadazanDusun di Labuan tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab berikut:

- (i) bancian penduduk Labuan yang dibuat pada tahun 2010 menunjukkan bilangan KadazanDusun Murut di Labuan adalah seramai 5,303 orang yang mana mereka tidak tinggal di satu tempat. Kebanyakan daripada mereka mendiami perumahan dan bekerja dengan agensi kerajaan mahupun sektor minyak dan gas;
- (ii) bilangan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan adalah kira-kira 76,000 orang dan terdapat 27 buah kampung yang majoritinya Melayu kecuali Kampung Sungai Keling yang majoriti penduduknya adalah kaum Cina. Nama Sungai Keling tetapi kaum Cina yang duduk di situ;
- (iii) berdasarkan sejarah, 80 peratus daripada 27 buah kampung sedia ada telah wujud sejak tahun 60-an atas faktor ekonomi dalam sektor pekerjaan. Justeru kewujudan kampung-kampung tersebut adalah secara *socialization*, dengan izin, semula jadi mengikut majoriti penduduk di kawasan tersebut; dan
- (iv) Konsep 1Malaysia yang diaplikasikan pada masa ini menitikberatkan kewujudan perpaduan rakyat tanpa membangkitkan kelebihan terhadap satu-satu kaum. Sehubungan dengan itu cadangan mewujudkan perkampungan kaum KadazanDusun tidak menepati Konsep 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrishnan a/l Suppiah telah membangkitkan mengenai perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar terutamanya dari pihak DBKL dalam membangunkan kawasan Flat San Peng setelah ia dirobohkan atau bila ia akan dirobohkan dan dimajukan oleh pemaju swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak kementerian sedang meneliti dan mengkaji sebarang keperluan bagi cadangan untuk membangunkan kawasan di sekitar Flat San Peng termasuk juga flat-flat yang sedia ada. Kedudukan flat tersebut sudah hampir berusia 58 tahun adalah didapati kurang sesuai dengan kehendak dan keperluan lokasi yang strategik di Bandaraya Kuala Lumpur.

Justeru kajian menyeluruh untuk pembangunan di kawasan tersebut perlu dilakukan dengan teliti oleh kerajaan sebelum sesuatu perancangan pembangunan dapat dilaksanakan kelak. Kementerian akan memberi penekanan kepada kajian ke arah pembangunan berbentuk *urban redevelopment*, dengan izin supaya pembangunan kelak dapat memenuhi keperluan setempat.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah turut membangkitkan mengenai langkah-langkah DBKL mengendalikan 41 orang bekas pekerja ladang Bukit Jalil, melihatkan sumbangan yang telah diberi oleh bekas pekerja ladang tersebut tidak dihargai walaupun mereka telah lama menetap di tempat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, isu tuntutan pemindahan penduduk ladang Bukit Jalil adalah melibatkan 116 orang bekas pekerja ladang.

Isu ini timbul sejak ladang tersebut diambil alih oleh Kerajaan Malaysia daripada Bukit Jalil Estate Sdn. Bhd. pada tahun 1980. Mengikut rekod, pemilik ladang tersebut sudah selesai membayar pampasan, faedah penempatan kerja kepada pekerja-pekerja ladang tersebut pada 1 November 1983. Setelah saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada tahun 2009, saya telah berbincang dengan Menteri Sumber Manusia dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang atas arahan Jemaah Menteri.

#### ■1600

Hasilnya pihak kerajaan telah bersetuju meluluskan bayaran faedah pendapatan kerja dan notis berhenti kerja berjumlah RM734,160 kepada bekas pekerja yang diambil bermula berkhidmat di ladang tersebut bukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam tempoh 15 tahun iaitu daripada tahun 1980 hingga 1995.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2007, notis telah dikeluarkan kepada penduduk di bekas tapak ladang tersebut. Hasilnya 71 keluarga telah berpindah ke PPR Muhibah dan bayaran pemindahan sebanyak RM1,000 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana 10 keluarga adalah bekas pekerja dan 61 keluarga merupakan waris dan keluarga bekas pekerja ladang terbabit.

Sementara itu 39 keluarga masih berada di atas tapak dan sebahagiannya pula telah berpindah keluar. Pada 23 Februari 2011 sekali lagi atas keprihatinan terhadap rakyat kerajaan telah meluluskan pembayaran Wang Ehsan iaitu tambahan daripada RM734,160 kita tambah lagi dengan RM922,088 pada bekas pekerja ladang tersebut. Justeru setiap bekas pekerja atau waris atau keluarga layak menerima RM22,852 ataupun RM11,986 bergantung kepada tempoh pekerjaan dengan kontraktor yang berkaitan sama ada 15 tahun ataupun tujuh setengah tahun.

Jadi sebelum itu mereka sudah dapat pampasan pendapatan daripada pihak estet pada tahun 80an. Ini adalah penambahan daripada pihak kerajaan. Seterusnya kerajaan bersetuju untuk memenuhi tuntutan penduduk iaitu mengekalkan kuil tapak perkuburan hindu dan sekolah Tamil seperti yang dituntut walaupun sekolah Tamil yang baru telah dibina dan mula operasi sejak Januari 2011. Di samping itu kerajaan bersedia menawarkan unit kediaman di rumah PPR Kampung Muhibah Puchong dengan kadar sewa dan PPR ini adalah berdekatan dengan Bukit Jalil dengan kadar sewa RM124 sebulan mereka juga diberi pilihan jika mereka hendak beli dengan harga RM35,000 seunit.

Berkenaan dengan pemilikan tanah keseluruhan kawasan tersebut iaitu seluas 10.54 hektar telah digazetkan sebagai tanah perkuburan Islam di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Sementara itu kawasan seluas 3.511 hektar adalah dirizabkan sebagai tanah perkuburan bukan Islam yang akan diwartakan kelak.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat membangkitkan isu bagaimana menangani masalah *urban proverty*, dengan izin di mana pendapatan sebanyak RM3,000 ditafsirkan sebagai *benchmark* kemiskinan bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, program membasmi miskin bandar yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mensasarkan golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin di bandar iaitu di dalam kawasan operasi pihak berkuasa tempatan dan berdaftar dengan e-Kasih. Di bawah program membasmi miskin bandar terdapat enam bantuan disediakan iaitu:

- (i) mengurangkan beban kewangan keluarga miskin;
- (ii) membolehkan keluarga miskin mendiami rumah yang selamat dan selesa;
- (iii) membina keyakinan dan jati diri golongan sasar;
- (iv) meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka.

Selaras dengan tujuan tersebut bantuan yang disalurkan ataupun projek dan program yang disalurkan untuk membantu golongan miskin sekali gus menangani masalah kemiskinan bandar adalah seperti berikut:

- (i) bantuan sewa rumah;
- (ii) bantuan perumahan bandar khusus untuk baik pulih dan bina rumah baru;
- (iii) program bina upaya bagi memberi latihan dan kemahiran serta meningkatkan ilmu dalam bidang-bidang yang dipilih;
- (iv) program penjanaaan pendapatan melalui keusahawanan iaitu menyediakan peralatan, modal dan sewa ruang niaga;
- (v) program pembangunan modal insan untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan diri;
- (vi) Amanah Saham Wawasan Bandar dengan nilai pelaburan sebanyak RM10,000 seorang kepada keluarga miskin bandar.

Mengambil kira pendapatan sesebuah isi rumah adalah ukuran terbaik terhadap status kemiskinan keluarga, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar memberi penekanan kepada program-program bina upaya dan penjanaaan pendapatan. Program-program ini bukan sahaja mampu memberi peningkatan kepada pendapatan isi rumah tetapi turut meningkatkan keyakinan diri sekeluarga. Sementara itu program Amanah Saham Wawasan Bandar juga mampu memberi pendapatan tambahan kepada golongan sasar melalui dividen yang diperolehi daripada pelaburan.

Selain bantuan-bantuan di atas projek-projek khusus yang dapat memberi kesejahteraan kepada keluarga miskin juga merupakan antara program yang dapat menangani masalah miskin di bandar. Dalam aspek ini projek MyTuisyen dan Terminal Sejahtera yang merupakan pusat pembelajaran setempat akan memberi peluang kepada kanak-kanak sekolah dan keluarga miskin untuk berbincang dan mengulang kaji pelajaran di tempat yang kondusif yang dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Pada tahun 2010, penerima bantuan sewa rumah seramai 8,332 keluarga di seluruh negara. Sementara 1,255 orang masing-masing mengikuti program latihan kemahiran, program motivasi dan dibantu dengan peralatan perniagaan. Sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga dan memberi peluang keluarga miskin mendiami rumah yang selesa dan selamat 170 buah rumah yang dikenal pasti daif akan dipertimbangkan bantuan bina baru dalam tahun 2011. Manakala bagi Amanah Saham Wawasan 2020 Bandar sehingga 28 Februari 2011 terdapat 5,399 ketua isi rumah yang telah didaftar sebagai penerima amanah saham ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus telah membangkitkan isu mengenai bahasa kebangsaan tidak digunakan di sesetengah papan iklan, papan tanda, nama taman-taman dan nama bangunan dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator bagi pemasangan iklan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan Tahun 1982 dan pindaan-pindaannya.

Berdasarkan kepada seksyen 3 undang-undang kecil telah menyatakan dengan jelas bahawa, "*Bahasa Kebangsaan hendaklah diberi keutamaan di dalam visual iklan yang dipamerkan dari segi kedudukan, warna, saiz, perkataannya berbanding dengan bahasa-bahasa lain.*" DBKL sentiasa memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan diberi keutamaan di dalam setiap visual iklan yang diproses untuk kelulusan. Permohonan yang tidak mematuhi peraturan tidak akan diluluskan. DBKL juga...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya minta mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada Yang Berhormat bangun Yang Berhormat. Silakan.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Boleh saya menjawab dahulu Yang Berhormat Senator... DBKL juga bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memastikan setiap penggunaan bahasa Malaysia pada visual iklan adalah betul dari segi ejaan dan tatabahasa. Sebarang visual yang tidak mendapat kelulusan dari Dewan Bahasa dan Pustaka tidak akan dipertimbangkan.

#### ■1610

Selain daripada Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga turut menyediakan garis panduan yang berkaitan dengan perkara ini iaitu Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar.

Manakala bagi bangunan-bangunan kediaman, perdagangan dan taman-taman perumahan pula, pihak DBKL juga sentiasa memastikan agar pemaju mengemukakan cadangan nama bangunan kediaman, bangunan perdagangan dan taman-taman perumahan tersebut setelah perintah pembangunan dikeluarkan untuk dipertimbangkan kelulusannya. Adalah menjadi pra syarat kepada pemaju supaya mengemukakan cadangan nama kepada Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh pihak DBKL.

Semasa mempertimbangkan permohonan tersebut, pihak DBKL turut mengambil kira nama-nama yang berciri tempatan, jenis projek pembangunan, kesesuaian lokasi dan mematuhi tatabahasa bagi penggunaan bahasa kebangsaan. Kelonggaran terhadap penggunaan nama syarikat yang diberikan pada bangunan penerangan adalah tertakluk kepada syarat bahawa bangunan tersebut tidak dijual dan sebaliknya digunakan sendiri. Kelonggaran juga diberi kepada pembangunan sedia ada sekiranya pembangunan tersebut merupakan projek sambungan kepada projek yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus juga, penggunaan nama bagi taman perumahan, nama bangunan dan sebarang entiti geografi adalah merujuk kepada Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi. Kelulusan nama-nama tersebut adalah tertakluk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang ditubuhkan pada tahun 2008. Sejak jawatankuasa diwujudkan pada tahun 2008, semua cadangan nama yang dikemukakan adalah perlu mendapat kelulusan jawatankuasa tersebut terlebih dahulu sebelum ianya digunakan. Okey, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas keterangan yang diberikan. Saya minta maaf dengan terus terang mengatakan bahawa saya tidak puas hati dengan pelaksanaan Undang-undang Kecil Iklan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akan tetapi sebelum itu saya harus memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebahagian besar atau barangkali seluruh perkara-perkara yang saya nak rungutkan ini berlaku sebelum Yang Berhormat sekarang menjadi Menteri. Jadi, janganlah kesalahan diletakkan kepada Yang Berhormat Menteri sekarang yang kebetulan adalah ketua saya di Lembah Pantai.

Walau bagaimanapun, demi kebaikan nama Lembah Pantai dan demi kebaikan nama Yang Berhormat Menteri masa akan datang, saya rasa Yang Berhormat Menteri patutlah menyedari tentang pelanggaran-pelanggaran terhadap Undang-undang Kecil Bahasa Kebangsaan yang tidak dipatuhi oleh DBKL sebelum Yang Berhormat menjadi Menteri. Saya tekankan itu.

Umpamanya mengenai tadi disebut bahawa nama-nama bangunan, nama-nama taman perumahan akan mengikut nama geografi, saya setuju. Kalau Bangsar itu Bangsar lah tapi kenapa harus Bangsar South, kenapa harus Mid Valley, kenapa harus Bangsar Village? Ini yang agak menimbulkan rasa kerunsingan dan rasa terkilan daripada kita. Seakan-akan tidak ada penghargaan langsung terhadap apa yang bernilai tempatan. Kita mengalu-alukan usaha memodenkan Kampung Kerinchi Yang Berhormat, tetapi pemodenan tidak bermakna pembaratan. Kampung Kerinchi boleh dimodenkan dengan pelbagai infrastruktur, tetapi identiti dan jati diri tempatan itu haruslah dikekalkan. Sekarang ini saya tak mengerti kenapa mesti dipanggil Bangsar South, kenapa ada Pantai Hillpark? Pokoknya, apa yang berlaku di Lembah Pantai itu betul-betul suatu keingkaran terhadap identiti kebangsaan kita.

Hari Isnin yang lalu Timbalan Menteri telah memberi satu statistik yang saya rasa amat mengelirukan. Saya bertanya tentang banyak perkara, tentang papan-papan tanda nama, tentang nama-nama kedai, tentang nama-nama taman perumahan, tentang nama-nama *shopping complex*, tetapi jawapan yang diberi hanyalah tentang jenis-jenis iklan. Itu pun jawapannya agak mengelirukan. Diberikan statistik sebanyak 2,446 pelanggaran berlaku terhadap penggunaan bahasa kebangsaan dalam *billboard*, papan-papan sementara, kain rentang, tiang lampu, poster, iklan kecil, tunjuk arah dan sebagainya.

Saya balik dari Dewan ini, dalam kereta ke Bangsar, kira-kira 455 meter dari simpang ke Little India, terpampang satu iklan dalam bahasa Inggeris. Iklan sebuah bank, sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dan ini berlaku pada hari Yang Berhormat Timbalan Menteri mendakwa kononnya DBKL mematuhi Undang-undang Kecil ini. Kira-kira 456 meter lagi selepas itu, ada satu papan tanda lagi yang berbunyi "*Bangsar South, A Vibrant City*". Semuanya dalam bahasa Inggeris. Kemudian di kiri kanan jalan itu terdapat bukan main banyak *bunting*. Selang satu dari tiap-tiap *bunting* itu mesti ada dalam bahasa Inggeris. Jadi, inilah keingkaran-keingkaran yang dilakukan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan itu yang saya percaya berlaku kebanyakannya sebelum Yang Berhormat sekarang menjawat jawatan Yang Berhormat itu.

Jadi berkat kedudukan Yang Berhormat sekarang yang saya tahu cukup nasionalistik, cukup memberi kepentingan terhadap identiti dan jati diri kebangsaan, maka saya mintalah supaya langkah-langkah yang konkrit benar-benar diambil untuk memastikan supaya Lembah Pantai itu mempunyai identiti kebangsaan. Saya berharap supaya sesuatu dilakukan terhadap papan tanda yang terpampang besar dekat LRT Universiti itu yang berbunyi seperti saya katakan tadi, "*Bangsar South, A Vibrant City*" dan sebelum itu sebuah iklan tentang bank. Itu hanya contoh kecil Tuan Yang di-Pertua. Contoh-contoh besar, kalau kita naik kereta dari satu pusat membeli belah yang bernama BSC (*Bangsar Shopping Centre*), turun sahaja dari *Bangsar Shopping Centre*, naiklah kereta kira-kira tiga batu sampai ke Mid Valley, semuanya penggunaan bahasa Inggeris.

Jadi jelaslah bahawa DBKL tidak mematuhi Undang-undang Kecil itu dan seperti saya katakan, ini berlaku sebelum Yang Berhormat Menteri jadi Menteri. Jadi berkat Yang Berhormat Menteri sudah menjadi Menteri di sana sekarang, saya mintalah supaya perkara ini dapat diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Jelas sekali Yang Berhormat menjaga baik-baik kawasan Lembah Pantai ini. Jadi apa yang telah berlaku, telah berlaku. Apa yang telah diluluskan tidak boleh ditarik balik. Akan tetapi dengan adanya jawatankuasa yang saya dah sebut tadi, akan datang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Boleh saya mencelah lagi? Saya rasa apa Yang Berhormat Menteri kata apa yang diluluskan tidak boleh ditarik balik itu saya rasa pegawai yang meluluskan itu harus dipertanggungjawabkan. Itu suatu perkara yang agak terkilanlah bila Yang Berhormat Menteri mengatakan apa yang telah diluluskan tidak boleh ditarik balik.

Kalau tidak boleh ditarik balik pun, saya rasa pegawai yang meluluskannya harus dipertanggungjawabkan, kenapa diluluskan? Biasanya sesuatu pelanggaran akan dikenakan denda. Jadi oleh kerana itu saya tidak dapat menerima kenyataan mengatakan apa yang telah diluluskan tidak boleh ditarik balik. Okeylah, apa yang telah diluluskan tak boleh ditarik balik tetapi pegawai yang meluluskan saya rasa harus dipertanggungjawabkan. Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Okey. Kalau ikut kata Yang Berhormat, jika ada penyalahgunaan kuasa ataupun pegawai-pegawai pada masa itulah – oleh kerana jawatankuasa yang dipengerusikan oleh ketua setiausaha baru ditubuhkan, sekarang dah mula mesyuarat.

■1620

Kalau dahulu, saya dapat tahu bahawa kelulusan diberi sekali dengan *Development Order* (DO), dengan izin. Itulah nama-mana itu timbul. Sekarang kelulusan akan diproses secara berasingan. Nama dan juga kelulusan teknikal daripada segi perancangan akan diproses secara berasingan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, izinkan saya. Undang-undang tetap undang-undang. Yang Berhormat ialah Ahli dalam Undang-undang Dewan Negara ini. Undang-undang mesti dipatuhi. Cara bagaimana hendak menyelesaikan itu, gunakan budi bicara Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin:** Jadi, berkenaan dengan yang akan datang. *I think* itulah yang paling penting, yang mana saya beri contoh, Kampung Kerinchi, kawasan empat tingkat akan dibangunkan dan pihak pemaju telah juga memberi jaminan akan mengekalkan nama “Kerinchi” dalam pembangunan itu. Ini akan berlaku setelah adanya jawatankuasa pada semua pembangunan.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, permohonan untuk mengadakan nama-nama khususnya ala Barat memang tinggi. Oleh kerana kepada pemaju, ini adalah cara mereka hendak mendapat pasaran yang lebih tinggi nilainya. Akan tetapi, seperti yang sedia maklum, kita sudah ada seperti Tuan Yang di-Pertua sudah sebut tadi, kita sudah ada undang-undang kita. Kita akan memastikan pihak penguat kuasa akan menguatkuasakan undang-undang seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan kita...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Mencilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi menyebut tentang nama taman dengan bangunan. Kalau hendak bertanya tentang nama jalan, banyak nama jalan yang masih lagi nama..., di Kuala Lumpur ini, jalan nama bekas-bekas penjajah, di Jalan P. Ramlee. Dahulu sudah tukar dengan nama P. Ramlee. Ada beberapa lagi nama jalan Yang Berhormat Menteri tahu. Akan tetapi, apa yang saya ingin cadangkan di sini, hendak menukar nama jalan yang sedia ada pada nama pemimpin negara.

Saya difahamkan nama pemimpin negara yang masih hidup iaitu mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah, tidak boleh digunakan kerana mereka masih hidup. Akan tetapi nama Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn telah pun ada. Jalan Tun Abdul Razak ialah Jalan Pekeliling ditukarkan nama kepada Jalan Tun Abdul Razak. Taman Tun Dr. Ismail, Taman Tun Hussein Onn. Ada satu lagi bekas Timbalan Perdana Menteri yang belum ada nama di Kuala Lumpur. Jadi, saya ingin mencadangkan agar nama Tun Ghafar Baba disemadikan di mana-mana sahaja sama ada nama jalan, nama bangunan ataupun nama taman. Saya ingin mencadangkan di sini, kita sudah menukar *Middle Ring Road 1* iaitu Jalan Pekeliling pada Jalan Tun Abdul Razak. Saya ingin mencadangkan supaya *Middle Ring Road 2* (MRR2) ditukar pada nama Tun Ghafar Baba. Terima kasih... [*Tepuk*].

**Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan, nama-nama yang sedia ada memang boleh diminta untuk tukar tetapi biasanya kita akan dapat protes ataupun bantahan daripada mereka yang beralamat di situ. Walau bagaimanapun, jalan-jalan seperti MRR2 yang mungkin tidak banyak premis ataupun penduduk-penduduk yang beralamat di situ, mungkin boleh dikaji oleh pihak kementerian dan juga boleh dinamakan atas nama pemimpin yang telah meninggalkan kita seperti Tun Ghafar Baba. Jadi, tidak mengapa. Saya akan membawa perkara ini pada peringkat kementerian jika dibolehkan untuk menamakan MRR2 sekarang ini.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri, Ladang Bukit Jalil, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kawasan yang bersebelahan dengan Bukit Jalil dahulu Kinrara Estate. Di situ pun ada pekerja-pekerja ladang. Apabila ladang itu ditukar pada kawasan perumahan, pekerja-pekerja itu dapat sebuah rumah teres yang *low-cost*. Itu syarikat swasta. Syarikat swasta ada CCR untuk pekerja-pekerja ladang. Saya harap DBKL pun akan memberi sama dengan apa yang ditunaikan oleh syarikat swasta. Lagi pun, keadaan yang sama juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Kalau sekiranya melibatkan pihak swasta dan ladang-ladang, cuba selesaikan dengan pihak yang berkenaan dahulu. Ini sekarang kita dalam Dewan ini soal dasar.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ini mengenai DBKL, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau DBKL ada spesifik isu, selesaikan dengan DBKL dahulu. Kalau sudah itu, bawa ke sini.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Saya cadangkan diminta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bawa kes yang baru di sini dan untuk kita menyelesaikan. *This is not a forum*. Ia tidak menyelesaikan masalah. *So, you try to face time*, cuba bangkitkan isu soal dasar.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri faham apa yang saya cakapkan tadi.

**Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang daripada segi dasarnya, saya rasa kerana melalui DBKL telah mematuhi apa yang dikehendaki. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita tidak boleh buat persamaan dengan swasta. Oleh kerana DBKL adalah satu alat daripada kerajaan yang menjalankan tugas. Tanah itu bukannya akan dimajukan. Tanah itu akan jadi tanah perkuburan untuk orang ramai. Baik daripada orang Islam dan bukan Islam.

Jadi, soal hendak menyediakan tanah untuk satu golongan yang duduk di tanah kerajaan, ia akan memberi *precedent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada golongan-golongan yang lain, yang masih menetap di tanah-tanah kerajaan di Kuala Lumpur. Jadi, kalau kita bersetuju memberikan tanah kepada golongan 41 orang ini, bermakna lebih kurang 5,000 lagi kita perlu menyediakan tanah yang kita tidak ada kemampuan untuk memberikan tanah di Kuala Lumpur. Akan tetapi, kita memberikan rumah kepada Yang Berhormat.

Saya percaya, saya sudah menyebut tadi, rumah diberikan tetapi rumah flat di kawasan yang berdekatan dalam kawasan yang selesa, yang saya sendiri boleh bawa Yang Berhormat pada rumah-rumah ini, yang begitu selesa dalam keadaan yang selesa. Mereka akan menerima pampasan antara RM22,000 sehingga RM11,000 sebuah keluarga, yang saya rasa tidak seorang pun setakat ini yang pemindahan, termasuklah di kawasan Lembah Pantai, kawasan saya sendiri pun yang mendapat jumlah yang sebegitu besar dalam pemindahan ini. Akan tetapi, inilah keadaannya. Oleh kerana kita tidak boleh samakan dengan pihak swasta, mereka mungkin ada kemampuan untuk membeli rumah tetapi kita adalah kerajaan dan jika kita buat satu keputusan memberikan kepada golongan yang kecil ini akan memberikan kesan yang besar kepada golongan-golongan yang lain. Oleh kerana itu kita perlu buat tindakan yang adil kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2011 bagi Dewan Negara di Mesyuarat Pertama Parlimen Kedua Belas yang membabitkan tanggungjawab dan bidang kuasa di bawah kementerian ini. Kami amat menghargai segala teguran-teguran dan pandangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha menambah baik sistem penyampaian kepada rakyat dan negara. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya persilakan Kementerian Kerja Raya untuk menggulung, beri jawapan. Silakan.

■ 1630

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh isu-isu berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Kerja Raya semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja di Dewan Negara pada minggu lepas.

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat mengalu-alukan pandangan dan cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang berminat untuk mengetahui status terkini berkaitan isu-isu di bawah bidang tugas kementerian ini iaitu isu penyelenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak, status kemajuan semasa projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 negeri Terengganu dan isu pelaksanaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan mengenai isu kualiti penyelenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak yang didakwa kurang memuaskan dan meminta kerajaan untuk menimbang peruntukan yang lebih besar bagi menaik taraf dan menyelenggara jalan-jalan persekutuan di negeri tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar dan mengambil maklum akan kepentingan untuk menaik taraf jalan-jalan persekutuan di negeri Sarawak khususnya Jalan Persekutuan Pan Borneo sepanjang 1,081 kilometer di negeri tersebut.

Cadangan untuk menaik taraf jalan raya ini akan dapat membantu kerajaan untuk mempercepat usaha-usaha pembangunan koridor dan pertumbuhan ekonomi di sepanjang jajaran berkenaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek yang berskala besar ini memerlukan tempoh pembinaannya dibuat secara berperingkat-peringkat kerana ia melibatkan peruntukan kewangan yang sangat tinggi.

Namun demikian, Kementerian Kerja Raya sentiasa menjalankan program penyelenggaraan jalan persekutuan bagi memastikan jalan raya di negeri Sarawak sentiasa di selenggara dan berada dalam keadaan yang baik dan selamat kepada pengguna jalan raya. Sehubungan ini, pada tahun lepas sahaja iaitu tahun 2010, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM48.4 juta bagi tujuan menyelenggara dan menaik taraf jalan persekutuan di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM36.9 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala seperti penurapan jalan, penyelenggaraan cerun dan memasang perabot jalan. Manakala RM11.5 juta lagi ialah untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti menampal *pot-holes* jalan, memotong rumput dan mencuci sistem perparitan seperti longkang dan pembetung jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2011 pula sebanyak RM76.9 juta akan diperuntukkan bagi tujuan yang sama oleh kementerian ini. Di antara jalan-jalan persekutuan di negeri Sarawak yang terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan utama ialah seperti jalan Sibu-Bintulu, jalan Bintulu-Bakun dan jalan persekutuan di Lawas dan Limbang. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan peruntukan di bawah kementerian dan agensi-agensi lain bagi membina dan menaik taraf jalan-jalan perhubungan khusus di kawasan luar bandar di negeri Sarawak.

Ini termasuk projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta Kementerian Pertahanan di bawah Program Jiwa Murni. Di dalam masa yang sama juga, negeri Sarawak turut menerima peruntukan khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk Program Pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak iaitu SCORE.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah meminta penjelasan mengenai status terkini pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 di negeri Terengganu dan ingin mengetahui sama ada lebuhraya berkenaan akan dikenakan tol atau tidak. Jika ya, berapakah kadar tol yang akan dikenakan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin telah sedia maklum, sehingga kini terdapat enam pakej kontrak pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 negeri Terengganu telah ditamatkan kontrak di mana dari jumlah tersebut lima pakej kontrak telah ditamatkan secara persetujuan bersama atau *mutual termination*.

Situasi ini berpunca dari ketidakmampuan kontraktor yang terlibat untuk meneruskan pelaksanaan projek berkenaan disebabkan kenaikan harga bahan binaan di pasaran pada tahun 2007 dan tahun 2008. Sehingga 31 Mac 2011, status kemajuan fizikal keseluruhan bagi pembinaan projek LPT2 ini ialah sebanyak 75 peratus, berbanding 86 peratus mengikut jadual. Sehubungan dari itu, pelaksanaan projek LPT2 ini dijangka akan mengalami kelewatan berbanding dari tarikh jangkaan siap asal iaitu pada bulan Disember 2012.

Pada masa kini, JKR telah selesai melantik empat kontraktor penyiap yang baru iaitu Pakej 1A, 1B, Pakej Dua dan 9B di mana kontraktor-kontraktor berkenaan akan memasuki tapak pada akhir bulan April 2011. Manakala proses pelantikan kontraktor penyiap bagi pakej-pakej yang lain yang telah ditamatkan kontrak dijangka akan diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2011. Oleh itu, keseluruhan Projek LPT2 ini hanya akan dapat disiapkan dalam tempoh 24 bulan bermula dari tarikh kontraktor penyiap yang terakhir memasuki tapak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli yang mulia ini, kerajaan pada bulan April 2010 yang lalu telah bersetuju memutuskan supaya kutipan tol dikenakan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 negeri Terengganu iaitu menerusi kaedah sistem tol tertutup atau dengan izin, *close system*. Kutipan tol tersebut bertujuan bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya berkenaan supaya ia mematuhi standard piawai lebuhraya-lebuhraya lain yang sedang beroperasi di negara ini.

Walau bagaimanapun, kadar tol yang akan dikenakan itu masih belum dimuktamadkan kerana kementerian ini dan agensi-agensi pusat perlu meneliti dan mengambil kira pelbagai faktor yang berkaitan dengan pelaksanaan projek itu. Pada masa kini, cadangan kadar tol tersebut sedang dalam peringkat akhir kajian yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn telah membangkitkan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan dasar pelaksanaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) dalam sektor pembinaan negara. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sistem Pembinaan Berindustri atau *Industrial Building System* merupakan sistem atau kaedah pembinaan di mana komponen-komponen pembinaan dihasilkan dalam keadaan terkawal iaitu di kilang atau di tapak bina, diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak.

■1640

Objektif pelaksanaan IBS ini ialah bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di dalam sektor pembinaan negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pekerja-pekerja asing di dalam sektor pembinaan di negara kita pada masa kini sebenarnya lebih tertumpu dalam bidang yang memerlukan kemahiran sederhana atau, dengan izin, *medium skills* iaitu seperti kerja-kerja melepa, kerja-kerja batu bata dan kerja-kerja kayu.

Oleh itu kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada tahun 2005 telah mengambil langkah untuk mempergiatkan penggunaan IBS di negara ini. Antaranya ialah melalui Pelan Induk Industri Pembinaan atau *Construction Industry Master Plan* 2006-2015. Sehingga kini, terdapat lima komponen utama IBS di dalam sektor pembinaan di negara itu iaitu sistem konkrit pasang siap atau grid khas, sistem kerangka keluli atau *steel frame*, sistem *formwork*, sistem blok dan sistem kerangka kayu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya menerusi CIDB dan Jabatan Kerja Raya sememangnya telah merancang dan melaksanakan pelbagai strategi khusus bagi mengelakkan penggunaan IBS di dalam sektor pembinaan negara. Menerusi dokumen *Blueprint Roadmap IBS 2011-2015* yang disediakan CIDB, berbagai program telah dirangka bagi mengembangkan penggunaan IBS di kalangan pemain industri pembinaan. Sehubungan itu, CIDB dan JKR telah melancarkan Skim Pembekal Sistem IBS Berdaftar atau, dengan izin, *Registered IBS System Provider*. Menerusi skim ini semua pembekal IBS perlu melepasi proses tapisan yang ketat sebelum dibenarkan mengambil bahagian sebagai pembekal-pembekal komponen IBS di dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

Sehingga 31 Mac 2011, sebanyak 138 pengilang atau pembekal IBS iaitu melibatkan kelima-lima bidang komponen utama IBS telah didaftarkan dan diiktiraf sebagai pembekal sistem IBS berdaftar di bawah akreditasi CIDB dan JKR. Walau bagaimanapun jumlah pembekal sistem IBS ini dijangka akan terus meningkat berdasarkan kepada minat dan kecenderungan yang telah ditunjukkan oleh syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi pembekal sistem IBS berdaftar di negara ini. Di dalam masa yang sama CIDB juga melalui Akademi Pembinaan Malaysia dan pusat-pusat latihan bertauliah CIDB di seluruh negara juga memperkenalkan beberapa modul latihan khusus untuk menjana IBS seperti kursus *pre-cast concrete installer*, *lightweight block installer* dan *IBS roof truss installer*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa aktiviti galakan dan insentif yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menggalakkan penggunaan IBS oleh pemain industri pembinaan di Malaysia. Antara insentif utama yang telah dilancarkan ialah menerusi dasar pengecualian levi oleh CIDB kepada pemaju-pemaju projek perumahan di negara ini yang menggunakan lebih daripada 50 peratus kandungan IBS di dalam pelaksanaan projek mereka. Dasar insentif pengecualian levi ini telah dikuatkuasakan mulai dari tahun 2005. Disamping itu kerajaan juga turut memperkenalkan insentif pemberian elaun modal ke atas pembelian acuan kepada pembekal komponen-komponen IBS. Insentif ini telah pun diumumkan semasa sesi pembentangan bajet pada tahun 2006 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod CIDB pada masa kini, terdapat seramai 271,880 orang pekerja asing di dalam sektor pembinaan di Malaysia pada tempoh tahun berakhir 2010. Jumlah tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 21 peratus berbanding 346,300 bilangan pekerja asing berdaftar pada tahun 2009 dan 351,393 orang pekerja asing pada tahun 2008. CIDB juga telah menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan pelaksanaan IBS di dalam projek-projek kerajaan yang disiapkan sehingga akhir bulan Februari 2011. Kajian melibatkan 85 projek siap tersebut mendapati pelaksanaan IBS telah dapat mengurangkan sehingga 47 peratus bilangan pekerja asing di tapak bina berbanding kaedah pembinaan konvensional.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada pelan induk CIMP 2006-2015 dan Roadmap IBS 2001-2015 yang dirangka oleh CIDB di samping Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7/2008 yang menetapkan penggunaan sekurang-kurangnya 70 peratus kandungan IBS di dalam projek-projek kerajaan bernilai RM10 juta ke atas. Kerajaan menjangkakan jumlah bilangan pekerja asing di dalam sektor pembinaan di negara ini akan dikurangkan sehingga 40 peratus pada tahun 2015. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya mempersilakan Kementerian Kesihatan.

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** *Bismillahi Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Diraja yang menyentuh tentang Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan isu-isu utama seperti berikut:

- (i) penyampaian perkhidmatan kesihatan;
- (ii) pencegahan, kawalan dan rawatan penyakit;
- (iii) isu pemakanan dan keselamatan makanan; dan
- (iv) isu dasar dan polisi kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah mengenai pengambilalihan perkhidmatan Bahagian Perubatan dan Kesihatan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) masih di peringkat cadangan yang memerlukan perancangan teliti bagi memastikan kepentingan dan hak istimewa masyarakat Orang Asli terus dijaga. Secara prinsipnya, Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju untuk mengambil alih perkhidmatan berkenaan dan kepentingan serta hak istimewa masyarakat Orang Asli akan dipelihara. Sebagai contoh, Hospital Gombak akan kekal sebagai hospital khusus untuk masyarakat Orang Asli.

Terdapat lebih 150,000 masyarakat Orang Asli yang tinggal di 869 perkampungan di Semenanjung Malaysia, sebahagian besarnya di Pahang, Perak dan Kelantan. Di samping itu masyarakat Orang Asli akan terus mendapat perkhidmatan kesihatan daripada fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia berhampiran termasuklah 537 klinik kesihatan, 1,709 klinik desa, 46 KKIA dan 102 pasukan bergerak di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 37 kampung Orang Asli masih menerima perkhidmatan kesihatan daripada Bahagian Kesihatan JAKOA melalui pasukan bergerak termasuk perkhidmatan doktor udara. Perkhidmatan kesihatan yang disediakan termasuklah perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan ibu dan anak, kawalan penyakit berjangkit, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan perubatan dan pergigian.

■1650

JAKOA dan Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus bekerjasama bagi mempertingkatkan kesihatan masyarakat Orang Asli melalui klinik statik dan klinik bergerak, termasuklah Klinik Bergerak 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010. Klinik Bergerak 1Malaysia yang telah beroperasi di Selangor, Perak dan Johor telah memberi faedah kepada 5,099 penduduk Orang Asli di 35 buah kampung. Apabila Klinik Bergerak 1Malaysia beroperasi di Pahang sejumlah 4,810 penduduk Orang Asli dari 23 buah kampung juga bakal menikmati perkhidmatan kesihatan bergerak. Kebajikan dan kesejahteraan kehidupan Orang Asli diperuntukkan dalam fasal 8(5)(c), Perlembagaan Persekutuan.

Dalam melaksanakan perkara ini JAKOA telah menyediakan Akta Orang Asli, Akta 134 serta Garis Panduan Kebajikan Orang Asli. Kementerian Kesihatan akan tetap melaksanakan keistimewaan di kemudahan kesihatan yang diselenggarakan termasuklah yang akan diambil alih kelak dari JAKOA. Dari segi perjawatan Orang Asli yang layak akan terus diberi keutamaan dan akan diteruskan mengikut keperluan. Sehingga 31 Disember 2010 seramai 143 orang pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred sedang berkhidmat di fasiliti kesihatan di bawah JAKOA yang melibatkan sebanyak 86 peratus pengisian. Daripada jumlah tersebut terdapat lima orang pegawai daripada KKM ataupun Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada kaum Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram inginkan penjelasan berkaitan jumlah Klinik 1Malaysia yang ada setakat ini.

Klinik 1Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan di kawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan. Sehingga akhir Mac 2011 sebanyak 80 Klinik 1Malaysia telah diwujudkan di mana 53 telah beroperasi pada tahun 2010 dan 27 buah telah beroperasi pada tahun 2011. Sehingga 17 April 2011 sebanyak 3.4 juta kedatangan pesakit telah dilaporkan dari kesemua Klinik 1Malaysia di seluruh negara. Jumlah ini termasuk 524,000 kedatangan di 27 Klinik 1Malaysia yang beroperasi pada tahun 2011.

Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini ianya menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ianya adalah relevan untuk dipertingkatkan. Justeru daripada itu Kementerian bercadang untuk menambah sebanyak 25 Klinik 1Malaysia dalam tahun 2012. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) mula diperkenalkan dengan menggunakan bas di negeri Perak, Selangor, Johor dan Pahang dan menggunakan bot di Sungai Baram di Sarawak. Setakat ini Klinik Bergerak 1Malaysia Hulu Selangor dan Kinta telah memberi perkhidmatan kepada 3,843 orang penduduk yang merangkumi 22 stesen dan 58 kampung. Purata kedatangan ialah 71 orang sehari. Klinik Bergerak 1Malaysia Segamat baru sahaja mula beroperasi pada 4 April 2011 di mana 16 seksyen, 47 kampung dan 43,204 penduduk akan menikmati perkhidmatan ini. Klinik Bergerak 1Malaysia di Pahang pula dijadualkan beroperasi pada 18 April 2011 yang melibatkan 44 stesen, 59 buah kampung dan meliputi 57,546 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar telah memberi saranan untuk mengadakan klinik bergerak di kawasan terpencil. Termasuklah memberi perkhidmatan pergigian serta pemeriksaan payudara. Kementerian Kesihatan melalui perkhidmatan kesihatan pergigian merupakan agensi pemberi perkhidmatan pergigian terbesar kepada penduduk. Perkhidmatan pergigian diberikan kepada semua penduduk tanpa mengira umur, bangsa, status ekonomi dan lokasi sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Perkhidmatan pergigian yang diberikan boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan sasaran seperti murid-murid sekolah, kanak-kanak prasekolah, ibu mengandung dan golongan kurang upaya.

Selain daripada klinik-klinik pergigian yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan pemberian perkhidmatan pergigian biasanya disampaikan melalui Pasukan Pergigian Bergerak dan Klinik Pergigian Bergerak. Walau bagaimanapun perkhidmatan lebih tertumpu kepada murid-murid sekolah. Buat masa ini di seluruh negara terdapat 25 buah Klinik Pergigian Bergerak. Pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mencadangkan supaya klinik bergerak ke kawasan terpencil termasuk memberi perkhidmatan pergigian. Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa akan cuba sedaya upaya untuk memenuhi permintaan tersebut sejajar dengan konsep Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Walaupun bagaimanapun buat masa ini terdapat beberapa kekangan dalam melaksanakan cadangan tersebut seperti berikut:

- (i) bilangan Klinik Pergigian Bergerak yang tidak mencukupi. Untuk itu Bahagian Kesihatan Pergigian telah memohon pembelian Klinik Pergigian Bergerak untuk RMKe-10; dan
- (ii) jenis Klinik Pergigian Bergerak yang sedia ada tidak sesuai untuk memasuki kawasan pedalaman kerana reka bentuknya yang besar yang ditarik oleh *prime mover* dengan izin, tidak membolehkannya melalui jalan kecil. Sehubungan itu Bahagian Kesihatan Pergigian telah mencadangkan reka bentuk baru yang lebih kecil dan sesuai untuk memasuki jalan-jalan kampung dalam permohonan kementerian ini di bawah RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua walaupun terdapat beberapa kekangan Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikan semua rakyat mendapat rawatan pergigian dan dari masa ke semasa akan mempertingkatkan lagi rawatan terutama kepada penduduk di kawasan yang terpencil. Oleh yang demikian diharapkan bantuan dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong kelulusan lebih banyak Klinik Pergigian Bergerak dalam RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof telah memohon agar pembinaan hospital di Lawas dipercepatkan. Memandangkan jarak untuk menghantar pesakit dari Lawas ke Kota Kinabalu mengambil masa lebih kurang tiga jam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Projek Hospital Lawas telah diluluskan dalam fasa pertama RMKe-10 iaitu tahun 2011 ke 2012. Projek ini akan dijalankan secara berfasa di mana fasa pertama iaitu 2011 hingga 2012 adalah untuk kerja-kerja perancangan seperti kerja-kerja penyiasatan tapak dan reka bentuk. Kos projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) adalah sebanyak RM80 juta dan akan dilaksanakan oleh kontraktor UEM, SEDC secara *joint venture*, dengan izin. Projek ini dijangka siap pada tahun 2014.

Walaupun demikian tapak cadangan untuk pembinaan Hospital Lawas yang baru didapati tidak sesuai kerana memerlukan kos rawatan tanah yang terlalu tinggi. Oleh itu Hospital Lawas yang baru akan dibangunkan di tapak hospital sedia ada. Walau bagaimanapun untuk kerja-kerja pembinaan hospital baru dijalankan perkhidmatan sedia ada perlu dipindahkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja merobohkan bangunan lama dan membina bangunan hospital yang baru. Pada masa ini Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sedang menguruskan penyewaan. Beberapa rumah kedai bagi tujuan pemindahan perkhidmatan yang terlibat dalam kerja-kerja *decanting*. Pengubahsuaian selepas proses *decanting* selesai. *Consultant* yang dilantik sedang dalam proses menyediakan reka bentuk untuk projek hospital baru ini. Projek ini adalah merupakan projek keutamaan tinggi bagi program perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Datuk Maijol bin Mahap membangkitkan masalah kekurangan katil dan doktor-doktor yang berpengalaman di Hospital Queen Elizabeth I dan Queen Elizabeth II di Kota Kinabalu. Serta menyarankan pengambilalihan kawasan tanah yang berhampiran dengan Hospital Queen Elizabeth I untuk membesarkan kompleks hospital berkenaan.

Ingin dinyatakan di sini masalah kekurangan katil di Queen Elizabeth Hospital I dan Queen Elizabeth Hospital II sedang diambil tindakan oleh Kementerian Kesihatan di mana pada masa ini projek blok menara berkembar yang baru sedang dilaksanakan.

■1700

Apabila pembinaan siap mengikut jadual pada 7 Disember 2012, ia akan memberikan tambahan katil sebanyak 661 buah kepada 347 katil sedia ada dan menjadikan jumlah katil di Queen Elizabeth Hospital I menjadi 1008 buah. Manakala di Hospital Queen Elizabeth II pula projek naik taraf sedang giat dijalankan dan dijadualkan siap pada akhir bulan Mei 2011. Apabila siap Queen Elizabeth Hospital II akan menyediakan 455 buah katil keseluruhannya.

Selain daripada dua projek di atas, Kementerian Kesihatan juga sedang melaksanakan projek pusat rawatan kanser di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas di mana sebanyak 200 buah katil lagi disediakan di hospital tersebut sebagai tambahan kepada 498 buah katil yang ada sekarang.

Dengan siapnya projek-projek yang tersebut di atas, masalah kekurangan katil yang dihadapi bagi menyediakan rawatan kepada penduduk Kota Kinabalu pada masa ini akan dapat diatasi. Kementerian Kesihatan tiada cadangan untuk mengambil alih kawasan tanah lain untuk pembesaran kompleks hospital ini memandangkan masih ada tapak bekas blok menara yang telah dirobohkan bagi menampung perancangan pembangunan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang mencadangkan untuk diwujudkan Institut Kanser Negara seperti mana IJN di Kuala Lumpur. Sukacita dimaklumkan bahawa cadangan untuk mewujudkan Institut Kanser Negara telah pun dilaksanakan. Institut berkenaan akan mempunyai 252 katil dan projek ini kini telah pun berada di peringkat pembinaan. Projek Institut Kanser Negara telah dimulakan pada 1 September 2010 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2013 kelak. Projek ini dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* ataupun PFI dengan izin kos sebanyak RM690 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar membangkitkan isu mengenai pusat perkhidmatan hemodialisis khususnya jumlah pusat hemodialisis yang beroperasi di seluruh Malaysia. Bilangan pesakit buah pinggang yang mendapat rawatan hemodialisis serta langkah untuk memastikan semua NGO dan pihak swasta mendapat lesen untuk menjalankan pusat hemodialisis serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2010 terdapat 618 pusat hemodialisis yang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 181 adalah kemudahan awam dan 297 dikendalikan oleh pihak swasta dan 140 disediakan oleh pihak NGO. Sehingga Disember 2010, terdapat seramai 23,422 orang pesakit buah pinggang dan daripada jumlah tersebut seramai 7,115 pesakit mendapat rawatan di fasiliti kerajaan, 9,813 orang di premis swasta dan 6,494 di premis yang dikendalikan oleh NGO.

Langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan semua NGO dan pihak swasta mendapat lesen untuk menjalankan pusat hemodialisis termasuklah perkara seperti berikut:

- (i) memastikan semua pengendali memahami keperluan untuk mendapatkan lesen daripada kementerian dengan mengadakan sesi dialog secara perseorangan ataupun melalui persatuan;
- (ii) menyediakan garis panduan dan senarai semak bagi memastikan pengendali mengetahui keperluan pelesenan;
- (iii) memberi nasihat dan membuat lawatan pemantauan sebelum memberi saranan penambahbaikan;
- (iv) memaklumkan keperluan pelesenan dan perkaitannya dengan keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan yang disediakan melalui media termasuklah mengadakan sidang akhbar;
- (v) memberi kelonggaran pematuhan tanpa menjejaskan keselamatan pesakit kepada premis sedia ada untuk tempoh yang ditetapkan seperti berikut:
  - (a) membenarkan pusat hemodialisis beroperasi dengan mempunyai 50 peratus staf yang terlatih sementara menunggu semua mereka terlatih dalam tempoh yang ditentukan;
  - (b) kemudahan infrastruktur sedia ada boleh terus beroperasi sekiranya kualiti penjagaan dapat memastikan piawaian keselamatan dan kualiti dipatuhi bagi mengelakkan kejadian jangkitan silang seperti hepatitis B, hepatitis C dan sebagainya dari pesakit ataupun pun staf kepada pesakit yang lain; dan
  - (c) doktor-doktor di pusat hemodialisis yang belum terlatih diberi peluang untuk mendapatkan latihan dan pengalaman yang secukupnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun serta Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah turut bertanyakan tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal penularan jangkitan *Adenovirus* yang telah meragut nyawa pelatih konstabel di Pusat Latihan Polis ataupun PULAPOL baru-baru ini di seluruh negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 2 April 2011 PULAPOL Kuala Lumpur telah didapati bebas daripada jangkitan *Adenovirus*, manakala untuk PULAPOL Port Dickson setakat ini seramai sembilan orang pelatih sedang menjalani isolasi atau gejala simptom di Pusat Isolasi dan semenjak 25 April 2011, 28 pelatih yang dimasukkan ke wad telah di *discharge* dan kembali ke PULAPOL Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, *Adenovirus* merupakan kumpulan virus yang besar di mana terdapat lebih daripada 50 jenis yang boleh menyebabkan jangkitan pada manusia. Kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan yang berlaku di PULAPOL baru-baru ini disebabkan oleh *Adenovirus* jenis 7. Ianya bukan merupakan virus luar biasa yang baru muncul tetapi sejenis virus yang telah lama dikenal pasti dan telah berada di dalam masyarakat. Kebiasaannya *Adenovirus* ini menyebabkan jangkitan secara berasingan atau *sporadic*. Namun dalam keadaan tertentu terutama di dalam institusi latihan yang mempunyai kepadatan yang tinggi, maka jangkitan yang berlaku mudah merebak menjadi wabak.

Jangkitan saluran pernafasan oleh *Adenovirus* jenis 7 turut menyebabkan mereka yang dijangkiti mempunyai gejala *influenza like illness* atau ILI. Oleh itu langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil bagi mengelak jangkitan serta mengawal ianya daripada merebak adalah amalan kebersihan diri dan gaya hidup sihat termasuklah mengamalkan:

- (i) adab batuk dan bersin yang baik;
- (ii) mencuci tangan dengan betul dan kerap;
- (iii) mereka yang mempunyai gejala ILI harus memakai penutup mulut dan hidung dan tidak mengunjungi tempat tumpuan orang ramai.

Amalan yang sama telah berjaya mengawal wabak *Influenza A H1N1* yang telah melanda negara pada tahun 2009 yang juga menyebabkan gejala ILI. Oleh itu kaedah tersebut jika diamalkan juga akan dapat mengawal merebaknya jangkitan *Adenovirus 7*. Berkenaan dengan saranan untuk mewujudkan lebih banyak *one-stop crisis centre* atau OSCC di seluruh negara. Sukacita dinyatakan di sini bahawa setakat ini terdapat 129 hospital menyediakan perkhidmatan OSCC di seluruh negara di mana hampir semua hospital dengan pegawai perubatan, kemudahan OSCC akan disediakan. Pusat-pusat krisis ini akan dikembangkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali meminta untuk dikaji semula usaha kementerian untuk menghapuskan wabak denggi yang dibawa oleh nyamuk *Aedes* melalui pelepasan nyamuk GM ataupun nyamuk genetik. Untuk makluman, nyamuk *Aedes aegypti* bukan berasal daripada Malaysia dan ia mencapai penyebaran *pan tropical* pada tahun 1930-an dan kini menjadi endemik di Malaysia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia ataupun WHO melaporkan bahawa nyamuk *Aedes* memberi risiko demam denggi yang tinggi terhadap 2/5 populasi dunia bersamaan dengan 2.5 bilion yang melibatkan 124 buah negara termasuk Malaysia.

#### ■1710

WHO juga menganggarkan bahawa pada setiap tahun terdapat 50 juta kes demam denggi dengan 25,000 kematian dan sebahagian besar kematian adalah dari golongan kanak-kanak. Nyamuk *Aedes Aegypti* adalah merupakan pembawa utama denggi di mana buat masa ini tiada vaksin ataupun rawatan yang khusus. Maka kebanyakan negara termasuklah Malaysia menggunakan kaedah-kaedah kawalan vektor nyamuk sedia ada seperti:

- (i) *fogging* - semburan kabus menggunakan racun serangga;
- (ii) mekanisme yang lain untuk memusnahkan larva nyamuk contohnya BTI, ikan *gambusia affinis*, *mesocyclops* dan lain-lain;
- (iii) mendidik penduduk awam serta melibatkan komuniti juga dikenali sebagai COMBI; dan
- (iv) penguatkuasaan yang ketat melalui pemeriksaan dan denda yang tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan) 2000, dipertingkatkan terhadap premis yang mempunyai pembiakan *Aedes* di mana bermula Januari hingga Mac 2011 sebanyak 993,882 premis telah diperiksa dan 7,591 daripadanya mempunyai pembiakan *Aedes*.

Sejumlah 1,618 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM682,100 manakala 64 kes telah dibawa ke mahkamah dan dikenakan denda bernilai RM34,710. Malangnya, teknik-teknik tersebut tidak mampu memberhentikan penyebaran denggi dan Chikungunya. Disebabkan ini adalah penting untuk menilai kaedah teknologi baru yang menjanjikan keputusan yang memberangsangkan dalam membasmi denggi dan Chikungunya.

Kajian pelepasan nyamuk jantan *Aedes* (GM) ataupun *Aedes Aegypti Strain OX513A* dengan izin, ini melibatkan penggunaan nyamuk *Aedes Aegypti* yang tidak boleh menggigit dan telah diubahsuai secara modifikasi genetik ataupun *Strain OX513A* dengan izin, yang mengandungi binaan *self limiting* dan petanda *molecule fluorescence*. Apabila nyamuk betina *aedes aegypti* di persekitaran mengawan dengan nyamuk jantan *Strain OX513A* ini dengan izin, keturunannya akan mati dan seterusnya tidak boleh membiak. Ini dapat mencegah pembiakan generasi nyamuk dewasa baru. Memandangkan nyamuk yang dilepaskan adalah nyamuk jantan dan tidak boleh menggigit manusia dan menyebarkan penyakit, maka ia tidak membawa risiko kepada manusia. Penggunaan nyamuk *Aedes Aegypti GM* tidak dianggap sebagai kaedah kawalan tunggal. Akan tetapi ini adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan vektor bersepadu seperti yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Maka dalam jangka masa yang panjang, teknologi baru ini boleh membantu mengurangkan bilangan populasi nyamuk *Aedes Aegypti* yang menyebarkan denggi dan *Chikungunya* ke tahap minimum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Kepulauan Cayman melalui pihak kawalan dan penyelidikan nyamuk telah melepaskan 3.3 juta nyamuk jantan *OX513A* dengan izin di kawasan berpenghuni sejak tahun 2009. Pada suku ketiga tahun 2010, Pulau Cayman telah berjaya mengurangkan 80 peratus populasi *Aedes Aegypti* di lokasi kajian. Pada suku ketiga tahun 2011, pelepasan nyamuk jantan *OX513A* kali kedua di Pulau Cayman akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa Brazil telah mendapat permit pada bulan Disember 2010 untuk melakukan proses yang sama. Brazil telah melepaskan kira-kira 18,000 nyamuk jantan *OX513A* dalam dua siri pelepasan iaitu pada 21 dan 25 Februari 2011 untuk kajian tanda lepas dan tangkap semula, *mark-release-recapture* dengan izin di kawasan berpenghuni.

Brazil dalam jangka masa dua bulan akan melepaskan nyamuk jantan OX513A sekali lagi di kawasan berpenghuni untuk tujuan menurunkan populasi nyamuk *Aedes Aegypti suppression trial*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Florida Amerika Syarikat kini dalam proses memperoleh kelulusan untuk melepaskan nyamuk jantan OX513A di kawasan yang berpenghuni. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang sama, Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrishnan bertanyakan mengapakah selepas sebulan baru Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mengeluarkan kenyataan bahawa nyamuk *Aedes GM* telah dilepaskan di Bentong, Pahang dan nyatakan tempat pelepasan lebih spesifik. Isu nyamuk *Aedes GM* telah menimbulkan kebimbangan dan kritikan masyarakat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minum sekejap Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Antarabangsa di mana .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhenti sekejap Yang Berhormat, minum dahulu... *[Ketawa]*  
*[Berhenti seketika untuk minum]*

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** *[Berhenti seketika untuk minum]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keprihatinan.

Saya ulang, telah menimbulkan kebimbangan dan juga kritikan masyarakat antarabangsa di mana rakyat sepatutnya dimaklumkan terhadap implikasi pelepasan tersebut. Turut dibangkitkan adalah isu siapakah yang bertanggungjawab jika terjadinya kesan-kesan yang akan memudaratkan kesihatan dan alam sekitar.

Untuk menjawab kepada persoalan ini Tuan Yang di-Pertua, kajian pelepasan nyamuk jantan *Aedes GM*, telah dijalankan di Hutan Tanah Kerajaan off Jalan Tentera, Bentong Pahang yang telah mendapat kelulusan daripada pihak-pihak tempatan di Bentong sebelum kajian dijalankan. Pihak IMR telah memaklumkan mengenai pelepasan nyamuk jantan *Aedes GM* dengan memberi penerangan mengenai kajian ini kepada orang awam di Bentong di Majlis Perbandaran Bentong dan Dewan Balai Raya dalam bahasa Malaysia dan bahasa Mandarin pada 9 Disember 2010.

Lanjutan daripada ini juga, notis dalam bentuk poster yang mengandungi maklumat kajian dalam empat bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil telah dipamerkan di tapak kajian selama tiga minggu sebelum kajian dijalankan walaupun sebenarnya syarat yang ditetapkan hanya dua minggu. Pihak IMR telah mematuhi semua terma dan syarat seperti yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Biro Keselamatan Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tuan Yang di-Pertua, kajian pelepasan nyamuk jantan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. Pergi ke *next point* Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana banyak membantu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan begitu panjang berkenaan dengan isu nyamuk tadi. Saya hendak bertanya tiga perkara berkaitan dengan nyamuk. Pertamanya, tadi disebutkan di negara lain ada permit. Dalam konteks kita, adakah kelulusan yang kita minta dari sebuah tempat di Bentong itu merupakan satu permit yang diberikan oleh pihak mereka untuk pihak kementerian untuk membuat sedemikian, itu pertama.

Keduanya disebutkan soal di Brazil tentang *recapture*. Adakah dalam kes kita juga, kita akan membuat penangkapan semula nyamuk-nyamuk tersebut sebagaimana yang dibuat oleh negara lain. Ketiga, adakah pada bila-bila masa pada masa akan datang sekiranya terdapat sebarang inovasi dari sudut-sudut untuk mengawal mana-mana jangkitan rawatan penyakit ini, pihak kementerian juga akan membawa perkara yang sama di tempat-tempat yang berbeza dan bagaimanakah bentuk yang dibuat memandangkan isu ini telah pun menjadi satu isu hangat dengan pelepasan nyamuk seperti ini. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Mumtaz di atas persoalan yang dibangkitkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya apa yang telah digariskan oleh Pertubuhan Antarabangsa dan juga syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak contohnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana salah satu syarat yang ditetapkan adalah maklumat kepada masyarakat setempat.

■1720

lanya telah dilaksanakan ataupun telah dilakukan sebelum proses ini dijalankan Yang Berhormat. Jadi persoalan mengenai sama ada kita tidak mendapat permit dan tidak mendapat keizinan itu sebenarnya tidak berlaku. Malah, seperti yang saya katakan tadi, notis berbentuk poster yang hanya perlu dipamerkan selama dua minggu sebelum kajian dijalankan tetapi kita telah mempamerkan notis-notis ini selama tiga minggu supaya memudahkan. Beberapa dialog yang melibatkan Menteri sendiri dengan kumpulan-kumpulan NGO juga telah dijalankan bagi memberi penerangan mengenai proses ini.

Soalan mengenai *recapture* Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan di sini bahawa tempoh hayat nyamuk GM ini adalah hanya lima hari iaitu tiga hari tempoh hayatnya di makmal dan selepas usianya tiga hari kita akan lepas ke lapangan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berbanding dengan negara-negara seperti Brazil dan sebagainya, kita hanya melepaskan sebanyak 6,000 dan seperti yang saya katakan tadi, tempoh hayat hanya lima hari iaitu tiga hari di makmal dan dua hari di lapangan dan *by this time around* Yang Berhormat, sebenarnya nyamuk-nyamuk itu telah mati.

Untuk menjawab kepada...

**Dr. Syed Husin Ali:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan lagi satu, silakan.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ya, sila.

**Dr. Syed Husin Ali:** Berhubungan nyamuk GM ini Tuan Yang di-Pertua, disebutkan tadi bahawa di Brazil dan sebagainya. Saya minta bukti bahawa ada eksperimen, percubaan di mana-mana negara dalam dunia tentang nyamuk GM ini. Ini kerana telah dilakukan penyelidikan dan *search* tetapi tidak didapati walaupun pernah dikatakan ada di Caribbean misalnya, ada dilepaskan nyamuk seumpama itu.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa nyamuk ini berkemungkinan dalam tempoh yang pendek itu menjadi satu *invasive species* dengan izin, iaitu spesies yang boleh menyerang sehingga membawa kepada akibat-akibat yang sangat buruk pada jangka panjang. Tidak semestinya nyamuk ini boleh misalnya mati kerana ada kemungkinan, maksudnya dalam tempoh lima hari dikatakan tadi. Ini kerana ada kemungkinan bahawa perubahan-perubahan dalam *environment* sekarang ini boleh memungkinkan ketidakjayaannya untuk membunuh misalnya anak atau telur nyamuk *Aedes* yang sedia ada.

Satu lagi ialah kita dapati bahawa di Malaysia ini ada unsur pengaruh syarikat Britain yang mengeluarkan nyamuk ini untuk melakukan jualan nyamuk ini dengan tidak memikirkan akibatnya atau kebajikan manusia, rakyat ramai. Jadi saya rasa ketiga-tiga perkara ini harus dijelaskan. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas persoalan yang dibangkitkan. Akan tetapi izinkan saya untuk menerangkan di sini mengenai persoalan yang dibangkitkan khususnya contoh saya menambah kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Seperti juga di negara Brazil, proses *recapture* telah dijalankan Yang Berhormat, di mana nyamuk jantan aedes GM yang telah dilepaskan di kawasan yang tidak berpenghuni telah ditangkap semula sehingga tiada nyamuk jantan yang dijumpai selepas tempoh tiga hari berturutan. Ini adalah hasil daripada laporan yang telah dikemukakan oleh pihak IMR. Langkah-langkah keselamatan telah pun diambil selepas kajian selesai seperti semburan asap *fogging* sebanyak dua kali iaitu pada 6 Januari dan 18 Januari 2011. Bagi menjawab persoalan permit, permit juga sudah diperolehi daripada *Genetic Modification Advisory Committee (GMAC)* Yang Berhormat, mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Menyentuh mengenai sama ada pihak kementerian bersedia mencuba inovasi-inovasi yang akan dikemukakan untuk penyakit-penyakit ataupun masalah-masalah yang bersangkutan dengan bidang kuasa kementerian, sudah tentu Yang Berhormat, demi bagi melihat kepada kesinambungan usaha pihak kementerian memberi yang terbaik kepada rakyat di negara ini.

Menyentuh mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Syed Husin Ali.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** ...Dr. Syed Husin Ali yang telah mempersoalkan beberapa perkara iaitu keberkesanan proses ataupun kajian ini di negara-negara walaupun saya telah menyatakan di sini iaitu mengambil kira mengenai kejayaan Kerajaan Kepulauan Cayman di dalam melaksanakan teknologi ini.

Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, pada suku ketiga tahun 2010, Pulau Cayman telah berjaya mengurangkan 80 peratus populasi *Aedes aegypti* di lokasi kajian. Kajian ini telah dijalankan selepas itu di mana pada suku ketiga, pihak Kerajaan Pulau Cayman masih meneruskan kajian dengan melepaskan nyamuk jantan yang kedua dan ini juga telah dilaksanakan di Brazil dan Florida. Persoalan sama ada ianya tidak terbukti itu tidak benar Yang Berhormat.

Mengenai persoalan sama ada nyamuk ini akan menjadi *invasive*, sebenarnya untuk proses ini, hanya satu gen nyamuk yang telah diubahsuai. Dari segi jualan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya kita masih dalam proses kajian Yang Berhormat. Tiada penglibatan kewangan. Semuanya dilakukan secara percuma untuk kegunaan penyelidikan sahaja. Jadi saya harap saya telah menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawawi meminta penjelasan mengenai isu penyakit resdung dan alergi serta perancangan untuk mencegah serta menangani penyakit ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyakit resdung boleh dirawat di 32 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia oleh 113 pegawai perubatan pakar telinga, hidung dan tekak (ENT). Bilangan ini termasuk tujuh orang pakar yang mempunyai ijazah lanjutan sub kepakaran dalam bidang kepakaran ENT iaitu rinologi dan lima pakar ENT yang sedang menjalani latihan subkepakaran rinologi.

Dalam perancangan jangka pendek dan pertengahan, klinik alergi ENT akan ditambah bilangannya di hospital-hospital negeri dan hospital berpakar terutamanya di mana terdapat pakar ENT. Pada masa sekarang ini, klinik alergi ENT yang dilengkapi dengan ujian *skin prick test* dengan izin, terdapat di sembilan buah hospital negeri. Namun, ia memerlukan peruntukan yang tinggi. Di samping itu, pameran dan kempen mengenai cara hidup sihat, kebersihan diri dan persekitaran serta penyakit resdung dan alergi dilakukan secara berkala di dalam dan luar hospital, Yang Berhormat. Pada masa yang sama, lebih ramai kakitangan kementerian dirancang untuk menjalani latihan pengkhususan dalam bidang ini.

Penyakit resdung didapati kurang dihidapi oleh kanak-kanak sekolah berbanding dengan penyakit alergi. Pendekatan KKM ataupun kementerian adalah mengesan awal melalui pasukan sekolah kementerian yang dilakukan secara berkala dengan mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung berkaitan kaedah menangani kes bunuh diri di kalangan belia. Registri Bunuh Diri Kebangsaan ataupun *National Suicide Registry Malaysia* yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2007 melaporkan bahawa dari tahun 2007 sehingga 2009, sebanyak 731 kes bunuh diri telah didaftarkan.

*Registry* juga turut melaporkan dalam tahun 2008, jumlah kes bunuh diri adalah paling tinggi di kalangan individu berumur atau berusia di antara 20 hingga 29 tahun iaitu 27.2 peratus atau 75 kes.

■1730

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Manakala pada tahun 2009, kes yang paling tinggi adalah di kalangan individu yang berusia 25 hingga 34 tahun. Dari segi pecahan kaum pula didapati bahawa kaum etnik Cina menyumbang kepada peratusan kes bunuh diri paling tinggi iaitu 54 peratus tahun 2008, 45.7 peratus pada tahun 2009 dan diikuti pula dengan kaum India 27 peratus pada tahun 2008, 23 peratus tahun 2009 seterusnya kaum Melayu 14 peratus tahun 2008 dan 12.3 peratus pada tahun 2009. Dari segi jantina pula 75 peratus adalah lelaki dan 25 peratus kes melibatkan perempuan dengan nisbah lelaki kepada perempuan 1:3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, Kementerian Kesihatan amat mengambil berat dan komited untuk menangani masalah tingkah laku bunuh diri yang sering dipaparkan oleh pihak media kebelakangan ini. Untuk itu kementerian telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan dan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri yang menggariskan tujuh strategi utama bagi menangani masalah bunuh diri di kalangan masyarakat Malaysia. Kementerian juga sedar bahawa arus pembangunan negara ke arah mencapai kemajuan masyarakat berkemungkinan menghadapi stres psikososial akibat daripada faktor-faktor seperti persaingan kehidupan, kedudukan kewangan tidak stabil, tragedi dan kegagalan hidup, masalah hubungan dan sebagainya yang boleh membawa kepada permasalahan kesihatan mental, sakit mental dan perbuatan menamatkan riwayat hidup jika tidak ada jalan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab mempromosikan kesihatan mental dan mencegah masalah mental serta tingkah laku bunuh diri tidak boleh diletakkan di bahu Kementerian Kesihatan semata-mata. Masyarakat perlu sama-sama mengambil bahagian melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental dan aktiviti kemasyarakatan bagi memperkasakan masyarakat dengan kemahiran daya tindak menghadapi cabaran hidup seharian. Ini adalah kerana melalui peningkatan kesedaran awam tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental, kepekaan masyarakat terhadap orang sekeliling yang mempunyai tanda-tanda awal masalah kesihatan mental dan membawa mereka kepada rawatan awal dapat mencegah masalah kesihatan mental daripada menjadi lebih buruk dan ini berupaya untuk mencegah kes-kes bunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah membangkitkan isu berkaitan obesiti di kalangan kanak-kanak dan langkah yang dilakukan oleh kementerian untuk memantau kandungan paras gula dalam minuman berkarbonat.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai hubungan kerja yang erat bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia di mana isu-isu pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan kesihatan dibincangkan dan diselaraskan melalui jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang melibatkan pegawai-pegawai dari kedua-dua kementerian. Keputusan-keputusan perbincangan seterusnya diangkat ke Jawatankuasa Induk Program 3K iaitu Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia bagi pertimbangan dan persetujuan sebelum pelaksanaan.

Pada masa sekarang BMI atau *Body Mass Index* atau Indeks Jisim Tubuh dengan izin, murid turut dipantau oleh pasukan kesihatan sekolah. Murid yang didapati obes dirujuk kepada pegawai zat makanan. Pegawai zat makanan memberi runding cara pemakanan kepada murid bersama ibu bapa serta secara berkumpulan. Di samping itu aktiviti pemakanan di sekolah seperti ceramah, pameran dan saringan kesihatan juga dijalankan. Manakala makanan yang dijual di sekolah dikawal dan dipantau berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Kantin Sekolah Sihat di mana terdapat senarai makan yang dibenarkan dan dilarang dijual di sekolah. Sebenarnya faktor-faktor yang menyebabkan obesiti di kalangan kanak-kanak sangat kompleks dan berhubung kait dengan satu sama lain.

Oleh yang demikian penyelesaian masalah ini juga adalah kompleks. Kerajaan mempunyai peranan yang penting dan telah mengambil beberapa langkah awal bagi menangani masalah ini. Namun begitu kerajaan amat memerlukan penglibatan dan sokongan padu daripada ibu bapa, komuniti setempat dan pihak NGO untuk membolehkan Malaysia menurunkan, *prevalence* obesiti di kalangan kanak-kanak dengan jayanya. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa terdapat minuman yang sedia diminum di pasaran yang mempunyai kandungan gula yang tinggi...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa yang dijawab oleh Timbalan Menteri adalah berkaitan di antara resdung sebagai mungkin gaya hidup, trend bunuh diri dan juga mengenai obesiti. Ketiga-tiganya melibatkan satu pembudayaan hidup yang sihat, yang perlu diamalkan di negara. Persoalannya sekarang kita menyambut baik usaha pihak kementerian untuk mencegah pelbagai makanan termasuklah makanan *junk food* dengan izin, dan juga *fast food* yang dijual di sekolah-sekolah. Namun kita juga ada melihat ada paparan mengenai tidak boleh makan nasi lemak dan juga nasi goreng sedangkan pada masa yang sama mihun, kuetiau dan mi diberi makan setiap hari di kantin sekolah. Jadi, saya hendak tanya kat sini, tentang tiga isu.

Pertama, berapa ramai pegawai penguat kuasa yang bertugas di seluruh sekolah sebab sekarang ini kalau kita haramkan 17 jenis makanan kepada pengusaha kantin, saya nampak dari segi keberkesannya akan menyebabkan seolah-olah pihak pengusaha kesihatan di kantin sekolah untuk *check* bahagian makanan, itu yang pertama.

Berapa banyak kita *spend* untuk itu, pertama; dan kedua, berapakah bajet yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada Kementerian Kesihatan khususnya untuk pencegahan? Ini kerana saya difahamkan dari segi klinikal dengan klinik masyarakat, kerajaan lebih banyak menumpukan kepada soal rawatan dan bukan soal pencegahan. Sedangkan untuk bunuh diri, resdung, obesiti, ketiga-tiganya melibatkan pencegahan. Bukan rawatan.

Yang ketiga, penumpuan dari segi makanan kepada kanak-kanak sekolah, yang lebih penting ialah penyediaan, bukan hanya kepada makanan yang dijual, penyediaannya tidak boleh mengandungi bahan-bahan toksik. Contohnya minuman berkarbonat serta bentuk makanan *junk food*. Jadi, dari sudut penyediaan ini bagaimanakah pihak kementerian akan memantau dari sudut penyediaan makanan di sekolah ini, sekian terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat yang juga merupakan rakan universiti saya. Okey, untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, berapakah ramai penguat kuasa yang bertugas untuk memantau khususnya di kantin sekolah. Akan tetapi izinkan saya untuk membetulkan sedikit kenyataan awal Yang Berhormat, saya *address* isu...

**Tuan Khoo Soo Seang:** [*Bangun*]

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dahulu Yang Berhormat, nanti saya akan berpindah kepada Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Berkaitan pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Saya hendak tanya, oleh kerana saya difahamkan dahulu semua sekolah memang ada jawatankuasa kantin. Jadi pemantauan makanan di situ dijalankan oleh jawatankuasa kantin. Adakah sistem itu masih berterusan? Sekian terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang begitu baik sekali. Untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan dan isu Yang Berhormat tadi mengenai nasi lemak, tetapi mihun, mi goreng dan sebagainya diberikan dengan kekerapan. Sebenarnya kekerapan yang kita cadangkan Yang Berhormat, di bawah garis panduan persediaan makanan oleh kantin sekolah, kita mencadangkan menu-menu tersebut dengan kekerapan disebabkan oleh kandungan kalori yang terlibat dalam penyediaan nasi lemak adalah untuk satu mangkuk Yang Berhormat. Kalori yang dilibatkan untuk nasi lemak adalah sebanyak 320 kalori, dibandingkan dengan mi dan mihun yang kita cadangkan mi dan mihun sup bukan goreng Yang Berhormat, mi dan mihun sup yang dicadangkan setiap hari boleh diambil kekerapannya setiap hari.

Jumlah kalori hanyalah sebanyak 230. Jadi, kekerapan persediaan makanan itu bergantung kepada jumlah kalori Yang Berhormat. Menjawab kepada persoalan Yang Berhormat bangkitkan berapa ramai penguat kuasa yang bertugas, memandangkan setelah garis panduan ini berkuat kuasa sudah tentu memerlukan penglibatan semua pihak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita di peringkat kementerian kita melihat bahawa guru-guru kesihatan perlu diperkasakan untuk memantau mengenai persediaan pemakanan yang betul di kantin-kantin sekolah.

## ■ 1740

Di peringkat Kementerian Kesihatan pula, kita mempunyai inspektor kesihatan yang bertanggungjawab untuk memastikan premis dan juga kantin-kantin ataupun kantin-kantin itu berada dalam keadaan yang bersih. Jadi dua tanggungjawab yang berbeza. Oleh itu dari segi penyediaan makanan dan sebagainya, kita memperkasakan guru kesihatan Yang Berhormat. Sejurus saya menjawab kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Senator Khoo Soo Seang tadi.

Mengenai bajet, saya tidak mempunyai perinci bajet yang spesifik untuk beberapa kempen yang dijalankan, 'Amalan Gaya Hidup Sihat', Yang Berhormat, saya akan kemukakan selepas ini tetapi amatlah tidak benar Kementerian Kesihatan hanyalah menumpukan kepada rawatan. Kita sebenarnya di peringkat kementerian menjalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang kita wujudkan, kita memperkasakan aktiviti-aktiviti pencegahan. Dari segi amalan hidup sihat, kita telah mulakan sejak tahun 2000 lagi, memberikan pendedahan kepada masyarakat dan begitu juga dari aspek bunuh diri, *stress management* dan sebagainya. Banyak langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan sendiri...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi:** Sedikit lagi, saya perlukan sedikit lagi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kandungan kalori untuk mi, mihun dan kuetiau. Saya juga ingin tanya kepada pihak kementerian, adakah kita ambil timbang dari sudut kalori kerana kita difahamkan asid borik yang ada di dalam mi, mihun dan kuetiau ini kadang-kadang dari segi berbahaya dan toksiknya kepada kanak-kanak jauh lebih tinggi kerana ini merupakan proses-proses kimia. Jadi kalau nasi sahaja dihidangkan dengan hanya santan ataupun nasi goreng, jadi kalau kita timbangkan dari sudut asid borik yang ada di dalam mi, saya rasa nasi lebih selamat berbanding dengan kalori dalam mi. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dari segi penyediaan makanan ataupun menu di kantin-kantin sekolah Yang Berhormat, kita tidak hanya menetapkan hanya kepada jumlah kalori yang dihidangkan tetapi sudah tentu kita menekankan kepada aspek keselamatan seperti contoh yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Sudah tentu dalam aspek ini kita meminta pihak kantin supaya lebih bertanggungjawab dalam proses penyediaan. Sudah tentu barang-barang mentah yang disediakan perlulah memenuhi aspek keselamatan, kesihatan dan sebagainya. Sekali lagi saya tekankan, pihak sekolah memainkan peranan yang besar di dalam memastikan melalui guru-guru kesihatan, memastikan bahawa menu ataupun barang-barang mentah yang dilibatkan merupakan barang-barang mentah yang selamat dimakan oleh para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung kembali kepada persoalan mengenai isu minuman sedia diminum di pasaran yang mempunyai kandungan gula yang tinggi. Berdasarkan peraturan 18B(4), Peraturan-peraturan Makanan 1985, kandungan gula adalah wajib diisytiharkan bagi minuman sedia diminum termasuklah minuman berkarbonat.

Gula yang dinyatakan di dalam peraturan ini adalah merujuk kepada semua monosakarida dan disakarida yang terkandung dalam makanan tersebut sama ada secara asli ataupun ditambah. Melalui peraturan yang telah dikuatkuasakan ini, pengguna boleh menyemak kandungan gula dalam sesuatu produk minuman sedia diminum berdasarkan amaun yang diisytiharkan pada label.

Bagi menggalakkan pihak industri mengeluarkan produk-produk minuman yang rendah dan bebas kandungan gula, peraturan 18C iaitu peraturan berhubung akuan kandungan nutrien termasuklah bagi akuan rendah gula dan bebas gula telah dikuatkuasakan. Pihak industri yang ingin membuat akuan rendah gula bagi sesuatu produk minuman sedia diminum perlu memastikan bahawa kandungan gula dalam minuman tersebut perlulah kurang daripada 2.5 gram bagi setiap 100ml. Manakala bagi akuan bebas gula kandungan gula dalam minuman tersebut perlulah kurang daripada 0.5 gram bagi setiap 100ml. Kementerian percaya bahawa dengan pewartaan peraturan berhubung akuan kandungan nutrien seperti ini, pihak industri akan mengeluarkan lebih banyak produk yang rendah gula dan bebas gula di mana ini akan menjadi salah satu strategi pemasaran bagi mereka.

Di pihak pengguna pula, pengisytiharan kandungan gula dan akuan kandungan gula seperti yang dinyatakan di atas dapat memberi panduan kepada pengguna untuk membuat pilihan yang lebih baik dari segi kesihatan. Kementerian juga sedia maklum terdapat beberapa pihak industri yang menawarkan hadiah kepada kanak-kanak khususnya sebagai ganjaran kerana membeli makanan ringan yang ditawarkan. Berdasarkan Peraturan 36 Peraturan-peraturan Makanan 1985, pihak industri makanan tidak boleh meletakkan patung, duit dan seumpamanya dalam bungkusan makanan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pencemaran kepada makanan tersebut dan seterusnya mengurangkan risiko keracunan makanan.

Yang Berhormat Mumtaz telah bertanya mengenai bajet 'Amalan Gaya Hidup Sihat'. Saya telah mendapat maklumat Yang Berhormat di mana bajet tahun lepas iaitu tahun 2010, Kempen Cara Hidup sihat dan kempen media secara keseluruhan empat kempen melibatkan jumlah RM15.8 juta iaitu HIV, Kempen Gaya Hidup Sihat, Kempen Tak Nak Merokok dan Pencegahan Denggi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Peraturan 36 Peraturan-peraturan Makanan 1985, pihak industri makanan tidak boleh meletakkan patung, duit atau seumpamanya dalam bungkusan makanan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pencemaran kepada makanan tersebut dan seterusnya mengurangkan risiko keracunan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg menyarankan kerajaan mengharamkan penggunaan botol susu *polycarbonate* yang mengandungi BPA. Kementerian Kesihatan telah mengumumkan tindakan pengharaman botol susu yang mengandungi BPA pada 14 Mac 2011. Pengharaman tersebut akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2012.

Tindakan pengharaman yang diambil adalah sebagai langkah berjaga-jaga memandangkan sehingga kini tiada bukti saintifik yang kukuh untuk menunjukkan bahawa botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi BPA adalah berbahaya kepada kesihatan bayi dan kanak-kanak.

Buat masa ini, masih terdapat kekangan dan ketidakpastian dalam kajian saintifik berkaitan keselamatan BPA yang dijalankan oleh badan antarabangsa dan pelbagai agensi di seluruh dunia termasuk Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan *European Food Safety Authority (EFSA)*. Pendekatan yang diambil oleh kementerian juga selaras dengan tindakan beberapa buah negara maju seperti Jerman, Perancis, Denmark, Kanada, Australia, New Zealand dan New York di Amerika Syarikat dan sudah tentu yang terkini adalah Kesatuan Eropah. Walaupun demikian, masih terdapat banyak negara di dunia yang tidak mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan perkara ini.

Selaras dengan tindakan negara lain seperti Kesatuan Eropah, tempoh masa peralihan selama satu tahun diberikan kepada semua pihak termasuklah pengguna dan industri. Dalam tempoh peralihan ini, kerajaan yang prihatin dengan kesihatan dan kesejahteraan rakyatnya melalui kementerian telah berkongsi maklumat dengan orang awam melalui kenyataan akhbar, poster dan risalah di mana bimbingan diberikan mengenai cara mengenal pasti botol susu bayi *polycarbonate* dan cara penggunaan yang betul mengikut saranan kementerian untuk mencegah risiko perpindahan BPA daripada botol susu bayi *polycarbonate*. Dalam nasihat yang diberikan, orang awam juga terutama ibu bapa turut diberi pilihan untuk menukar terus penggunaan botol susu bayi *polycarbonate* kepada botol susu bayi yang bebas BPA jika mereka mampu untuk berbuat demikian.

Dalam masa peralihan juga, pihak industri boleh menarik balik produk terbabit di pasaran serta perlu membuat persediaan bagi mematuhi keperluan pengharaman penjualan botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi BPA berkuat kuasa pada 1 Mac 2012. Kementerian amat prihatin dengan isu keselamatan botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi BPA dan ingin menegaskan bahawa kementerian tidak akan berkompromi dalam keselamatan pengguna terutamanya bayi dan kanak-kanak.

■ 1750

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru ada bertanyakan tentang berapakah jumlah bayaran bagi laporan perubatan pesakit. Mengapa perlu ambil dua hingga tiga bulan untuk memproses laporan serta mengapakah laporan hanya diproses selepas bayaran dibuat. Untuk makluman, bayaran bagi laporan perubatan adalah tertakluk kepada Akta Fi 1951, Perintah Fi Perubatan 1982, Jadual H, Bahagian 4 yang berbahagi kepada tiga kategori:

- (i) laporan ringkas atau pendapat yang disediakan oleh pegawai perubatan yang dikenakan bayaran RM40 ke atas pemohon;
- (ii) laporan ringkas atau pendapat yang disediakan oleh pakar dikenakan bayaran RM80 ke atas pemohon; dan

- (iii) pendapat lengkap disediakan oleh pakar dikenakan bayaran RM200 hingga RM1,000 ke atas pemohon bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat ini.

Menurut Pekeliling Pengarah Kesihatan Bil.16/2010, garis panduan penyediaan laporan perubatan di hospital-hospital dan institusi perubatan, tempoh penyediaan perubatan telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) hospital negeri - empat minggu selepas permohonan lengkap diterima; dan
- (ii) hospital berpakar dan hospital tanpa pakar - dua minggu selepas permohonan lengkap diterima.

Pekeliling tersebut telah menetapkan bayaran laporan ringkas atau pendapat pegawai perubatan dan pakar perlu dijelaskan dahulu sebelum permohonan diproses. Walau bagaimanapun, laporan pendapat lengkap pakar, bayaran hanya dijelaskan selepas laporan siap. Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru juga mempunyai tanggapan bahawa rakyat lebih suka memilih hospital swasta untuk rawatan kecemasan dan beranggapan bahawa perkhidmatan hospital kerajaan jauh ketinggalan berbanding swasta. Antara sebab mengapa ramai rakyat memilih hospital swasta adalah kerana mereka beranggapan waktu menunggu di hospital kerajaan adalah terlalu lama. Di samping itu, faktor-faktor lain seperti pilihan pesakit sendiri terutama yang berkemampuan dan pesakit-pesakit yang mempunyai *private health insurance*, dengan izin, pesakit-pesakit yang dibiayai oleh majikan serta faktor lokasi hospital swasta yang terletak berhampiran dengan rumah terutamanya dalam keadaan kecemasan, keselesaan dan lain-lain juga mempengaruhi keputusan pesakit-pesakit dan waris mereka dalam mendapat rawatan kecemasan di hospital swasta.

Namun begitu Yang Berhormat, majoriti rakyat masih lagi memilih hospital kerajaan dalam mendapatkan rawatan kecemasan. Ia bukan sahaja kerana kos yang berpatutan tetapi berapa penambahbaikan yang diperkenalkan oleh kerajaan membolehkan perkhidmatan dan rawatan diberi dengan lebih cepat. Di samping itu juga, suasana yang lebih kondusif dan selesa telah diwujudkan seperti memperkenalkan waktu bekerja luar waktu pejabat bagi menggalakkan ramai pegawai perubatan memberikan perkhidmatan di luar waktu bekerja biasa mereka.

Di samping itu, pesakit dan waris telah dimaklumkan mengenai sistem *triage* di Jabatan Kecemasan dan Trauma di mana pesakit yang dikategorikan sebagai pesakit *red zone* akan dilihat serta-merta oleh petugas perubatan. Manakala pesakit *yellow zone* dilihat dalam tempoh 15 minit selepas penyaringan *triage*. Pakar perubatan kecemasan juga telah ditempatkan di semua 14 hospital negeri dan kebanyakan hospital berpakar. Konsultasi terus oleh pegawai perubatan dan pakar perubatan disiplin-disiplin lain kepada pesakit-pesakit kecemasan juga dilakukan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di mana perlu. Semua ini sekali gus mengurangkannya waktu menunggu di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perubatan kecemasan.

Turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru adalah berkaitan isu apakah tindakan kementerian dalam memastikan hospital kerajaan berbeza berbanding 10 hingga 15 tahun dahulu. Dalam rancangan Malaysia, kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital-hospital kementerian. Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang baru sahaja tamat, kementerian telah menaik taraf infrastruktur sebahagian hospital-hospital kementerian seperti menaik taraf *facilities* dewan-dewan bedah dan rawatan rapi.

Kementerian juga membina hospital-hospital baru dan hospital gantian seperti Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Shah Alam dan Hospital Kluang. Sekadar menyebut berapa nama yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini untuk kemudahan rakyat di bandar dan di luar bandar. Peralatan perubatan juga tidak ketinggalan dinaiktarafkan dan diganti baru setiap tahun apabila terdapat keperluan sejajar dengan keperluan perkembangan dan perkhidmatan ekspektasi rakyat yang semakin kompleks. Berbanding 10 hingga 15 tahun yang lalu, pada masa ini terdapat perkembangan pesat dalam perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital kementerian sehinggalah terdapat 55 buah hospital berpakar di seluruh negara dan enam buah institusi perubatan khas yang menyediakan perkhidmatan kepakaran spesifik iaitu psikiatri, perubatan respiratori dan juga perubatan transfusi.

Pada masa hadapan dianggarkan lebih banyak lagi hospital tanpa pakar akan dinaiktarafkan menjadi hospital berpakar *minor* seperti Hospital Kuala Kangsar, Hospital Kota Marudu dan Hospital Limbang, sekadar menyebut beberapa nama dengan sekurang-kurangnya 10 perkhidmatan kepakaran. Begitu juga terdapat beberapa hospital berpakar *minor* sedia ada yang akan dinaiktarafkan menjadi hospital berpakar *major* dengan sekurang-kurangnya 20 perkhidmatan kepakaran seperti Hospital Kulim, Hospital Bintulu dan Hospital Segamat, sekadar menyebut berapa nama. Pembangunan perkhidmatan ini juga adalah sejajar dengan pertambahan bilangan pegawai perubatan pada masa ini dan juga pertambahan slot latihan Sarjana Perubatan di universiti-universiti awam daripada 600 kepada 800 pada sesi 2010/2011 serta anggaran pertambahan penduduk negara setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru juga membangkitkan isu bahawa banyak produk organik dikeluarkan memandangkan Malaysia sebagai hab halal. Apakah kesahihan produk-produk organik yang dikeluarkan kerana dikhuatiri produk-produk tersebut dimanipulasikan oleh pembekal-pembekal. Timbul keraguan terhadap produk ini dan terdapat keperluan untuk mewujudkan badan pengawalan bagi menjamin pengeluaran produk dan pensijilan standard dari segi penyimpanan, pembungkusan dan juga pengeluaran bagi memastikan barang-barang yang dikeluarkan berasaskan bahan semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperjelaskan isu ini, dinyatakan bahawa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bertanggungjawab di atas pengawalan produk makanan organik di pasaran dari segi pelabelan organik.

Pelabelan bagi produk organik di peruntukkan di bawah Peraturan 18(7), Peraturan-peraturan Makanan 1985 di mana produk makanan yang dilabel organik perlu mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Standard Malaysia MS 1529 - Pengeluaran Pemprosesan Pelabelan dan Pemasaran Makanan yang dihasilkan secara organik. Pematuhan kepada MS 1529 ini adalah bagi tujuan pengiktirafan produk organik yang di bawah bidang kuasa Jabatan Pertanian Malaysia. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menyediakan satu garis panduan bagi memberi panduan kepada industri makanan, pengguna dan pihak berkuasa dalam mematuhi peruntukan pelabelan ini dan garis panduan ini boleh diperoleh melalui laman sesawang BKMM iaitu [fsq.moh.gov.my](http://fsq.moh.gov.my).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat dari Pahang ingin mengetahui sejauh manakah kejayaan pelaksanaan Skim Penjagaan Kesihatan 1K dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk merealisasikan Skim Penjagaan Kesihatan serta isu-isu berkaitan dengannya. Ingin dijelaskan bahawa unit *Malaysia National Health Account* di kementerian sedang menganalisis data kos penjagaan kesihatan di seluruh negara oleh pihak kerajaan bagi tempoh yang berkaitan. Namun, data Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan menunjukkan perbelanjaan mengurus bagi membiayai kos penjagaan kesihatan bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing adalah RM12.2 juta dan RM12.7 juta.

■ 1800

Bagi tahun 2011 pula, dianggarkan sebanyak RM13.2 juta. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Skim Transformasi Sistem Kesihatan bergelar 1K masih di peringkat pembangunan *blueprint* dan belum dilaksanakan. Maka, belum ada peruntukan disediakan dan anggaran kos pelaksanaan hanya akan dapat ditentukan semasa pembangunan *blueprint* tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Senator Datuk yang mencadangkan supaya dana skim berkenaan diuruskan oleh badan bebas.

Sememangnya kementerian telah pun mencadangkan penubuhan satu badan bebas yang tidak berasaskan keuntungan di bawah kawal selia Kementerian Kesihatan bagi menguruskan dana kesihatan kelak. Dalam perancangan transformasi Sistem Kesihatan 1K for 1Malaysia ini, dengan izin, peranan Kementerian Kesihatan Malaysia juga akan berubah dengan memberi penekanan terhadap kawal selia dan perancangan polisi kesihatan. Mini Pro National Health Financing, dengan izin, dan lain-lain bahagian di Kementerian Kesihatan Malaysia bersama pelbagai pihak berkepentingan sedang merancang pembangunan dan implementasi *blueprint* 1K.

Tugasan yang besar ini bukan hanya dijalankan oleh Unit *1National Health Financing*, dengan izin, atau kementerian sahaja tetapi dikongsi bersama dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuklah pihak akademia, swasta dan NGO untuk memastikan pelbagai input dan pendapat diambil kira. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada membangkitkan pada 21 April semasa Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah berucap, saya mencelah. Saya minta pihak kementerian memberikan *presentation of statistics* dari satu sudut yang lain daripada biasa iaitu kalau dinisbahkan bilangan doktor mengikut kaum, mengikut penduduk masing-masing, bagaimanakah kedudukannya. Itu saya ada timbulkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali. Saya memohon maaf kerana saya tidak mempunyai maklumat tersebut namun *insya-Allah*, saya akan kemukakan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan, yang telah menyentuh tentang bidang kuasa Kementerian Kesihatan. *Insya-Allah*, segala cadangan dan juga pandangan tersebut akan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian demi kesejahteraan masyarakat di negara kita. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya sedikit... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah menimbulkan soal akibat nadir bumi atau *rare earth* terhadap kanser. Memandangkan kepada pengalaman-pengalaman yang— pengalaman buruk di Bukit Merah, kilang *rare earth* yang mengakibatkan kanser. Apakah kementerian ini mempunyai pendirian terhadap pembinaan kilang yang seumpama itu di Gebeng, Pahang. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Sekali lagi saya memohon maaf kerana persoalan ini, saya tidak mempunyai maklumat mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan sekali lagi saya memohon izin untuk menjawabnya secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memberi jawapan yang begitu panjang dengan memakan masa satu jam 17 minit. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat berpuas hati, terima kasih. Minta Kementerian Belia dan Sukan untuk menjawab.

**6.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan konstruktif yang dikemukakan terhadap Kementerian Belia dan Sukan sepanjang perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff telah membangkitkan mengenai isu-isu pembangunan belia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut statistik terkini Jabatan Perangkaan Negara tahun 2011, bilangan belia hari ini telah mencecah 12.5 juta orang ataupun 43 peratus daripada 28.5 juta penduduk Malaysia. Justeru Kementerian Belia dan Sukan melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) yang diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Februari 2010 telah memainkan peranannya sebagai kementerian menyelaras iaitu *coordinating ministry*, dengan izin. Dalam segala hal ehwal berkaitan pembangunan belia negara. Sebanyak 12 buah agensi kerajaan ataupun kementerian telah terlibat dalam jawatankuasa ini yang juga dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kementerian telah menerapkan elemen kemahiran, kepimpinan, keusahawanan, kesukarelawan dan kenegaraan agar golongan belia berupaya menjadi sumber modal insan negara yang mahir, kreatif, kompeten dan berdaya saing. Kementerian turut memberikan penekanan dalam aspek pembangunan kewarganegaraan secara khusus agar dapat memperkukuhkan lagi integrasi pelbagai kaum di negara kita. Manakala program-program seperti Program Integrasi Nasional 3S (Semenanjung, Sabah & Sarawak) adalah untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan belia yang berbilang kaum. Program Patriotisme Generasi Muda yang dijalankan dengan memberi penekanan kepada elemen-elemen penghayatan konsep kenegaraan dan konsep 1Malaysia, integrasi nasional, kesetiaan kepada raja dan negara dan sebagainya.

Selanjutnya, di bawah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan juga telah banyak memberi manfaat kepada para belia negara terutamanya dalam aspek perpaduan, pembinaan jati diri dan kecintaan kepada negara. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, dari tahun 2004 sehingga Mac 2011 seramai 552, 328 orang pelatih telah menyertai program PLKN di 87 buah kem latihan seluruh negara. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang membangkitkan mengenai sambutan Hari Belia Negara 2011.

Sukacita dimaklumkan bahawa pelancaran Hari Belia Negara di peringkat kebangsaan dan negeri akan dibuat secara serentak pada 15 Mei 2011. Untuk makluman juga, pelancaran ini di peringkat kebangsaan akan diadakan di Jalan Sultan Ismail bersebelahan dengan Lot 10 dan Plaza Sungai Wang. Tema Hari Belia Negara 2011 adalah 'Belia Pendukung Transformasi' di mana kementerian menyasarkan untuk menghimpunkan sejuta belia di Putrajaya pada 27 hingga 29 Mei 2011. Sepanjang sambutan tersebut, kementerian telah merancang sebanyak 200 aktiviti dan dibahagikan kepada 20 segmen yang turut melibatkan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO.

Umpamanya, karnival kerjaya dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, MAHA Youth dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Youth Tourism Fair dengan kerjasama Kementerian Pelancongan.

Selain daripada itu, banyak lagi agensi kerajaan termasuk kementerian-kementerian telah turut secara langsung dan tidak langsung membantu untuk menjayakan program ini iaitu termasuk juga Kementerian MOSTI, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

■1810

Berkaitan dengan belia FELDA. Bagi membantu belia FELDA bergiat aktif dan seterusnya menjauhi gejala sosial seperti lepak, rempit dan penyalahgunaan dadah, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pada belia-belie FELDA. Di antaranya termasuklah ekspedisi generasi bebas jenayah, pesta sukan dan rekreasi belia kebangsaan, program perkasa, remaja FELDA dan Program Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM), Jelajah FELDA Wilayah.

Selain itu, pihak FELDA sendiri turut melaksanakan pelbagai program bersepadu dalam mengukuhkan pembangunan insan dan mengurangkan gejala sosial dengan memberi penekanan bukan sahaja dalam bidang keagamaan malah juga dalam bidang lain seperti latihan kemahiran, keusahawanan dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 315 buah majlis belia tempatan yang berdaftar di FELDA dan dipantau serta diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Majlis Belia Malaysia dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY). Fungsi Majlis Belia Malaysia adalah seperti berikut iaitu:

- (i) untuk melahirkan *one stop center*, satu pusat generasi baru di setiap FELDA Wilayah;
- (ii) menjadi keutamaan sebagai saluran dan wadah komunikasi generasi baru FELDA;
- (iii) menggalas tanggungjawab mempertahankan persekitaran yang harmoni, sejahtera di dalam rancangan FELDA;
- (iv) melahirkan kepimpinan berteraskan semangat berbudaya, berilmu dan berketerampilan; dan
- (v) menjadi pemacu dalam merealisasikan hasrat membangunkan potensi generasi baru FELDA.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh mengenai Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN). Fungsi MPBN ini adalah untuk bertindak sebagai badan perunding dalam hal yang berhubung dengan pembangunan belia. Tugas dan peranan MPBN ini adalah seperti berikut:

- (i) untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan program pembangunan kepimpinan dan pengurusan organisasi belia;
- (ii) membincangkan isu dan masalah yang dihadapi dalam proses pembangunan belia pada semua peringkat;
- (iii) meneroka dimensi baru dalam agenda pembangunan belia selaras dengan senario perubahan semasa;

- (iv) untuk melahirkan pelan tindakan bagi menangani sebarang isu pembangunan belia daripada kemelesetan ekonomi semasa; dan
- (v) untuk memperkukuh dan mempertingkatkan lagi hubungan antara pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan dan Pertubuhan Belia serta agensi kerajaan dalam usaha melahirkan belia Malaysia yang dinamik dan berdaya saing.

Untuk makluman Yang Berhormat ahli MPBN ini tidaklah disediakan dengan emolument ataupun gaji upah oleh kementerian. Sebaliknya mereka cuma diberikan elaun kehadiran sebanyak RM300 berserta kemudahan penginapan dan makan minum semasa perundingan dijalankan.

Secara dasarnya MPBN memainkan peranan yang amat besar dalam perencanaan, pemantauan, pelaksanaan dan penilaian program-program serta pendekatan-pendekatan pembangunan belia sekali gus menentukan hala tuju pembangunan belia negara.

Seterusnya di antara inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kementerian dalam memastikan penglibatan belia sebagai pengundi adalah menerusi kerjasama NGO seperti Majlis Belia Malaysia bagi memastikan ahli dari semua badan gabungannya menjadi pengundi. Untuk makluman juga seramai 15 orang ahli MBN peringkat kebangsaan dan 21 orang peringkat negeri telah dilantik sebagai Penolong Pendaftar SPR di seluruh negara.

Di samping itu, KBS juga bekerjasama dengan pihak SPR untuk membuka kaunter pendaftaran di kebanyakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Menyentuh mengenai industri sukan, *sports industry*...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak bertanya lebih lanjut mengenai program belia ini, saya hendak menyampaikan dulu hasrat daripada rakan-rakan Dewan Negara yang rasanya ingin mencurahkan perasaan hampa, kecewa dan merana. Ini kerana apabila sudah sampai ke 17 kementerian kita hanya ada seorang sahaja Menteri yang timbul pada hari ini... [*Tepuk*] Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik yang telah sudi datang pada hari ini. *I guess this is only..., one and only* yang datang bagi pihak Menteri yang menjenguk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat ke belakang ya. Ada lagi Kementerian Sumber Manusia yang sedia menjawab.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya baru cakap tadi yang ke-17 setakat ini. Yang ini belum lagi ya... [*Ketawa*] Terima kasih kepada Menteri Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Namun saya harap walau kita sudah dikatakan sebagai *upper* – sebagai Dewan tertinggi akan tetapi nampaknya menteri-menteri nampak kita ini macam sepi, macam *second class* punya Dewan Negara. Maka saya berharap di masa akan datang supaya menteri-menteri melihat sedikit tentang kehadiran mereka di dalam Dewan Negara.

Walau bagaimanapun, saya ingin bersama pada hari ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang telah sempat menelefon saya dan minta supaya disampaikan salam kepada Dewan Negara. Setidaknya ada jugalah hormatnya kepada Dewan Negara kerana beliau sekarang berada di Melaka menjalankan tugas rasminya di sana.

Di sini saya hendak bertanya kepada kementerian setakat hari ini dengan kuota yang diberitahu tadi, bahawa sudah ada 15 MBN yang dilantik sebagai yang *check* pengundi tadi, 21 negeri. Setakat hari ini berapakah pengundi baru yang terdiri daripada belia-belia yang telah dilantik, yang telah didapati daripada Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

**Tuan Gan Ping Siew:** Terima kasih atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Minta maaf saya tidak ada maklumat secara terkini berkaitan dengan berapa orang belia telah mendaftar sebagai pengundi melalui Penolong Pendaftar SPR yang dilantik oleh MBN dan di peringkat negeri. Saya akan cuba mendapatkan maklumat terkini dan secara bertulis untuk diserahkan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan industri sukan. Dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan *National Key Economic Area* (NKEA) dan Model Ekonomi Baru ke arah menjadikan Malaysia ekonomi berpendapatan tinggi, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif melaksanakan *Ministerial Key Economic Area* (MKEA), makmal industri sukan pada tahun 2010 iaitu pada masa bulan September dan bulan Oktober 2010 yang melibatkan seramai 30 orang penggerak industri sukan daripada sektor-sektor swasta dan kerajaan.

Hasil daripada makmal tersebut telah mengenal pasti 15 inisiatif yang mustahak dalam bidang produk, infrastruktur dan perkhidmatan untuk dilaksanakan bagi merangsang penjanaan ekonomi melalui industri sukan di Malaysia. Hala tuju dan objektif sukan sebagai satu industri adalah bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui perniagaan berorientasikan sukan dan bukannya tertumpu kepada pencapaian atlet-atlet Malaysia di dalam sesuatu pertandingan. Akan tetapi mempunyai potensi yang lebih besar dalam penjanaan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan dalam ekonomi negara. Menjelang tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan menasaknkan supaya pembangunan industri sukan ini akan dipacu sepenuhnya oleh sektor swasta dan persatuan sukan tidak lagi begitu bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan untuk menganjurkan *tournaments* ataupun kejohanan-kejohanan sukan.

Pada masa yang sama, industri sukan akan dilihat sebagai salah satu penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Dalam hal ini peranan kementerian akan lebih menumpu sebagai fasilitator dalam memajukan industri sukan berbanding peranan tradisi sebagai agensi pelaksana pada masa ini.

■1820

Selain daripada menyumbangkan kepada peningkatan KDNK negara, pembangunan sukan juga akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

Melahirkan lebih ramai usahawan sukan dan menjadikan sukan sebagai suatu kerjaya yang lebih terjamin. Berdasarkan kajian impak penganjuran sukan yang telah dilaksanakan dengan kerjasama pasukan penyelidik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2010.

Kementerian mendapati bahawa sumbangan sukan kepada KDNK pada tahun 2009 adalah berjumlah RM30.2 bilion iaitu 4.44 peratus daripada KDNK negara dengan purata RM30 bilion setahun bagi tempoh 2005 sehingga tahun 2009. Manakala jumlah tenaga manusia ataupun buruh dalam industri berkaitan sukan adalah melebihi 112,000 pada tahun 2009. Statistik ini memperlihatkan bahawa industri sukan mempunyai potensi besar untuk dimajukan dan diperkembangkan.

Menyentuh soalan berkaitan program Road to London 2012 atau RTL 2012, selain harapan diberikan kepada Datuk Lee Chong Wei untuk meraih pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik London 2012 tahun hadapan, beberapa atlet elit dalam program ini turut berpotensi dalam jangkauan yang boleh menyumbang pingat emas untuk negara berdasarkan prestasi dan pencapaian semasa mereka. Antaranya ialah pasukan badminton beregu lelaki Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong, saudara Mohd Azizulhasni Awang – lelaki berbasikal trek dan juga Pandelega Rinong dalam 10 meter platform individu wanita akuatik terjun.

Oleh yang demikian kementerian telah mengambil langkah serta perancangan yang tersusun sejak tahun 2009 bagi memastikan atlet-atlet ini dapat menyertai kejohanan peringkat antarabangsa yang secukupnya dan memastikan prestasi mereka di tahap yang terbaik sehingga ke Sukan Olimpik London 2012. Berkaitan persoalan bola sepak pula...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah sedikitlah. Saya hendak tahu juga acara lain yang bakal diserapkan dalam projek Road to London 2012 ini kerana selain daripada acara yang disebutkan tadi saya rasa acara memanah ini sudah semakin merosot dan khabarnya bakal digugurkan. Bagaimana pula dengan boling padang?

Kemudian apakah rancangan dengan melobi sukan skuasy sebagai acara tetap Olimpik? Kita punya potensi besar dalam sukan ini di mana kita ada Nicol David, Ong Beng Hee dan juga Azlan Iskandar. Satu lagi bagaimana dengan mutu sukan tenis yang semakin suram? Sejak jaguh tempatan Adam Malik bersara, dianya semakin suram dan siapa sandaran kita sekarang ini?

Jikalau boleh saya tambah sedikit..., *not, in Olympic is a normal* - biasa takraw. Takraw kita ini agaknya setakat mana kejayaan sukan takraw kita ini di peringkat antarabangsa? Sering kali kita kalah dengan Thailand dan *in fact* China, Korea Selatan dan USA, orang yang kita pernah ajar satu ketika dahulu. Zaman dahulu kita ada Adnan Saidin yang hebat dengan lipatan maut dan juga regu emas kita menjadi sejarah. Kini Thailand terus hebat sejak daripada zaman Pakdee dengan servis kuda kencangnya walaupun kita pernah membantah. Saya hendak tanya sama ada tidakkah kementerian ada rasa hendak bawa orang-orang Thailand ini untuk menjadi jurulatih ke Malaysia.

Begitu juga dengan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia, saya rasa pegawai dengan atletnya sering sangat bergaduh, bertelingkah sehingga tidak ada langsung kemajuan. Atlet yang hendak ke peringkat ASEAN pun teruk juga. Jadi saya juga haraplah supaya dapat perkara ini ditimbang, ditengok balik bukan sahaja setakat Olimpik keseluruhan sukan ini ditengok kembali untuk diperbaiki mutu sukan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Gan Ping Siew:** Terima kasih dan sungguh baiknya nasihat dan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator. Di antara beberapa jenis acara sukan yang telah dibangkitkan sebentar tadi termasuk memamah, boling, skuasy, tenis dan sepak takraw. Mungkin yang saya dapat jawab sebahagiannya ialah biar saya mulai dengan sepak takraw.

Sepak takraw dalam Sukan Asia Doha ataupun Sukan Asia Guangzhou 2010, kita cuma hanya dapat berjaya memenangi pingat perak dan kementerian juga Majlis Sukan Negara mendapati bahawa Thailand, begitu juga negara China sudah semakin maju dalam bidang sepak takraw. Oleh itu mulai 1 April 2011, pihak Persekutuan Sepak Takraw Malaysia telah memutuskan untuk mengambil tenaga jurulatih import dari luar negara iaitu dari Thailand untuk membantu kita membangunkan atau memajukan sepak takraw dan dua orang jurulatih dari Thailand tersebut akan dilantik sebagai juru perunding sukan sepak takraw bagi tahun ini iaitu jurulatih yang berwibawa yang bernama Prawit Indra dan 'Thawit Wongkliong' yang ditugaskan untuk melatih pasukan elit kebangsaan dan juga pasukan pelapis selama dua tahun iaitu mulai tahun ini sehingga 2013.

Berkaitan dengan *Road to London* ataupun sukan-sukan Olimpik, sukacitanya saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Sukan Olimpik ini cuma menetapkan 28 jenis sukan. Dia tidak akan melebihi daripada 28 sukan misalannya di antara 28 sukan ini, proses untuk melobi sama ada satu sukan boleh masuk dalam sukan-sukan Olimpik ini - kalau sesuatu sukan hendak masuk dalam Sukan Olimpik ini maksudnya ada sukan lain terpaksa digugurkan. Jadi oleh sebab itu cuma pada tahun hadapan *Road to London*, Sukan Olimpik di London ini ada luar biasa sedikit di mana cuma 26 jenis sukan akan dipertandingkan.

Dukacitanya hendak dimaklumkan juga, sukan skuasy ini walaupun pertubuhan kebangsaan, pertubuhan antarabangsa telah banyak kali berusaha melobi untuk menceburi dalam Sukan Olimpik untuk 2012 tetapi sukan skuasy ini tidak dimasukkan dan dalam keputusan dua-tiga tahun dahulu dalam Sukan Olimpik 2016 sukan skuasy itu tidak dimasukkan. Sukan yang dapat diganti ialah ragbi dengan golf. Walau bagaimanapun kementerian dan Majlis Sukan Negara telah dimaklumkan, *International Olympic Council* akan memberi pertimbangan untuk memasukkan skuasy ini sebagai salah satu sukan yang akan dipertandingkan dalam tahun 2020.

Tengoklah pada masa itu sebelum ini usaha-usaha melobi seharusnya dijalankan dan memandangkan sukan skuasy ini sudah semakin popular serta semakin naik taraf dan juga dianggap sebagai satu sukan yang *combative* dan hebat, lebih ramai orang main. Di antara pertubuhan-pertubuhan kebangsaan yang saya masih ingat ialah melebihi 100 buah negara telah mengadakan pertubuhan kebangsaan masing-masing.

Oleh sebab itu kementerian yakin sukan skuasy ini akan menjadi salah satu sukan yang mungkin akan dimasukkan dalam Sukan Olimpik 2020.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, akan datang pemain golf akan diketengahkan dalam Sukan Olimpik. Apakah langkah kementerian hendak menantikan sukan 2016 itu? *It is a very short time* dengan izin, langkahnya pendek. Jadi apakah langkah-langkah kementerian hendak mencari pemain golf profesional supaya dapat dididik daripada sekarang untuk mendapat, meraih kejayaan di Olimpik yang akan datang? Terima kasih.

**Tuan Gan Ping Sieu:** Buat sementara ini saya belum menjawab soalan yang berkaitan dengan boling dan memanah. Boling bukanlah salah satu sukan dalam senarai Sukan Olimpik. Oleh sebab itu boling khasnya *lawn bowl* masih bukan satu sukan yang begitu popular di seluruh dunia.

■1830

Oleh sebab itu, pada masa yang akan datang sama ada *lawn bowl* atau boling akan dijadikan Sukan Olimpik, nasibnya itu nampaknya begitu cerah. Memanah adalah di antara program *Road to London* di mana kementerian sehingga kini telah menyenaraikan sebanyak tujuh jenis sukan sahaja dan 77 orang atlet elit telah dipilih masuk ke program *Road to London 2012*. Program *Road to London 2012* ini merupakan satu program khas yang kali pertama diadakan dengan sasaran memenangi pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik. Buat sementara ini, sebagaimana saya sebut tadi, cuma tujuh jenis sukan dan 77 orang atlet telah dipilih untuk menyertai program ini. Di antara sukan-sukan ini termasuklah badminton, basikal, akuatik, memanah, menembak, bola sepak lelaki dan hoki lelaki.

Kementerian memang sedar bahawa prestasi memanah ini agak merisaukan. Walaupun sukan memanah dikatakan mengalami kemerosotan prestasi dan ada khabar kata ia bakal digugurkan, tetapi Jawatankuasa Pemandu *Road to London 2012* ini masih memberi peluang kepada pasukan memanah untuk meningkatkan kembali prestasi mereka. Itu adalah mustahak sebab prestasi sukan ini akan juga dipantau dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pemandu ini sebelum membuat keputusan sama ada meneruskan pemberian bantuan atau sebaliknya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini bukan bermaksud atlet-atlet lain yang mungkin layak dalam Sukan Olimpik tidak akan diberi peluang untuk menyertai Program *Road to London*. Itu semua bergantung kepada prestasi. Sekiranya ada atlet lain dalam sukan lain lebih layak untuk menyertai Sukan Olimpik, mereka juga akan diberi peluang untuk menyertai Program *Road to London* juga.

Persatuan Tenis Amatur Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negara telah melaksanakan beberapa program pembangunan di peringkat akar umbi seperti pertandingan dan sebagainya. Pertandingan seperti *Sport Excel*, Sirkuit Kebangsaan serta pertandingan terbuka atau *open tournament* dan program pembangunan jurulatih dalam usaha untuk membangunkan mutu tenis negara.

Persatuan Tenis Amatur Malaysia juga ada menghantar atlet-atlet kebangsaan untuk menjalani latihan di luar negara seperti di Albert Portas Tennis Academy di Barcelona, Sepanyol serta juga peluang-peluang pendedahan dalam pertandingan-pertandingan di luar negara.

Selain itu, para atlet negara juga berkesempatan untuk mengambil peluang berlatih dan juga bermain bersama pemain profesional di Kejohanan Terbuka Malaysia pada tahun 2010 lalu yang dianjurkan oleh Persatuan Tenis Amatur Malaysia sendiri. Sehingga kini, kita mempunyai beberapa orang atlet yang berpotensi untuk didedahkan di peringkat luar apabila Persatuan Tenis Amatur Malaysia memulakan pelaksanaan program latihan atlet kebangsaan mulai tahun ini. Di antaranya adalah seperti pemain lelaki, Si Yew-Meng, Syed Mohd Agil Syed Naguib, Hanifah Mohamadrahizam dan untuk pemain wanita pula, kita ada Jawariah Noordin, Theiviya Selvarajoo.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akademi Tenis Antarabangsa Babolat di Jalan Duta yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 19 April 2011 baru-baru ini, diharap akan mampu untuk melahirkan bakat-bakat tenis tempatan yang akan bertanding ataupun menyaingi pemain-pemain Asia dari Thailand, India, China dan Jepun yang telah membuktikan kehebatan mereka di Jelajah ATP iaitu Asian Tennis *Pro Tour* mahupun di *World Tennis Assosiation*. Berkaitan dengan soal sukan golf, izinkan saya menjawab sebentar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan jawapan penggulungan saya berkaitan dengan sukan bola sepak. Sememangnya kejayaan menjuarai kejohanan Piala AFF Suzuki 2010 lalu telah mencetuskan satu fenomena baru khususnya kepada peminat bola sepak Malaysia. Selepas kejayaan tersebut, kita dapat lihat ramai rakyat negara kini kembali berminat untuk menyokong pasukan bola sepak kebangsaan sehingga jersi pasukan bola sepak kebangsaan pula sama ada kuning atau biru dijadikan trend pakaian harian tanpa mengira kaum ataupun tempat. Ternyata fenomena tersebut juga telah berjaya menarik minat kembali rakyat tempatan ke stadium-stadium bagi menyokong pasukan-pasukan yang beraksi di dalam liga bola sepak Malaysia musim ini.

Justeru, bagi memartabatkan lagi sukan bola sepak, kementerian telah pun merancang beberapa program pembangunan bola sepak khususnya di peringkat akar umbi seperti Liga Bolasepak 1Malaysia-Cardiff City iaitu liga bola sepak remaja bawah 12 tahun, 14 tahun dan 16 tahun yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Selain itu, kementerian akan melaksanakan Program MyKid Soccer yang mirip kepada pelaksanaan program latihan bawah umur 12 tahun yang dilaksanakan di kelab-kelab di Everton, Cardiff, Jepun dan Australia. Kesenambungan daripada program ini, penganjuran Kejohanan Champion of Champions yang menghimpunkan juara-juara kejohanan peringkat umur bawah 12 tahun di seluruh negara serta empat pasukan daripada Program MyKid Soccer yang akan bermain secara karnival selama enam hari dalam memastikan pembangunan di peringkat akar umbi diberi perhatian dan galakan yang sewajarnya.

Sukacitanya dimaklumkan juga, kita seharusnya berbangga dengan pelantikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kerana Tuanku telah dilantik sebagai Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia (AFF) semasa Kongres AFF di Bangkok, Thailand pada 10 April 2011 lalu.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak ucapkan tahniah juga di atas pelantikan Tuanku Sultan Pahang sebagai Presiden baru-baru ini. Saya juga hendak tahu, *with that* pelantikan dengan izin, adakah kementerian juga bercadang agar Liga Super dan juga Liga Perdana tempatan dibuka semula kepada pemain asing dan jurulatih asing untuk datang bermain di liga tempatan? Ini kerana saya nampak ini boleh memberi impak positif pada perkembangan bola sepak negara.

**Tuan Gan Ping Siew:** Terima kasih atas makluman dan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator. Sebenarnya sama ada pemain import dan jurulatih import seharusnya diguna pakai adalah satu soalan yang mustahak untuk membangunkan bidang sukan bola sepak. Berkaitan dengan soal jurulatih, kementerian telah difahamkan mulai musim 2011 iaitu tahun ini, tiada lagi ada apa-apa halangan untuk mengguna pakai jurulatih yang berwibawa, berkemahiran dan berkepakaran untuk bertugas atau melatih atlet-atlet bola sepak di negara kita.

#### ■1840

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejauh mana yang saya difahamkan bahawa negara Sabah dan Sarawak dalam musim ini telah mengadakan jurulatih luar negara. Berkaitan dengan pemain import, FAM telah mengadakan larangan pemain import sejak 2009 sehingga 2011. Baru-baru ini Persatuan Bola Sepak Malaysia secara dasarnya telah membayangkan bahawa akan membenarkan pemain-pemain import bermain di liga tempatan kita mulai musim depan.

Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa *ad hoc* telah ditubuhkan untuk bermesyuarat dan saya difahamkan pada penghujung bulan ini jawatankuasa *ad hoc* ini akan bermesyuarat untuk memperhalusi peraturan-peraturan yang munasabah dan sesuai untuk tujuan mengimport pemain-pemain daripada luar negara. Selepas satu keputusan telah dibuat oleh jawatankuasa *ad hoc* ini, barulah perkara ini akan dibawa kepada mesyuarat Exco FAM untuk membuat keputusan lanjutannya.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Mudah-mudahan kementerian bersetuju bahawa untuk meningkatkan lagi dan untuk memajukan lagi bidang sukan bola sepak dengan adanya pemain import adalah sesuatu yang positif dan seharusnya dipandang dengan lebih positif.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya adalah mengenai pembangunan atlet pelapis seperti sukan badminton sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah. Kementerian menyedari bahawa terdapat jurang prestasi ataupun ranking yang dilihat begitu ketara antara atlet elit negara dengan atlet pelapis umpamanya Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol Ann David yang menyandang gelaran nombor satu dunia.

Program pelapis yang diwujudkan di peringkat kebangsaan serantau dan negeri sejak tahun 2007 adalah antara usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet yang berbakat dan berpotensi pada satu hari nanti untuk mewakili negara dan seterusnya mengharumkan nama Malaysia di pertandingan antarabangsa.

Pada tahun 2010, seramai 34 atlet daripada Program Pelapis Kebangsaan dimasukkan ke dalam program latihan atlet elit manakala pada tahun 2011 disasarkan seramai 30 orang atlet pelapis kebangsaan untuk diserapkan ke program latihan atlet elit. Tuan Yang di-Pertua...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu bagaimana agaknya BAM melayan dan mengeksploitasi pemain yang berstatus profesional dan di bawah Nusa Mahsuri ataupun KLGCC umpamanya Hafiz Hashim, Wong Chun Han yang mempunyai potensi untuk layak ke Olimpik 2012. Apakah jenis bantuan, bimbingan dan juga *support* yang BAM berikan kepada mereka ini dan adakah latihan bersama dan bantuan mencari penaja? Terima kasih.

**Tuan Gan Ping Sieu:** Terima kasih atas soalan yang dibawa sebentar tadi. Saya minta maaf tidak dapat bagi makluman yang terkini. Saya minta maaf dan saya akan bagi jawapan secara bertulis selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui jawatankuasa bersama Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi telah mewujudkan jalinan kerjasama yang strategik dalam memastikan negara kita tidak ketandusan atlet-atlet pelapis yang berbakat. Melalui jawatankuasa ini, program latihan atlet secara bersepadu dapat dilaksanakan oleh ketiga-tiga agensi iaitu Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara, KPM melalui Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum dan KPT melalui bahagian sukan dan seterusnya dapat mengelakkan pertindihan tugas serta pembaziran kewangan.

Sebanyak sembilan jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk menyelaraskan program latihan atlet untuk kesemua peringkat termasuklah program-program pembangunan atlet-atlet pelapis yang suatu hari nanti bakal menggantikan tempat atlet-atlet elit yang sedia ada bagi meneruskan kecemerlangan sukan negara di peringkat antarabangsa. Menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohammad Olian bin Abdullah mengenai pembangunan sukan golf dengan jawab soalan yang dibawa Yang Berhormat Senator sebentar tadi, dimaklumkan bahawa program pembangunan sukan golf telah dijalankan secara bersepadu bersama Persatuan Golf Malaysia (MGA). Pada tahun 2002, kementerian telah memperkenalkan program *attachment* hasil dari kejayaan pasukan lelaki negara meraih pingat emas di temasya Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur. Pemain golf lelaki Ben Leong dan pemain golf wanita negara iaitu Ainil Johan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat agaknya isu, perkara ini Yang Berhormat Menteri semalam sudah menjawab panjang lebar sukan golf ini. Masuk topik yang lain. Agak semua Yang Berhormat sudah dengar semalam. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Gan Ping Sieu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya hendak jawab satu peringkat iaitu berkaitan sukan golf secara amnya - sukan golf ini juga telah disenaraikan dalam Program Latihan Atlet Majlis Sukan Negara, antaranya Program Gemilang 2001 dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga kementerian telah mengambil inisiatif. Rasanya ini mungkin belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semalam ialah kementerian telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Akademik Kemahiran Belia Golf bagi membangunkan kerjaya belia di dalam industri golf.

Sebagai program perintis kursus kedi selama enam bulan telah diperkenalkan bermula pada Mac tahun ini dan latihan amali dan teori menggunakan lapangan sedia ada dan juga *driving range* dengan izin, yang terdapat di kelab golf perkhidmatan awam. Seramai 53 orang pelatih sedang mengikuti kursus tersebut dan kementerian menerima sambutan yang begitu menggalakkan daripada kelab-kelab golf di mana kesemua pelatih yang baru menjalankan latihannya tidak sampai dua bulan, kesemua pelatih yang sedang mengikuti latihan ini telah pun di tempah, *fully booked* untuk bekerja di kelab-kelab golf antaranya Kelab Golf Awana Genting dan KPG. Inilah merupakan prestasi yang begitu menggalakkan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya hendak tahu apakah kriteria untuk melayakkan seorang untuk dapat mengikuti kursus sebagai kedi kawasan yang kementerian adakan tadi ini?

**Tuan Gan Ping Sieu:** Kriteria?

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Kelayakan seseorang yang bolehkan dia mengikuti kursus sebagai kedi di akademi yang dibuatkan oleh kementerian.

**Tuan Gan Ping Sieu:** Minta maaf itu saya tidak mengetahui... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah sebab Yang Berhormat pergilah ke topik lain. Golf ini sudah dari semalam sudah bincang, cukuplah! [*Ketawa*] Cukup, cukup, cukup! *Go to the next point.*

**Tuan Gan Ping Sieu:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini sahaja maklum balas jawapan saya ke atas usul yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam hal ehwal pembangunan belia dan sukan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah kita pergi kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya mengalu-alukan kehadiran seorang Menteri dalam waktu sekarang ini pun sanggup datang. Syabas saya ucapkan Yang Berhormat.

**6.49 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan di mana-mana Dewan adalah tanggungjawab seorang Menteri... [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat fasal apa Yang Berhormat, dalam waktu sekarang bila Menteri datang agaknya jawapan itu kemas merangkumi dan saya fikir siapa-siapa hendak tanya, *you have the capacity*, dengan izin. Sila Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan telah menyentuh tentang beberapa bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia.

■1850

Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berkenaan gaji rendah di negara kita dan proses-proses yang sedang dilaksanakan untuk melaksanakan gaji minimum di negara kita. Saya menerima pandangan bahawa gaji di Malaysia di beberapa bidang ini masih rendah khasnya kajian telah menunjukkan bahawa 3.4 peratus daripada pekerja-pekerja di dalam negara kita menerima gaji yang kurang daripada RM700 dan 40 peratus menerima gaji yang kurang daripada RM1,500 dan ada banyak sebab untuk mengapa perkara ini berlaku. Apabila kita lihat kepada kenaikan gaji di dalam sepuluh tahun yang berterusan kebelakangan ini, kadar kenaikan gaji ialah lebih kurang 2.9 peratus yang telah diumumkan oleh Bank Dunia. Kalau ini dibandingkan dengan kos kehidupan, memang kalau dibandingkan sepuluh tahun dahulu dan pada masa sekarang apa yang boleh dipanggil *disposable income* yang ada di dalam kalangan pekerja sudah turun kepada satu tahap yang memang membimbangkan. Pada masa yang sama kalau kita mengambil kira gaji dengan membuat perbandingan dengan produktiviti pekerja dan keuntungan yang dicapai oleh majikan memang ini pun tidak selaras.

Itulah sebab dengan kesedaran bahawa gaji di negara kita rendah dan kuasa pasaran tidak memainkan peranan untuk menentukan kadar kenaikan gaji seperti yang diharapkan oleh pihak majikan dan pihak rakyat, kerajaan telah membuat keputusan mungkin sudah sampai ke satu masa di mana kerajaan mesti ada satu sistem gaji minimum dan asas kepada prinsip itu kerajaan telah membuat keputusan bahawa kita mengadakan gaji minimum dan langkah-langkah sedang diambil pada masa sekarang untuk melaksanakan ini di satu jangka masa yang pendek. Apa yang sudah dilakukan oleh kerajaan sampai masa sekarang, kita telah mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* iaitu pihak majikan dan pihak pekerja dan telah menggunakan kepakaran yang ada di bawah Bank Dunia yang telah membantu beberapa negara untuk menetapkan gaji minimum dan proses pelaksanaannya dan dengan maklumat yang telah dikumpul asas kepada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan oleh semua pihak ini.

Sekarang kerajaan di dalam proses untuk menggubal satu akta iaitu Akta Kebangsaan Gaji Minimum di dalam negara kita dan harapan kita ialah di dalam sesi Parlimen yang akan datang, akta ini akan dibentangkan dan kalau diluluskan, akta ini akan memberi kuasa untuk kerajaan yang sebelum ini tidak mempunyai untuk menentukan gaji di dalam sektor swasta.

Di dalam proses ini memang kerajaan akan menghadapi pelbagai jenis masalah. Salah satu daripadanya ialah bukan semua pihak yang bersetuju supaya kerajaan mengambil peranan atau memainkan peranan untuk menentukan kadar gaji di dalam sistem kita.

Itu satu perkara khasnya di peringkat majikan kerana peringkat majikan masih di dalam pandangan bahawa gaji ialah satu perkara, satu alat ekonomi yang mesti ditentukan oleh apa yang dikatakan kuasa pasaran. Akan tetapi pada sebelahnya seperti apa yang saya terangkan tadi, kita sudah membenarkan kuasa pasaran untuk menentukan gaji untuk satu jangka masa yang lama dan di dalam apa yang kita sudah sedar ialah kuasa pasaran tidak memainkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh kuasa pasaran di dalam proses menentukan gaji dan dengan menerima pandangan itu, kerajaan sedang memutuskan dan di dalamnya kita akan berjaga-jaga di dalam proses untuk melaksanakannya.

Kalau kadar yang ditetapkan itu ialah pada satu kadar yang tinggi, dia boleh mempunyai kesan yang buruk kepada ekonomi negara kita daripada segi mengurangkan persaingan negara untuk mendatangkan pelaburan baru ke dalam negara kita, itu nombor satu. Nombor dua, ada keupayaan untuk mengurangkan peluang-peluang kerja. Ada pengalaman di negara-negara yang lain seperti di negara Australia di mana semasa mereka melaksanakan gaji minimum, satu daripada impaknya ialah pengangguran yang berlaku khasnya kepada golongan-golongan yang boleh dikatakan golongan-golongan yang *vulnerable*, mereka yang mempunyai kemahiran yang rendah, mereka yang OKU dan sebagainya di mana mereka menghadapi kesusahan di dalam pasaran baru kerja itu untuk mendapat kerja. Oleh itu kadar yang ditetapkan mestilah satu kadar yang tidak akan mempunyai kesan-kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi, tidak mempunyai kesan-kesan yang negatif kepada kebolehan untuk menambahkan peluang-peluang pekerjaan pada masa yang sama memberi satu gaji yang munasabah dengan kos kehidupan yang ada pada masa itu.

Itu ialah satu tanggungjawab yang besar kepada kerajaan dan kerajaan sedang mengambil segala langkah untuk mengumpul segala butiran yang diperlukan daripada pakar-pakar ekonomi di dalam negara kita dan daripada bidang antarabangsa supaya ini akan menjadi asas untuk bantu kita di dalam proses menentukan apa kadar yang sesuai dan ini daripada kadar yang sesuai daripada sektor, kadar yang sesuai daripada wilayah dan adakah kita boleh menentukan satu kadar kebangsaan. Adakah itu lebih baik daripada kadar sektoral dan sebagainya. Beberapa isu yang akan dijawab dan kena dijawab sebelum kita boleh memutuskan satu kadar yang sesuai dan tetap untuk negara kita...

**Dr. Syed Husin Ali:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Soal gaji, pendapatan memang soal yang serius dan seperti yang disebutkan tadi ada kaitannya juga dengan taraf ilmu dan juga kemahiran. Apakah yang sedang diusahakan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf ilmu dan kemahiran di kalangan tenaga kerja kerana perkara ini seperti pendapatan yang disebut tadi ada kaitan yang serius dengan *middle income trap*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf kemahiran dan pencapaian di kalangan tenaga kerja semasa saya bincang tentang isu-isu kemahiran. Di dalam menetapkan gaji, satu perkara yang akan diberi tumpuan ialah bahawa daripada melaksanakannya, produktiviti akan meningkat dan ini akan membantu di dalam meningkatkan lagi pencapaian di dalam ekonomi negara kita. Selepas akta ini sudah diterima di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan sudah diwartakan, kerajaan akan menubuhkan satu majlis dan majlis ini akan mempunyai kuasa untuk menentukan kadar yang sesuai dan ini akan dicadangkan kepada kerajaan dan kerajaan akan menentukan kadarnya sebelum diumumkan supaya dilaksanakan.

Kita berharap melalui langkah ini, pekerja-pekerja di Malaysia akan mendapat gaji yang munasabah dengan kerja yang dibuat oleh mereka selaras dengan kos kehidupan yang ada pada masa itu. Akan tetapi saya kena terangkan bahawa kenaikan gaji atau gaji minimum bukan satu langkah untuk mengurangkan kadar kemiskinan atau menurunkan kadar kemiskinan di dalam satu-satu negara kerana kemiskinan adalah satu perkara yang mempunyai aspek yang pelbagai dan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, apa yang diperlukan ialah intervensi daripada kerajaan daripada beberapa segi khususnya daripada segi kebajikan, pembangunan, keupayaan, pendidikan dan sebagainya.

■1900

So, itu ialah satu perkara yang lain. Ada orang yang di dalam persefahaman bahawa kadar gaji yang diumumkan mestilah selaras supaya ia lebih daripada paras kemiskinan. Mungkin ia lebih atau mungkin ia kurang. Itu akan dibuat selepas kajian sahaja tetapi di semua tempat di dunia ini, isu kemiskinan ditangani secara lain dan isu gaji minimum ditangani secara lain. So, perkara ini mesti dipisahkan dan kita di dalam satu persefahaman bahawa gaji minimum ialah satu alat yang akan digunakan untuk membasmi kemiskinan kerana isu-isu yang berkaitan dengan kemiskinan ialah perkara yang lain. Kerajaan memang sudah membuat satu keputusan yang tetap di dalam hal ini. Saya berharap sebelum hujung tahun ini, satu keputusan akan dibuat...

**Tuan Khoo Soo Seang:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Dan melalui mana isu kadar gaji yang rendah di dalam negara kita boleh diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, masalah gaji minimum itu. Pada saya mungkin bukan sahaja orang menerima gaji yang rendah, manfaat bahkan dia akan ada kesan pada semua lapisan gaji. Walaupun oleh kerana kalau gaji saya rendah, gaji saya dinaikkan, kemudian orang yang gajinya lebih daripada saya, mungkin saya punya gaji akan sama dengan orang lain dan dia punya gaji pun juga dinaikkan. Akhirnya, semua orang terlibat. Adakah ini mempunyai impak kepada ekonomi negara? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, itu ialah satu pandangan yang benar dan dalam segi praktikalnya, mungkin itu pun akan berlaku. Akan tetapi apabila kita menetapkan gaji yang minimum itu, tidak semestinya kita mewajibkan peringkat-peringkat yang lain pun menaikkan gaji itu bukan daripada segi peruntukan atau perundangan di dalam sistem kerajaan. Akan tetapi di dalam pengamalan, itulah satu perkara yang mungkin berlaku.

Oleh itu, saya sudah menerangkan tadi bahawa implikasi ke atas ekonomi, implikasi ke atas kos membuat *business* ialah perkara-perkara yang akan diambil semasa kita menetapkan satu kadar yang sesuai untuk ke negara kita. So, di dalam perbincangan tadi, apa yang saya mahu jelaskan bahawa walaupun ramai orang yang cakap tentang isu gaji minimum tetapi apa yang kita perlu sedar ialah implikasinya daripada pelbagai segi. Kalau itu boleh difahami, maka beban ke atas kerajaan dan apakah langkah-langkah yang sepatutnya kerajaan ambil untuk memastikan bahawa keputusan kerajaan ini ialah keputusan yang baik dan tidak akan menjejaskan rakyat atau ekonomi kita di dalam mana-mana segi. Itu ialah perkara yang kita sedang memberikan tumpuan.

Selain daripada itu, isu yang telah disentuh ialah tentang isu pembantu rumah. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam isu pembantu rumah ialah daripada pembekalan dan daripada pembantu rumah yang melarikan diri dan isu-isu berkenaan dengan penganiayaan yang telah dibuat ke atas pembantu rumah. Di dalam isu pembekalan pembantu rumah, kebanyakan daripada pembantu rumah yang datang ke negara kita adalah daripada negara Indonesia. Daripada 280,000 orang pembantu rumah yang ada di negara kita pada satu tahun atau dua tahun yang lalu, lebih 90 peratus sehingga 80 peratus adalah dari Indonesia.

Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu, dua tahun dahulu, kerajaan Indonesia telah membuat keputusan untuk membekukan pembekalan pembantu rumah kerana beberapa insiden yang telah berlaku di dalam negara kita. Semasa itu, mereka telah mensyaratkan beberapa perkara di dalam perbincangan awal kita, kita tidak mendapat satu keputusan bersama tentang isu-isu yang telah dibangkitkan itu. Akan tetapi baru-baru ini selepas saya telah mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri Transmigrasi dan Tenaga Kerja di Indonesia, di dalam beberapa isu yang telah dibangkitkan, kita sudah mencapai pandangan sepakat. Kita di dalam proses untuk menghalusi apa yang telah dibincangkan supaya satu perjanjian bersama atau *Memorandum of Understanding*, boleh ditandatangani sebelum bulan Mei ini. Selepas itu, pembekuan yang telah dibuat sebelum itu akan ditamatkan dan ini akan membuka semula peluang supaya pembantu rumah dari Indonesia boleh datang kerja di dalam negara kita.

Isu-isu utama yang telah dibangkitkan, yang telah diberikan tumpuan di dalam perbincangan kita ialah satu daripada isu kebajikan pekerja-pekerja, pembantu-pembantu rumah yang kerja di dalam negara kita. Beberapa cadangan telah dibuat. Contohnya, mereka yang tidak membayar gaji dan kita telah mencadangkan dan memutuskan bahawa gaji yang dibayar kepada pembantu rumah ini akan dibayar ke dalam akaun pembantu rumah.

Ada sebab dan kebenaran di dalam keputusan kerajaan walaupun ada pihak majikan yang mempunyai pandangan yang berbeza. Ada orang yang mempunyai pandangan kalau gaji dibayar di dalam akaun seseorang, ini akan menyumbang pada satu keadaan yang mana pembantu rumah akan melarikan diri. Akan tetapi kita tidak boleh lihat daripada segi itu kerana setiap orang pekerja mahupun mereka pekerja tempatan ataupun pekerja asing, mereka mempunyai hak untuk menerima gaji mereka selepas membuat kerja selepas satu bulan. Itu hak mereka. Itu sudah diterima di peringkat antarabangsa sebagai hak seseorang pekerja. Kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab kita.

Isu pelarian seseorang pekerja ialah satu perkara yang lain. Itu tidak boleh dikaitkan dengan kebajikan seseorang pekerja. Oleh itu, kementerian sudah membuat keputusan bahawa duit itu akan dibayar melalui akaun bank. Ini untuk menjaga hak dan memberikan perlindungan kepada majikan pun. Ini kerana kita telah menerima banyak aduan yang mana majikan sudah membuat pembayaran gaji tetapi selepas seorang pembantu rumah sudah melarikan diri dan pergi ke balai polis dan sebagainya dan mengadu bahawa, majikan tidak membayar gaji saya untuk satu tahun, dan sebagainya.

So, di dalam keadaan itu, apabila kita menyiasat keadaan itu, amatlah sukar untuk kerajaan untuk menentukan siapakah yang betul dan siapakah yang salah kerana tidak ada bukti. Dengan proses yang sudah ditetapkan, di mana duit itu akan dimasukkan ke dalam akaun bank, ini akan menjadi bukti dan akan memberikan perlindungan kepada pihak majikan yang sudah bayar bahawa mereka sudah menunaikan tanggungjawab mereka. So, daripada segi itu dia akan menjaga kepentingan majikan dan pada masa yang sama, dia akan menjaga kepentingan pihak pembantu rumah.

Isu yang lain ialah tentang pelarian. Kita sudah membincangkan perkara ini dan pihak Indonesia minta bahawa bagaimana ejen-ejen yang membekalkan pembantu-pembantu rumah ini akan memainkan satu peranan yang lebih tinggi dan mereka akan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa di dalam kes-kes yang mana ada pelarian, mereka akan membuat sesuatu supaya mereka akan menggantikan semula *maid* kepada mereka kalau pelarian itu tidak ada kena-mengena dengan majikan. Kita sudah setuju bahawa untuk mewujudkan satu *joint taskforce* antara kedua-dua negara untuk melihat pada perkara-perkara ini dan menyelesaikannya demi kepentingan kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja. Semua kes penganiayaan ataupun penderaan yang telah dilaporkan.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Saya difahamkan bahawa baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia ada menghalalkan pekerja yang haram dan saya juga difahamkan bahawa tindakan ini sudah mendatangkan kesan-kesan yang tertentu. Ada pekerja yang halal, mereka melarikan diri daripada majikan. Kemudian mereka mendaftar semula seolah-olah mereka pekerja yang haram. Kedua-dua pihak ejen dan pekerja itu mendapat pendapatan yang berlebihan.

Oleh sebab itu saya difahamkan tindakan ini sudah mendatangkan kesan yang buruk kepada majikan-majikan yang tertentu. Saya minta ulasan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1910

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Perkara yang dibangkit itu saya tidak berapa faham. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mereka yang ada di dalam negara kita secara haram boleh dijadikan halal. Itu yang maksud soalan? Perkara ini tidak dibuat Tuan Yang di-Pertua oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya tidak mempunyai pengetahuan bahawa ini adalah memang di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri untuk mengeluarkan permit dan sebagainya.

Akan tetapi, kita mengadakan satu rancangan mungkin, bagaimana untuk menghadapi dan menyelesaikan isu-isu pekerja asing yang terlampau banyak yang ada di dalam negara kita. Untuk jangka masa panjang, memang kita semua tahu ada pekerja asing yang rasmi, pekerja yang tidak rasmi di dalam negara kita. Bilangan yang tidak rasmi ialah satu bilangan yang begitu besar. Sebenarnya, mana-mana pihak di dalam kerajaan tidak boleh dengan tetap cakap berapa bilangan yang ada.

Oleh itu, kerajaan memang, semua agensi di dalam kerajaan termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi yang lain sedang berfikir bagaimana menyelesaikan masalah ini dan bagaimana kita boleh menangani isu tentang pekerja-pekerja asing yang sudah datang ke dalam negara kita tetapi tidak balik atau sudah datang secara tidak rasmi tetapi ada di dalam negara kita. Bagaimana kita akan menangani perkara itu. Tidak ada keputusan muktamad walaupun ada di peringkat perbincangan. Kita tidak ada mempunyai satu keputusan muktamad tentang hal ini bagaimana kita akan menangani perkara itu. Mungkin selepas satu keputusan yang dibuat, selepas itu mungkin proses untuk menangani mereka yang tidak rasmi ini akan dibuat. Sampai masa sekarang, kita tidak buat apa-apa perkara yang lain.

Untuk menjawab soalan berkenaan dengan kebajikan pekerja-pekerja asing Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menegaskan bahawa sistem perundangan di dalam negara kita memberi perlindungan kepada semua pekerja di dalam negara dengan tidak mengira mereka pekerja asing atau pekerja tempatan. Kalau Akta Kerja 1955 memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja tempatan dan menjaga kebajikan mereka, akta yang sama menjaga kebajikan pekerja-pekerja asing. Sepertimana pekerja-pekerja tempatan boleh melaporkan mana-mana isu yang menyentuh tentang kebajikan mereka kepada Jabatan Tenaga Kerja, pekerja-pekerja asing pun mempunyai hak yang sama untuk melaporkan kes itu dan mereka akan mendapat perlindungan di dalam sistem perundangan negara kita...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Kalau ada seseorang pekerja yang mungkin tempoh kontraknya untuk dua tahun dan dia ditamatkan pekerjaannya sebelum dua tahun itu sudah selesai dengan tiada sebab-sebab yang benar dan tiada asas yang betul, beliau boleh melaporkan, mengadukan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Perkara ini akan disiasat secara bagaimana aduan yang kita terima daripada pekerja tempatan dan kes itu akan mempunyai hak untuk dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk mendapat satu keadilan yang sesuai di dalam sistem perundangan kita. Ya Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Syarikat-syarikat Malaysia banyak bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Oleh sebab itu, ada satu pandangan yang kuat bahawa syarikat-syarikat tidak membuat R&D untuk menambah produktiviti dan kreativiti. Jadi, apakah galakan daripada kementerian untuk menambahkan R&D dalam produktiviti dan kreativiti?

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Di dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mempunyai skim-skim dan geran-geran untuk membantu majikan untuk membuat automasi kepada sistem menjalankan perniagaan mereka dan memberi pinjaman, *soft loan* yang akan bantu majikan untuk mengubah sistem perniagaan mereka dan melalui itu mengurangkan bilangan tenaga kerja.

Sebagai lanjutan kepada itu, di dalam Model Ekonomi Baru yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana satu daripada dasarnya ialah untuk mewujudkan ekonomi yang diasaskan kepada pendapatan yang tinggi iaitu *high income economy*. Ini ialah satu langkah yang saya berpendapat di dalam jangka masa panjang akan mengurangkan keperluan kita dan kebergantungan kita kepada jumlah tenaga pekerja yang begitu besar. Ini kerana pada negara kita negara yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil dan jumlah tenaga kerja yang kecil. Jumlah tenaga kerja Malaysia ialah di antara 11.5 juta sampai 12 juta tenaga kerja. Akan tetapi, keperluan kita ialah mungkin 13 juta atau 13.5 juta. Memang peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam negara kita lebih daripada tenaga pekerja yang ada di negara.

Oleh itu, kita berada di dalam keadaan di mana negara masih memerlukan pekerja daripada negara luar kerana berasaskan sistem ekonomi yang ada pada masa sekarang. Kalau kita mahu mengurangkan bilangan pekerja yang ada di dalam negara kita khasnya kebergantungan yang ada untuk tenaga pekerja daripada luar negara, satu perkara yang patut dilakukan ialah peralihan daripada ekonomi yang ada pada masa sekarang yang diasaskan kepada kegunaan *low-skilled labour* iaitu yang menumpukan kepada menggunakan tenaga pekerja yang kurang mahir, yang menumpukan kepada teknologi yang rendah dan memerlukan pengetahuan yang rendah kepada satu sistem ekonomi yang akan memberikan tumpuan kepada pengetahuan yang lebih tinggi, teknologi yang lebih tinggi dan penggunaan tenaga pekerja yang kurang. Kalau peralihan ini sudah berlaku, maka pendapatan pun akan naik selaras dengan apa yang telah dibuat di dalam *high income economy*.

Pada masa yang sama bilangan pekerja yang diperlukan itu akan kurang dan isu-isu tenaga kerja yang kita ada pada masa sekarang akan hilang.

Akan tetapi, itu ialah satu proses yang akan mengambil jangka masa yang panjang tetapi kerajaan sudah pergi ke arah itu dan kita sedang menuju ke arah itu dan segala langkah-langkah yang sudah ditetapkan oleh kerajaan pada masa sekarang menghasilkan apa yang telah ditentukan. Saya berpendapat bahawa kita boleh mencapai apa yang saya beritahu tadi.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan isu pembantu rumah. Tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa pihak kita memerlukan bukti dan dokumen mengatakan bahawa majikan telah pun membayar gaji sebagai cara untuk kita membela majikan. Saya ingin tanya, adakah dalam butiran perundingan kita dengan Kerajaan Indonesia ataupun mana-mana kerajaan yang membekalkan pembantu rumah, adakah pihak kerajaan mereka boleh membekalkan kepada kita sijil kelayakan ataupun kemahiran yang telah dimiliki oleh pembantu rumah sebagai usaha daripada pihak Kerajaan Malaysia bagi membantu membekalkan pembantu rumah yang benar-benar berkelayakan sehingga mereka layak menerima gaji sebagaimana yang telah mereka minta. Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Pada masa sekarang, beberapa negara yang menjadi negara sumber untuk membekalkan, untuk menjalankan kursus-kursus. Akan tetapi, kursus-kursus sebelum mereka datang ini ialah kursus pendek, mungkin di dalam beberapa bulan di mana mereka mendedahkan pekerja-pekerja mereka kepada budaya di dalam negara kita dan apa yang diperlukan oleh majikan di Malaysia dan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan. Akan tetapi, kita tidak mendatangkan pembantu rumah yang mempunyai nilai atau kelulusan yang tinggi atau mempunyai sijil. Kalau kita memerlukan pembantu rumah yang sedemikian, memang kosnya akan meningkat.

Saya boleh memberi satu contoh, negara Filipina. Pada suatu ketika ada banyak pembantu Filipina di dalam negara kita. Akan tetapi pada lepas satu masa, negara Filipina telah membuat keputusan secara sendiri bahawa mereka yang datang ke negara kita akan mempunyai nilai yang lebih tinggi, mempunyai kemahiran yang lebih tinggi, tetapi mereka telah menetapkan gaji minima sebelum datang ke Malaysia iaitu USD800 untuk pembantu rumah. So bila perkara itu dibuat, bilangan pembantu rumah daripada Filipina yang ada yang pada suatu ketika di dalam 80,000 orang atau 90,000 orang sudah kurang kepada kurang daripada 10,000 pada masa sekarang.

#### ■1920

So, ini ada kesan dan impak kerana majikan Malaysia pada masa yang sama, walaupun mahu pembantu rumah tetapi tidak sudi untuk membayar pembantu rumah gaji di dalam RM1,000 atau RM1,500 atau RM2,000. Oleh itu kita kena tengok perkara ini secara realistik iaitu apa yang kami ada pada masa sekarang, apa keperluan mereka, apa yang boleh dibayar oleh majikan di Malaysia dan itulah apa yang berlaku, dan itulah sebab mengapa kita masih bergantung banyak kepada Indonesia. Mereka ialah sumber yang paling sesuai dengan mengambil kira keperluan kita, budaya, bahasa dan sebagainya.

Untuk meneruskan dalam hal itu ialah isu berkenaan dengan pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Dasar dan harapan untuk mengurangkan tenaga pekerja asing di dalam negara kita, itu harapan tetapi di dalam realiti kita...

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua orang ini, mana satu? Ada dua di sini bagi laluan kepada wanitalah dahulu, okey Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya bagaimana caranya untuk mendapatkan pekerja asing, bukan kita hendak mengambil banyak pekerja asing, kita tahu permasalahan pekerja asing buat masa sekarang di dalam Malaysia tetapi keperluan di kilang, kita sudah mencari, sudah tender, sudah siarkan melalui akhbar dan banyak cara untuk mendapatkan di kilang, kerana memandangkan kilang tidak cukup pekerja terutamanya bahagian sarung tangan, kerana pekerja di Malaysia tidak mahu kepanasan dan debu, kurang benar, kerja satu atau dua minggu sudah berhenti, itu permasalahannya.

Kedua, kenapakah begitu sekali susah untuk mendapatkan pekerja, keputusan daripada satu jabatan atau kementerian memakan masa yang begitu lama, sedangkan PM hendakkan ekonomi di dalam Malaysia meningkat begitu sekali ketara dengan pendapatan yang begitu tinggi kepada buruh-buruh. Jadi saya nampak jika keadaan kementerian membuat macam ini, saya sendiri mengalaminya, sampai saya sendiri takut hendak membuka kilang, ada juga di dalam hati ingin untuk membuka kilang tetapi naik takut jika kilang ditutup kerana malunya saya dengan kawan-kawan, kerana kempen untuk membuka kilang di Malaysia, apabila menemui permasalahan seperti ini, mereka menekan saya lebih. Jadi itulah permasalahan yang besar. Tolonglah beritahu bagaimanakah caranya untuk mendapatkan, memudahkan cara sehingga tiga kementerian kita terpaksa kena berlari. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus supaya dijawab sekali oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Soalan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa perjanjian itu akan ditandatangani sebelum bulan Mei yang bermakna di dalam dua tiga hari lagi. Kalau begitu telah ada draf perjanjian, telah ada tarikh bila hendak ditangani yang bermakna sebelum hujung minggu ini. Kalau benar begitu, bilakah agaknya tarikh yang tepat dan berapa lama setelah perjanjian itu ditandatangani maka ia berkuat kuasa, adakah maknanya 2 Mei nanti sudah boleh kita mendapatkan bekalan pembantu. Itu sahaja *very factual question*, dengan izin minta maaf.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mesti menjelaskan mungkin cara saya memberitahu itu salah, apa yang dimaksudkan itu sebelum habis bulan Mei iaitu mungkin di dalam hujung minggu kedua atau minggu ketiga bulan Mei.

Itu yang kita sedang buat pada masa sekarang dan selepas ditandatangani mungkin harapan kita di dalam bulan Jun permohonan boleh dibuat untuk mendapatkan pembekalan.

Berbalik kepada apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang kesusahan yang dihadapi untuk mendapat seorang pekerja untuk bekerja di dalam bidang pembuatan. Bidang pembuatan ialah satu bidang di mana pekerja asing dibenarkan masuk, tetapi kita mempunyai langkah-langkah dan *safeguard* untuk menentukan bahawa hak pekerja tempatan diberikan perlindungan, satu perkara. Keperluan yang sebenar oleh satu majikan boleh ditetapkan, selepas itu kelulusan diberikan, itulah sebabnya kita mempunyai proses-proses tertentu selepas satu permohonan diterima, contohnya tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia ialah untuk memastikan bahawa pekerja tempatan diberikan perlindungan.

So, kalau seseorang majikan itu memohon atau mendapatkan pekerja asing, kita mahu membuktikan bahawa semua langkah-langkah untuk mendapatkan pekerja tempatan sudah dibuat, jika selepas itu kita berpuas hati bahawa sebenarnya tidak boleh mendapatkan pekerja tempatan, maka pada masa itu kelulusan untuk membawa pekerja asing diberikan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mempunyai kuasa untuk menentukan bilangan yang diperlukan di dalam industri-industri tertentu, manakala Kementerian Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk memberikan kelulusan daripada segi permit masuk dan sebagainya, tetapi untuk meringkaskan perkara ini kerajaan telah menubuhkan *one-stop centre* di mana wakil-wakil daripada tiap-tiap kementerian duduk di dalam satu tempat di mana perkara ini boleh dibawa jika kelulusan telah dibuat.

Saya menerima pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat iaitu beberapa bulan dahulu. Memang ada isu berkenaan pembekalan kerana kerajaan telah membuat dan membekukan sementara disebabkan sudah terlalu banyak pekerja asing yang ada di dalam negara kita secara rasmi dan tidak rasmi. Bolehkah kita menguruskan ini secara lebih baik? Dan untuk menguruskannya secara lebih baik, kerajaan telah mengadakan satu makmal di antara semua agensi yang terlibat dan hasil daripada perbincangan yang berlaku di dalam makmal itu terdapat 51 cadangan yang telah dikeluarkan.

Cadangan-cadangan bagaimana kita boleh menguruskan pembawaan pekerja asing secara lebih rasional supaya boleh dikurangkan kepada satu kaedah *reasonable* dan rasional kerana terdapat di dalam pandangan kerajaan mungkin ada lebih daripada bilangan yang diperlukan ada di dalam negara kita, jika diambil secara rasmi dan tidak rasmi. So macam boleh buat satu penyelarasan kepada perkara ini secara *rationalization* untuk memastikan jumlah yang ada ialah jumlah yang diperlukan, ini ialah satu proses yang akan mengambil masa tetapi satu proses yang mesti dibuat oleh kerajaan untuk memastikan pekerja asing cuma mengisi keperluan kita dan tidak menjadi satu masalah kepada negara dan itulah tujuannya Yang Berhormat.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Yang Berhormat Menteri, banyak cerita mengenai pekerja asing, tetapi saya hendak tahu satu perkara yang saya hendak mohon mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah dahulu pernah satu ketika kementerian ada cadangan untuk melaksanakan institusi latihan pembantu rumah di kalangan rakyat tempatan seperti pernah dahulu kementerian uar-uarkan. Jadi saya hendak tahu, saya rasa rancangan ini harus diteruskan kerana ia bukan hanya boleh mengurangkan penggantungan negara terhadap pembantu asing, tetapi juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita sendiri.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Isu institusi untuk memberikan latihan kepada pembantu rumah tempatan ialah satu perkara yang pada awalnya telah dicadangkan kepada pihak kita oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kita telah menerima cadangan itu secara baik, tetapi semasa melaksanakan satu perkara yang telah disedari ialah bahawa sambutan untuk perkara ini kurang memuaskan di dalam kalangan pekerja-pekerja tempatan, itu yang menjadi masalah. So, kerana sambutan kurang, kementerian tidak boleh meneruskan dengan cadangan ini kerana bilangan minimum yang diperlukan untuk mengadakan satu proses latihan itu tidak boleh dibuat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Kalau ada sambutan memang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Kerajaan sedia pada bila-bila masa untuk mengadakan latihan kepada kumpulan-kumpulan ini, ya Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak tahu apa ukuran yang digunakan untuk mengatakan sambutan itu kurang, sudahkah gagasan atau idea ini disebarluaskan seluas-luasnya?

#### ■1930

Jadi bila Yang Berhormat Menteri mengatakan sambutan kurang saya rasa agak terperanjat juga. Kalau sambutan kurang sedangkan projek ini adalah projek yang cukup bermanfaat. Barangkali kita harus tanya diri kita sudah kah projek ini di masyarakatkan sewajarnya? Barangkali tidak lengkap atau tidak dihebahkan seluasnya maka banyak orang tidak tahu. Jadi untuk mengatakan sambutan yang kurang tidak tepat juga saya rasa.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya telah beritahu kerajaan memang terbuka untuk meneruskan cadangan ini. Apa yang dibuat pada masa dahulu ialah untuk membuat satu kajian di dalam kalangan mereka yang kerajaan berpendapat bahawa boleh mengambil bahagian di dalam program ini. Daripada laporan yang telah diterima selepas itu bilangan yang telah menunjukkan kemahuan untuk melibatkan diri di dalam program latihan ini ialah satu bilangan yang begitu rendah. Jadi oleh itu kerajaan tidak mempunyai tidak berani untuk meneruskan.

Kalau program itu sudah di jalan dan kursus sudah di mula tetapi tidak ada orang yang mahu menjalankan kursus itu atau mengambil bahagian dalam kursus itu tidak ada makna. Akan tetapi kalau ada cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang baik di mana kita boleh teruskan dengan usaha ini. Kalau kita ada sambutan yang baik dan ada rakyat kita pekerja-pekerja tempatan yang mahu melibatkan diri dalam hal ini memang kerajaan boleh lihat balik kepada perkara ini...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Yang Berhormat menanyakan kalau ada cadangan yang baik. Ini ada cadangan yang baik. Cadangan saya yang baik itu ialah cuba buat satu pilot projek dahulu. Itu cadangan yang baik dan itu ukuran yang tepat untuk menyatakan akan ada sambutan atau tidak. Akan tetapi sebelum diadakan pilot projek dan tiba-tiba mengatakan tidak ada sambutan saya rasa itu cadangan kurang baik. Cadangan kurang baik buat projek dan buat keputusan, buat pilot projek dan buat keputusan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat ke atas cadangan ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua kita perlu menerima seperti yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ada di dalam sektor-sektor tertentu masih pekerja tempatan tidak minat untuk buat kerja. Salah satu daripadanya ialah sektor perladangan contohnya. Di dalam sektor perladangan khususnya di dalam sektor perladangan yang berkaitan dengan potong buah dan sebagainya, 90 peratus daripada pekerja yang ada ialah daripada pekerja asing. Ini ialah satu perkara di mana pihak majikan perladangan amat memerlukan pekerja-pekerja asing supaya mereka boleh meneruskan kegiatan ekonomi kita.

Selain itu satu bidang di mana kita tidak boleh lari daripada menggunakan tenaga pekerja asing ialah bidang pembinaan. Jadi oleh kerana ada bidang-bidang tertentu di mana pekerja-pekerja asing amat diperlukan iaitu dasar untuk membawa pekerja asing ialah satu perkara yang masih dibenarkan oleh kerajaan. Di dalam perkara ini apa yang harapan kita ialah perkara ini dibuat, boleh dibuat secara baik iaitu cuma jumlah yang diperlukan akan dibawa. Lepas mereka punya tempoh masa sudah habis mereka boleh balik ke negara mereka dan tidak mendatangkan apa-apa masalah semasa mereka ada di dalam negara. Jadi itulah cara macam mana kerajaan akan menguruskan pekerja-pekerja asing di dalam negara kita.

Selain daripada itu isu yang dibangkitkan ialah tentang isu latihan dan khususnya dari segi macam mana sistem latihan kita boleh menyumbang kepada tenaga kemahiran yang diperlukan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Baru-baru ini di dalam bajet yang lalu Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan pelbagai jenis langkah. Supaya kita meningkatkan lagi taraf kemahiran di dalam negara kita di peringkat pekerja di dalam peringkat mereka yang lepas sekolah. Supaya kita boleh menghasilkan tenaga pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Salah satu langkah utama yang telah diambil ialah untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran sebagai satu bidang yang mustahak di dalam negara kita.

Prinsip yang digunakan untuk mengarusperdanakan ialah untuk memastikan bahawa segala program-program latihan kemahiran yang dijalankan di dalam kerajaan mahupun di peringkat swasta ialah mengikuti keperluan di dalam industri.

Industri akan memainkan peranan yang utama untuk menentukan kemahiran yang diperlukan, kursus yang diperlukan dan bilangan yang diperlukan. Itu akan menentukan mereka yang keluar daripada institusi-institusi latihan kita mempunyai kemahiran-kemahiran yang tinggi, kemahiran yang diperlukan oleh industri, akan dapat pekerjaan yang sesuai dan mendapat pekerjaan yang akan mendapat pendapatan yang tinggi.

Itulah harapan negara di dalam isu bidang-bidang kemahiran dan kita sedang lihat perkara ini untuk meningkatkan perkara ini daripada pelbagai segi. Satu ialah meningkatkan lagi peluang-peluang latihan kemahiran di peringkat sekolah iaitu mula daripada peringkat sekolah. Dua ialah memastikan bahawa latihan kemahiran akan menjadi saluran alternatif melalui mana seseorang pekerja akan mendapat latihan dan lepas itu boleh sampai ke tahap mendapat ijazah. Saluran alternatif ini adalah di mana melalui latihan kemahiran di peringkat sijil lepas itu di peringkat diploma, seseorang boleh mendapat peluang untuk mendapat ijazah. Ini ialah satu perkembangan baru. Sebelum ini semua orang yang mendapat ijazah ialah mengikut saluran akademik. Dengan perkembangan baru ini kita akan mewujudkan saluran alternatif di mana melalui cara mendapat latihan kemahiran seorang boleh mendapat ijazah.

Kemudian ini akan meningkatkan lagi kemahiran yang ada di dalam negara kita dari bidang-bidang teknikal kepada satu tahap yang lebih tinggi. Ini akan mengisikan keperluan yang ada selaras dengan pembangunan ekonomi kita pada masa yang akan datang. Tabung-tabung telah diperluaskan dan ditambahkan dan jumlah yang diberi kepada tabung latihan mahupun di mana-mana agensi kerajaan sudah ditambahkan. Bilangan mereka yang akan dilatih di dalam bidang kemahiran pun akan ditambah di dalam semua institusi di bawah kerajaan mahupun di bawah Kementerian Sumber Manusia atau di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya. Kita berharap melalui semua langkah-langkah yang telah diambil baru-baru ini tenaga mahir yang diperlukan oleh kerajaan akan dihasilkan. Ini akan menunaikan keperluan perkembangan ekonomi baru. Kita akan mempunyai tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan mendatangkan produktiviti yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tajuk yang telah di bincang, di bahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Negara kita ialah salah satu daripada negara yang telah berjaya di dalam mengurangkan bilangan kemalangan yang ada, yang berlaku di tempat kerja di dalam jangka masa yang pendek. Daripada 10 tahun yang dahulu sampai sekarang peratusan kes-kes kemalangan yang berlaku di tempat kerja sudah turun di kadar 40 peratus atau 50 peratus. Ini ialah melalui kesedaran yang ada di dalam kalangan majikan untuk meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan untuk mengurangkan risiko kemalangan. Ini telah menunjukkan pencapaian yang ada ini menunjukkan bahawa kita sudah berjaya di dalam hal ini.

Satu perkara yang membimbangkan kita manakala kita berjaya untuk mengurangkan jumlah kemalangan yang berlaku di tempat kerja itu. Akan tetapi bilangan kemalangan yang berlaku semasa seorang pekerja datang daripada rumahnya ke tempat kerja. Atau balik daripada tempat kerja ke rumahnya masih di dalam satu kadar yang tidak memuaskan. Sebenarnya kadar itu masih kekal di satu tahap dan sedang menunjukkan kenaikan sedikit. Ini ialah satu perkara yang membimbangkan kementerian saya. Kita sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai melalui kerjasama di antara pihak PERKESO, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pengangkutan. Supaya agensi-agensi akan berkongsi pengalaman mereka untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan bilangan kemalangan yang berlaku di jalan raya yang melibatkan pekerja-pekerja semasa mereka datang dan balik daripada tempat kerja.

#### ■1940

Lagi satu perkara yang telah dibahaskan ialah tentang pengangguran di negara kita. Kadar pengangguran di Malaysia pada masa sekarang adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 3.6 peratus, dan untuk beberapa tahun yang berturut-turut, kadar kita ialah di antara lingkungan 3.1 peratus hingga 3.6 peratus. Cuma di dalam tahun 2009, semasa krisis ekonomi, kadar pengangguran sudah naik kepada lebih kurang 4.5 peratus atau 4.6 peratus. Akan tetapi di dalam satu jangka masa yang pendek, kadar itu sudah turun kepada kadar yang biasa kerana kita sudah berjaya di dalam menangani isu-isu pengangguran yang berlaku di dalam krisis ekonomi ini secara baik dengan mewujudkan peluang-peluang latihan dan peluang pekerjaan.

Kalau di peringkat antarabangsa, pentakrifan pengangguran di dalam sesuatu negara yang mempunyai kadar pengangguran yang kurang daripada 4 peratus dikatakan sebagai sebuah negara yang mempunyai 100 peratus *employment* iaitu *full employment*. So negara kita jatuh dalam negara yang boleh dikatakan negara yang *full employment* walaupun kita mempunyai kadar pengangguran 3.5 peratus.

Sebab-sebab kadar pengangguran yang ini ialah: satu, kadang-kadang kerja yang ditawarkan tidak selaras dengan apa yang diperlukan oleh seseorang pekerja; kedua, gaji yang ditawarkan tidak selaras dengan apa yang dimohon oleh seseorang pekerja kerana bidang kerja itu tidak sesuai, tidak berpadanan dan gaji yang ditawarkan pun tidak berpadanan dengan keperluan seseorang pekerja. Inilah di antara sebab-sebab mengapa ada pengangguran walaupun masih ada peluang-peluang pekerjaan di dalam bidang-bidang tertentu yang kalau seseorang itu mahu bekerja.

Untuk membantu mereka ini, kita ada beberapa langkah. Kementerian mempunyai portal di mana majikan mendaftarkan kekosongan mereka dan mereka yang mencari kerja mendaftarkan keperluan mereka. Pada masa sekarang, kita ada mereka yang cari kerja dan bukannya mereka yang menganggur tetapi mereka yang mencari pekerjaan yang baru, mungkin orang yang sudah bekerja tetapi mahu mencari kerja yang lebih baik dan mereka yang menggunakan sistem kita pada masa sekarang lebih daripada 400,000 orang sudah mendaftarkan diri mereka di dalam sistem.

Dan pada masa yang sama, ada 400,000 peluang-peluang pekerjaan telah didaftarkan oleh pihak majikan. Oleh itu, peluang mereka yang memohon untuk bekerja 400,000, mereka yang mendaftar dengan peluang-peluang pekerjaan pun ada 400,000. Kalau kita menjodohkan kedua-duanya ini, kita boleh lihat lebih daripada 90 peratus daripada peluang-peluang ini boleh dijodohkan. Ini terpulanglah kepada mereka yang telah mendaftar untuk membuat keputusan bahawa mahukah mereka menerima apa yang ditawarkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah isu-isu yang telah dibangkitkan dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan mereka. Kalau ada isu-isu yang belum saya jawab, kita akan memberi jawapan secara bertulis. Untuk semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang sentiasa diberi kepada Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk menjawab.

**7.44 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkait rapat dengan kementerian saya semasa perbahasan Titah Diraja 2011. Sehubungan itu, saya akan memberikan maklum balas sebaik mungkin ke atas setiap isu serta pandangan yang dibangkitkan ini sebagai usaha untuk memperkukuhkan peranan kementerian dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram mengenai Skim Francais Usahawan Muda 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui agensinya Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan menjadikan program Francais Usahawan Muda 1Malaysia sebagai program teras untuk menarik minat usahawan-usahawan francais. Oleh itu, program ini akan dilaksanakan secara berperingkat ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Buat masa ini PNS telah merancang untuk melaksanakan program Francais Usahawan Muda 1Malaysia mengikut wilayah-wilayah koridor yang ada. Program ini juga akan dilaksanakan dengan kumpulan sasar yang telah dikenal pasti seperti FELDA, universiti tempatan, institusi kemahiran dan lain-lain lagi.

Pemantauan akan dilakukan oleh PNS melalui lawatan berkala dan khidmat nasihat. PNS juga bekerjasama rapat dengan francaisor dalam memantau perniagaan francaisi-francaisi. Selain itu, PNS juga berusaha untuk mencari peluang-peluang perniagaan francais baru yang memenuhi keperluan pasaran contohnya seperti sistem francais mampu milik. Tuan Yang di-Pertua, PNS juga telah menubuhkan Akademi PNS untuk memberi latihan kepada bakal-bakal usahawan francais ini yang merangkumi pendedahan kepada perniagaan francais, pengurusan kewangan dan tadbir urus perniagaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap mengenai penyeragaman harga barangan di Malaysia. Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian telah memulakan usaha melaksanakan program penyeragaman harga sejak tahun 2008. Pelaksanaan program ini dilihat akan membantu mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) keempat iaitu memastikan peningkatan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan harga dan menyeragamkan harga barangan keperluan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, Kementerian ini telah melaksanakan program-program berikut iaitu;

- (i) Pengedaran dan penyeragaman barang perlu bersubsidi seperti beras ST15, gula, tepung gandum dan minyak masak pada harga kawalan kerajaan;
- (ii) penyeragaman harga gas petroleum cecair (LPG) pada harga kawalan kerajaan iaitu RM26.60 setong; dan
- (iii) penyeragaman harga petrol dan diesel melalui konsep *community drumming* pada harga kawalan RM1.90 seliter untuk petrol dan RM1.80 seliter untuk diesel.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya menjelaskan dengan lebih lanjut berhubung dengan kos pengangkutan yang merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada harga yang tinggi di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi membawa petrol dan diesel ke kawasan pedalaman adalah tinggi disebabkan faktor bentuk muka bumi kawasan tersebut yang sukar dilalui oleh kereta biasa dan hanya boleh dilalui oleh pacuan empat roda. Ada di antara kawasan tersebut tidak boleh dilalui melalui jalan darat dan terpaksa menggunakan pengangkutan air.

Ini menyebabkan harga runcit petrol dan diesel di kawasan pedalaman jauh lebih tinggi berbanding di bandar. Sebagai contohnya, sebelum ini di Bario harga petrol RON95 dan diesel mencecah sehingga RM5 seliter. Atas dasar keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional untuk mengurangkan bebanan rakyat di sana, maka kerajaan telah menanggung kos pengangkutan bahan api tersebut dengan melantik pengedar tempatan untuk mengedarkan petrol dan diesel di dalam *drum* berkapasiti 200 liter kepada *point of sales* yang terletak di kawasan pedalaman. *Point of sales* ini perlu menjual petrol dan diesel kepada penduduk tempatan pada harga runcit yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM1.90 seliter bagi petrol RON95 dan RM1.80 seliter bagi diesel.

Untuk makluman, sehingga April 2011, sebanyak 527 kawasan pedalaman di seluruh Malaysia telah dilaksanakan projek *community drumming* yang melibatkan 283 kawasan di Sarawak, 231 kawasan di Sabah dan 13 kawasan di Semenanjung Malaysia.

Kementerian juga melalui program penyeragaman harga barang-barang perlu yang dijalankan di Sabah dan Sarawak telah pun menggunakan saluran koperasi sebagai alternatif baru dengan melantik Koperasi Majlis Daerah Keningau Berhad di Sabah dan Koperasi Kampung Bunan Serian Berhad di Sarawak.

#### ■1950

Hasilnya jurang perbezaan harga di bandar dan di kawasan pedalaman dapat dirapatkan dan ia memberikan banyak manfaat kepada penduduk terutamanya di kawasan pedalaman. Tuan Yang di-Pertua, selain penyeragaman harga barang perlu bersubsidi, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjasama pembekal dan pengedar yang dilantik dalam projek ini untuk memberikan harga yang mampu beli kepada penduduk luar bandar dan pedalaman sebagai salah satu tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, bukan semua barang dapat diseragamkan harganya dan ia bergantung kepada pasaran semasa. Sehubungan itu kementerian telah menetapkan pembekal dan pengedar yang terlibat dalam penghantaran 50 jenis barang keperluan bergantung pada permintaan penduduk setempat. Selain Beras ST15, gula, tepung gandum dan minyak masak juga disenaraikan dalam senarai penghantaran dan pengedaran yang dilaksanakan oleh pembekal dan pengedar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah mengenai Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Izinkan saya menjelaskan bahawa Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 telah berkuasa pada 1 April 2011 menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Akta ini adalah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menangani isu kenaikan harga barangan bagi membantu melindungi kepentingan pengguna.

Dengan kuat kuasa akta ini, tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya berlaku kenaikan harga tinggi dan tidak munasabah akibat daripada tindakan oleh peniaga yang mengambil kesempatan terhadap sesuatu keadaan atau situasi bagi mengaut keuntungan secara berlebihan dan tidak munasabah.

Apabila aduan mengenai pencatutan diterima daripada pengguna, kementerian akan menjalankan penyiasatan ke atas tanggungan kos peniaga berkenaan dengan mengambil kira kos barangan dan kos operasi yang lain seperti sewa, bayaran utiliti serta gaji pekerja bagi menentukan sama ada wujud perbuatan mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah oleh peniaga terbabit dalam menentukan harga sesuatu barangan sebelum mengambil apa-apa tindakan.

Di bawah undang-undang ini juga penalti bagi pelanggaran peruntukan anti pencatutan juga adalah tinggi bertujuan untuk melindungi pengguna daripada tindakan peniaga menaikkan harga sewenang-wenangnya iaitu penalti bagi individu adalah tidak melebihi RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya dan kesalahan kali kedua atau berikutnya tidak melebihi RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya.

Bagi pertubuhan atau perbadanan, denda adalah tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya tidak melebihi RM1 juta.

Selain peruntukan anti pencatutan, akta ini masih mempunyai peruntukan-peruntukan kawalan harga yang telah diperluaskan untuk menetapkan bukan sahaja harga maksimum malah termasuk harga minimum dan harga tetap bagi barangan dan caj perkhidmatan sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian. Bagi harga barangan, penetapan harga ini boleh dibuat di semua peringkat pengedaran iaitu pengilang, pengeluar, pemborong dan peruncit.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap mengenai keberkesanan Pelaksanaan Jawatankuasa Bekalan dan Harga yang ditubuhkan oleh kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri telah ditubuhkan kerana kerajaan berpendapat adalah wajar isu berkaitan harga dan bekalan dalam negara dibincangkan di peringkat tertinggi iaitu Jemaah Menteri.

Jawatankuasa Kabinet ini berperanan untuk membincangkan serta membuat keputusan bagi menangani isu berhubung bekalan dan harga barangan dalam negara. Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa tertinggi di mana keputusannya akan dilaksanakan oleh kementerian atau agensi kerajaan bagi memastikan segala bentuk pendekatan yang bakal dirangka oleh kerajaan adalah lebih berkesan. Penubuhan jawatankuasa ini menunjukkan kerajaan komited dan fokus kepada isu-isu melibatkan bekalan dan harga bagi kepentingan pengguna.

Keanggotaan ahli dalam jawatankuasa ini adalah terdiri daripada sembilan kementerian. Dengan ini Jawatankuasa Bekalan dan Harga di peringkat kementerian akan ditukarkan kepada Jawatankuasa Kerja Bekalan dan Harga yang akan berfungsi untuk membincangkan isu-isu berkaitan harga dan bekalan secara bersama-sama antara kementerian, jabatan dan agensi serta industri dan menyediakan input untuk perbincangan kepada Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim mengenai masalah ketirisan dan penyalahgunaan barang-barang terkawal serta peluasan skop penguatkuasaan ke atas barang kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk terus membanteras aktiviti penyalahgunaan dan penyeludupan termasuk barang kawalan di sempadan negara, kementerian telah melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- (i) mengawal pintu masuk sempadan negara, CIQ dengan meletakkan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk memantau dan mencegah aktiviti penyeludupan barang kawalan daripada mengalir ke negara jiran dan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Sepanjang tahun 2010, sejumlah 1,264 kes seluruh negara telah diambil dengan nilai sitaan barang-barang kawalan bersubsidi berjumlah RM7.7 juta;
- (ii) menyertai Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti Mencegah Penyeludupan yang dianggotai oleh 13 buah kementerian, jabatan dan agensi penguatkuasaan untuk mengawal sempadan darat negara. Jawatankuasa ini diurus setia oleh Majlis Keselamatan Negara;
- (iii) menyertai Jawatankuasa Pasukan Perancang Operasi Maritim (TPOM) yang dianggotai oleh 12 buah kementerian, jabatan dan agensi penguatkuasaan untuk mengawal sempadan maritim negara. Jawatankuasa ini diurusetikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iv) pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis secara berkala, mewujudkan risikan serta melalui aduan pengguna oleh pegawai-pegawai penguat kuasa KPDNKK di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan sempadan dan mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan;
- (v) mewartakan beberapa barang kawalan sebagai barang larangan eksport di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga jelaskan mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat mengenai syor supaya diwujudkan sistem pemantauan awal atas stok penimbal bagi barangan keperluan seperti gula, tepung dan minyak masak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini stok penimbal diberi keutamaan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk produk iaitu beras dan ayam di bawah kawal seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Walaupun bagi produk yang diimport seperti gula dan tepung gandum, stok penimbal adalah dibuat di peringkat kilang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat mengenai langkah yang diambil bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi dan memastikan kenaikan harga barang dapat dibendung. Terdapat dua bentuk kawalan yang dilaksanakan oleh kementerian iaitu kawalan bekalan dan kawalan harga. Kawalan bekalan dilaksanakan bagi memastikan bekalan barang-barang kawalan sentiasa mencukupi di pasaran supaya tidak berlaku kekurangan bekalan barang-barang keperluan dalam pasaran melalui:

- (i) penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 yang melarang menyorokkan barang-barang kawalan, enggan menjual atau menggunakan syarat-syarat yang dilarang, memindah barang kawalan dari tempat yang dilesenkan dengan niat untuk melakukan kesalahan dan menyimpan stok secara berlebihan untuk tujuan spekulasi;
- (ii) mengawal ketirisan bekalan barang-barang kawalan bersubsidi dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap kegiatan menyeludup keluar barang-barang kawalan bersubsidi secara bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan seperti KDRM, PDRM, UPP dan JPJ; dan
- (iii) kementerian juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama dengan FAMA, FELDA, Suruhanjaya Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mewujudkan pusat pengedaran dan penyimpanan barangan kawalan di seluruh negara mengikut zon bagi menjadi mini stok sekiranya masalah kekurangan bekalan barang kawalan berulang.

#### ■2000

Bagi pelaksanaan kawalan harga pula penetapan harga secara undang-undang dan pentadbiran ke atas barang-barang keperluan tertentu dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang perlu secara pentadbiran yang diwartakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu tepung gandum, kegunaan am, minyak masak sawit, gas petroleum cecair, diesel dan ron95;
- (ii) menetapkan harga maksimum borong dan runcit bagi gula pasir putih bertapis halus dan kasar secara undang-undang di bawah Akta Kawalan dan Anti Pencatutan. Barang tersebut diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum di peringkat borong dan runcit ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (iii) melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan pada musim-musim perayaan utama di bawah skim ini barang keperluan yang terlibat diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahman kadar inflasi Malaysia dijangka kekal pada kadar sederhana, kadar indeks CPI Januari hingga Mac 2011 adalah 2.8 peratus. Berdasarkan laporan dari Bank Negara Malaysia purata inflasi pada tahun 2011 dijangka antara 2.5 peratus hingga 3.5 peratus. Jika dilihat kadar inflasi di Malaysia pada bulan Mac 2011 berbanding Mac 2010 adalah sebanyak 3 peratus.

Angka ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan inflasi negara serantau seperti Singapura 5 peratus, Thailand 3.1 peratus, Indonesia 6.7 peratus dan Republik rakyat China 5.4 peratus bagi tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, langkah kawalan harga barangan perlu oleh kerajaan merupakan faktor penyumbang kepada pengekalan kadar inflasi yang sederhana di negara kita. Ianya telah dapat memastikan harga barangan perlu adalah lebih rendah berbanding dengan negara-negara jiran di rantau ini. Kawalan harga telah memberikan impak yang minimum ke atas harga barang-barang perlu dalam negara walaupun harga makanan dan komoditi di pasaran dunia semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawawi mengenai subsidi barang kawalan dan pelan tindakan penjimatan, kerajaan begitu prihatin terutama untuk memastikan kebajikan dan keperluan rakyat sentiasa terjamin. Untuk itu kerajaan masih menyediakan peruntukan dalam bentuk subsidi pada perkara-perkara asas seperti pendidikan, perubatan, pertanian termasuk subsidi bagi tepung gandum, minyak masak, gula dan bahan api.

Ini bermakna saban tahun kerajaan perlu menyediakan sejumlah wang yang banyak demi memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan yang selesa. Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM14 bilion daripada RM10.3 bilion dalam bentuk subsidi bagi membolehkan rakyat memperoleh barang keperluan asas harian pada harga yang berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun subsidi adalah begitu penting terutama dalam membantu rakyat menjalani kehidupan yang selesa namun rakyat harus mula menyedari bahawa kerajaan tidak mampu untuk menanggung beban subsidi ini untuk selama-lamanya.

Selain itu, pemberian subsidi yang berpanjangan akan menyebabkan rakyat terlalu bergantung harap dengan bentuk bantuan seperti ini dan tidak mahu berganjak untuk mengubah taraf kehidupan sedia ada. Selain itu, subsidi juga tidak menggambarkan harga sebenar pasaran di mana harga barangan di dalam negara jauh lebih murah berbanding harga di negara-negara jiran. Justeru itu, penstrukturan subsidi ke atas sesetengah barangan bukan bermaksud kerajaan tidak mahu lagi membantu rakyat tetapi subsidi berkenaan akan disalurkan kepada perkara asas yang lain yang akan memberikan lebih manfaat kepada rakyat secara amnya.

Penjimatan melalui rasionalisasi subsidi yang berterusan perlu diteruskan bagi mengurangkan bebanan tanggungan subsidi kerajaan secara berperingkat-peringkat selaras dengan Model Ekonomi Baru. Ia bertujuan supaya:

- (i) subsidi dapat disalurkan kepada golongan sasaran;
- (ii) mengurangkan ketirisan barangan bersubsidi yang diakibatkan perbezaan harga yang ketara di negara jiran;
- (iii) mengurangkan kebergantungan rakyat kepada subsidi kerajaan; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran rakyat kepada trend semasa harga pasaran bahan petroleum dan gula.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin bahawa empat buah koperasi yang telah memulakan prosiding di Mahkamah Tinggi terhadap Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah terdiri daripada koperasi-koperasi berikut:

- (i) Koperasi rangkaian Sahabat Dungun Berhad;
- (ii) Koperasi Insan Bantu Insan Kuala Lumpur Berhad;
- (iii) Koperasi Pembangunan Melayu Raub Berhad; dan
- (iv) Koperasi Pengurusan Tanah Malaysia Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bersetuju supaya keempat-empat koperasi tersebut dipanggil bersekali dengan ANGKASA untuk membincangkan tuduhan mereka terhadap ANGKASA. Koperasi-koperasi yang terlibat akan dinasihati supaya menyelesaikan pertikaian mereka terhadap ANGKASA di luar mahkamah.

Untuk makluman seterusnya melalui peruntukan subseksyen 82(3), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) SKM boleh mengeluarkan izin supaya pertikaian tersebut dirujuk kepada SKM sendiri atau penimbang tara atau tribunal koperasi bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik sebelum pertikaian dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai dasar...

**Tuan Ahmad bin Husin:** Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Sila.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya amat sayang sekali kepada seluruh koperasi yang terdapat dalam negara ini termasuklah tujuh juta ahli. Oleh sebab itulah saya rasa terpanggil kerana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi agak sejuk sedikit. Pertikaian ini hanyalah pertikaian untuk perasaan sahajalah. Bukanlah kes-kes itu terlalu besar dan kalau bolehlah sebab laporan polis telah dibuat cuma pihak polis dan SKM dan sebagainya lambat mungkin mengambil tindakan. Saya rasa apa yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat adalah sangat teruja bagi saya. Saya minta supaya janganlah perkara ini sampai terkeluar daripada - yang akan rugi adalah ahli-ahli koperasi sendiri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan Yang Berhormat. Memang kita telah pun berbincang dengan SKM supaya tindakan segera diambil supaya keempat-empat koperasi ini dapat dipanggil dan bersama dengan ANGKASA untuk menyelesaikan di luar mahkamah.

Izinkan saya teruskan. Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai dasar kerajaan terhadap kemasukan barang-barang dari luar negara terutamanya barangan dari negara China.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan tidak menghalang kemasukan barang-barang import dari luar negara termasuk barangan dari negara China selagi ia masuk secara sah dan tidak menyalahi sebarang perundangan yang sedia ada di Malaysia.

Di samping itu kemasukan barangan ini juga adalah penting bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Melalui tinjauan yang dibuat oleh kementerian ini didapati barang-barang dari negara China dijual dengan harga yang berpatutan walaupun kebanyakannya mempunyai kualiti yang tidak setaraf dengan barang-barang berjenama. Ini merupakan antara faktor penyebab barang-barang ini menjadi pilihan pengguna terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Walau bagaimanapun sebagai langkah kawalan kementerian ini boleh mengambil tindakan ke atas sesuatu barang yang diragui tahap keselamatannya melalui Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599). Bagi barang-barang tiruan pula tindakan boleh diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 (Akta 87). Selain itu, keselamatan barang-barang yang tidak termasuk di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) adalah tertakluk kepada undang-undang atau peraturan yang dikawal selia oleh kementerian atau agensi pelaksana yang berkaitan.

#### ■2010

Sebagai contohnya, barang elektrik dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Telekomunikasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan makanan atau ubat-ubatan di bawah Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sekiranya terdapat mana-mana pelanggaran di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) atau Akta Perihal Dagangan 1972 (Akta 87) penalti yang boleh dikenakan adalah:

- (i) bagi pertubuhan atau perbadanan, denda tidak melebihi RM250,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya; dan
- (ii) bagi individu, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM250 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah melalui pemantauan yang berterusan bagi menentukan supaya barangan keperluan pengguna yang berada di pasaran adalah selamat bagi menjamin kesejahteraan pengguna. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar mana-mana peruntukan yang digariskan di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat, suka saya jelaskan bahawa Kempen Beli Barangan Malaysia telah mula dilaksanakan pada tahun 1984 dan 1998. Memandangkan kempen tersebut adalah satu program kesedaran yang perlu berterusan untuk membawa perubahan kepada perlakuan iaitu *behavior* rakyat, maka kempen tersebut telah dilancarkan semula pada tahun 2009 sehingga kini.

Dengan tema Produk Malaysia Kebanggaan Kita ia bertujuan untuk mengubah persepsi rakyat terhadap barangan buatan Malaysia dan mengutamakan dalam kegunaan harian. Ia juga bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan penggunaan tempatan iaitu *domestic consumption*, dengan izin. Pelaksanaan kempen ini melibatkan dua pendekatan utama iaitu kempen kesedaran melalui media masa dan ekspo Beli Barangan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2010 kementerian telah berjaya menganjurkan sebanyak tujuh ekspo Beli Barangan Malaysia di seluruh negara dengan mencatatkan hasil jualan sebanyak RM256 juta dan anggaran pengunjung yang telah mengunjungi ekspo-ekspo tersebut adalah hampir 300,00 orang. Kejayaan kempen yang diadakan setakat ini telah mendorong kementerian untuk mempergiatkan lagi usaha dengan meneruskan ekspo Beli Barangan Malaysia untuk tahun 2011 di mana sebanyak enam ekspo telah dirancang untuk dianjurkan. Ekspo yang pertama akan diadakan pada 25 hingga 29 Mei 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kempen kesedaran melalui media masa untuk tahun 2011 pula akan dilaksanakan melalui stesen televisyen Media Prima seperti TV3, NTV7 dan TV8 dan juga melalui RTM1 dan RTM2. Selain televisyen, pengiklanan juga dibuat melalui saluran radio RTM, HotFM, FlyFM dan melalui akhbar, papan tanda (*billboard*) serta iklan di pengangkutan awam seperti teksi dan bas. Usaha-usaha ini diharap akan dapat memperkenalkan jenama Malaysia pada rakyat Malaysia di samping memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk berkembang di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah banyak menyumbang saranan dan pandangan mereka terhadap tugas dan peranan kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan secara khusus di dalam membantu pembangunan ekonomi negara amnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Pengangkutan untuk menjawab.

#### **8.14 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi saranan yang menyentuh bidang kusa Kementerian Pengangkutan sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja tahun 2011 di Dewan Negara. Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan pada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati dan Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz mencadangkan agar mengehendkan kelajuan maksimum bas ekspres dan bas penumpang kepada 90 kilometer sejam dengan menggunakan *speed block* ataupun *speed limiter* bagi memberi jaminan terhadap keselamatan penumpang bas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji untuk mewartakan peraturan *United Nations Economic Commissions for Europe R89* bagi mengawal kelajuan bas khususnya bas ekspres. Antara perkara yang perlu dikaji sebelum peraturan ini dikuatkuasakan ialah kesukaran untuk memasang alat *speed limiter* pada bas-bas lama yang tidak mempunyai *electronic control unit*. Selain itu alat *speed limiter* ini juga boleh diganggu usik dan akan mengganggu keberkesanan untuk mengawal kelajuan. Walaupun pemasangan alat kawalan kelajuan terhadap bas belum diwajibkan, pihak operator bas adalah digalakkan untuk menggunakan alat merekodkan kelajuan di bawah kod amalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *safety, health and environment code of practice*.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung turut mencadangkan agar pegawai JPJ dan agensi berkaitan melakukan pemantauan secara berterusan termasuk sehingga ke tahap berada dalam bas bagi mencegah salah pemandu bas yang mempunyai rekod kesalahan undang-undang dan tiada lesen.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan terhadap operasi bas khususnya bas ekspres dengan menjalankan pemeriksaan rawak buku log, pemeriksaan keadaan brek dan tayar bas serta pemeriksaan rambang air kencing pemandu di terminal utama dan depoh bas ekspres. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan diri pemandu dan teknikal bas berada dalam keadaan selamat sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan. JPJ juga telah melaksanakan operasi penyamaran yang telah bermula pada 7 Januari 2011. Melalui operasi ini anggota penguat kuasa JPJ akan menyamar sebagai penumpang bas dan tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap pemandu yang melanggar peraturan lalu lintas.

Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini berpandangan bahawa kempen-kempen keselamatan jalan raya yang dijalankan masih tidak membantu pengurangan kes kemalangan jalan raya dan mencadangkan supaya pihak polis dan JPJ melaksanakan lebih operasi di jalan-jalan persekutuan dan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, selain peningkatan penguatkuasaan, intervensi pendidikan juga penting dalam mengubah sikap pemandu dan meningkatkan kesedaran agar sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas sekali gus dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Ini terbukti apabila jumlah kemalangan *injury* telah menurun sebanyak 6,012 kes iaitu 28,682 ke tahun 2006 kepada 22,670 pada tahun 2010 iaitu penurunan sebanyak 20.9 peratus. Kerajaan juga sedang dalam proses untuk melaksanakan *Automated Enforcement System* ataupun AES sebagai satu langkah penguatkuasaan secara berterusan.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati meminta kementerian menyatakan apakah kegagalan dan kejayaan kementerian daripada semua operasi yang dijalankan.

**■2020**

Untuk makluman, berdasarkan perangkaan PDRM Operasi Bersepadu dan OPS Sikap yang dijalankan semasa musim perayaan telah berjaya menurunkan purata kematian sehari kepada 13 ke 15 kematian sehari semasa musim perayaan berbanding 18 kematian pada hari-hari biasa. Sekiranya Operasi Bersepadu ataupun OPS Sikap tidak dilaksanakan semasa musim perayaan adalah dijangkakan angka kematian akan meningkat dan boleh mencecah kepada 21 hingga 23 kematian sehari disebabkan berlakunya peningkatan kenderaan pada musim tersebut.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka juga meminta penjelasan kementerian sama ada bercadang untuk menghapuskan kenderaan yang melebihi 15 tahun. Kerajaan belum bercadang Yang Berhormat, untuk melupuskan kenderaan yang berusia lebih 15 tahun dan ke atas kerana belum mempunyai mekanisme pelupusan yang sesuai di samping perlu mendapatkan pandangan daripada badan bukan kerajaan dan orang ramai terlebih dahulu sebelum peraturan pelupusan tersebut dapat dikuatkuasakan. Walaupun penggunaan kenderaan lama ini dibenarkan, kerajaan melalui pihak JPJ dan PDRM sentiasa menjalankan penguatkuasaan di bawah seksyen 59 dan seksyen 60 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi memastikan kenderaan tersebut berada dalam keadaan *roadworthy*. Selain intervensi penguatkuasaan, aspek pendidikan juga akan diberi penekanan dengan menjalankan *advocacy* bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya keadaan kenderaan yang *roadworthiness* bagi menjamin keselamatan pengguna itu sendiri dan orang lain.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf meminta kementerian menyatakan bilangan kamera AES yang telah dipasang sehingga 2011, senarai jenama alatan dan senarai kontraktor dipilih untuk melaksanakan AES. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pemasangan kamera AES masih belum dilakukan kerana kerajaan dalam proses untuk memuktamadkan perjanjian konsesi tersebut. Pemasangan kamera hanya boleh dilakukan selepas perjanjian konsesi tersebut dimuktamadkan. Dua buah syarikat tempatan yang telah dipilih untuk melaksanakan *Automated Enforcement System* adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat Commercial Circle Sdn. Bhd. yang mengguna pakai teknologi robot dari Jerman; dan
- (ii) Syarikat Beta Tegas Sdn. Bhd. yang mengguna pakai teknologi *red flags* dari Australia.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap meminta penjelasan berkaitan isu tambang yang ditawarkan kepada Ahli Parlimen di mana diskaun 50 peratus diberikan jika membeli tiket AirAsia. Namun didapati harga selepas diskaun 50 peratus masih lagi tinggi berbanding dengan harga tiket *online*. Yang Berhormat Senator mencadangkan agar AirAsia mengubah polisi dan mengkaji balik harga tiket promo yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap supaya AirAsia mengubah polisi dan mengkaji balik harga tiket promo yang ditawarkan, AirAsia memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa berusaha untuk mengurangkan harga tambang penerbangan ke tahap yang paling murah untuk kemudahan semua penumpangnya termasuk Ahli Parlimen. Dalam hubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa harga promosi yang ditawarkan oleh pihak AirAsia secara *online* kepada orang ramai adalah berbeza daripada kemudahan diskaun sebanyak 50 peratus ke atas kadar tambang biasa yang diberikan kepada Ahli Parlimen. Beberapa perbezaan ketara di antara kedua-dua jenis tambang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) harga promosi tambang penerbangan AirAsia yang ditawarkan secara *online* adalah terhad dari segi jumlah destinasi, tarikh penerbangan dan bilangan tiket yang ditawarkan pada satu-satu masa tertentu. Dengan pelbagai faktor ini tiada kepastian bahawa mana-mana penumpang boleh mendapatkan tambang penerbangan dengan kadar promosi tersebut untuk sesuatu tarikh atau destinasi yang diingini;
- (ii) tiket-tiket penerbangan AirAsia yang ditawarkan secara promosi *online* adalah terikat dengan pelbagai syarat-syarat kegunaan. Kemudahan diskaun sebanyak 50 peratus ke atas kadar tambang biasa yang diberikan kepada Ahli Parlimen adalah terpakai untuk seluruh rangkaian penerbangan AirAsia dan ia boleh digunakan pada bila-bila masa; dan
- (iii) AirAsia juga menyediakan talian khas untuk memudahkan proses tempahan tiket penerbangan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan AirAsia menyediakan beberapa kemudahan lain untuk kemudahan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti membenarkan tempahan dibuat dahulu tanpa mengenakan apa-apa bayaran bagi bayaran secara tunai dan membenarkan perubahan dibuat ke atas tempahan yang telah dibuat sehingga dua jam sebelum waktu pelepasan penerbangan asal.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz meminta kementerian menjelaskan *code sharing* di antara MAS dan Firefly kerana tiada keselarasan perkhidmatan ketika *check-in*. Yang Berhormat Senator, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini Firefly sedang menaik taraf sistemnya bagi membolehkan pelaksanaan *baggage interlining facility* yang membolehkan penghantaran bagasi secara terus ke destinasi terakhir tanpa perlu mengambil bagasi tersebut semasa transit dan *check-in* semula. Menjelang bulan Julai 2011, semua penumpang yang menaiki penerbangan *code-sharing* MAS dan Firefly dan transit di KLIA boleh menggunakan *baggage interlining facility* ini.

Juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz meminta kementerian menjelaskan berkaitan isu ruang solat yang sempit serta tidak mencukupi dan lokasi yang tidak bersesuaian di surau Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu berkaitan ruang solat yang sempit dan tidak mencukupi, untuk makluman pada asalnya hanya terdapat satu surau di Terminal 3, LTSAAS yang dapat menampung 10 jemaah lelaki dan 10 jemaah perempuan dalam satu masa. Pada bulan Mei 2008, Terminal 3 telah diubahsuai oleh Subang Sky Park termasuklah menambah satu lagi surau yang juga dapat menampung 10 jemaah lelaki dan 10 jemaah perempuan dalam satu masa.

Dalam hubungan ini juga, Subang Sky Park sedang dalam proses perbincangan dengan Malaysia Airports Holdings Berhad untuk mengubah suai dan menaik taraf Terminal 2 bagi menampung jumlah penumpang yang semakin meningkat. Pelan pengubahsuaian tersebut akan turut mengambil kira keperluan surau yang bersesuaian untuk jemaah. Menyentuh isu berkaitan lokasi yang tidak bersesuaian.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sebuah surau terletak di kawasan *landside* manakala sebuah lagi surau terletak di kawasan *airside* Terminal 3. Surau di kawasan *landside* merupakan surau asal manakala surau di kawasan *airside* merupakan surau tambahan setelah Terminal 3 diubahsuai. Lokasi surau-surau berkenaan adalah memenuhi keperluan aliran pengguna dan telah mendapat persetujuan daripada Malaysia Airport Berhad.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan surau yang dimaksudkan ialah surau *airside* mungkin sebab sekarang ini kedudukan surau itu di luar lokasi tempat kita lalu. Maknanya kalau kita dah masuk lalu di pengawal keselamatan, kita kena masuk dan keluar balik untuk solat. Jadi saya pohon sekarang ini, kemungkinan boleh dialihkan, pegawai keselamatan itu di depan sedikit supaya kita lalu tempat itu dan terus sesuai untuk sembahyang. Jadi saya rasa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pergi ke lokasi baru faham macam mana yang saya maksudkan, bukan masalah lokasi sahaja, ia kena keluar balik. Maknanya kita yang hendak berlepas melalui Firefly itu terpaksa masuk, keluar balik untuk pergi solat. Jadi betul-betul tidak munasabah dari segi kedudukan. Jadi sebenarnya kalau boleh dialihkan sedikit sahaja, kemungkinan perkara ini boleh selesai. Perkara ini saya bincangkan juga dengan pegawai yang bertugas di tempat untuk Firefly, jadi saya pohon tindakan dibuat kerana hanya perlu alih sedikit sahaja sebenarnya. Saya pohon tindakan. Terima kasih.

■ 2030

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat sebentar tadi kita akan bawa ke perbincangan di antara Malaysia Airport Berhad ataupun Pengurus Subang Airport ini untuk buat satu-satunya keadaan yang lebih selesa untuk semua yang akan menggunakan kemudahan ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi meminta penjelasan kementerian sama ada terdapat garis panduan berhubung uniform untuk pramugari beragama Islam yang ingin menutup aurat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator pakaian pramugari dan pramugara penerbangan Malaysia adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak syarikat kepada semua pramugari atau pramugara tidak mengira agama ada bangsa. Garis panduan yang ditetapkan itu adalah mengikut polisi *branding* pihak penerbangan Malaysia yang mengambil kira tradisi pakaian masyarakat Malaysia.

Walau bagaimanapun, pemakaian uniform untuk penerbangan sewa khas ataupun *carter* termasuk penerbangan haji adalah sedikit berlainan. Bagi penerbangan sewa khas sewaktu musim haji, pramugari diwajibkan untuk memakai uniform mengikut ciri-ciri Islam iaitu bertudung. Manakala bagi penerbangan sewa khas di luar masa haji, pramugari boleh membuat pilihan sama ada mereka ingin memakai pakaian seragam di mana kain tudung boleh digunakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî:** Sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bermaksud pemakai tudung ini boleh di *extend* pada luar waktu haji sekiranya pramugari yang terbabit ingin meneruskan pakai tudung. Sebagai contohnya bagi pramugari untuk haji dan selepas haji dia mahu pakai juga. Adakah ini dibolehkan oleh pihak kerajaan seterusnya berkaitan dengan MAS sebentar tadi?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Silakan.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Kita juga akan bawa cadangan ini kepada pihak pengurusan penerbangan sama ada ia MAS, AirAsia ataupun Firefly di mana ia akan dibincangkan oleh pihak pengurus supaya cadangan ini boleh dibincangkan oleh mereka. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz meminta kementerian menjelaskan bilakah kali takhir *syllabus* pembelajaran dan pengajaran motosikal di semak? Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyemak semula dan menambah baik kokurikulum pendidikan pemandu sedia ada sebagai salah satu inisiatif untuk melahirkan bakal pemandu dan penunggang yang kompeten dan berhemah.

Penambahbaikan kokurikulum pemandu baru telah dibuat oleh suatu jawatankuasa yang diketuai oleh MIROS, JPJ, JKJR, dan wakil Persatuan Institut Memandu. Penambahbaikan kokurikulum pemandu ini telah mengambil kira perkembangan dalam industri pemotoran serta untuk menangani meningkatkan kadar kemalangan jalan raya dan ragam pemandu yang semakin kompleks.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf meminta pihak kementerian mengkaji kadar umur minimum daripada 16 tahun ke 15 tahun untuk mendapatkan lesen memandu motosikal. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, kerajaan belum bercadang untuk menurunkan had umur kurang daripada 16 tahun bagi lesen memandu motosikal kerana bimbang bilangan kemalangan dan kematian yang membabitkan peringkat usia yang lebih muda mungkin akan meningkat.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf juga turut mencadangkan agar diadakan satu kaedah di mana pelajar yang berumur 15 tahun ini diberikan lesen khas untuk menggunakan baju uniform sekolah semasa menunggang motosikal. Untuk makluman Ahli Dewan, kajian MIROS mendapati bahawa terdapat perhubungan secara songsang yang nyata dan konsisten antara risiko kecederaan dan kematian dengan usia. Penunggang motosikal berusia 25 tahun ke atas menghadapi risiko 50 peratus lebih rendah berbanding dengan penunggang berusia 15 kepada 19 tahun. Selain itu, penunggang motosikal muda lebih berani mengambil risiko seperti tidak memakai topi keledar dan menunggang dengan laju serta tidak mempunyai pengalaman mengendalikan motosikal dengan cekap dan baik. Sehubungan dengan itu, buat masa ini kerajaan akan mengekalkan had umur minimum pemegang lesen memandu motosikal.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin dan juga Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn meminta penjelasan kementerian mengenai kenderaan yang disenaraihitamkan oleh JPJ sedangkan kesalahan tersebut belum dibawa ke mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, tindakan menyenaraihitamkan dengan menyekat urusan niaga pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan motor yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah selaras dengan kuasa di bawah seksyen 17(1)(d), dan 29(1)(a), Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tindakan ini diambil terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan tindakan senarai hitam dilaksanakan berlandaskan undang-undang, ketetapan telah dibuat supaya JPJ tidak lagi menyekat urusan niaga pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan motor bagi kes-kes yang tidak dibawa ke mahkamah. Hanya kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes-kes jenayah yang masih dalam siasatan Polis Diraja Malaysia atau JPJ sahaja yang akan dikenakan tindakan senarai hitam.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin turut mencadangkan agar kementerian mencari mekanisme dan kaedah lain untuk menggalakkan orang ramai membayar saman tanpa *blacklist*. Untuk makluman Yang Berhormat, selain tindakan senarai hitam ataupun *blacklist*, mekanisme lain yang diambil bagi memastikan orang ramai membayar saman adalah dengan mengenakan mata *demerit* melalui peruntukan di bawah seksyen 35, dan 35(a), Akta Pengangkutan Jalan 1987. Melalui sistem ini pemegang lesen pemandu yang melakukan kesalahan-kesalahan berjadual serta tidak menyelesaikan saman dalam tempoh yang ditetapkan, maka mata *demerit* akan dikenakan ke atas mereka. Penggantungan dan pembatalan lesen memandu akan dilakukan terhadap pesalah-pesalah lalu lintas yang mencapai jumlah mata *demerit* yang ditetapkan. Kerajaan juga sentiasa melaksanakan kempen sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik bagi mengingatkan orang kena saman supaya membayar saman mereka serta mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz meminta kementerian memaklumkan berapakah jumlah CSR yang telah disumbangkan oleh syarikat pemasangan kenderaan kepada pihak kerajaan semenjak tahun 2005. Buat masa sekarang, kebanyakan pihak pengeluar kenderaan melaksanakan *corporate social responsibility* ataupun SCR melalui penganjuran program keselamatan jalan raya yang mana kos sebenar penganjuran tidak diketahui oleh kementerian. Antara contoh Program CSR ialah pemasangan tali pinggang keledar belakang secara percuma oleh Proton, Perodua, dan Honda Malaysia serta kempen semasa musim perayaan. Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia ada menerima sumbangan kewangan sejumlah RM1.8 juta dari pihak Toyota Motor Corporation sejak tahun 2006 untuk Program Warden Trafik sekolah dan Kempen Topi Keledar serta RM10,000 dari edaran Tan Chong Nissan pada tahun 2008 untuk Kempen Topi Keledar.

■2040

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung meminta kementerian menjelaskan mengapa terdapat perbezaan piawai limit berat di antara Semenanjung dan Sarawak sedangkan kelas kenderaan berat adalah sama. Yang Berhormat untuk makluman Dewan yang mulia ini, had berat gabungan kenderaan bagi jalan persekutuan di bawah Perintah Sekatan Berat Pindaan 2003 di Semenanjung Malaysia ialah 51,000 kilogram. Manakala di Sabah dan Sarawak ialah 44,000 kilogram. Perbezaan had berat ini adalah disebabkan spesifikasi jalan raya yang berbeza.

Keadaan di sesetengah jalan raya di Sabah dan Sarawak masih di tahap yang rendah sekiranya hendak dibandingkan dengan Semenanjung dan ini menyebabkannya tidak mampu untuk menanggung berat yang berlebihan daripada yang ditetapkan dalam Perintah Sekatan Berat Pindaan 2003 tersebut...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon untuk mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesediaan pihak kementerian untuk mempertimbangkan soal tutup aurat dalam masalah tadi. Akan tetapi, untuk meneruskan tentang CSR yang telah pun dibentangkan tadi saya difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 9 juta kenderaan yang telah di pasar di negara kita daripada 18 buah pemilik ataupun pengilang di Malaysia ini. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi mempertimbangkan soal CSR ini agar sumbangan oleh syarikat-syarikat tadi benar-benar mendapat manfaat kepada sama ada mangsa kemalangan jalan raya supaya kita dapat melihat dan memantau.

Macam sekarang ini difahamkan tentang kursus-kursus topi keledar, tali keledar ini benda yang bersifat *seasonal*. Jadi kalau boleh dibuat satu perancangan supaya CSR ini benar-benar terpandu kerana dalam jumlah 9 juta kenderaan kita jangka untung mereka mungkin telah melibatkan bilion.

Jadi kalau boleh dibuat satu kajian oleh pihak kementerian agar wujudkan satu jawatankuasa khas untuk memantau CSR ini supaya ianya benar-benar bermanfaat kepada pengguna jalan raya seluruh Malaysia. Saya pohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kita terima baik cadangan Yang Berhormat dan kita akan mencatatkan ini di bawa kepada mesyuarat-mesyuarat yang tertentu. Kita semua faham bahawa tujuan kita buat sama ada *automatic enforcement systems*, senarai hitam dan sebagainya adalah untuk kebajikan semua pengguna jalan raya kita di Malaysia ini termasuklah cadangan-cadangan yang bernas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selama membincang Titah Diraja seminggu lepas.

Jadi bagi pihak kementerian saya mengucapkan banyak terima kasih dan kita jamin bahawa semua cadangan yang bernas itu kita akan bawa kepada mesyuarat dan jabatan-jabatan tertentu di kementerian kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini bahawa mewakili semua Ahli Yang Berhormat saya ingin merakamkan berbilang-bersang terima kasih kepada syarikat penerbangan AirAsia yang telah meluluskan permohonan supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat potongan 50 peratus dalam semua penerbangan AirAsia dan AirAsia X, maknanya dalam negeri dan juga luar negeri. Saya ingin merakamkan terima kasih melalui kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seterusnya, kita pergi ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dipersilakan.

**8.44 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja.

Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah menyentuh mengenai dasar sekurang-kurangnya 30 peratus di peringkat pembuat keputusan. Sejak dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan diumumkan pada tahun 2004. Terdapat kemajuan yang memberangsangkan terhadap penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Kejayaan pelaksanaan dasar 30 peratus ini boleh dilihat dari peningkatan bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam iaitu JUSA adalah seramai 519 orang atau 32.3 peratus pada tahun 2010 berbanding dengan 30.5 peratus pada tahun 2009. Pada masa ini terdapat lima orang KSU wanita iaitu sebanyak 20.8 peratus, 17 orang Timbalan Ketua Setiausaha iaitu 31.5 peratus dan 15 orang Ketua Pengarah di jabatan dan agensi kerajaan iaitu sebanyak 17.2 peratus. Perkembangan yang menggalakkan adalah pelantikan tiga orang wanita sebagai Hakim Mahkamah Syariah yang dahulunya di lihat agak mustahil untuk dilaksanakan.

Di samping itu, 18 orang atau 16.4 peratus wanita memegang jawatan Ketua Pengarah di Jabatan Persekutuan manakala 8 orang atau 18.6 peratus wanita memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan Pengurus Besar di badan-badan berkanun persekutuan. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan. Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh kerajaan untuk membuka ruang dan peluang dalam memastikan peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah:

- (i) mengadakan latihan bagi membina upaya wanita dalam kepimpinan khususnya golongan muda yang berpotensi tinggi seperti mana yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara yang telah pun diluluskan oleh Kabinet pada 22 Julai 2009;
- (ii) menyediakan persekitaran yang kondusif kepada wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan. Sebagai contoh, memberi kemudahan cuti bersalin secara fleksibel yang tidak melebihi 90 hari dalam sektor awam;
- (iii) memberi kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pelajar-pelajar IPT di seluruh negara melalui Jabatan Pembangunan Wanita; dan
- (iv) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh menubuhkan jawatankuasa khas bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pelajar wanita di Majlis Perwakilan Pelajar di 20 buah institusi pengajian tinggi awam telah melebihi 30 peratus iaitu sebanyak 42.5 peratus. Penyertaan pelajar wanita dalam Majlis Perwakilan Pelajar memberi peluang kepada golongan wanita untuk membina upaya dalam kepimpinan dan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Keluarga Negara bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat. Dasar ini yang telah diluluskan pada 17 Disember 2010 adalah bertujuan untuk memastikan supaya perspektif pembangunan keluarga diambil kira di dalam semua aspek pembangunan negara.

**■2050**

Ia juga adalah hasil kesedaran mengenai pentingnya melahirkan generasi yang berkualiti dalam memacu negara menjadi negara maju. Bagi menterjemahkan komitmen semua pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti terhadap dasar ini, Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara telah diwujudkan dan dijadikan panduan bagi memastikan perspektif keluarga diarusperdanakan dalam undang-undang dasar, peraturan, perkhidmatan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Keluarga Negara sememangnya mementingkan elemen mesra keluarga. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap kementerian atau agensi untuk mengambil kira semangat Dasar Keluarga Negara apabila membuat keputusan mengenai kakitangan masing-masing. Dengan mengutamakan perspektif keluarga dan mengamalkan dasar-dasar yang mesra keluarga di tempat kerja, mutu dan produktiviti pekerja dapat ditingkatkan. Dalam masa yang sama, institusi keluarga dapat dikukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu meningkatkan perkhidmatan kerja sosial berhubung dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun A. Bakar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Persatuan Kerja Sosial Malaysia dan United Nation Children's Fund (UNICEF) serta pakar perunding dari Australia dan pakar perundangan dari Universiti Malaya telah menyediakan draf Rang Undang-undang Pekerja Sosial Malaysia.

Tujuan penggubalan akta ini adalah untuk membentuk satu penanda aras dan perundangan bagi mengawal selia pendidikan dan amalan kerja sosial demi kebajikan, kepentingan dan keselamatan rakyat serta meningkatkan keyakinan orang awam terhadap kualiti perkhidmatan serta tahap profesionalisme kerja sosial di Malaysia. Draft tersebut sedang dimuktamadkan dan akan dikemukakan untuk kelulusan kerajaan dalam bulan Disember 2011 ini.

Berhubung isu taska, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, sehingga Februari 2011, penubuhan taska di tempat kerja di kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) 16 daripada 25 buah kementerian dan 12 daripada 52 buah jabatan Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan taska di tempat kerja;
- (ii) tiga buah kementerian dan 19 jabatan kerajaan persekutuan menggunakan taska secara berkongsi dengan kementerian yang lain; dan
- (iii) enam buah kementerian dan 21 jabatan kerajaan persekutuan masih lagi belum menubuhkan taskanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyediakan geran penubuhan taska di sektor awam sebanyak RM200,000 yang boleh dipohon secara terus daripada Kementerian Kewangan bagi menggalakkan penubuhan taska khususnya di sektor awam.

Bagi sektor swasta pula, kerajaan juga memberikan insentif berbentuk potongan cukai sebanyak 10 peratus daripada kos penubuhan taska selama 10 tahun untuk menggalakkan mereka menubuhkan taska di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun A. Bakar turut menyentuh berkenaan langkah kerajaan untuk memastikan golongan OKU dapat menikmati kehidupan yang selesa serta kerjasama kementerian dengan pihak berkuasa tempatan dalam menyediakan kemudahan untuk golongan OKU khususnya bagi meningkatkan *accessibility* dengan izin, kepada kemudahan awam, pelajaran dan peluang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan semua golongan OKU dapat hidup berdikari dan menikmati peluang yang sama dalam semua lapangan kehidupan. Sehubungan itu, pada 19 Julai 2010, kerajaan telah meratifikasikan Konvensyen Hak OKU bagi negara Malaysia. Konvensyen ini bertujuan untuk menjamin akses golongan OKU dalam semua aspek kehidupan seperti pekerjaan, pendidikan, *accessibility*, *mobility*, kesihatan, pemulihan dan penyertaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Bagi memastikan OKU mendapat hak dalam kehidupan mereka, konsep reka bentuk sejagat perlu dilaksanakan di dalam semua projek pembangunan. Reka bentuk ini hendaklah merangkumi reka bentuk produk, persekitaran, program dan perkhidmatan yang boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat termasuklah OKU. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan terhadap aspek pekerjaan kepada golongan OKU untuk memastikan mereka dapat hidup berdikari.

Dasar OKU untuk menyediakan sekurang-kurangnya 1 peratus peluang pekerjaan kepada OKU di sektor awam telah menyarankan kepada semua pihak berkuasa supaya melantik OKU yang mempunyai kelayakan untuk diambil berkhidmat di jabatan dan agensi yang bersesuaian. Selain itu, kementerian juga menggunakan pendekatan kebajikan produktif atau dengan izin, *productive welfare*, bagi membantu penerima bantuan kebajikan termasuk kepada golongan OKU untuk membolehkan mereka hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya melalui program-program berbentuk pembangunan modal insan iaitu seperti Program 1Azam di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah. OKU yang layak dan berpotensi ditawarkan penyertaan sama ada melalui Azam Tani, Azam Niaga, Azam Khidmat dan Azam Kerja bagi membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** [Bangun]

**Puan Heng Seai Kie:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fatimah Hamat pula menyentuh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak bertanya.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila mana kerajaan kita telah pun meratifikasi perjanjian mengenai OKU, kita difahamkan bahawa pihak kerajaan akan membuat sebarang penambahbaikan kepada kemudahan-kemudahan awam. Walau bagaimanapun, kita lihat sehingga hari ini banyak lagi tempat-tempat awam yang belum dibekalkan dengan kemudahan untuk OKU. Jadi saya ingin tanya pihak kementerian, adakah terdapat mana-mana pusat yang dijadikan satu pusat bagi aduan oleh orang awam untuk memastikan kemudahan untuk OKU ini dipertingkatkan? Sebagai contohnya hari ini dalam *Utusan Malaysia*, masalah *parking* untuk orang-orang OKU di tempat terminal-terminal awam masih lagi belum dapat diselesaikan. Jadi, adakah kementerian mempunyai ruang ataupun pusat khas bagi kita mengadu sekiranya terdapat keperluan penambahbaikan untuk kemudahan-kemudahan awam ini mendapat akses dan untuk membantu OKU dalam negara kita? Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Mumtaz atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya meningkatkan kemudahan OKU itu sedang dijalankan. Akan tetapi bagi kementerian, kita sedang dalam proses iaitu mula dengan semua pusat jagaan OKU yang ada di bawah kementerian ini. Berkaitan dengan isu yang kedua iaitu melalui saluran yang manakah masyarakat umum dapat membuat aduan tentang kemudahan OKU ini, jawapannya ialah aduan itu bolehlah dibuat melalui Talian Nur 15999.

#### ■2100

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat pula menyentuh mengenai langkah kementerian untuk mewujudkan sistem rujukan kebangsaan bagi menyalurkan laporan mengenai kes pemerdagangan manusia termasuk wanita, kanak-kanak dan lelaki sebagaimana yang dicadangkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Bagi Migrasi iaitu IOM di bawah bilangan tiga 2011 bertarikh 22 Mac 2011 baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, kementerian ini dipertanggungjawabkan bagi menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang.

Sehingga kini, sebanyak dua buah rumah perlindungan untuk wanita telah diwujudkan iaitu di Kuala Lumpur dan Sabah dan sebuah rumah perlindungan untuk kanak-kanak juga di Kuala Lumpur. Kementerian sedang dalam peringkat akhir untuk membuka sebuah lagi rumah perlindungan untuk wanita di Kuala Lumpur. Selain itu kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga telah mengedarkan risalah mengenai pemerdagangan orang di setiap pintu masuk negara bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang kegiatan ini. Risalah ini telah dicetak di dalam beberapa bahasa tempatan dan antarabangsa bagi memudahkannya difahami.

Berhubung sistem rujukan kebangsaan bagi menyalurkan laporan mengenai kes pemerdagangan manusia seperti yang dicadangkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Bagi Migrasi iaitu IOM.

Kementerian ini difahamkan bahawa Majlis Antipemerdagangan Orang iaitu MAPO yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri selaku badan yang menyelaraskan pelaksanaan akta dan mengkoordinasi usaha-usaha bagi mencegah dan menghapus pemerdagangan orang sedang mengkaji cadangan untuk mewujudkan sistem komputer bersepadu yang boleh dijadikan rujukan dan menyalurkan laporan di peringkat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu kanak-kanak, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menggubal tiga dasar dan pelan tindakan bagi menangani isu pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak iaitu Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara, Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Negara serta Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes penderaan kanak-kanak dari Januari hingga Mac 2011 adalah sebanyak 50 kes. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak empat kes berbanding dengan 54 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2010. Walau bagaimanapun bagi kes pembuangan bayi, jumlah kes yang dilaporkan sepanjang Januari hingga Mac 2011 adalah sebanyak 33 kes. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 11 kes berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2010.

Kementerian melihat peningkatan kes yang berlaku ini mencerminkan masyarakat Malaysia lebih peka dan bertanggungjawab dalam melaporkan kes pembuangan bayi yang berlaku di sekeliling mereka. Ini merupakan hasil daripada kempen dan *advocacy* yang telah dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang lain, sektor swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kes pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak.

Kementerian juga menjalankan kempen-kempen berterusan sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan melindungi dan memelihara kanak-kanak. Antara inisiatif yang diusahakan oleh kementerian bersama-sama dengan akhbar *Utusan Malaysia*, ASTRO dan Persatuan Karyawan ialah melalui kempen "*Kami Prihatin*". Kempen ini merupakan satu permulaan dan diharap akan menjadi pendorong kepada sektor korporat, anggota masyarakat dan ibu bapa meningkatkan kesedaran terhadap masalah ini, yang akhirnya dapat membendung isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak sepenuhnya.

Selain itu bagi menangani isu kehilangan kanak-kanak di Malaysia, kementerian telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang dikenali sebagai *National Urgent Response Alert* iaitu *NUR Alert*. Sistem ini yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 Januari 2011 melibatkan kerjasama bersepadu antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam menyebarkan maklumat mengenai kanak-kanak hilang kepada umum dalam masa yang singkat. Langkah ini dapat meningkatkan peluang kanak-kanak tersebut dikesan dan seterusnya ditemui.

Namun begitu, kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya orang awam amat diperlukan bagi memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat agar *one-stop crisis centre* iaitu OSCC dapat disediakan di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan *one-stop crisis centre* (OSCC) ini telah disediakan di hospital kerajaan sama ada di peringkat daerah atau negeri bagi memberi khidmat sokongan yang diperlukan terutama bagi kes-kes penderaan. Sehingga kini terdapat sebanyak 129 buah *one-stop crisis centre* yang telah diwujudkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian ini melalui JKM berperanan untuk menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak didera dan bayi dibuang yang didapati masih hidup termasuklah melalui penyediaan tempat perlindungan kepada kanak-kanak tersebut.

Sehingga kini kementerian mempunyai 55 buah pusat perlindungan kanak-kanak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang berfungsi sebagai tempat perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa menjalinkan kerjasama terutamanya dengan institusi pengajian tinggi untuk menjalankan kajian-kajian yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian dan mengguna pakai hasil kajian berkenaan untuk tujuan penggubalan dasar dan merancang program dan aktiviti berkaitan.

Antara kajian berkaitan penderaan yang dijalankan adalah kajian penderaan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh Universiti Putra Malaysia dan kajian profil penderaan dan pendera oleh Institut Sosial Malaysia. Antara penemuan daripada kajian profil penderaan dan pendera oleh Institut Sosial Malaysia pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) kes penderaan fizikal dan seksual merupakan kes penderaan yang tertinggi;
- (ii) penderaan lebih banyak berlaku kepada kanak-kanak yang berumur antara 13 hingga 18 tahun;
- (iii) penderaan lebih banyak dilakukan oleh individu yang dikenali mangsa contohnya ibu bapa, ibu bapa tiri, kekasih, kanak-kanak dan pengasuh; dan
- (iv) faktor lokasi tempat tinggal antara bandar dan luar bandar tidak memberikan kesan yang ketara kepada kes penderaan.

#### ■ 2110

Di samping itu kementerian telah mengubah dasar perlindungan kanak-kanak untuk memastikan supaya kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak untuk melindungi kanak-kanak. Pendedahan secara holistik telah dan sedang dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap aspek kepentingan perlindungan kanak-kanak.

Melalui kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti P.S The Children, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim ataupun Anak Miskin di Klang (PENYAKIN), Pertubuhan Pendidikan Anak-anak Yatim Selangor di Rumah Bakti, Rumah Keluarga Kami dan Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah dan juga bersama jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Selain itu program-program kesedaran dan advokasi mengenai penderaan kanak-kanak turut dilaksanakan bersama dengan NGO dan pusat pengajian tinggi bagi memberi pendedahan mengenai isu ini kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat.

#### **9.13 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dari 18 hingga 21 April 2011. Izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibawa di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah di dalam ucapan perbahasan Titah Diraja pada 20 April 2011 telah mencadangkan agar Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan untuk mengubah nama lautan berhampiran Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak daripada Laut China Selatan kepada nama yang mencerminkan kawasan sekitarnya.

Berhubung dengan cadangan tersebut, kementerian ini ingin memaklumkan bahawa nama kawasan maritim seperti yang terdapat pada masa kini adalah merupakan nama yang telah digunakan sejak zaman berzaman dan tidak mencerminkan pengaruh politik atau kedudukan geografi. Nama-nama lautan dan laut yang digunakan sejak zaman berzaman ini telah dimuatkan dalam penerbitan khas nombor 23 *International Hydrographic Organization* (IHO) bertajuk, "*Limits of Oceans and Seas*", yang diterbitkan pada tahun 1953, Edisi Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan untuk menukar nama kawasan maritim seperti ini pernah dikemukakan dalam mesyuarat IHO. Sebagai contoh Republik Korea telah membangkitkan agar nama kawasan maritim di antara Jepun dan Republik Korea yang dikenali sebagai *Japan Sea* diubah kepada *East Sea*. Walau bagaimanapun sejak tahun 1990-an, perbincangan mengenai isu ini masih berterusan kerana di antara lainnya isu ini berhubung kait dengan pandangan bahawa usaha-usaha mengubah nama sesuatu kawasan maritim boleh dilihat sebagai sesuatu yang disifatkan politik.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan negara berpandangan agar wajar nama sedia ada yang telah digunakan sejak zaman-berzaman terus digunakan bagi mengekalkan *status quo*.

Kementerian ini juga ingin memaklumkan bahawa walaupun nama kawasan maritim yang merujuk kepada satu-satu tamadun atau negara boleh dilihat sebagai menyokong tuntutan negara tersebut kepada kawasan maritim, perkara ini adalah tidak benar sama sekali. *United Nations Convention on Law of the Sea* (UNCLOS)(1982) telah dengan jelasnya menyatakan kriteria bagaimana pemilikan kawasan sesebuah maritim ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd Nor dalam perbahasan Titah Diraja telah menyentuh berkenaan kerjasama Malaysia dengan Thailand di Selatan Thailand dan juga kerjasama Malaysia-Filipina di Selatan Filipina. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan positif Yang Berhormat Senator. Kerajaan Malaysia sememangnya mengamalkan polisi tidak campur tangan dalam isu domestik negara lain selaras dengan prinsip-prinsip ASEAN dan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati di dalam isu-isu sedemikian supaya pendirian dan tindakan Malaysia tidak akan menjejaskan hubungan dua hala.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia dan Thailand telah menubuhkan *Committee on Joint Development Strategy for Border Areas* (JDS) pada 16 Januari 2004. JDS ialah sebuah mekanisme dua hala yang menganjurkan mesyuarat secara bergilir-gilir di antara Malaysia dan Thailand. JDS juga mempunyai kumpulan kerja dan *task force* yang membangunkan kerjasama dua hala ke arah membangunkan sosioekonomi di wilayah-wilayah sempadan kedua-dua negara. Ini bertujuan bagi memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand secara bersama. Selain daripada kerjasama JDS tersebut Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) antara Malaysia dan Thailand juga turut membincangkan mengenai kerjasama di dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial di samping usaha-usaha untuk mempererat lagi hubungan antara Malaysia dan Thailand dalam semua aspek secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai jiran terdekat dan rakan ASEAN tetap berusaha memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah di Selatan Filipina dan sebaik-baiknya dan secara bersama dengan Kerajaan Filipina. Peranan tersebut dimainkan melalui pembabitan Malaysia sejak tahun 2004 sebagai Ketua Pasukan Pemantau Antarabangsa di Mindanao yang kini memantau gencatan senjata di antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Selain itu Malaysia turut memainkan peranan sebagai fasilitator bagi rundingan damai tersebut. Pembabitan Malaysia sebagai ketua pasukan pemantau antarabangsa di Mindanao dan sebagai fasilitator runding damai ini adalah amat dihargai oleh Kerajaan Filipina dan masyarakat tempatan di Mindanao. Kerajaan Malaysia sentiasa komited untuk membantu Kerajaan Filipina mendapatkan penyelesaian secara aman bagi masalah yang dihadapi di selatan Filipina selaras dengan pendekatan aman untuk menyelesaikan apa jua masalah jiran tetangga yang sememangnya menjadi pegangan dan amalan negara anggota ASEAN.

## ■ 2120

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri semasa sesi perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara ini. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri akan sentiasa mengambil perhatian di atas pandangan dan cadangan yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih kepada Yang Berhormat setelah begitu padat dan ringkas. Saya persilakan kepada Kementerian Pertahanan untuk memberi penjelasan. Silakan.

**9.21 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua orang Yang Berhormat Dewan Senat yang membangkitkan isu hal ehwal Kementerian Pertahanan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar dan juga Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok. Saya cuba ringkas-ringkasnya Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar mencadangkan supaya semua belia atau warga negara yang berumur 18 tahun diwajibkan mengikuti Program Latihan Khidmat Negara kerana mengikut hujah beliau bilangan 10 peratus yang mengikuti program sekarang tidak mencukupi berbanding dengan jumlah warganegara yang berumur secara keseluruhannya. Ingin saya maklumkan, mengikut Akta Latihan Khidmat Negara yang diluluskan di Parlimen pada 2003, warga negara yang berumur 18 adalah wajib menyertai Latihan Khidmat Negara. Akan tetapi oleh kerana kekangan kem, logistik dan juga masalah-masalah lain, maka kita menggunakan sistem rambang. Di mana sejak dikendalikan pada 2004 hingga 2008 seramai 25 peratus hingga 28 peratus, bukan 10 peratus, jumlah warga negara yang lahir pada tahun-tahun berikutnya wajib mengikuti latihan yang ditentukan oleh akta tersebut.

Justeru itu, kesan dan *outcome* daripada program PLKN ini memang sebenarnya mencapai hasrat Gagasan 1Malaysia dan sesungguhnya membentuk nilai-nilai positif, membina semangat kesukarelaan dan cinta kepada negara. Pada waktu yang sama, mempunyai perwatakan positif. Memang dapat dinikmati oleh para pelatih dan hari demi hari, kompelin daripada pelatih mahupun ibu bapa amat berkurangan. Akan tetapi untuk memastikan semua sekali belia yang kita jangkakan 500,000 bila dia mencapai umur 18 tahun ia memerlukan satu dana yang amat besar. Satu tahun lebih kurang RM3 bilion. Buat masa ini peruntukan untuk melatih 140,000 pelatih adalah dianggarkan RM700 juta. Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau tidak mampu ambil semua belia, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk menaikkan daripada 10 peratus kepada lebih tinggi, contoh 20 peratus, 30 peratus ataupun 40 peratus. Sebab sudah lama kita kekalkan 10 peratus. Itu sudah lama, tidak adakah rancangan baru atau pelan baru kementerian untuk buat perubahan untuk faedah belia-belia. Sebab program ini sangat baik, sangat berfaedah. Ramai belia kompelin, *"Kenapa 10 peratus sahaja, aku apa hal, kami apa hal? Lagi 90 peratus..."* Jadi saya sedar ada kekangan dari segi wang, kem, logistik dan lain-lain. Akan tetapi sampai bila kekangan itu harus dikekalkan. Hendaknya ada perubahan di bawah pimpinan PM yang baru dan wawasan baru 1Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya cakap tadi, awal-awal lagi, bukan 10 peratus. Yang Berhormat Senator tidak berapa dengar agaknya. 25 peratus ke 28 peratus sekarang ini. Kita tidak pernah guna 10 peratus. Buat masa ini kita ada kemudahan kementerian sebanyak 87 dan 140,000 orang diambil. Ada banyak golongan yang meminta secara sukarela dan bilangan sukarela ini semakin bertambah, memang betul. Akan tetapi kita kena realistik kerana Program Latihan Khidmat Negara ini kalau kita hendak wajibkan semua, bukan Program Latihan Khidmat Negara sahaja, kita hendak wajibkan semua, maka kita kena ubah semua pengambilan universiti.

Seperti Korea, ia sejajar semua. Universiti pun tidak ada ambil pelajar kerana semua belia yang umur tahap itu dia wajib masuk, tidak kira lelaki dan perempuan kerana dia ada *military service* yang mewajibkan semua warganegara. Akan tetapi kita buat apa yang mampu dan kita tahu kesan dia baru tahun ke tujuh, kesannya amat baik. Akan tetapi oleh kerana kekangan dana yang diberikan hanya RM700 juta setahun, maka kita terpaksa mengikut arahan-arahan yang kita telah tetapkan mengikut kemampuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok ada menanyakan tiga perkara iaitu bagi pengambilan tanah di Kampung Baru Seri Kembangan Sungai Besi. Dimaklumkan bahawa tanah tersebut adalah tanah yang telah dirizabkan bagi kegunaan Kementerian Pertahanan, maka peladang-peladang kecil yang terbabit yang telah meneroka tanah ini adalah dikenal pasti secara haram. Dasar penempatan semula setinggan Wilayah Persekutuan hanya setinggan yang melibatkan kediaman sahaja akan dipertimbangkan untuk dipindahkan ke mana-mana skim perumahan rakyat di sekitar bandar raya.

Manakala tiada pampasan diperuntukkan bagi setinggan komersial iaitu setinggan yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan, pertanian, pengilangan secara haram di atas milik tanah kerajaan. Isu kedua, Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok ingin mengetahui apakah kaedah yang lebih menarik untuk menarik lebih ramai kaum Cina dan India menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan penyertaan warganegara bukan bumiputera khususnya kaum Cina dan India ke dalam perkhidmatan ATM.

Pelbagai pendekatan dibuat, umpamanya mengadakan pameran, ceramah kerjaya, pengiklanan kerjaya ATM, mencetak dan mengedarkan prosedur dan templat serta memberi tumpuan kepada kaunselor di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan jenis kebangsaan Tamil menggunakan NGO dan juga pertubuhan-pertubuhan berkaitan.

#### ■2130

Akhir sekali, menyusun semula kuota penugasan bumiputera dalam ATM mencakupi bidang jurulatih dan pegawai pendidikan, guru, staf institut latihan ATM bagi memaparkan konsep 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat ingin mengetahui mengenai peratusan kaum mengikut pangkat dalam setiap perkhidmatan ATM. Kalau ikut pangkat ini Tuan Yang di-Pertua, susah kita nak beritahu kerana untuk lain-lain pangkat ini ada tujuh pangkat. Untuk pegawai ada sepuluh, ada tujuh belas. Kalau nak pecah itu semua susah. Jadi memadai kalau saya dapat kebenaran dari Dewan maklumkan bahawa untuk pegawai, bumiputera sebanyak 93.94 peratus, etnik Cina 2.4 peratus, etnik India 2.72 peratus dan lain-lain 0.94 peratus. Untuk lain-lain pangkat, bumiputera sebanyak 93.66 peratus, etnik Cina 0.21 peratus, etnik India 1.11 peratus dan lain-lain etnik 5.02 peratus. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Tanpa buang masa, saya pergi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, silakan.

#### 9.32 mlm.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja menyentuh tentang bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, pelaksanaan Skim Rumah Pertamaku. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaksanaan Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan baru-baru ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim. Skim ini merupakan satu inisiatif di bawah Kementerian Kewangan untuk meningkatkan pemilikan rumah terutamanya di kalangan golongan muda. Maklumat daripada Kementerian Kewangan turut menunjukkan bahawa kementerian tersebut melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan telah dan sedang menyediakan rumah-rumah mampu milik dalam lingkungan harga RM220,000.

Selain itu, kerajaan juga sedang menimbang kaedah-kaedah baru bagi menyediakan lebih banyak Perumahan Rakyat Mampu Milik atau PRMM untuk golongan yang layak di bawah skim ini.

Antaranya termasuklah menggalakkan anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk menerajui pembangunan perumahan sedemikian. Di samping meminta kerajaan-kerajaan negeri mengenakan kuota bagi penyediaan rumah dalam lingkungan harga yang ditetapkan di bawah skim tersebut.

Harga rumah. Daripada segi penetapan harga rumah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim pula, kerajaan sedar bahawa terdapat pergerakan harga rumah yang agak drastik dalam tempoh 12 bulan yang lepas. Oleh demikian, Bank Negara Malaysia telah mengenakan kawalan had 70 peratus pinjaman bagi pinjaman rumah yang ketiga oleh institusi-institusi kewangan. Selain itu, kerajaan juga turut melaksanakan semula cukai keuntungan harta tanah pada tahun 2010 untuk mengenakan cukai terhadap harta tanah yang dijual dalam tempoh kurang daripada lima tahun pembelian.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengelakkan rumah dijadikan sasaran sebagai spekulasi oleh para pelabur harta tanah. Melalui pendekatan fiskal dan juga galakan menerusi insentif Skim Rumah Pertamaku yang diperkenalkan, adalah menjadi hasrat kerajaan agar setiap warganegara yang berupaya memiliki tempat tinggal sendiri.

Yang ketiga, kuota rumah kos rendah. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu penetapan kuota 30 peratus, kuota kos rendah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim juga, ingin saya maklumkan bahawa syarat-syarat ini adalah sebahagian daripada ketetapan dalam memperoleh kelulusan kebenaran merancang daripada kerajaan negeri ataupun di PBT di mana kawasan pemajuan itu dilaksanakan. Ini bermaksud kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak dalam penentuan dan pelaksanaan dasar ini. Kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengurangkan ataupun memberikan pengecualian dalam penentuan kuota rumah kos rendah yang perlu dibina dalam suatu projek perumahan mengikut kesesuaian lokasi dan permintaan. Langkah-langkah penguatkuasaan perundangan, peraturan-peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan sektor perumahan juga dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Sungguhpun demikian, demi membela nasib golongan berpendapatan rendah yang memerlukan rumah kos rendah ini, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan negeri untuk menyediakan jumlah rumah kos rendah yang mencukupi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan melalui pelbagai jabatan, agensi serta Jabatan Perumahan Negara telah berjaya membangunkan sebanyak 110,000 unit rumah mampu milik kepada golongan yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu pengurusan sisa pepejal. Mengenai dengan isu prestasi pengurusan sisa pepejal oleh syarikat konsesi Alam Flora yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan, kementerian sememangnya mengambil perhatian yang serius terhadap perkara-perkara tersebut.

Namun ingin saya maklumkan bahawa walaupun Alam Flora bertanggungjawab ke atas kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam, namun tanggungjawab menguatkuasakan dan memantau prestasi syarikat tersebut masih di bawah pihak berkuasa tempatan dan bukannya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 masih belum dikuatkuasakan lagi dan perjanjian perkhidmatan adalah di antara syarikat konsesi dengan pihak berkuasa tempatan.

Pihak berkuasa tempatan juga boleh mengenakan *Notice to Correct* (NTC) atau pemotongan bayaran kepada syarikat konsesi tersebut termasuklah syarikat Alam Flora sekiranya PBT menerima sebarang aduan kutipan sisa pepejal tidak mengikut jadual ataupun seperti yang ditetapkan. Bagi aduan-aduan yang tidak berkaitan jadual kutipan seperti pembuangan sisa pepejal merata-rata yang sering kali dilakukan adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan bagi membendung atau mengurangkan aktiviti yang tidak sihat tersebut. Tanggungjawab ini akan diambil alih oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dikuatkuasakan nanti.

Kementerian percaya dan yakin bahawa mutu pengurusan sisa pepejal negara akan bertambah baik melalui penguatkuasaan akta ini kelak. Ini seterusnya akan membolehkan KPI dikenakan bagi menilai keberkesanan syarikat-syarikat konsesi secara lebih komprehensif, teratur dan efektif.

Kerajaan tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan supaya pihak berkuasa tempatan kerap mengadakan sesi penerangan kepada syarikat, kepada rakyat mengenai bidang kuasa mereka. Perkara ini adalah baik dan penting kerana dapat mengelakkan salah faham. Ramai anggota masyarakat termasuklah segelintir pemimpin yang masih tidak dapat membezakan di antara kuasa yang ada pada PBT dan kuasa yang ada pada kementerian saya.

#### ■2140

Terdapat insiden yang mana kementerian saya dipersalahkan bagi perkara-perkara yang sepatutnya dilaksanakan oleh PBT atau kerajaan negeri. Contohnya, sampah tidak dikutip, kawasan-kawasan majlis perbandaran atau majlis daerah tidak dibersihkan atau rumput tidak dipotong, longkang tidak dibersihkan. Ini juga kita terima aduan daripada pihak awam bahawa ini adalah merupakan tanggungjawab kementerian. Sebenarnya itu adalah tanggungjawab kerajaan negeri melalui PBT masing-masing.

Mengenai isu kewujudan pilihan raya kerajaan tempatan pula, ingin saya maklumkan bahawa buat masa ini kerajaan tidak akan mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan kerana hanya perkara yang perlu kita elakkan. Kalau sekiranya kita masih membenarkan pilihan raya kerajaan tempatan ini diadakan, maka kita akan menghadapi sekurang-kurangnya tiga pilihan raya dalam tiap-tiap lima tahun iaitu pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri.

Sebagai contoh, di negeri Sarawak, baru sahaja berlalu pilihan raya. *Alhamdulillah*, Barisan Nasional dapat mempertahankan kerusinya di Sarawak dan kita akan menghadapi pilihan raya umum peringkat Persekutuan pula iaitu melalui pilihan raya Parlimen. Selepas itu, mungkin kita akan mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukanlah semudah itu untuk kita mengadakan pilihan raya. Kita bukan bercakap tentang soal demokrasi tetapi kerana memikirkan soal kepentingan umum, kesejahteraan rakyat, kepentingan keselamatan rakyat dan perbelanjaan yang akan dibelanjakan. Dalam pilihan raya tahun 2008, kita hanya menghadapi dua pilihan raya; satu, DUN. Serentak sekali. Kita perlu berbelanja sebanyak RM142.3 juta, dibelanjakan untuk satu-satu pilihan raya. Jadi, kalau kita mengadakan tiga pilihan raya, bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat, berapa banyak peruntukan yang kita gunakan. Lebih baik peruntukan itu kita gunakan, kita salurkan untuk kebajikan rakyat, membina rumah rakyat, membina prasarana bagi kepentingan rakyat... [*Tepuk*] Daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan saya pada malam ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bertanya sedikit? Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kita dapati, ramai pembeli rumah menjadi mangsa kerana rumah mereka yang dijanjikan oleh syarikat perumahan, tidak siap. Jadi, saya mahu penjelasan, apakah pertolongan atau tindakan oleh kementerian untuk menolong mangsa-mangsa ini?

Kedua, sejauh ini kita lihat, kita dengar banyak yang terbengkalai. Bolehkah pihak kementerian nyatakan berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai? Saya tahu misal kata Talam Corporation Berhad, Galian Juta Sdn. Bhd. tidak siap-siap projeknya. Enam tahun, tujuh tahun, lapan tahun. Orang pinjam duit dengan bank. Bank perlu bayar hutang. Perlu servis. Jadi, apakah yang boleh ditolong oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, mengenai soalan pertama iaitu rumah terbengkalai ataupun pembeli rumah menjadi mangsa. Ini memang diakui oleh kita semua bahawa di mana-mana pun berlakunya rumah terbengkalai kerana mungkin pada ketika itu polisi kita tidak sebegitu boleh menjamin masa depan para pembeli sebenarnya. Akan tetapi, pada masa kini, kita telah pun merangka peraturan-peraturan baru dan kemungkinan kita akan masukkan daripada segi akta perumahan nanti iaitu pertama, setiap pemaju mestilah dikenakan deposit yang lebih tinggi selepas mereka ataupun mereka memohon lesen pemajuan.

Ini kita sedang berbincang dengan pihak REHDA iaitu Persatuan Pemajuan Perumahan Semenanjung Malaysia supaya mereka ini sama-sama membantu kita. Ini disebabkan kita tidak menyalahkan persatuan walaupun ahli-ahli mereka terlibat. Bukan semua ahli Persatuan Pemajuan Perumahan di Malaysia ini terlibat dengan pemajuan yang tidak siap ataupun terbengkalai. Akan tetapi, kita minta supaya mereka membantu kita mengenakan lebih tinggi deposit supaya apabila rumah ini terbengkalai, kita akan gunakan deposit kepada kerajaan ataupun kementerian tadi akan digunakan untuk menyiapkan rumah berkenaan. Itu antara pendekatan yang pertama.

Keduanya juga, kita tidak benarkan pihak pemajuan ataupun mana-mana pihak swasta yang selepas lesen mereka dikeluarkan, mengiklankan dan membenarkan penerimaan deposit kepada pembeli-pembeli. Oleh sebab itulah berlaku apabila penerimaan deposit dan pembeli ini telah pun meminjam kepada pihak institusi-institusi kewangan, maka apabila rumah terbengkalai, sampai pada tempoh pembayaran, maka pembeli ini akan membayar kepada pihak bank. Malahan, mereka tidak dapat menduduki rumah seperti yang mereka beli daripada pihak pemaju.

Kemudian, bagi membantu pembeli-pembeli, kita di kementerian akan mencari pemaju penyelamat untuk menyelamatkan rumah-rumah yang terbengkalai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih daripada 100 buah projek yang terbengkalai di seluruh negara dan kita telah hampir menyelamatkan 50 peratus. Sementara, 50 peratus masih lagi *on going* untuk kita mencari penyelamat dan sebahagiannya kita telah pun dapat kontraktor atau pemaju penyelamat. Ini antara pendekatan-pendekatan yang kita buat dan kita juga perlu berunding dengan pihak pemaju. Ini kerana ia lebih mudah untuk kita menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai ini daripada pemaju asal, pemaju penyelamat sebab pemaju penyelamat mungkin mereka pertamanya, inginkan satu peruntukan ataupun satu tambahan pada kos bagi menyiapkan.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, nampaknya pihak pembeli tidak ada halangan kalau kita hendak tambah antara 10 peratus sehingga 15 peratus, kos itu akan bertambah disebabkan rumah ini ada antaranya yang terpaksa bahan-bahan ataupun perkakas yang telah dipasang perlu dibuka semula dan digantikan dengan yang baru. Jadi, inilah antara pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh kementerian dan dari semasa ke semasa kita akan pantaulah rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta supaya tidak ada lagi terbengkalai di masa yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk menggulung bagi perbahasan Titah Diraja. Ada empat orang Menteri yang akan menggulung. Pertama, diminta Yang Berhormat Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon untuk menggulung.

**9.48 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang bernas dan kritikan yang membina terhadap beberapa isu di bawah portfolio saya.

Pertamanya, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah telah mencadangkan supaya kerajaan menimbang untuk menambah *Attitude Transformation Programme (ATP)* sebagai salah satu daripada tunggak utama dalam Program Transformasi kerajaan. Seperti yang telah saya jawab semasa soal jawab pada hari Khamis yang lalu di Dewan yang mulia ini, saya memang mengalu-alukan cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat Senator dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang turut memberikan sokongan terhadap GTP dan ETP yang merupakan tunggak-tunggak utama dalam Gagasan 1Malaysia. Saya bercadang untuk menganjurkan satu bengkel supaya kita yang berminat boleh berbincang secara mendalam mengenai aspek perubahan sikap dan juga memupuk nilai-nilai murni.

**■2150**

Ia bukan sahaja di kalangan penjawat awam tetapi di kalangan rakyat jelata supaya untuk menjayakan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Saya berharaplah akan mendapat sambutan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon ingin tahu apakah jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengikut kaum dan bilangan pemohon yang berjaya, jawatan dan gred ditawarkan kepada pemohon yang berjaya. Beliau juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh SPA bagi mengurangkan jurang ketidaksamaan dalam perkhidmatan awam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SPA sebenarnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah mengambil beberapa langkah yang positif dan proaktif untuk menggalakkan dan menarik lebih ramai pemohon kaum Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak untuk jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam seperti menyediakan soal lazim ataupun *frequently asked questions (FAQ)* dalam bahasa Cina dan Tamil dalam portal SPA sendiri, menyiarkan maklumat melalui TV dan radio, memberi taklimat kerjaya untuk guru-guru kerjaya di sekolah-sekolah, mengedarkan risalah melalui kerjasama ketua-ketua masyarakat Cina dan India dan mengadakan promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik dan juga aktiviti-aktiviti anjuran bersama dengan agensi lain seperti *JobsMalaysia* dan kerjasama dengan pertubuhan seperti Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan sebagainya.

SPA juga terus berusaha untuk menambah pusat-pusat temu duga sepenuh masa khususnya di Sabah dan Sarawak dalam usaha untuk meringankan kesukaran calon-calon dari kawasan-kawasan pedalaman untuk menghadiri sesi temu duga. Hasil daripada usaha-usaha oleh SPA, bilangan pemohon dari kaum Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak telah meningkat dengan mendadak dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Perbandingan dibuat antara tahun 2007 dengan tahun 2010 kerana proses permohonan dan pengambilan bagi tahun 2011 masih belum dapat dibuat perbandingan.

Bagi kaum Cina, daripada 12,872 pemohon pada tahun 2007, ia telah meningkat kepada 37,997 pemohon iaitu peningkatan sebanyak 195 peratus. Bagi kaum India, daripada 18,553 pemohon ke 58,006 pemohon iaitu peningkatan lebih daripada 212 peratus. Manakala bagi Bumiputera Sabah dan Sarawak, dari 87,124 pemohon kepada 196,951 pemohon iaitu peningkatan 126 peratus. Secara perbandingan bagi kaum Melayu, peningkatan adalah daripada 631,264 pemohon kepada 1,330,743 pemohon iaitu sebanyak 110 peratus.

Bilangan pemohon kaum Cina dan India yang berjaya ditawarkan pelantikan oleh SPA juga telah meningkat iaitu bagi kaum Cina, 1,323 pemohon pada tahun 2007 kepada 2,392 pemohon pada tahun 2010. Bagi kaum India, 1,182 pemohon ke 1,994 pemohon. Bagi bumiputera Sabah dan Sarawak, peningkatan dari 3,909 pemohon kepada 4,455 pemohon. Secara perbandingan bagi kaum Melayu, ia merupakan satu penurunan sebanyak 9 peratus iaitu daripada 31,507 pemohon ke 28,558 pemohon walaupun masih merupakan hampir 85 peratus daripada semua pengambilan. Maka, ini menunjukkan bahawa SPA adalah jujur dan serius dalam usaha gigih untuk menambah bilangan penjawat awam dari kaum Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi memandangkan bahawa peratusan penjawat awam berketurunan Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak masih agak kecil secara perbandingan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai...

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Hal ehwal perpaduan negara, Yang Berhormat...

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Baik. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Senator yang baru ya.

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan ataupun butir-butir yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu, usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menerima permohonan daripada bukan kaum Melayu, adakah masih lagi kekurangan di atas sebab tidak ada peluang untuk kenaikan pangkat di peringkat atasan, *at the top level?* Jadi, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini?

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa peratusan penjawat yang berketurunan Cina, India dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak secara perbandingan adalah kecil, maka ia juga dicerminkan di semua peringkat. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa promosi atau naik pangkat bagi jawatan penjawat awam sudah menjadi semakin terbuka. Secara perbandingan, pada tahun 2008 terdapat hanya dua daripada kesemuanya 28 Ketua Setiausaha (KSU) adalah terdiri daripada keturunan bukan Melayu, tetapi pada hari ini sudah ada lima daripada 28. Ini menunjukkan bahawa usaha memang telah diambil.

Walau bagaimanapun, hendak diambil kira bukan sahaja keturunan tetapi kesesuaian dan kelayakan secara adilnya.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa dasar keterangkuman atau *inclusiveness* sedang mulai diamalkan dalam perkhidmatan awam dengan secara terbuka lagi sepertimana prinsip keterangkuman juga hendaklah diamalkan dalam sektor swasta juga. Ini supaya kita mempunyai satu masyarakat dan satu ekonomi serta satu perkhidmatan awam yang benar-benar seimbang yang mencerminkan penyertaan yang bermakna dan berkesan daripada semua pihak...

■2200

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Ya, silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya sesungguhnya menunggu-nunggu kenyataan terakhir Yang Berhormat itu. Selaku Menteri yang difahamkan menjaga juga integrasi nasional, kenyataan seperti dalam ayat yang terakhir itu datang daripada seorang Menteri bukan Melayu. Saya amat sanjung tinggi kerana inilah yang telah saya sarankan sejak tahun 2008 di mana Menteri Melayu dan bumiputera bercakap juga bagi pihak bukan Melayu dan bumiputera, dan Menteri Cina atau India turut bercakap selaras dengan aspirasi Melayu dan bumiputera. Tahniah Yang Berhormat Menteri. *It looks there is light at the end of the tunnel*, dengan izin.

Akan tetapi soalan saya, selaras dengan apa yang telah diterangkan, apakah usaha yang lebih tuntas dan tegas untuk menyeimbangkan pekerja mengikut kaum di sektor swasta? Ini kerana daripada 11 juta pekerja di dalam ekonomi negara kita, hanya 1.2 juta di sektor awam. Kalau kita hanya menekankan penstrukturan semula di sektor awam yang tidak sampai 10 peratus sedangkan kita membiarkan di sektor swasta yang hampir 90 peratus, maka usaha kita ke arah keterangkuman tidak akan tercapai. Jadi di sini ada tuntutan ke arah keseimbangan, kesaksamaan di kedua-dua sektor.

Saya juga tidak bersetuju kalau sektor awam tidak dibetulkan kerana di situ juga terletaknya kuasa dan sebagainya. Jadi, tolonglah selesaikan segera desakan dan tuntutan ini. Sekurang-kurangnya kita dapat melihat dengan jelas *road map* dengan izin, ke arah itu. Yang demikian, tuntutan terhadap keadilan dan kesaksamaan akan dapat dicapai dan mungkin berhentilah pada hari itu apa yang dikatakan *the third law motion – for every action, there is an equal opposite reaction*. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Akbar mengenai perlunya kita terus berusaha untuk menstrukturkan semula kedua-dua sektor awam dan swasta. Sebenarnya, penstrukturkan sektor swasta telah berlangsung melalui penstrukturkan ekuiti dan penstrukturkan pengambilan pekerja oleh syarikat-syarikat besar khususnya.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa cabaran masih wujud yang hendak terus diuruskan dengan kaedah berinovasi untuk khasnya dalam bidang pengusahawan atau keusahawanan (*entrepreneurship*) di mana sememangnya di bawah Modal Ekonomi Baru dan juga melalui beberapa kaedah *Strategic Reform Initiative* (SRI), baru sahaja sebenarnya lengkap satu makmal untuk bagaimana menjanakan secara efektif lebih ramai lagi usahawan bumiputera termasuk juga bumiputera di Sabah dan Sarawak supaya mempunyai daya saing bukan sahaja di dalam pasaran di dalam negeri tetapi juga pasaran sedunia bersama-sama dengan usahawan Cina, India dan lain-lain, iaitu konsep *smart partnership* ala 1Malaysia.

**Tuan Boon Som a/l Inong:** Boleh saya mencelah?

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Itu memang sesuatu yang kita ingin mencari kaedah-kaedah yang berinovatif supaya apa yang dilaksanakan itu adalah juga mesra pasaran (*market friendly*) dan menjadikan satu dorongan yang berkesan untuk mewujudkan usahawan pelbagai kaum. Ya, silakan.

**Tuan Boon Som a/l Inong:** Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Boon Som a/l Inong:** Banyak yang disebut tentang bumiputera Sabah dan Sarawak dan daripada Pejabat Perkhidmatan Awam dan sebagainya. Adakah dasar ini memperluaskan kepada kaum minoriti seperti kaum Siam, Portugis dan lain-lain? Ini kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia yang taat setia kepada kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som yang mengambil berat terhadap komuniti beliau. Memang minoriti juga akan dipantau dari segi kemajuannya. Tadi saya cuma memberikan beberapa contoh secara kumpulan besar tetapi saya boleh memberikan notis tentang angka yang lebih terperinci. Terima kasih.

Saya beralih kepada isu perpaduan. Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok meminta kerajaan memaklumkan apakah program-program untuk mengeratkan lagi perhubungan dan perpaduan antara kaum. Manakala Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman telah menyarankan kerajaan supaya mempromosikan idea keamanan, kestabilan dan keharmonian kaum dengan lebih berkesan lagi. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong juga mahu tindakan yang keras dan tegas perlu diambil dari segi undang-undang terhadap sesiapa yang cuba menggugat keharmonian kaum termasuk kepada ahli-ahli politik. Beliau juga mencadangkan agar kerajaan perlu mewujudkan undang-undang khusus untuk memastikan kestabilan dan keharmonian kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menggubal undang-undang khusus untuk menjaga keharmonian kaum dalam bentuk Akta Hubungan Kaum atau *Race Relation Act* seperti yang telah diamalkan di Britain sebenarnya timbul lanjutan daripada beberapa isu sensitif dan kenyataan yang berbau perkauman yang telah dibangkitkan dan hangat dibahaskan oleh pelbagai pihak di dalam Dewan Rakyat khasnya dan juga di luar Dewan dengan liputan media cetak dan elektronik secara meluas yang telah mencetuskan emosi dan persepsi yang negatif sebelum dan selepas pilihan raya umum tahun 2008. Tujuan cadangan akta ini adalah untuk membendung dan mengambil tindakan terhadap individu atau kumpulan yang percakapan atau tingkah lakunya boleh menjejaskan hubungan baik di antara kaum.

Selanjutnya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah ditugaskan oleh Jemaah Menteri pada waktu itu supaya mengkaji dan membuat perbandingan antara akta-akta yang serupa di negara-negara lain dengan menganjurkan satu perbincangan meja bulat secara intensif bersama dengan Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM yang disertai oleh para ahli akademik, wakil NGO sektor swasta dan awam. Berdasarkan rumusan lapan JPNIN ini, Jemaah Menteri pada bulan Januari tahun 2009 telah membuat keputusan bahawa adalah tidak perlu untuk menggubal satu Akta Hubungan Kaum kerana akta-akta yang sedia ada adalah memadai untuk tujuan tersebut.

#### ■2210

Jikalau perlu akta-akta yang sedia ada boleh disemak, diteliti, diperjelas atau dipinda serta dilaksanakan secara lebih berkesan dan adil lagi. Dalam membuat keputusan ini Jemaah Menteri juga mengambil kira hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah landasan asas yang dengan jelasnya mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini. Manakala Rukun Negara merupakan prinsip panduan untuk semua. Di samping itu adalah didapati secara objektif bahawa undang-undang sahaja tidak boleh memaksa seseorang untuk menyukai orang lain. Oleh itu di sebaliknya adalah perlu diutamakan penerapan nilai-nilai murni dan perubahan sikap. Melalui proses pendidikan dan pemyarakatan atau *socialization* yang dianggap akan mendatangkan hasil yang lebih berkesan dan berkekalan.

Mulai bulan April tahun 2009, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mengambil alih sebagai Perdana Menteri Malaysia kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Gagasan 1Malaysia, GTP dan ETP untuk terus memupuk, memelihara dan memperkukuhkan lagi perpaduan dalam kepelbagaian atau *unity in diversity* yang dipandu oleh teras-teras perpaduan dan penerapan nilai-nilai aspirasi serta konsep keterangkuman atau *inclusiveness*. Supaya semua kaum mendapat manfaat dari dasar-dasar yang dilaksanakan secara adil dan berkesan. Tidak ada sesiapa yang dipinggirkan. Semua rakyat perlu menerima dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum-kaum yang sedia ada serta menegakkan keadilan sosial, di mana semua rakyat Malaysia akan terbela khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan.

Sejak dilaksanakan Gagasan 1Malaysia telah secara langsung dan tidak langsung berjaya meningkatkan kesedaran dan komitmen rakyat terhadap betapa pentingnya untuk saling menghormati dan mengeratkan perhubungan kaum di negara ini. Hasil daripada seruan oleh Perdana Menteri dan promosi oleh pelbagai kementerian khususnya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, 1Malaysia telah diterima pada amnya oleh rakyat sebagai satu simbol perpaduan dan keazaman untuk menjayakan transformasi negara. Lebih penting lagi ramai rakyat khususnya generasi muda begitu gemar menyahut dan melaung 1Malaysia secara spontan dalam apa jua majlis perayaan atau perhimpunan.

Di samping itu telah muncul kesedaran bahawa apa juga program atau aktiviti yang dianjurkan. Hendaklah seboleh-bolehnya merangkumi dan melibatkan para peserta berbilang kaum supaya mencerminkan semangat Gagasan 1Malaysia. Maka dalam konteks ini kerajaan sedang dan akan terus mempertingkatkan program-program yang sedia ada dan memperkenalkan program-program yang baru. Untuk terus memupuk persefahaman dan perpaduan seperti Rukun Tetangga dalam kawasan perumahan, rancangan integrasi murid-murid untuk perpaduan atau *remote* antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk belia yang telah diberi maklumat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tadi serta melalui sukan dan pelbagai program interaksi untuk belia dan wanita.

Galakan dan sokongan juga diberi kepada syarikat-syarikat swasta dan NGO untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti interaksi antara etnik. Selain daripada itu kerajaan terus berusaha untuk memupuk semangat perpaduan dan persefahaman di antara kaum melalui kesenian dan kebudayaan terutamanya memandangkan negara kita begitu kaya dengan keunikan budaya dan bahasa. Sebagai contoh dua teater muzikal telah ditayangkan. Satunya ialah *Kita The Muzikal* pada bulan Jun tahun 2010 dan baru-baru ini *Muzikal Lat The Kampung Boy* yang mencerminkan penyertaan para pelakon berbilang kaum. Dengan cerita yang mencerminkan kehidupan rakyat Malaysia yang bergaul, berinteraksi dan bersama-sama maju dan mara ke hadapan.

Dalam konteks ini maka adalah diharapkan bahawa semua pemimpin sama ada politik atau masyarakat. Memainkan peranan yang positif serta mengelakkan kecenderungan untuk mempolitikkan isu-isu yang berkaitan dengan agama dan kaum. Kerajaan bersedia mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan kaum dan keagamaan jikalau didapati perlu. Contohnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menyiasat beberapa kes penyalahgunaan internet yang menyebarkan kandungan lucah, palsu, menghina Islam atau agama lain. Juga kes-kes yang berasas telah dikenakan tindakan mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia.

Selain daripada itu, lanjutan daripada aduan-aduan terhadap kenyataan beberapa orang penjawat awam yang menyentuh sensitiviti kaum. Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am pada 1 Oktober 2010 untuk membendung kenyataan dan perlakuan yang sedemikian, yang boleh menjejaskan hubungan antara kaum. Di samping menjelaskan prinsip dan prosedur tindakan tatatertib untuk menangani kes-kes seumpama ini.

Maka sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, hubungan antara kaum seperti mana hubungan antara manusia atau hubungan dalam keluarga pun. Dalam konteks yang lain memerlukan sikap yang positif dan pendekatan yang munasabah dari semua pihak yang terlibat untuk terus memupuk keharmonian.

Di dalam isu perpaduan dan hubungan antara kaum pemimpin memang memainkan satu peranan yang amat penting. Maka adalah diharapkan bahawa usaha berterusan ke arah positif ini akan dapat memecah tembok dan membina jambatan antara kaum. Seterusnya mengatasi fenomena polarisasi dan memupuk perpaduan yang lebih erat. Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Boleh? Saya rasalah berdasarkan sikap dan pendirian serta pendekatan Yang Berhormat zahirkan dalam konteks Integrasi Nasional. Saya rasa pemilihan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib adalah satu pemilihan yang tepat untuk menduduki kerusi jawatan Menteri itu. Saya tidak berniat untuk bersikap negatif terutama dalam suasana yang begitu positif, Yang Berhormat gambarkan tadi. Namun demikian kita harus juga berpijak ke bumi nyata di mana menangani isu ini kalau dalam bahasa Inggeris, *'tackle the bull by the horn.'* Sepanjang 60 tahun yang lalu kita dapat melihat perubahan. Saya rasa majoriti berpendapat dan bersetuju bahawa kalau dahulu tahun 50-an, 60-an dasar perkauman agak kurang, tidak setegang macam sekarang. Sekarang nampaknya semakin meningkat bahang dan suhu itu semakin tinggi. Polarisasi kaum agak semakin ketara.

Kalau kita dengar pendapat Canselor German dan juga pendapat Perdana Menteri Britain beberapa bulan yang lalu. Kalau saya boleh *quote* dengan izin, "*racial core existent in Germany is death, racial core existent in UK is death.*" Itulah kenyataan kedua-dua pemimpin tersebut. Jadi, kita tidak mahu kerana mengikut ahli falsafah, *we must learn from the misfortune of others* untuk mengelak *core existent* itu mati.

#### ■2220

Jadi di sini Menteri, saya ingin menarik perhatian kerana kita memerlukan pendekatan inovatif yang disarankan tadi. Kita bimbang semua pihak, kita tidak boleh *blamed* bukan Melayu sahaja dan kita tidak boleh salahkan Melayu dan bumiputera sahaja dan ini selalu mengundang apa yang saya katakan tadi *the Newton's third law of motion*. Jadi saya ingin menarik perhatian dan saya mengambil contoh ini bukan tujuan untuk hendak *exploit* hanya satu kaum Menteri.

Pada tahun 1985, mengikut keputusan Perkara 51 dalam Perlembagaan Dong Zong kenyataan pada tahun itu cukup jelas tidak mahu bahasa Melayu diasimilasikan walaupun menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Saya baca, tidak boleh dijadikan bahasa Melayu sebagai cara untuk asimilasikan kaum sedangkan bahasa adalah salah satu kaedah untuk melakukan proses integrasi dan asimilasi.

Juga disebutkan bahawa pihak yang berkenaan perlu menghindarkan secara sekeras-kerasnya tidak ada berlaku sebarang polisi untuk asimilasi sesuatu bahasa, sesuatu sistem pendidikan dan mahu menuntut bahasa Cina, bahasa India setaraf dengan bahasa kebangsaan. Ini tentu berlawanan dengan Perkara 152 iaitu bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan mesti digunakan dalam semua acara rasmi tetapi bahasa-bahasa lain boleh digunakan.

Jadi kalau menuntut bahasa-bahasa lain setara maka bahasa-bahasa lain juga mesti digunakan dalam majlis rasmi sebagai contoh.

Jadi tuntutan-tuntutan ini dan bersama-sama yang lain akan menyebabkan *ratio tension* tadi. Jadi dalam konteks inilah, dalam ekosistem inilah saya melihat begitu sukarnya Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah integrasi. Jadi apakah pendekatan baru sesungguhnya supaya kita boleh berkongsi, supaya betul-betul integrasi kaum ini dapat dilaksanakan dan dapat kita hapuskan perasaan perkauman ini kerana ia sudah tentu tidak sihat dan kita lihat apa yang dibangkitkan '1Melayu, 1Bumi' mendapat reaksi yang negatif dari sesuatu kaum. Nanti kaum yang lain pula akan timbulkan yang lain '1Cina, 1India' dan sebagainya. Ini semua tidak sihat. Jadi bagaimana Menteri dalam kedudukan kerusi yang panas itu boleh didinginkan seluruh negara. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Ya terima kasih. Izinkan saya menjawab secara ringkas kerana mungkin masa tidak mengizinkan tetapi kita masih ada peluang untuk terus bertukar fikiran dan juga untuk berikhtiar mencari jalan-jalan yang lebih berkesan lagi. Memang apabila dua orang atau dua kumpulan atau dua golongan berinteraksi lebih rapat daripada dahulu, mereka akan dapati bahawa memang ada perbezaannya, dahulu tidak begitu nyata. Ini juga terpakai dengan pasangan lelaki dan perempuan *fall in love*. Waktu cinta begitu tebal, kekurangan tidak nampak. Cinta itu buta tetapi selepas berkahwin, selepas berhadapan dengan cabaran kehidupan, anak, hendak cari makan, tekanan daripada ibu mertua dan sebagainya, jadi berbagai-bagai isu.

Oleh itu ada satu peribahasa Cina yang mengatakan tidak bergaduh, tidak bercinta. Bergaduh itu adalah satu proses untuk kenal-mengenal di antara satu sama lain dengan lebih rapatnya dan mungkin kita sekarang ini melalui satu proses ini kerana integrasi telah berlangsung. Tidak dapat dinafikan bahawa di kilang-kilang dan di syarikat-syarikat besar sudah terdapatnya pekerja-pekerja berbilang kaum yang dahulunya terpisah, tidak bekerjasama tetapi sekarang rapat.

Oleh kerana rapatnya maka timbulnya bermacam-macam masalah termasuklah sekiranya seorang daripada kaum dan agama berkahwin dengan seorang yang beragama dan berbangsa lain maka akan timbul masalah di situ. Oleh itu apa yang perlu ialah kita bersikap positif dan membina untuk menguruskan segala-galanya ini dengan penuh kesabaran dan juga dengan penuh komitmen bahawa kita adalah warganegara dalam negara yang sama dan tidak ada pilihan yang lain dan sekiranya kita mempunyai perasaan kekitaan seumpama ini maka walaupun rumit tetapi perselisihan dapat diselesaikan dengan lebih lancarnya.

Oleh sebab inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengilhamkan dan melancarkan Gagasan 1Malaysia untuk menjadikan ia sebagai asas kepada kita semua. Saya berharap melalui beberapa proses yang telah berlangsung kita akan dapat mengatasi masalah ini. Ini secara ringkas Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau ada peluang kita akan juga terus berdialog dan mungkin kita boleh ada satu bengkel juga mengenai isu ini di mana kita boleh bincang dengan secara lebih mendalam lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Akbar bin Ali:** Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa cukup. Tidak ada masa. Yang Berhormat, minta maaf, sudah beberapa kali mencelah. Minta maaf. Minta Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum untuk menggulung.

**10.27 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan tahniah kerana telah membicarakan dan membincangkan perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dan tahniah juga semua Ahli Yang Berhormat kerana dapat menunggu sehingga larut malam membahaskan dan membincangkan tentang negara dan juga rakyat. Tahniah kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah membangkitkan isu ponteng solat Jumaat dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan tetapi penguatkuasaannya dipandang enteng oleh pihak berkuasa. Ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara berkaitan hal ehwal Islam di negara ini merupakan bidang kuasa eksklusif pihak berkuasa negeri-negeri termasuk penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang untuk kesalahan jenayah syariah.

Saya jelaskan ini kerana bukan untuk mengelak daripada tugas dan tanggungjawab di bawah saya terutamanya JAKIM tetapi untuk supaya kita dapat mengenal pasti bahawa salurannya nanti ia akan turun sampai ke peringkat penguatkuasaan di peringkat negeri. Dalam persoalan ini Agensi Penguatkuasaan Jenayah Syariah ditubuhkan berdasarkan peruntukan yang termaktub dalam Undang-undang Syariah yang berkuat kuasa di negeri-negeri.

Dengan demikian, sebarang isu dan kesalahan syariah yang melibatkan orang Islam diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam Negeri. Justeru ke arah penekanan dan penguatkuasaan kerajaan melalui JAKIM sering memperkemaskan maklumat arahan kepada pihak berkuasa agama negeri melalui mesyuarat-mesyuarat agar tindakan kepada pelanggaran jenayah syariah termasuk ponteng solat Jumaat dan ponteng puasa di bulan Ramadhan yang ditinggalkan, dikuatkuasakan oleh negeri.

Pada masa yang sama, masyarakat dari sisi keluarga harus memainkan peranan penting bagi meningkatkan kesedaran kepada ahli masyarakat, keluarga masing-masing mengenai kewajipan solat Jumaat dan puasa di bulan Ramadhan. Mereka perlu memantau keluarga dan juga anak-anak mereka mengenai kewajipan solat Jumaat dan puasa di bulan Ramadhan. Walau bagaimanapun, dalam membendung budaya suka ponteng solat Jumaat dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan ini, ianya memerlukan komitmen semua pihak dan tidak mengharapkan kepada agensi penguat kuasa semata-mata.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim meminta JAKIM memberikan perhatian khusus bagi mengatasi anak tidak sah taraf.

JAKIM telah mengambil pendekatan pelbagai bagi mengatasi masalah kes anak tidak sah taraf di negara ini. Antara pendekatan ialah:

- (i) pendekatan pencegahan dan pengukuhan *al-Wiqayah*. Ini termasuklah merangkumi pelaksanaan program pembangunan institusi keluarga dan program penghayatan Islam kepada remaja;

■2230

- (ii) pendekatan rawatan dan pemulihan (*al-Ilaj*) iaitu pendekatan pemulihan kepada remaja yang terlibat di rumah-rumah perlindungan. Mereka akan diberikan nasihat kaunseling, menitikberatkan syariat Islam agar mereka tidak mengulangi perkara yang sama;

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

- (iii) bimbingan dan nasihat (*al-Tarbiyah Wa Al Nasihah*) nasihat di mana menyediakan khidmat nasihat kepada masyarakat awam melalui pelbagai medium; dan
- (iv) penguasaan dan pendakwaan. Langkah terakhir pencegahan juga diambil melalui penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah enakmen ataupun Akta Kesalahan Jenayah Syariah, mendakwa pihak yang bersalah sebagai hukuman agar tidak mengulangi perbuatan itu supaya tidak diikuti oleh orang yang lain.

Bagi melaksanakan pendekatan tersebut, penglibatan dan kerjasama berterusan antara JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dengan kementerian yang terlibat seperti mana...

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Ya, ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Kesian dekat kawan-kawan di belakang.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah anak di luar nikah ataupun anak yang buangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di luar nikahlah..

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Yang jumpa di tengah-tengah jalan itu, sesetengahnya itu dia ada bapa, pasal semasa saya pergi ke Sarawak hari itu, mereka kata ada pun dia punya bapa. Akan tetapi kerana dendam, sakit hati, jaga bapa pelbagai, bapa itu tinggalkan mereka, mereka buang semacam itu. Adakah tidak di "binti" atau "bin" di Malaysia dan berapakah jumlah kanak-kanak yang lain tidak di 'binti'kan? Tidakkah pihak kementerian Yang Berhormat sendiri pun merasai *side effect* adalah moral kanak-kanak membesar dengan tiada "bin" atau "binti"? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan anak yang kalau sekiranya bapa dia ada, cuma bapa meninggalkannya. Saya mungkin barangkali ada kekeliruan di situ. Ibu atau keluarga kepada ibu boleh mewakili keluarga tadi untuk mendaftar dan dibintikan atau dibinkan kepada bapanya berdasarkan kepada surat nikah yang menjadi pengesahan kepada perkahwinan tadi, ia boleh dibinkan.

Persoalannya tadi, anak tidak sah taraf ini dia adalah merupakan anak yang di luar daripada perkahwinan ataupun ada pada tempoh yang telah ditetapkan kriterianya dalam Mahkamah Syariah. Dalam sistem kita ialah yang kurang daripada enam bulan. Maksudnya perkahwinan yang kurang dari enam bulan tetapi sudah bersalin. Jadi ini di antara beberapa kategori. Akan tetapi yang dapat saya fahamkan dari Senator Datuk Hajah Wan Hazani sebutkan tadi, ialah yang bapa dia lari begitu sahaja. Akan tetapi kalau ada surat pernikahan, tidak ada masalah untuk dibinkan kepada bapa tersebut.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Itulah sebab kita sebutkan, jangan kahwin lari, jangan kahwin tanpa berdaftar, tidak melalui ejen dan sebagainya. Ini sebab dia tidak melalui majlis agama dan sebagainya. Itulah sebab kesan daripada itu ialah terlalu besar. Anak ini, pewarisannya bagaimana, siapa yang hendak menanggung nafkah dan sebagainya. Selain daripada itu saya hendak ringkaskan untuk hendak bagi laluan kepada dua lagi Menteri yang akan bercakap. Tiga yang sebenar nanti saya akan berikan anak tidak sah taraf ini kepada Yang Berhormat dan juga kita sebagai kerajaan amat memandang begitu tinggi anak-anak seperti ini. Oleh sebab itu kita sentiasa memantau perkembangan anak-anak yang tidak sah taraf ini dan ada rumah-rumah yang untuk tujuan ditempatkan mereka untuk penjagaan dan sebagainya.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Yang Berhormat Menteri, saya bukan maksudkan rumah ataupun untuk anak-anak yang sudah..., itu yang "binti" atau "bin". Maksud saya katalah anak haramlah. Anak yang di luar nikah, kita tidak dibintikan atau dibinkan, ada masalah di Malaysia banyak. Banyak, berapa ratus ribu...

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Okey, dia begini. Itu di bawah kuasa pendaftaran, bukan di bawah kita. Dia sama ada dibinkan Abdullah ataupun ada proses yang tidak dimasukkan "bin". Ini adalah sebab dia ada faktor yang lain. Kalau dibinkan kepada nama-nama yang tertentu, tambah-tambah bapa angkat dan sebagainya. Maksudnya bapa angkat?

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Ada yang bagi pendapat, saya maksudkan moral masa hadapan untuk anak-anak dia. Alangkah baik kalaulah kita dibintikan dia bin Abdullah, masa zaman Nabi dahulu pun 'dibintikan' Abdullah untuk menjaga moral anak-anak tersebut di masa hadapan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Okey, yang ini untuk kuasa bukan di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bukan saya. Kemudiannya, itu di bawah kementerian yang lain untuk menguruskan "bin" tadi.

Akan tetapi ada faktor-faktor yang dibincangkan. Kalau yang pertamanya, bin kepada bapa yang sendiri, dia akan timbul nanti, esok tidak sah bapa itu mewalikan perkahwinan walaupun oleh sebab dia tengok untuk hendak menjaga moral budak tadi. Jadi bukan itu sahaja. 'Bin Abdullah' ada yang dikaitkan dengan 'bin' Abdullah'. Akan tetapi ada pandangan, saya ingat kena rujuk balik dengan Jabatan Pendaftaran negara. Ini sebab itu bukan daripada bidang kuasa yang di bawah hak saya sendiri...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai yang berminat ini. Silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kaitkan balik tentang isu pertama tadi berkenaan dengan kes ponteng solat. Saya difahamkan bahawa apa yang telah disebutkan sebelum ini bahawa semua kuasa Islam itu adalah di bawah kerajaan negeri. Akan tetapi apabila kita sebut kepada JPM, ini berertinya tertakluk kepada untuk Wilayah Persekutuan. Isu yang saya timbulkan semasa perbahasan ialah adakah pihak kerajaan akan menambahkan pegawai penguat kuasa khususnya untuk memantau kes-kes ponteng solat Jumaat dan juga tidak berpuasa dan ini khusus untuk Kuala Lumpur. Jadi sekiranya dimulakan di bandar, di ibu kota, ia akan dibawa ke tempat-tempat lain. Jadi bagaimana reaksi daripada pihak kementerian? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berhajat untuk meringkaskan. Akan tetapi oleh sebab minat semakin ramai, saya meraikan minat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah larut malam pun, lagi minat juga.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Apa pun, terima kasih Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Saya mengambil ini sebagai satu usaha yang bersama yang kita lakukan untuk di Wilayah Persekutuan ini. Cumanya biasalah pendekatan yang kita buat ialah apabila penguatkuasaan orang tidak sembahyang Jumaat, kita kena ambil daripada luar. Ini kerana sebab timbul pula nanti yang pergi tangkap orang itu pun tidak sembahyang sama. Jadi dia kata, macam mana pula *you* pergi tangkap orang, *you* tidak sembahyang? Jadi kita terpaksa kena pinjam penguat kuasa daripada negeri lain yang jaraknya lebih dari dua marhalah dalam erti kata untuk tujuan supaya membolehkan dia *jamak* dan *qasar* sembahyang dia tadi. Jadi ini beberapa perkara. Apa pun kita mengambil pendekatan yang telah saya sebutkan tadi dengan pelbagai kaedah dan juga cara selain daripada akhirnya yang keempat, saya kata pendakwaan dan juga penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan pendekatan yang saya sebutkan tadi, JAKIM secara berterusan akan bekerjasama dengan JAKIM, JAIN untuk kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Di samping itu penglibatan pemimpin masyarakat di peringkat daerah, kampung, taman perumahan seperti Ahli Parlimen, ahli dewan undangan negeri, penghulu, ketua kampung dan anggota masyarakat dapat memainkan peranan dalam usaha mengatasi kes anak tidak sah taraf di negara ini. Sesungguhnya penyelesaian terhadap isu peningkatan kes anak tidak sah taraf ini memerlukan komitmen yang jitu daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada saranan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat supaya JAKIM mewujudkan sistem pengurusan masjid yang lebih sistematik serta penekanan kepada kebersihan di masjid. Sekali lagi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan masjid, JAKIM telah menyediakan satu standard penarafan masjid Malaysia yang menekankan empat komponen utama iaitu:

- (i) pengurusan bagi mengenal pasti kualiti pengurusan masjid;
- (ii) pengimarahannya bagi mengenal pasti tahap pengimarahannya masjid;
- (iii) kemudahan prasarana bagi mengenal pasti tahap kemudahan prasarana masjid; dan
- (iv) persekitaran bagi mengenal pasti persekitaran masjid yang kondusif.

Dalam komponen persekitaran, penekanan ditumpukan kepada aspek kebersihan berdasarkan kepada instrumen yang telah disediakan. Manakala dari segi pemantauan pihak JAKIM telah melantik seramai 78 orang pegawai penyelarasan masjid daerah, ringkasnya PPMD di seluruh Malaysia bagi menjalankan program pemantauan di setiap daerah.

Mengenai saranan supaya memastikan jawatankuasa masjid yang dilantik aktif sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa lantikan jawatankuasa masjid adalah di bawah bidang kuasa jabatan agama Islam negeri yang maksud saya sekali lagi saya katakan bahawa mungkin kita boleh salurkan JAKIM melalui mekanismenya melalui mesyuarat-mesyuarat dan juga arahan-arahan kepada masjid.

#### ■2240

Dalam masa yang sama Dewan Undangan Negeri juga perlu menggerakkan pandangan-pandangan seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi diperkemaskan masjid kerana ianya di bawah tanggungjawab negeri masing-masing. Namun bagi pihak JAKIM *insya-Allah* akan sentiasa melaksanakan penyelarasan dan meningkatkan pengurusan pengimarahannya masjid sentiasa teratur berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai isu sekolah tahfiz persendirian dan cadangan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa bagi memantau sekolah-sekolah tahfiz persendirian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dan kerajaan negeri melalui majlis agama Islam, jabatan agama Islam negeri, yayasan Islam negeri sentiasa mengambil perhatian memantau apa yang berlaku di sekolah-sekolah tahfiz termasuk sekolah-sekolah tahfiz persendirian yang tidak berdaftar.

Di antara langkah yang telah diambil JAKIM menerusi Institusi Pendidikan Darul Quran (DQ) dengan kerjasama Dewan Huffaz Kebangsaan dan Persatuan Institusi-institusi Tahfiz Swasta sentiasa cuba mendekati mempelawa sekolah tahfiz ataupun maahad tahfiz persendirian menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Darul Quran iaitu ialah persatuan yang seterusnya berdaftar sebagai ahli persatuan.

Darul Quran turut membuat pemantauan secara tidak langsung ke atas sekolahlah maahad tahfiz persendirian yang lain yang tiada memorandum persefahaman MoU dengan Darul Quran. Ia melihat daripada aspek pengajian yang ditawarkan supaya selaras dengan keperluan negara dan dapat menjamin masa depan pelajar. Justeru itu, Darul Quran sentiasa sedang dalam proses mewujudkan program khas iaitu Sijil Tinggi Tahfiz Malaysia.

Yang ketiga, setiap negeri telah menyediakan peraturan prosedur yang sewajarnya bagi mengawal penubuhan dan perjalanan operasi sekolah agama termasuk sekolah maahad tahfiz di negeri masing-masing. Peraturan dan prosedur yang dimasukkan ialah terangkum dalam enakmen pengawalan sekolah agama Islam. Ini adalah kerana urusan hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang jabatan agama negeri dan juga majlis agama Islam negeri di negeri masing-masing. Berhubung dengan cadangan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa bagi memantau sekolah-sekolah tahfiz persendirian sesungguhnya cadangan Ahli Yang Berhormat adalah amat baik. Oleh itu, sebelum jawatankuasa tersebut dibentuk sebenarnya satu kertas kerja mengenainya telah disediakan untuk di bentang dalam Mesyuarat Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) akan datang.

Selain itu bagi memartabatkan program tahfiz di negara ini kerajaan melalui JAKIM pihak berkuasa agama Islam negeri mengambil beberapa langkah antara seperti berikut:

- (i) mengadakan kerjasama Darul Quran dengan Universiti Islam Antarabangsa bagi menjalankan Program Pensijilan Tahfiz dalam kalangan profesional di pelbagai bidang. Ianya bertujuan melahirkan Huffaz dalam kalangan profesional;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menjalankan Program Ijazah Sarjana Muda dalam kalangan lepasan Darul Quran yang memiliki diploma;
- (iii) mengadakan Sijil Tahfiz bagi orang kurang upaya masalah penglihatan. Ianya bertujuan membuka peluang bagi mereka mengikuti bidang tahfiz kepada semua orang termasuk OKU;
- (iv) menubuhkan Dewan Huffaz Kebangsaan yang berperanan menyatukan golongan Huffaz, merancang dan melaksanakan pelbagai program yang dapat memartabatkan tahfiz di Malaysia; dan
- (v) sesetengah pihak berkuasa agama Islam negeri memberikan insentif kepada para Huffaz. Pemberian tersebut bukan sekadar satu pengiktirafan kepada Huffaz tetapi menjadi pendorong supaya lebih ramai akan terlibat dalam bidang ini.

Oleh yang demikian, kerajaan yakin dengan langkah-langkah dan usaha yang diambil pihak berkuasa agama Islam negeri dan badan-badan yang ditubuhkan dari semasa ke semasa dapat meningkatkan kualiti pengajian sekolah maahad tahfiz selari dengan pegangan akidah umat Islam di Malaysia dan sekali gus dapat memartabatkan tahfiz di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensinya yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong.

**10.44 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman menyatakan bahawa SPRM terlalu banyak memberi tumpuan kepada kes-kes berprofil tinggi berbanding kes-kes rasuah yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM menjalankan siasatan sekiranya terdapat unsur-unsur kesalahan di bawah bidang kuasa suruhanjaya tanpa mengira berprofil tinggi atau sebaliknya. Siasatan kes-kes rasuah yang dibuat oleh SPRM adalah berlandaskan undang-undang dan memerlukan keterangan yang kukuh melibatkan keterangan saksi, dokumen dan bukti-bukti yang mampu menyokong kes tersebut. Bagi laporan yang telah dibuat dua tahun lalu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak SPRM memohon untuk Yang Berhormat untuk memberikan butiran yang terperinci mengenainya untuk semakan dan tindakan lanjut pihak suruhanjaya.

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu ingin tahu sama ada tindakan diambil terhadap individu yang terlibat dalam penyelewengan seperti yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, status kes berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2009 adalah seperti berikut:

- (i) empat kes masih dalam kajian timbalan pendakwa raya;
- (ii) satu kes dibuka kertas pemeriksaan dan perundangan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan sistem dan prosedur kerja. Dua surat nasihat juga telah diberi kepada ketua jabatan terbabit supaya memperbaiki dan mengambil langkah yang sewajarnya agar salah laku dan ketidakpatuhan peraturan tidak berulang;

- (iii) satu kes masih dalam tindakan siasatan untuk dilengkapkan; dan
- (iv) lapan kes pula setelah diteliti oleh pihak timbalan pendakwa raya telah diputuskan tiada pendakwaan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim menyarankan agar diambil langkah yang lebih kreatif dan efektif dalam membanteras rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan amat komited dan proaktif dalam membanteras jenayah rasuah. Dari semasa ke semasa SPRM sentiasa mengambil tindakan pengesanan yang proaktif melalui aktiviti operasi siasatan dengan menumpukan kegiatan bersindiket antaranya kes Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, pembalakan haram, penyeludupan pasir dan aktiviti penyelewengan diesel subsidi yang mana kegiatan ini jika dibiarkan boleh menjejaskan ekonomi negara dan juga menjejaskan alam sekitar. Antara langkah-langkah kerajaan dalam memerangi rasuah yang telah menunjukkan hasil adalah seperti:

- (i) pembangunan pangkalan data pesalah rasuah 'namakan dan malukan' (*name and shame*) yang mengandungi 363 pesalah sekali gus melepasi sasaran awal sebanyak 84 nama pesalah;
- (ii) pembangunan portal *MyProcurement* yang menyenaraikan lebih 4,580 kontrak di lama sesawang dan maklumat lain tender seperti tarikh diiklankan, dianugerahkan, nilai kontrak dan pemegang tender;
- (iii) panduan mengenai surat sokongan iaitu pengeluaran pekeliing yang memberikan panduan kepada kakitangan kerajaan mengenai cara untuk menangani surat sokongan;
- (iv) pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2010;
- (v) mempercepat perbicaraan kes rasuah dengan menubuhkan 14 Mahkamah Sesyen Khas (Rasuah) dan Mahkamah Tinggi Khas (Rasuah) serta pindaan terhadap Kanun Prosedur Jenayah; dan
- (vi) pelaksanaan dengan izin, *Integrity Pact* melalui arahan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit telah menyentuh beberapa perkara berkaitan SPRM seperti prosedur operasi standard ataupun dengan izin *standard operating procedure*, kesopanan kakitangan, tag nama, kehadiran peguam semasa disiasat, rumah selamat, rakaman audio video, CCTV dan pengauditan.

#### ■2250

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM mempunyai SOP dalam menjalankan siasatan terhadap suspek seperti mana yang terkandung dalam perintah tetap Ketua Suruhanjaya. Pegawai dan kakitangan SPRM sentiasa diingatkan dari semasa ke semasa agar menjalankan tugas dengan profesional dan berhemah serta mengikuti peraturan yang telah ditetapkan termasuklah memakai tanda nama.

Mengenai peguam suspek turut serta dalam sesi siasatan sebenarnya suspek diberi peluang menghubungi peguam untuk mendapatkan khidmat nasihat. Mengenai penyediaan rumah selamat SPRM berpendapat tiada keperluan untuk berbuat demikian memandangkan bangunan SPRM yang sedia ada akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan keselamatan seperti CCTV, perakam audio video dan jeriji.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat setempat sentiasa melaksanakan program-program pendidikan dan pencegahan rasuah kepada segenap lapisan masyarakat termasuklah kepada sektor kerajaan, swasta, pelajar, orang awam dan juga NGO.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ingin mengetahui status terkini kes PI Balasubramaniam. Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan SPRM ke atas kes berkenaan sedang diteruskan bagi mendapatkan keterangan tambahan setelah mendapat arahan lanjut daripada pihak timbalan pendakwa raya.

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu juga mencadangkan agar kerajaan memaklumkan kepada rakyat akan status siasatan kes rasuah berprofil tinggi serta tindakan yang tegas hendaklah dikenakan terhadap siapa sahaja yang terlibat dengan rasuah termasuk ke atas agensi-agensi kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung memaklumkan status siasatan kes rasuah kepada masyarakat umum sama ada kes berprofil tinggi atau tidak, SPRM tertakluk dengan seksyen 29(4), Akta SPRM 2009, iaitu sesuatu aduan yang dibuat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pihak kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai suruhanjaya dan pendakwa raya sehingga tertuduh didakwa di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah akta ini, atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu melainkan jika pendedahan itu dibuat dengan persetujuan pendakwa raya atau seseorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat pesuruhjaya dan yang lebih tinggi. Ia bagi menjamin kepentingan dan unsur kerahsiaan sesuatu siasatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lee Cheam Choon menyarankan agar Malaysia mempunyai undang-undang rasuah seperti di Amerika Syarikat di mana syarikat-syarikat Amerika Syarikat yang menjalankan perniagaan di luar negara boleh didakwa atas kesalahan rasuah walaupun perbuatan rasuah tersebut dibuat di luar Amerika Syarikat. Terima kasih Yang Berhormat kerana ia adalah cadangan yang baik. Walau bagaimanapun terdapat beberapa halangan termasuk masalah bidang kuasa tempatan serta ekstradisi yang memerlukan kajian terperinci sebelum ia boleh dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah seksyen 22, Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan penyogokan terhadap atau oleh pegawai awam asing yang dimasukkan dalam akta berkenaan adalah sejajar dengan konvensyen *United Nations UNCAC*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok telah pun mencadangkan projek MRT bagi menghubungkan Bukit Jalil, Seri Kembangan, Bandar Putra Permai, Putrajaya, dan LCCT serta minta kerajaan mengkaji penyelesaian kesesakan yang berlaku di kawasan Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Seri Kembangan.

Seperti yang dijelaskan, jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang merupakan fasa pertama jaringan MRT Lembah Klang dan juga tidak mungkin dapat meliputi semua kawasan di Lembah Klang yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien. Jajaran yang lain yang diperlukan sedang dirangka dan akan dikenal pasti bagi pelaksanaannya.

Rancangan pembangunan *rail* bandar merupakan komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur-Lembah Klang yang sedang dirangka akan mengenal pasti keperluan pengangkutan awam untuk seluruh kawasan Lembah Klang dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi tempoh jangka masa pendek, pertengahan dan panjang untuk memenuhi keperluan tersebut. Inisiatif-inisiatif tersebut bukan hanya setakat membina sistem MRT, tetapi meliputi pelbagai usaha menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam seperti perancangan semula, jaringan bas, pelaksanaan sistem dengan izin, bas *rapid transit* dan bas *expressway transit*.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat agar kerajaan mengadakan perkhidmatan kereta api ke Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan laluan kereta api laju di Pantai Timur masih di peringkat kajian. Ia sedang dijalankan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan juga dijangka siap pada September tahun ini. Hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mempertimbangkan pelaksanaannya. Buat masa ini kerajaan masih lagi belum membuat pemeteraian kontrak untuk melaksanakan projek berkenaan dan belum ada apa-apa keputusan mengenai kos, laluan, tarikh mula dan juga siap projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff menyarankan agar kerajaan memberi perhatian terhadap peningkatan kes-kes penjawat awam yang muflis di mana beliau berpendapat salah satu puncanya adalah kos sara hidup yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memandang serius mengenai kes pegawai awam yang diisytiharkan muflis. Oleh yang demikian kerajaan telah mewujudkan peraturan khususnya di bawah Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu larangan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius. Pegawai awam yang diisytiharkan bankrap atau memakan gaji yang tidak *solvent* adalah disifatkan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius dan boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana mencemarkan nama baik dan imej perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn mencadangkan agar gaji penjawat awam dinaikkan kerana terdapat kakitangan yang hidup di bawah kemiskinan serta bagi meningkatkan motivasi dan mutu perkhidmatan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat pendapatan minimum dalam perkhidmatan awam adalah sebanyak RM1,024.15 sen sebulan iaitu lebih tinggi daripada pendapatan garis kemiskinan sebanyak RM800 sebulan. Walau bagaimanapun kerajaan akan mengkaji kenaikan gaji penjawat awam mengikut kedudukan kewangan negara memandangkan penyelarasan gaji terakhir adalah pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan tentang gaji penjawat awam dipotong untuk membayar rawatan yang telah mereka terima. Untuk makluman Yang Berhormat Perintah Am Bab F (Perubatan) 1974 menetapkan bahawa pegawai perkhidmatan awam berserta keluarga layak mendapat kemudahan perubatan percuma di hospital atau klinik kerajaan. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 2009 pula menetapkan jika kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat disediakan oleh hospital atau klinik kerajaan, pegawai boleh mendapatkan kemudahan berkenaan di hospital atau klinik swasta atas tanggungan kerajaan tertakluk kepada syarat dan juga peraturan yang ditetapkan.

■2300

Antara kemudahan perubatan yang disediakan ialah pembekalan ubat, alat, perkhidmatan perubatan, rawatan penyakit buah pinggang, rawatan kemandulan, rawatan kepakaran, rawatan di Institut Jantung Negara, rawatan kecemasan dan rawatan di luar negeri. Bayaran wad yang dikenakan kepada pegawai dan pesara perkhidmatan awam, ahli keluarga dan ibu bapa yang sah semasa mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dimansuhkan berkuat kuasa mulai 1 April 2010. Oleh yang demikian, adalah tidak betul apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon penjelasan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam kes ini yang saya kemukakan ialah kes benar yang berlaku. Saya dimaklumkan di pejabat saya bahawa terdapat pegawai kerajaan yang mendapat khidmat perubatan kemudian gajinya dipotong. Jadi sekarang isu ini mereka minta saya bawa ke atas, saya bukan reka cerita ataupun buat cerita dalam kes ini. Saya harap pihak kementerian boleh siasat betul-betul sebelum buat sebarang jawapan kerana pekeliling yang diterima itu memang semua akan mendapat rawatan cuma sekarang gajinya dipotong. Jadi ini menyebabkan, dia yang dah sakit, lagi banyak potongan dibuat menyebabkan lagi susah keluarga tersebut. Saya ingin jawapan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya rasa ini adalah satu kes yang amat spesifik, sekiranya Yang Berhormat Senator boleh berikan butiran kepada kami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya saya setuju.

**Datuk Liew Vui Keong:** Kami buat siasatan seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kemukakannya sebagai kes spesifik, biar minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok.

**Datuk Liew Vui Keong:** Okey Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga ingin tahu apakah tindakan yang diambil terhadap kumpulan peguam yang memberi nasihat tidak tepat atau salah serta terdapat elemen kecuaiian kepada kerajaan hingga menyebabkan kerajaan memeterai sesuatu perjanjian yang merugikan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan nasihat perundangan kepada Kerajaan Malaysia. Sebelum memberikan apa-apa nasihat perundangan kepada kerajaan, Jabatan Peguam Negara akan mengkaji dan juga meneliti sesuatu perkara atau isu secara terperinci bagi memastikan setiap tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang.

Secara umumnya jika pelanggan mana-mana peguam mendapati bahawa peguam mereka telah memberikan apa-apa nasihat yang tidak tepat atau salah serta terdapat elemen kecuaiian, pelanggan itu bolehlah melaporkan perkara tersebut kepada Majlis Peguam Malaysia dan juga terpulang kepada pihak Majlis Peguam untuk menyiasat aduan tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas peguam-peguam berkenaan. Pelanggan juga pada masa yang sama boleh membuat laporan polis jika merasakan perkara tersebut melibatkan unsur jenayah dan pada masa yang sama mengambil tindakan sivil terhadap mana-mana peguam sekiranya peguam cuai dalam memberi khidmat nasihat.

Sekiranya terdapat laporan polis terhadap mana-mana firma peguam yang telah memberi nasihat yang menyalahi undang-undang, maka kertas siasatan akan dibuka untuk memperoleh maklumat dan keterangan yang lengkap terhadap dakwaan tersebut. Selalunya kertas siasatan yang lengkap akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian. Sekiranya wujudnya elemen jenayah dan keterangan adalah mencukupi untuk memperoleh satu sabitan terhadap individu yang disiasat, maka pertuduhan yang sewajarnya akan dikenakan terhadap individu atau kumpulan orang tersebut mengikut undang-undang tanpa mengira kedudukan atau status individu atau kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah pula mencadangkan agar Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) menyemak laporan penyata kewangan Petronas dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. PAC mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat dan akan memberi pertimbangan sewajarnya pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Peraturan 77(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC berkuasa memanggil dan memeriksa sebarang kira-kira badan kerajaan serta memeriksa perbelanjaan dan penggunaan wang awam. Sebenarnya PAC pernah memanggil beberapa syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC bagi mendapatkan penjelasan tentang prestasi kewangan mereka.

Berhubung papan senarai Ahli Dewan Negara ditambah peruntukan Ahli Dewan Negara dan agar bangunan Parlimen baru dibina untuk menggantikan bangunan sedia ada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat tersebut.

Berhubung bangunan baru, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah memutuskan bangunan Parlimen sedia ada dikekalkan. Pada masa ini Jabatan Kerja Raya sedang dalam peringkat menyediakan kertas kerja untuk membaik pulih dan menaik taraf bangunan Parlimen. Manakala keperluan untuk pengubahsuaian ke atas Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan dilakukan sekiranya terdapat perubahan kapasiti tempat duduk Ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong menyarankan agar kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas untuk menguruskan hal ehwal kaum minoriti bagi meningkatkan taraf hidup mereka dan seterusnya merapatkan jurang antara kaum di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah mengabaikan kepentingan dan juga keperluan mana-mana kaum di negara ini. Semua program yang dirancang bersifat dengan izin, *inclusive* supaya tidak ada yang ketinggalan. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga ingin mengetahui sejauh mana kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menggesa pemilik-pemilik harta pusaka kerana laporan menunjukkan nilai wang yang tidak dituntut telah meningkat dari semasa ke semasa. Beliau juga ingin tahu perancangan kerajaan untuk menyelesaikan kes-kes si mati yang tidak berwasiat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini tiada prosedur khusus yang membolehkan kerajaan mengenal pasti sama ada aset-aset tertentu dimiliki oleh mereka yang masih hidup ataupun milik mereka yang telah meninggal dunia.

Dalam sistem perundangan dan pentadbiran Malaysia, terdapat tiga agensi yang diberi tanggungjawab menguruskan dan menyelesaikan pentadbiran harta pusaka iaitu mahkamah bagi semua jenis harta tanpa had, Pejabat Pusaka Kecil bagi harta tidak alir dan kombinasi harta tidak alir atau harta alir hingga RM2 juta dan Amanah Raya Berhad bagi harta alir sahaja bernilai sehingga RM600,000. Sesuatu pentadbiran hanya akan dapat dimulakan apabila permohonan pentadbiran harta pusaka dibuat oleh waris-waris yang sah mengikut hukum syariah atau Akta Pembahagian 1958 kepada agensi-agensi berkenaan.

Yang Berhormat Datin Paduka Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon sedikit penjelasan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi berkenaan dengan tanggungjawab ataupun *professional negligence* yang mungkin telah pun mungkin dibuat oleh pihak yang nasihat kepada kerajaan untuk menandatangani sebarang *agreement*. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan ialah, sekiranya terdapat unsur-unsur salah nasihat daripada pihak Peguam Negara ataupun pihak yang memberi nasihat undang-undang kepada pihak kerajaan. Selain daripada *criminal action* yang boleh diambil kepada pegawai terbabit, adakah sebarang perlindungan yang diberikan oleh pihak kerajaan ataupun yang kita boleh tebus atau tuntutan. Kalau untuk swasta, kita ada *professional indemnity* yang boleh kita tuntutan daripada insurans tetapi ini melibatkan kerajaan.

Jadi dalam kes ini saya hendak tanya di samping AG, ada tidak peguam-peguam swasta yang dilantik oleh pihak kerajaan untuk memberi nasihat kepada pihak kerajaan dalam menandatangani mana-mana perjanjian dengan mana-mana pihak.

Kedua, dari segi adakah ini disebut sebagai *collective responsibility* sekiranya pihak mereka memberikan nasihat yang silap, pihak kerajaan perlu terima walau apa pun yang berlaku atas dasar mereka adalah penjawat awam. Jadi saya hendak tahu perlindungan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada pihak AG ataupun peguam yang menasihatkan kerajaan dalam mana-mana kes.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara adalah penasihat terutama bagi kerajaan dan beliaulah yang akan menasihatkan kerajaan sama ada sekiranya perlu untuk melantik peguam-peguam swasta, sekiranya perlu pihak Peguam Negara akan membuat demikian.

■2310

Pihak Peguam Negara akan mengadakan satu kontrak yang akan meliputi semua isu-isu yang berkenaan. Jadi, saya rasa tidak perlu kita memperluaskan lagi isu ini kerana Peguam Negara ini adalah peguam yang terutama dalam perkara ini untuk menasihatkan kerajaan dalam perkara melibatkan kontrak-kontrak dan juga perkara yang melibatkan perundangan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang saya sempat menjawab...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bangun*]

**Datuk Liew Vui Keong:** Mana-mana perkara yang saya tidak sempat menjawab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada seorang lagi yang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya rasa ada satu perkara yang saya timbulkan tidak dijawab Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai pemberhentian penajaan pelajar-pelajar kedoktoran di Indonesia. Saya hanya ingin menanyakan empat soalan pendek kalau dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, saya mahu tanya, tidakkah pemberhentian itu bercanggah dengan semangat Talent Corporation? Di satu pihak kita mahu pujuk orang yang tidak mahu balik supaya balik. Sekarang, ada peluang untuk melatih orang, kita tidak gunakan peluang itu sebaik-baiknya. Itu satu. Kedua, saya mahu bertanya, adakah pemberhentian yang berlaku di pihak JPA itu pemberhentian sementara atau pun pemberhentian selama-lamanya? Kalau pemberhentian sementara, berapa semmentaranya? Ketiga, bukankah menghantar pelajar-pelajar belajar kedoktoran di Indonesia itu secara nisbahnya lebih murah berbanding dengan menghantar pelajar-pelajar belajar kedoktoran di tempat lain? Keempat, saya mahu tahu, apakah sasaran kerajaan dari segi nisbah seorang doktor untuk bilangan penduduk tertentu? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JPA melaksanakan pengurangan penghantaran pelajar tajaan ke Indonesia mulai tahun 2009 selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengekalkan pelajar-pelajar cemerlang dalam negara bagi menyokong usaha kerajaan menjadikan negara ini sebagai satu hab kecemerlangan pendidikan serantau.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, fokus penajaan JPA pada masa ini telah mengambil kira keperluan modal insan dalam bidang-bidang kritikal dan keutamaan yang diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara. Sehubungan dengan itu, penajaan pelajar-pelajar perubatan keluar negara telah mengambil kita unjuran keperluan guna tenaga yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan pengurangan penghantaran tersebut tidak akan menjejaskan penyediaan modal insan dalam bidang perubatan yang diperlukan oleh sektor awam dan negara.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bangun*]

**Datuk Liew Vui Keong:** Mengenai isu-isu lain yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi iaitu mengenai nisbah dan juga statistik yang diperlukan, setakat ini saya tidak dapat membekalkan Tuan Yang di-Pertua, dan saya akan memastikan bahawa pihak JPA akan memberikan jawapan secara bertulis.

Dengan itu, itu sahaja yang sempat untuk saya jawab.

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** [*Bangun*]

**Datuk Liew Vui Keong:** Saya di sini sekali lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ini ada dua orang bangun ini.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ada lagi ya, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudahkan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dahulu dan selepas itu Yang Berhormat Puan Mariany.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sebenarnya perkara yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi telah ada dalam jawapan bertulis ini yang telah diserahkan kepada saya lebih awal. Empat soalan yang saya kemukakan sebentar tadi adalah berikutan daripada jawapan bertulis yang baru dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Jadi, berbangkit daripada jawapan bertulis ini, saya bertanya yang pertamanya, tidakkah apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang bertentangan dengan semangat Talent Corporation? Dalam erti Talent Corporation mahu memujuk orang-orang yang berada di luar ini supaya kembali, di sini ada satu kesempatan untuk kita melatih *talent* tetapi tidak kita gunakan. Itu bertentangan. Kedua, saya bertanya bukannya secara bandingannya, *relatively* dengan izin, menghantar pelajar-pelajar belajar ilmu kedoktoran di Indonesia itu lebih murah berbanding dengan tempat-tempat lain? Ketiga, saya bertanya tentang adakah pemberhentian itu bersifat sementara sahaja atau sampai bila-bila? Soalan keempat saya sebentar tadi ialah sasaran nisbah kerajaan bagi bilangan seseorang doktor dan bilangan penduduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kalau boleh, lebih baik kalau dinyatakan sekarang berapa nisbah sekarang dan berapa sasarannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya kalau sekiranya soalan itu nampaknya berat, banyak lagi lebih spesifik, kalau boleh, Yang Berhormat Menteri beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih atas cadangan Tuan Yang di-Pertua. Saya pastikan bahawa jawapan ini akan diberi kepada Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Puan Mariany.

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya kecewa dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam isu SPRM. Apabila dicadangkan tentang kelengkapan-kelengkapan sebentar tadi, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kelengkapan-kelengkapan akan dipasang. Jadi, di sini saya mencadangkan bahawa selepas kes Teoh Beng Hock, kita tidak belajar daripada pelajaran itu dan sehingga terjadinya kes kemalangan yang kedua. Saya berharap perkara ini disegerakan supaya kita tidak jadi *hatrick* ya, yang ketiga pula yang berlaku. Kedua, soalan saya tentang SIAP, Suruhanjaya Integriti belum dijawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pemasangan kelengkapan yang telah pun disebutkan itu, seperti yang saya katakan, memang dalam proses untuk pemasangan dan kami rasa amat sedihlah dalam proses pemasangan tersebut, berlaku lagi satu kejadian yang tidak diingini oleh mana-mana pihak sahaja. Akan tetapi, SPRM semestinya akan mengambil langkah yang baik untuk memastikan bahawa semua kelengkapan akan dipasang seberapa cepat yang boleh dan berharap bahawa semua isu yang terlibat seperti di mana mereka akan di reman dan soalan ditanya akan diadakan *on the ground floor*. Itu adalah satu cara yang telah pun dibuat oleh pihak SPRM selepas kejadian yang kedua.

Selain daripada itu, mengenai soalan yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mariany mengenai Suruhanjaya Integriti, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi yang berkuat kuasa, bahawa terdapat lapan fungsi yang telah pun dinyatakan dalam akta tersebut. Seperti Yang Berhormat maklum, bahawa SIAP (Suruhanjaya Integriti Agensi Pelaksanaan) tidak mempunyai kuasa menguatkuasakan atau mendakwa kerana ia bukanlah satu agensi penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Integriti mempunyai kuasa untuk menyalah laku pegawai-pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan dan seterusnya memberikan syor kepada pihak berkuat kuasa tatatertib agensi penguatkuasaan tentang tindakan yang wajar diambil terhadap pegawai penguatkuasaan berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Datuk Liew Vui Keong:** Dengan itu, kalau tidak sempat, saya akan beri jawapan bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk malam ini cukuplah itu.

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya. Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini kita pergi yang terakhir sekali. Yang Berhormat Dato' S.K. Devamany. Masa kita Yang Berhormat rasanya kita tidak boleh lebih daripada jam 12 tengah malam. Kalau boleh Yang Berhormat, ringkas, cepat, padat, *Alhamdulillah*, dan juga rakan Ahli Yang Berhormat pun beri kerjasamalah. Melainkan kalau ada yang betul-betul penting itu, saya benarkanlah. Akan tetapi kalau meleret-leret itu tidak perlulah. Okey, silakan.

**11.19 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya begitu terharulah kerana baru bermula sudah seperti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat...

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Akan tetapi tidak mengapalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *You* teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya bukan kepada Yang Berhormat.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini saya ingatkan kepada umum. Kita tidak boleh lebih daripada pukul 12 tengah malam.

**■2320**

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah lama tunggu bersama pegawai di belakang kerana hendak habiskan perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih terlebih dahulu kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku. Maka perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, PEMANDU, Talent Corporation, Pembangunan Ekonomi Negara, isu kemiskinan dan pengagihan. Saya akan cuba menjawab ringkas-ringkasnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Ada lapan Ahli Yang Berhormat yang telah membawa atau membangkitkan perkara berkaitan dengan Talent Corporation. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan modal insan merupakan elemen yang kritikal dalam mentransformasikan ekonomi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan wadah pembangunan transformasi dari aspek GTP dan ETP. Maka untuk itu kita perlu untuk mengisi tuntutan keperluan modal insan yang begitu mendesak sekali.

Untuk meningkatkan satu daya saing, inovasi dan mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi. Justeru, Talent Corporation di bawah Jabatan Perdana Menteri diberi mandat untuk menarik, memotivasikan dan mengekal modal insan yang berkemahiran dan berkepakaran bertaraf dunia. Tuan Yang di-Pertua, Talent Corporation. matlamatnya berdasarkan kepada ETP iaitu 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional iaitu NKEA. Khususnya dalam bidang-bidang 12 perkara yang telah disebut berkaitan dengan minyak, gas, tenaga, komunikasi dan seterusnya.

Maka dalam konteks itu, Talent Corporation akan memberi tumpuan kepada beberapa kaedah baru yang diperkenalkan, yang pertama adalah memperkenalkan *resident pass* dan juga memperkasakan skim yang sedia ada. Dulunya di bawah Kementerian Sumber Manusia sekarang dibawa masuk ke dalam Talent Corp. *Returning Expert Program*. Kalau boleh, oleh kerana kita tidak ada masa masuk ke dalam *website* dapatkan maklumat-maklumat baru ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru mengumumkan beberapa insentif termasuk 15 peratus cukai untuk orang yang masuk dalam sini.

*Resident pass* ini 10 tahun. Dulu ia dua tahun sahaja untuk permit kerja tetapi sekarang *resident pass* untuk warganegara asing dibenarkan 10 tahun dan boleh berubah-ubah majikan. Inilah beberapa elemen untuk kita perkasakan supaya Talent Corp. ini dapat berjaya. Seterusnya, *Returning Expert Program* saya sudah bagi tahu dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua kita juga memperkasakan melalui Talent Corp. *employability* siswazah-siswazah dan juga *apprenticeship* dan *internship*, juga untuk rakyat tempatan yang baru keluar daripada universiti dan juga yang sedia ada, terdapat program-programnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram telah pun menanyakan mengenai 3.3 juta peluang pekerjaan yang telah diwujudkan melalui NKEA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan 12 NKEA ini hasil daripada makmal yang dijalankan, dijangkakan sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil daripada semua *entry point* itu ETP, okey. Majoriti daripada penyertaan pekerjaan berpendapatan sederhana dan pekerjaan berpendapatan tinggi dan dipacu oleh sektor swasta, dijanakan oleh sektor swasta. Program Transformasi Ekonomi telah dilancarkan pada Disember 2010. Ada lima pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat berhormat Perdana Menteri.

Daripada lima pengumuman itu pada pertama itu pada 25 Oktober, hampir – pekerjaan yang dikatakan itu adalah:

- (i) 13,100 pekerjaan akan diwujudkan dalam 9 projek;
- (ii) selepas itu 70,500 pekerjaan;
- (iii) selepas itu, 52,400 pekerjaan; dan
- (iv) akhir sekali 74,457 pekerjaan.

Mungkin kita akan ingat banyak cakap ini, belum turun lagi ke peringkat bawah. Maka itulah saya rasa kesangsian yang digambarkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya minta supaya merujuk balik kepada Laporan *Roadmap for Malaysia, A Special Report* yang telah dibentangkan dalam *Invest Malaysia* dua minggu yang lalu. Di mana majalah ini telah diedarkan dan di dalamnya segala butiran *report card* telah diumumkan dan juga *report card* itu juga telah menggambarkan *report card* ini adalah satu lagi untuk GTP.

Di mana apakah pencapaian kita dalam... diberi. Maka saya rasa elok kerana saya tidak mahu mengambil masa untuk mengatakan satu persatu apakah pencapaian. Pertama kalinya kerajaan telah memberi satu laporan mengenai prestasi dalam bentuk angka yang tidak boleh dipertikaikan. Inilah adalah benar maka di sini sudah dibagi tahu untuk khususnya kerana banyak Ahli Yang Berhormat menanyakan soalan ini maka terpaksa saya bagi tahu. Sedikitlah, apakah projek-projek yang telah dilaksanakan sekarang.

Contohnya, Schlumberger 400 pekerjaan bagi pelaburan RM300 juta, di mana pelaburan ini, okey semua sudah masuk. Macam itu, ada banyak lagi mungkin 6,500 pekerjaan pelaburan RM1.9 bilion iaitu LFoundary Malaysia di Kulim High-Tech Park. Semua sudah mula. Sudah dimulakan dan ini adalah pengumuman yang dibuat satu persatu sekarang. Kalau kita perhatikan setiap dua minggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan projek-projek baru dan ini akan berlanjutan, berkesinambungan. Inilah beberapa perkara yang ingin saya katakan. Tolonglah merujuk kepada *website* PEMANDU maka segala butiran boleh diperolehi.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ada juga kekeliruan mengenai apakah peranan TERAJU dan Ekuinas. Maka saya ingin mengatakan di sini adalah TERAJU adalah untuk menerajui, menyelaras dan memacu transformasi serta mengukuhkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi, dalam bentuk *quick-witted* atau pulangan cepat. Ini kerana kita kena pastikan, kerajaan ingin memastikan bahawa dalam Agenda Transformasi Ekonomi kaum bumiputera tidak ketinggalan. Maka apakah 12 sektor-sektor yang dipacukan dan bagaimanakah dalam sektor-sektor ini agenda ini agenda kaum bumiputera dapat diperkasa:

- (i) dari segi modal insan;
- (ii) pendanaan;
- (iii) dari segi keupayaan pengurusan; dan
- (iv) seterusnya ada banyak elemen-elemen untuk kejayaan.

Ekuinas ini adalah berbeza. Ekuinas ini adalah untuk memartabatkan ekuiti bumiputera di pasaran ekuiti. Melalui ini akan dilakukan dengan:

- (i) membiayai untuk meningkatkan ekuiti bumiputera dalam pasaran; dan
- (ii) meningkatkan partisipasi dalam pengurusan pekerjaan dan seluruh rantai nilai.

Ini kerana apabila kita kata Multinasional Companies (MNC) maka ada banyak juga rantai-rantai lain yang melibatkan Multinasional Companies ini. Apakah penyertaan, representasi, keupayaan dan kebolehan akan dinilai dan diperkasakan. Akhir sekali adalah pembiayaan berdasarkan kepada merit. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah mengenai – dalam TERAJU juga adalah mengenai *urban poor*. Dari segi penglibatan dalam keusahawanan yang di peringkat terendah dan peringkat mikro. Untuk itu saya menuntut Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merujuk balik kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu muka surat 167 hingga 175. di dalam itu agenda pembangunan bumiputera begitu jelas sekali. Bagaimana ianya akan dilihat dari segi pendapatan, hak milik ekuiti korporat, hartanah dan simpanan. Dalam itu, untuk peringkat yang rendah, 40 peratus ke bawah pendapatan rendah itu akan ada tiga komponen yang utama:

- (i) perniagaan mikro dan juga kecil;
- (ii) tahap pembangunan pertumbuhan; dan
- (iii) yang matang dan yang tersenarai.

Maka kita ada tiga komponen dalam komponen kecil tadi, mikro dan juga yang kecil itu di mana orang yang bawah-bawah inilah, yang kurang berpendapatan tinggi itu. Bagaimana mereka akan diperkasakan:

■2330

- (i) membina upaya, memberi bimbingan, *hand holding*;
- (ii) kontrak dengan harga tetap kepada kontraktor Kelas F;
- (iii) pembiayaan mikro ;
- (iv) modal permulaan MARA; dan
- (v) bantuan premis perniagaan dan juga program berkenaan keupayaan

Maka ada program-program begitu banyak sekali melalui lapan agensi terutama yang akan menjaga dan juga untuk membimbing golongan-golongan ini. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyatakan pemusatan kekayaan di Malaysia telah menyebabkan masalah kemiskinan serta melebarkan jurang pendapatan di antara rakyat Malaysia.

Saya tidak mahu membaca semua statistik-statistik yang tertera dalam kertas putih ini. Cuma saya hendak memberi keyakinan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali ahli yang saya sangat hormati kerana perjuangan idealisme nya adalah dari dulu sekali, dari universiti zaman saya Tuan Yang di-Pertua dan sampai sekarang dokongannya begitu sama. Saya cukup menghormati perjuangan beliau untuk memperjuangkan golongan miskin iaitu:

- (i) kalau kita lihat NKRA, perkara pertama yang banyak dibicarakan adalah meninggikan hasil *low household income*. Itu menjadi agenda utama Perdana Menteri;
- (ii) adalah menyediakan infrastruktur luar bandar untuk memberi akses kepada golongan yang kurang berada ini; dan
- (iii) pendidikan menjadi fokus kepada pendidikan.

Maka kalau kita tengok ketiga-tiga ini daripada enam NKRA adalah merupakan untuk memperkasakan golongan yang miskin. Maka ada banyak lagi yang boleh kita perkatakan iaitu agensi-agensi kerajaan yang sedia buat ini melalui agensi-agensi macam KKLW, Kementerian Pendidikan, banyak lagilah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya, tidak payah saya ceritakan di sini.

Dr. Syed Husin Ali juga, Senator juga meminta mengenai persoalan Sabah kaya dengan sumber alam semula jadi akan tetapi masih merupakan negara ataupun negeri yang termiskin. Baik, untuk makluman Yang Berhormat tadi untuk program yang dikatakan sekarang kita kerajaan meletakkan satu Kabinet khas. Kabinet khas untuk Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri, maaf menjadi penasihatnya, Tan Sri Bernard Dompok menjadi pengerusi.

Mereka mempunyai satu Jawatankuasa teknikal untuk memastikan bahawa program-program yang dirangka secara khususnya sampai ke Sabah Sarawak. Sabah khususnya, Sabah Sarawak. Kalau kita nampak dalam tempoh dua tahun ini berbilion ringgit telah dibelanjakan untuk membawa balik ataupun mengurangkan jurang pendapatan antara kaya miskin. Khususnya orang miskin supaya dapat kita selaraskan dengan pembangunan di sebelah Sabah dan Sarawak. Maka kalau Yang Berhormat ingin tahu mengenainya mungkin Yang Berhormat boleh jumpa saya secara peribadi. Seterusnya, tidak banyak saya ingat lagi cepat saya boleh habis Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Okey. Seterusnya kita juga ingin melihat projek khas bumiputera Sabahlah dan juga Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, bantuan kredit mikro, khidmat nasihat, keusahawanan, gerai program ekonomi yang telah banyak disediakan di Sabah. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff membangkitkan isu berkaitan dengan pelaburan Petronas di Sudan.

Tuan Yang di-Pertua, Sudan telah mengalami satu proses politik yang bercelaru. Di mana satu referendum telah diadakan untuk mendapat pandangan rakyat untuk memisahkan Southern Sudan dengan izin, dengan yang ingin mengeluarkan diri daripada yang Republic of Sudan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya katakan di sini bahawa Petronas beroperasi di Sudan dengan kerjasama negeri China. Satu syarikat dengan negeri China, satu dengan negeri India. Maka segala perjanjian yang telah dimaktubkan adalah hidup lagi.

Walaupun ada perubahan politik di dalam Sudan akan tetapi perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai itu adalah dihormati. Mereka telah menyelesaikan masalah politik mereka dengan baik dan mungkin Southern Sudan itu akan keluar sebagai negeri *entry* nya sendiri. Walau bagaimanapun segala pelaksanaan projek-projek di Sudan kita tidak terbantut. Hampir dekat RM5 bilion Tuan Yang di-Pertua pelaburan kita di sana. Kita percaya bahawa masalah mereka dapat diatasi dan pelaburan kita tidak akan tergugat.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga ingin kita mengetahui sama ada kerajaan telah membuat kajian mendalam sebelum ingin membina reaktor nuklear dan kenapa tidak dirujuk kepada masyarakat berhubung dengan cadangan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya rasa ini penting Tuan Yang di-Pertua saya kena jawab juga kerana baru-baru ini kita menghadapi masalah krisis di Fukushima.

Maka saya rasa perkara ini merupakan perkara yang berkepentingan rakyat. Perlu kita bicarakan bersama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kerajaan masih mengkaji keperluan tenaga nuklear sebagai salah satu *option* penjanaan elektrik. Kajian ini telah mengambil 19 aspek infrastruktur seperti di syorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) termasuk isu keselamatan, pengurusan, pembiayaan, rangka kerja, kawal selia, perlindungan radiasi, penglibatan pihak berkepentingan, perlindungan alam sekitar dan kitaran bahan api nuklear. Maka pertama pelan induk, *development plan, nuclear power infrastructure development plan* yang merangkumi penilaian terhadap tahap kesediaan negara dalam aspek infrastruktur telah pun dilakukan.

Kedua, penyediaan program penyebaran maklumat mengenai penggunaan kuasa nuklear kepada pihak yang berkepentingan, *stake holders* termasuk tujuan pendapatan umum yang komprehensif akan dilaksanakan. Semua ini akan dilaksanakan dulu sebelum ianya direalisasikan.

Ketiga, kajian kesediaan rangka kerja perundangan dan kawal seliaan sebagai asas pembangunan sistem kawal seliaan nuklear yang komprehensif untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan alam sekitar termasuk pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa berasaskan kepada *treaty, convention* dan perjanjian antarabangsa. Akhir sekali, kajian terperinci untuk mengenal pasti tapak yang sesuai juga akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya katakan di sini Tuan Yang di-Pertua sebagai pendapatan umum mengenai nuklear ini. Pertama ini, sekarang kita menggunakan sebanyak 16,000 megawatt. Akan tetapi tuntutan ini akan meningkat kepada 26,000 megawatt menjelang 2030. Semua negara kini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak seratus lebih negara sudah menggunakan penjanaan kuasa nuklear untuk memberi kuasa elektrik negara masing-masing.

Macam di Korea Selatan 40 peratus. Perancis 75 peratus. Maka dalam keadaan begini kita banyak bergantung kepada tenaga bahan fosil, petroleum dan juga tenaga api. Ini tidak boleh *sustainable*, tidak boleh mampan untuk jangka masa panjang. Dengan agenda kajian pembangunan yang begitu pesat sekali, tuntutan permintaan tenaga akan semakin meningkat.

Kalau kita tidak memulakan kerja-kerja ke arah pensuadayaan *self-sustainability*, pensuadayaan untuk tenaga maka kita akan menghadapi krisis. Bahan api kita ataupun petroleum kita semakin kurang. Gas semakin kurang. Maka kita terpaksa mahu tidak mahu melihat tenaga nuklear sebagai satu alternatif dan perlu kita sedia.

Maka apa yang berlaku di Jepun adalah satu malapetaka yang kita rasa simpati dengan rakyat Jepun. Akan tetapi kalau kita lihat apa yang berlaku itu sebenarnya pusat jana elektrik itu, reaktor itu memang boleh tahan sebarang ancaman gempa bumi. Namun, apa yang berlaku adalah segala bekalan sokongan itu yang terjejas akibat gempa bumi. Akan tetapi reaktor itu sendiri telah bertahan. Maka kita mengambil iktibar bahawa sekiranya berlaku apa-apa malapetaka maka sudah ada pengalaman begitu luas di Perancis, di negara-negara Eropah dan beberapa negara lain yang boleh memberi pedoman, panduan untuk kita jaga-jagalah. Itulah lebih kurang yang ingin saya perkatakan.

Akan tetapi akhir sekali kita juga ada Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram yang menanyakan tentang lima projek mega yang telah dikenal pasti daripada 131 EPP dan apakah pelaburan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin mengatakan bahawa ada 72 projek yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Semuanya mega untuk kita, tidak ada lima yang mega itu.

■2340

Segala projek ETP adalah mega projek yang boleh memberi tempas dan *reboot* kepada ekonomi negara, itu dia. Maka, itulah lebih kurang dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, ha ini kena jawab Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak jawab, dia marah sekejap lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada tidak apa. Jawablah.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Okey. 118 projek yang tertangguh di Kelantan .— Kelantan ini isu selalu keluar Tuan Yang di-Pertua, saya kena jawab juga ini. Yang Berhormat tanya mengenai sejak Rancangan Malaysia Keenam hingga kini kononnya ada masalah tanah, kenapa? Ha! Dia tanya. Saya jawablah Tuan Yang di-Pertua. Saya hormati Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz kerana orang di luar pun konsisten dalam menanyakan soalan Kelantan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus jawab Yang Berhormat, terus jawab.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya tarik nafas sedikit Tuan Yang di-Pertua, tarik nafas sedikit. Untuk makluman, pertama Yang Berhormat, saya ambil daripada Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tiga rancangan sahaja, tidak payah banyak, enam-tujuh semua tidak payahlah.

Bilangan projek yang kita buat setakat ini di situ adalah 2,156 projek. Kenapa pula 118 projek itu jadi isu? Pertama. Kedua, syiling projek RM12 bilion. RM12 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, Ke-9 dan Ke-10, yang pertamalah. So, tidak payah kita ambil yang remeh-temeh dan diperbesar-besarkan kerana banyak telah disumbangkan. Ikhlas.

Keduanya adalah, 118 projek itu ada banyak isu-isu tanah yang tidak boleh kita selesaikan. Sekarang barulah bermula konsep budaya “cangkul *ready*”. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan konsep “cangkul *ready*”. Jikalau mereka, Pejabat Daerah kah ataupun agensi kerajaan kah ataupun Pejabat Pembangunan Negeri (STDO) membawa projek-projek ke peringkat EPU, projek itu mesti boleh bermula serta-merta. Bererti isu tanah sudah selesai, isu infrastruktur asas sudah selesai, baru projek itu diperkenalkan ataupun disyorkan.

Dahulu tidak ada, mereka mansuhkan projek ini Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba bila pergi tengok tanah belum siap, macam-macam hal. Sekarang semua sudah diselesaikan. Sekarang caranya berbeza. Mungkin dahulu kita sudah buat cara yang tidak betul sedikitlah. Maka, itu sebab ada projek yang terbengkalai. Sampai sekarang ada di sana setinggaan, tidak boleh kita halau terus. Kedua, melalui kajian kita ada isu di mana ada tanah itu sudah diusahakan oleh peniaga-peniaga tertentu. Macam-macam hal. Maka, itulah lebih kurang, itu jawapan ikhlas daripada saya.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Seminit sahaja.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Mahu tanya juga?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Sedikit sahaja saya hendak betulkan Tuan Yang di-Pertua. 118 projek ini bukan yang saya timbulkan secara mudah-mudah tetapi sebenarnya ini adalah Titah Ucapan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan yang disebut dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, diminta disampaikan ke Parlimen Malaysia. Jadi, saya kemukakan soalan ini untuk dijawab oleh kementerian, bukannya saya menaikkan isu yang kecil bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya minta maaf kalau niat sudah tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab Yang Berhormat, jawab.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Maka, itulah lebih kurang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab untuk rekod.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** ...Kerana 118 projek itu, 15 sudah diuruskan. Tinggal lagi hanya 103 sahajalah. 103 itu satu persatu bila kita lihat itulah isu-isunya. Maka, adalah sebab musabab di sebaliknya, maka kalau oleh kerana Tuanku sudah tanya saya kena santun dan sopan dalam jawapannya. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam *Hansard* ada Yang Berhormat. Jawapan Yang Berhormat ada dalam *Hansard*.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat... [Disampuk]

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta laluan, saya pun daripada Kelantan juga. Boleh beri saya satu minit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silalah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sebab masalah yang 103 boleh jadi, ada macam-macam masalah.

Oleh sebab saya sendiri pun terlibat dalam pengambilan tanah dan sebagainya, di antaranya ialah pengambilan tanah. Apa yang sebenarnya, Kerajaan Persekutuan tidak pernah menganaktirikan Kelantan. Jika dia hendak buat itu mesti ada masalah yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Percayalah agenda membasmi kemiskinan dan memperkasakan rakyat adalah agenda kebangsaan dan bukan isu Kelantan. Seluruh negeri dan rakyat negara akan dipertahankan, dimartabatkan dan diangkasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa, Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 27 April 2011 esok. Sekian, terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 11.45 malam.***